



SUHAKAM
HAK ASASI UNTUK SEMUA

LAPORAN TAHUNAN

2020

SURUHANJAYA HAK ASASI
MANUSIA MALAYSIA
(SUHAKAM)

CETAKAN PERTAMA 2021

Hak cipta terpelihara Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM).

Kesemua atau mana-mana bahagian dalam buku ini boleh disalin dengan syarat perakuan sumber dibuat atau kebenaran diperolehi daripada SUHAKAM. SUHAKAM menyangkal sebarang tanggungjawab, waranti dan liabiliti sama ada secara nyata atau tidak terhadap sebarang salinan penerbitan yang dibuat tanpa kebenaran SUHAKAM.

Diterbitkan oleh

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

Tingkat 11, Menara TH Perdana
Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
E-mel : humanrights@suhakam.org.my
URL : <http://www.suhakam.org.my>

Dicetak oleh

Johan Interlink Sdn. Bhd.
32, Jalan TIB 1/19
Taman Industri Bolton
68100 Batu Caves
Selangor Darul Ehsan

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan Dalam Penerbitan

ISSN:2672 – 748X

ANGGOTA SURUHANJAYA 2020



Dari kiri: Prof. Dato' Noor Aziah Mohd. Awal (Pesuruhjaya Kanak-kanak), Datuk Godfrey Gregory Joitol, Dato' Mah Weng Kwai, Dato Dr. Madeline Berma, Tan Sri Othman Hashim (Pengerusi), Datuk Lok Yim Pheng, En. Jerold Joseph, Dato' Seri Mohd Hishamudin Md Yunus, Prof. Madya Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh, Dr. Cheah Swee Neo (Setiausaha)

KANDUNGAN

| | |
|--|------|
| PERUTUSAN PENGERUSI | vii |
| RINGKASAN EKSEKUTIF | xiii |
| BAB 1 MENERUSKAN MANDAT HAK ASASI MANUSIA | 1 |
| 1.1 Pendidikan dan Promosi | 2 |
| 1.2 Nasihat Undang-undang dan Dasar | 20 |
| 1.3 Aduan dan Pemantauan | 36 |
| 1.4 Komunikasi dan Keterlibatan Antarabangsa | 52 |
| 1.5 Hari Hak Asasi Manusia Antarabangsa | 67 |
| BAB 2 PEJABAT SABAH | 71 |
| BAB 3 PEJABAT SARAWAK | 89 |
| BAB 4 PEJABAT PESURUHJAYA KANAK-KANAK | 97 |
| BAB 5 COVID-19 DAN HAK ASASI MANUSIA | 125 |
| BAB 6 BIDANG TEMATIK | 163 |
| 6.1 Orang Asli/Asal | 164 |
| 6.2 Pemerdagangan Orang | 178 |
| 6.3 Pelarian dan Pencari Suaka | 181 |
| 6.4 Perniagaan dan Hak Asasi Manusia | 185 |
| 6.5 Islam dan Hak Asasi Manusia | 194 |
| 6.6 Perkauman, Diskriminasi Kaum dan Xenofobia | 203 |
| BAB 7 PENTADBIRAN DAN KEWANGAN | 207 |

LAMPIRAN

| | | |
|--------------------------|--|-----|
| LAMPIRAN I | KENYATAAN MEDIA | 220 |
| LAMPIRAN II | SENARAI AKTIVITI | 223 |
| LAMPIRAN III | SENARAI CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN – PERINGKAT KEBANGSAAN | 243 |
| LAMPIRAN IV | SENARAI CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN – PERINGKAT ANTARABANGSA | 271 |
| LAMPIRAN V | MESYUARAT BULANAN – KEHADIRAN PESURUHJAYA SUHAKAM | 280 |
| LAMPIRAN VI | SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN SUHAKAM | 285 |
| LAMPIRAN VII | GAMBAR PEGAWAI DAN KAKITANGAN | 313 |
| SENARAI SINGKATAN | | 325 |





**PERUTUSAN
PENGERUSI**

PERUTUSAN PENGERUSI

Tahun 2020 merupakan tahun yang mencabar buat Malaysia susulan pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia kerana ia bukan sahaja menjadi tajuk utama perbincangan dalam kalangan rakyat Malaysia bahkan memberi kesan kepada ekonomi dan sosial secara keseluruhan. Sebelum pandemik berlaku lagi, pelbagai isu hak asasi manusia di Malaysia masih belum dapat ditangani sepenuhnya, antaranya melibatkan isu kemiskinan, akses kepada keperluan asas bagi masyarakat rentan, beberapa undang-undang yang menyekat hak asasi manusia secara tidak seimbang seperti kebebasan bersuara dan media, serta pembaharuan lain berkaitan hak asasi manusia yang disyorkan oleh SUHAKAM saban tahun. Ironinya pandemik ini sebenarnya memburukkan lagi keadaan sedia ada.

Pandemik COVID-19 bukan sahaja meragut nyawa malah memberi kesan negatif kepada kehidupan seharian rakyat seperti penutupan perniagaan, kehilangan pekerjaan dan akses kepada keperluan asas sebagai contoh penjagaan kesihatan dan pendidikan. Keadaan ini juga memburukkan lagi keadaan ketidaksaksamaan sedia ada dan masalah yang dihadapi golongan seperti orang asli/asal, penduduk miskin bandar, masyarakat luar bandar, orang tanpa kewarganegaraan, pelarian dan pencari suaka, pekerja migran dan tanpa dokumen. Pada masa yang sama, perubahan Kerajaan Persekutuan pada bulan Februari 2020 dan ketidaktentuan politik mengeruhkan lagi keadaan dalam negara.

Bagi membendung pandemik, kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah drastik termasuklah penutupan sempadan dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pemeriksaan kesihatan pula diwajibkan di setiap pintu masuk negara dan tempat awam. Selain itu kerajaan turut menawarkan ujian saringan COVID-19 dan rawatan percuma kepada orang tanpa kewarganegaraan. Belanjawan tambahan turut diperuntukkan bagi meningkatkan keberkesanan mengatasi pandemik seperti perolehan peralatan dan perkhidmatan perubatan bagi memenuhi permintaan penjagaan kesihatan yang meningkat.

Seawal pelaksanaan PKP, SUHAKAM tidak dapat beroperasi seperti biasa kerana tidak dianggap sebagai “perkhidmatan penting” di bawah Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-

Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020. SUHAKAM ambil maklum langkah-langkah yang diambil kerajaan bagi melindungi kesihatan awam sungguhpun begitu, hak asasi manusia tidak seharusnya diketepikan dalam usaha menangani pandemik.

Akibat daripada pandemik dan langkah-langkah pemulihan yang diambil oleh kerajaan, kebanyakan aktiviti yang dirancang SUHAKAM terpaksa ditangguh atau dibatalkan. Namun begitu, SUHAKAM tetap teguh dalam melaksanakan mandat dan fungsinya dengan menyelaraskan aktiviti dengan normal baharu menggunakan kaedah dan pendekatan alternatif.

Sehubungan itu, penggunaan teknologi diadaptasi untuk memastikan kelangsungan aktiviti termasuklah mengadakan beberapa sesi rundingan dalam talian bersama pihak pemegang taruh dan penganjuran webinar. Semua aktiviti tersebut berlangsung sepanjang tahun sejak pelaksanaan PKP pada bulan Mac merangkumi isu berkaitan orang asli/asal, pelarian dan pencari suaka, penduduk miskin bandar, pekerja migran dan pekerja tanpa dokumen, orang tanpa kewarganegaraan, wanita dan kanak-kanak.

Berdasarkan siri rundingan yang dijalankan didapati pandemik COVID-19 memberi kesan kelangsungan hidup yang sangat ketara kepada golongan rentan seperti wanita dan kanak-kanak, orang asli/asal, pekerja migran dan pekerja tanpa dokumen, pelarian, pencari suaka dan orang tanpa kewarganegaraan. Penting untuk difahami bahawa pandemik ini tidak mendiskriminasi malah memberi kesan kepada semua orang tanpa mengira kewarganegaraan. Susulan sesi rundingan yang dijalankan, SUHAKAM telah mengemukakan beberapa syor penting mengenai cabaran yang dihadapi golongan rentan seterusnya memanjangkannya untuk pertimbangan kerajaan. Secara amnya, kerajaan telah pun ambil maklum dan akan meneliti syor tersebut.

“Berdasarkan siri rundingan yang dijalankan didapati pandemik COVID-19 memberi kesan kelangsungan hidup yang sangat ketara kepada golongan rentan seperti wanita dan kanak-kanak, orang asli/asal, pekerja migran dan pekerja tanpa dokumen, pelarian, pencari suaka dan orang tanpa kewarganegaraan.”

Walaupun dengan pelaksanaan PKP, SUHAKAM tetap melaksanakan mandatnya seperti melakukan lawatan pemantauan ke tempat tahanan mengikut keadaan semasa dan mengetengahkan isu hak asasi manusia melalui sidang media dalam talian, menjalankan temu bual media dan mengeluarkan kenyataan media. Dalam tempoh ini juga dua sidang media dalam talian telah dijalankan iaitu Pengumuman Laporan Tahunan SUHAKAM 2019 dan Penemuan Hasil Siasatan Mengenai Impak COVID-19 terhadap Keadaan Tempat Tahanan di Malaysia. Inkuiri Awam terhadap Kehilangan Joshua Hilmy dan Ruth Sitepu juga diteruskan.

SUHAKAM turut menggunakan pendekatan melalui pengiklanan dalam pengangkutan awam dengan penggunaan gambar atau maklumat mengenai hak asasi manusia serta hebahan khidmat masyarakat di stesen televisyen dan saluran radio tempatan. Sebaik sahaja pelancaran iklan dalam pengangkutan awam didapati peningkatan bilangan pengikut dan jumlah tanda suka di laman media sosial SUHAKAM.

SUHAKAM meneruskan penyertaan di peringkat antarabangsa dan serantau secara dalam talian melibatkan Forum Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan Asia Tenggara (SEANF), Forum Asia Pasifik Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (APF) dan Pakatan Global Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (GANHRI). Walaupun perbincangan ketika mesyuarat tahunan masih berkisar mengenai isu hak asasi manusia seperti status tanpa kewarganegaraan, penyeksaan, perniagaan dan hak asasi manusia, fokus utama tetap berkait dengan pandemik COVID-19 dan impaknya, khususnya kepada negara, rakyat dan Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan

.... fokus utama tetap berkait dengan pandemik COVID-19 dan impaknya, khususnya kepada negara, rakyat dan Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan. SUHAKAM turut menjangkakan kecemasan kesihatan awam dan hak asasi manusia kekal menjadi fokus utama pada tahun hadapan mengambilkira situasi di negara seluruh dunia yang masih menghadapi cabaran untuk pulih kesan pandemik COVID-19.

(NHRI). SUHAKAM turut menjangkakan kecemasan kesihatan awam dan hak asasi manusia kekal menjadi fokus utama pada tahun hadapan mengambilkira situasi di negara seluruh dunia yang masih menghadapi cabaran untuk pulih kesan pandemik COVID-19.

Pada 10 Disember, Kementerian Luar Negeri, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri, SUHAKAM dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Malaysia bekerjasama menganjurkan forum bertemakan **“Pulih dengan Lebih Baik – Berjuang untuk Hak Asasi Manusia”** (*Recover Better – Stand Up for Human Rights*). Tema forum ini amat bertepatan dengan situasi semasa yang dihadapi Malaysia. Topik perbincangan adalah mengenai pandemik COVID-19 dan cabaran yang dihadapi pelbagai golongan masyarakat, amalan terbaik daripada segi pemulihan dan membina semula kehidupan yang terjejas. Ketika forum berlangsung, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Luar Negeri turut mengumumkan Malaysia sedang dalam proses membida tempat dalam Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNHRC) bagi penggal 2022 - 2024. Berdasarkan pengumuman ini, SUHAKAM berharap kerajaan akan mengambil tindakan yang lebih jitu untuk menangani isu hak asasi manusia dalam negara yang dibangkitkan dalam Laporan Tahunan SUHAKAM.

Mengimbas kembali perjalanan sepanjang tahun 2020, sememangnya ia amat mencabar. Namun begitu, usaha memerangi pandemik COVID-19 masih belum berakhir. Disiplin dan kerjasama penuh semua pihak diperlukan supaya penularan pandemik dapat dihentikan.

Pandemik COVID-19 ini menjejaskan sosio-ekonomi, sosial dan budaya golongan rentan. Golongan ini kehilangan sumber pendapatan dan pekerjaan serta menghadapi cabaran dalam menikmati keperluan asas seperti penjagaan kesihatan dan pendidikan. Justeru, SUHAKAM menyambut baik inisiatif kerajaan berkaitan dengan pakej rangsangan ekonomi dan Bajet 2021 bertujuan untuk menangani kesan COVID-19 yang dihadapi rakyat.

Ketika situasi pandemik yang meruncing ketika ini, provokasi perkauman dan xenofobia tercetis di seluruh dunia terutamanya terhadap pelarian dan migran. Di Malaysia, SUHAKAM berpandangan terdapat peningkatan dalam ucapan berunsur perkauman dan xenofobia yang dilakukan rakyat Malaysia terhadap pelarian dan pekerja migran. Penting untuk kita sedari bahawa golongan pelarian dan migran adalah manusia yang sama tarafnya tidak kira apa jua status dan mempunyai hak untuk dihormati.

Pada bulan November, Pelan Strategik SUHAKAM 2021-2025 telah dibangunkan dan diterima pakai. Pelan Strategik tersebut menetapkan matlamat yang perlu dicapai SUHAKAM dalam tempoh lima tahun akan datang. Ia termasuklah pengukuhan kapasiti organisasi serta peranannya sebagai sebuah NHRI dalam memajukan hak ekonomi, sosial dan budaya golongan rentan di Malaysia, memerangi diskriminasi perkauman dan xenofobia serta merealisasikan hak kanak-kanak.

Besar harapan SUHAKAM agar Pelan Strategik ini akan menjadi panduan dalam memenuhi mandat dan fungsinya, termasuk perihal berkaitan sokongan, promosi dan pendidikan, penyiasatan dan sumbangan ke arah kemajuan hak asasi manusia di Malaysia. **Bersama, kita mampu berhadapan dengan pandemik dan memacu Malaysia ke arah pemulihan serta merealisasikan hak asasi manusia untuk semua.**

Tan Sri Othman Hashim

The background is a light blue gradient with darker blue splatters and spots. Several overlapping circles in various shades of blue are scattered across the bottom half of the page. The central circle is the largest and contains the text.

RUMUSAN EKSEKUTIF

RUMUSAN EKSEKUTIF

SUHAKAM sememangnya tidak bersedia dengan pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan pada bulan Mac. Walaupun demikian, SUHAKAM bertindak pantas menyusun semula strategi dan mengkaji semula pendekatan dan gerak kerja tahunan untuk memastikan SUHAKAM dapat menjalankan operasinya.

Berdasarkan **mandat pendidikan**, SUHAKAM sedang merangka modul latihan untuk Jabatan Penjara Malaysia, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Institut Pendidikan Guru bertujuan menginstitusi dan menambah baik latihan hak asasi manusia di pelbagai agensi kerajaan. SUHAKAM juga telah menganjurkan dua sesi latihan dalam talian kepada mahasiswa Universiti Utara Malaysia dan Universiti Sains Islam Malaysia. Topik latihan masing-masing adalah mengenai isu pelarian dan Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Menentang Penyeksaan dan Hukuman Lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah (UNCAT).

SUHAKAM terus meningkatkan kesedaran masyarakat tentang UNCAT dengan membangunkan aplikasi pendidikan animasi pada masa yang sama menerbitkan buku kecil UNCAT dalam versi dwibahasa (Bahasa Melayu - Inggeris) menggunakan dana daripada Kesatuan Eropah (EU). Tahun ini sebanyak dua sesi SUHAKAM Bersama Masyarakat (SBM) berjaya dilaksanakan iaitu sesi pertama melalui Siaran Langsung Facebook (*Facebook Live*) pada 22 Julai dan kedua pada 15 September secara bersemuka bersama pekerja ladang di Batang Padang, Perak. Secara keseluruhannya, dana dari Kesatuan Eropah adalah untuk tujuan menjalankan program dan aktiviti promosi dan pendidikan hak asasi manusia.

SUHAKAM terus mengkaji aspek perundangan yang memberi kesan kepada hak asasi manusia di Malaysia. Ini termasuklah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012, Peraturan Lokap 1953, Undang-undang Anti-Lompat Parti daripada perspektif hak asasi manusia, Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dan pindaan kepada Akta SUHAKAM 1999 [Akta 597].

Selain itu SUHAKAM turut bekerjasama dengan tujuh orang perunding penyelidikan di bawah projek 'Mempromosi Penyertaan Baki Terti Hak Asasi Manusia Antarabangsa di Malaysia' untuk menganalisis keserasian baki

triti yang belum ditandatangani dan Deklarasi PBB Mengenai Hak Orang Asli/Asal (UNDRIP) dengan undang-undang tempatan. Penyelidikan yang dilakukan adalah dalam bentuk primer dan sekunder. Selain sorotan kajian, perunding penyelidik juga menjalankan undian dan tinjauan awam bagi mendapatkan perspektif masyarakat mengenai setiap triti.

Pada 11 Jun, SUHAKAM telah menganjurkan dialog mengenai 'Hak Asasi Manusia dan Tanpa Kewarganegaraan di Malaysia' secara dalam talian. Program ini bertujuan untuk membincangkan, memahami dan mencari jalan penyelesaian kepada masalah yang dihadapi **individu tanpa kewarganegaraan** di Malaysia daripada segi hak ekonomi, sosial, dan kebudayaan. Oleh itu, SUHAKAM mengulangi seruan supaya kerajaan menyertai Konvensyen Mengenai Status Orang Tanpa Kewarganegaraan 1954, Konvensyen Mengenai Pengurangan Tanpa Kewarganegaraan 1961 dan Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951. SUHAKAM juga menganjurkan dialog dalam talian mengenai 'Hak Asasi Manusia dan Kemiskinan' pada 22 September untuk membincangkan dengan lebih lanjut isu yang diketengahkan oleh Pelapor Khas PBB bagi Kemiskinan Tegar dan Hak Asasi Manusia, Prof. Philip Alston, dikeluarkan pada tahun 2020 dan kesan COVID -19 terhadap pelbagai kumpulan rentan.

Sepanjang tahun 2020, SUHAKAM menerima sejumlah 756 **aduan** iaitu 375 aduan diterima di Ibu Pejabat SUHAKAM Kuala Lumpur, 311 dan 70 aduan masing-masing melalui Pejabat Sabah dan Sarawak. Semasa tempoh PKP dan PKP Bersyarat (PKPB), pengadu digalakkan untuk mengemukakan aduan melalui telefon, e-mel dan sistem aduan secara dalam talian bagi menghadkan perjumpaan secara bersemuka.

Hanya 142 kes daripada 517 kes keseluruhan dapat diselesaikan dan bakinya masih lagi dalam siasatan. Jumlah aduan tertinggi yang diterima adalah berkaitan dengan kewarganegaraan, tangkapan, tahanan dan buang negeri, kebebasan dan keselamatan diri, tindakan penyeksaan/layanan atau hukuman zalim dan kematian dalam tahanan.

SUHAKAM turut mengadakan lawatan ke sembilan buah pusat tahanan seluruh negara. SUHAKAM mendapati kebanyakan pusat tahanan tersebut kekurangan kemudahan dan infrastruktur asas, malah terdapat pusat tahanan yang sesak. Ketika **lawatan berkala** ini, SUHAKAM turut menekankan agar PDRM menambah baik atau meminda prosedur operasi standard mengenai penahanan individu dalam lokap polis.

SUHAKAM juga menjalankan siasatan terhadap 12 kes **kematian dalam tahanan**. Enam kes berlaku di penjara, empat di lokap polis dan dua di depot imigresen. SUHAKAM mengulangi pendirian sebelum ini mengenai keperluan untuk menempatkan pegawai perubatan di pusat tahanan serta menambahbaik pengurusan dan pengemaskinian rekod perubatan tahanan.

Pada 22 Oktober, SUHAKAM menganjurkan Perbincangan Meja Bulat Menangani **Penyakit Kudis Buta di Pusat Tahanan** secara dalam talian. Berdasarkan hasil perbincangan, SUHAKAM mencadangkan penubuhan jawatankuasa khas bagi melaksanakan syor yang dikemukakan.

Inkuiri Awam mengenai kehilangan Joshua Hilmy dan Ruth Sitepu telah bermula seawal bulan Februari. Sehingga Oktober, seramai 19 orang saksi telah memberi keterangan di hadapan panel. Susulan pandemik COVID-19, perbicaraan inkuiri awam telah ditangguhkan beberapa kali dan akan bersambung pada awal tahun 2021.

SUHAKAM dijadualkan untuk menjalani **proses akreditasi** untuk kali keempat pada Oktober 2020. Sungguhpun begitu proses ini ditangguhkan ke bulan Jun 2021 disebabkan COVID-19. Justeru SUHAKAM telah menjemput pihak pemegang taruh bagi membincangkan dan berkongsi idea mengenai proses akreditasi ini pada 4 Ogos. Ketika sesi perbincangan ini, peserta menyatakan bahawa mereka ambil maklum berkenaan usaha SUHAKAM mempromosi dan melindungi hak asasi manusia tetapi menekankan keperluan mendesak supaya Akta SUHAKAM disemak semula bagi memperkasa mandat dan fungsi SUHAKAM.

SUHAKAM ambil maklum mengenai persetujuan Kementerian Luar Negeri menggunakan Pangkalan Data Pengesanan Syor Nasional (NRTD) bagi memudahkan pemantauan dan penyelarasan pelaksanaan cadangan UPR oleh agensi berkaitan. SUHAKAM berharap NRTD dipercepatkan.

Bersempena dengan Mesyuarat Tahunan SEANF, SUHAKAM bersama Komisi Nasional Hak Asasi Manusia Indonesia (Komnas HAM) dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Filipina (CHRP) telah menjadi tuan rumah Dialog dalam Talian mengenai **Individu Tanpa Kewarganegaraan** pada 25 November. Undang-undang berkaitan kewarganegaraan dan imigresen adalah antara halangan politik yang menyebabkan masalah tanpa kewarganegaraan di Sabah berlarutan. SUHAKAM, Komnas HAM dan CHRP akan terus bekerjasama rapat dengan pihak pemegang taruh yang relevan dalam isu ini.

SUHAKAM turut mengeluarkan 47 **kenyataan media** sepanjang tahun. Kenyataan ini merangkumi isu hak asasi manusia yang berkaitan dengan kesan COVID-19 terhadap kumpulan rentan, perkauman dan kenyataan xenofobia yang ditujukan kepada pekerja migran dan pelarian semasa pandemik COVID-19 serta hak kanak-kanak. SUHAKAM juga memberi perhatian kepada komen yang bersifat perkauman dan menyinggung perasaan oleh ahli parlimen, pendirian SUHAKAM mengenai Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) dan pindaan Kanun Keseksan berkenaan percubaan membunuh diri agar tidak dianggap sebagai satu jenayah.

Sehingga 31 Disember 2020, SUHAKAM memperoleh 14,540 tanda suka di Facebook, 17,814 pengikut di Twitter dan 951 pengikut di Instagram berbanding tahun sebelumnya iaitu 13,360 tanda suka di Facebook, 15,900 pengikut di Twitter dan 685 pengikut di Instagram pada tahun 2019.

Laporan Tahunan SUHAKAM 2019 dibentangkan di Parlimen pada 4 November. Namun, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), YB Dato' Seri Takiyuddin Hassan mengumumkan pada 1 Disember bahawa laporan tersebut tidak akan dibahaskan di Parlimen bagi memberi keutamaan kepada perkara lain yang lebih penting. SUHAKAM berharap laporan tahunannya akan dibahaskan di Parlimen pada masa akan datang.

Pejabat SUHAKAM Sabah telah mengadakan program SBM pada 5 Februari di Daerah Pitas. Objektif utama program ini adalah untuk menyebarkan dan memupuk kesedaran berkenaan peranan dan fungsi SUHAKAM serta menyediakan ruang untuk orang awam membuat aduan berkenaan pelanggaran hak asasi manusia.

Pejabat Sabah menerima 192 kes hak asasi manusia yang mana majoriti kes adalah berkaitan dengan hak kepada kewarganegaraan (116 aduan) dan hak tanah adat anak negeri (NCR) dengan 37 aduan. Rekod menunjukkan peningkatan jumlah aduan mengenai orang yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri disebabkan isu berkaitan pendaftaran kelahiran dan kad pengenalan dalam kalangan orang asal dan kanak-kanak migran.

Dewan Undangan Negeri Sabah telah dibubarkan pada 30 Julai dengan itu **pilihan raya negeri** telah diadakan pada 26 September untuk memilih 73 anggota Dewan Undangan Negeri Sabah ke-16. SUHAKAM menerima undangan untuk memantau proses pilihan raya, justeru satu pasukan terdiri daripada pesuruhjaya, kakitangan dan sukarelawan SUHAKAM terlibat

dalam pemantauan di 23 buah kawasan pilihan raya. Pemantauan tersebut bermula dari 21 - 26 September meliputi aktiviti berkempen sehinggalah proses pengundian.

Pejabat SUHAKAM Sarawak telah menerima 46 aduan hak asasi manusia, hanya tiga aduan berjaya diselesaikan dan 43 kes masih menunggu tindakan daripada pihak agensi kerajaan yang terlibat. Kebanyakan aduan adalah berkaitan dengan masalah kewarganegaraan merangkumi kerakyatan, kewarganegaraan kanak-kanak, kelewatan mendaftar sijil kelahiran atau kad pengenalan bagi penduduk di kawasan luar bandar, termasuk kanak-kanak yang ibunya berstatus migran.

Terdapat lapan aduan mengenai pertukaran daripada agama Islam ke Kristian. Lima kes melibatkan mualaf di Sarawak yang ingin kembali kepada kepercayaan asal selepas berlaku penceraian dengan pasangan muslimnya. Manakala tiga lagi aduan yang lain adalah berkaitan dengan isu pentadbiran iaitu agama pengadu didaftarkan sebagai Islam dalam kad pengenalan (MyKad) dengan hanya berpandukan kepada perkataan 'bin' dan 'binti' pada nama.

Pejabat Sarawak dan Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak telah bertemu dengan YB Dato' Seri Fatimah Abdullah, Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak (Sarawak) bagi membincangkan dua isu kanak-kanak di Sarawak iaitu tanpa kewarganegaraan dan hak pendidikan.

Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak (OCC) mula berfungsi pada Mei 2020 dengan tiga orang pegawai sepenuh masa dan seorang kerani. Pada bulan Julai, OCC telah mengadakan tiga Sesi Rundingan dalam talian mengenai Tanpa Kewarganegaraan masing-masing di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Isu keluasan Negeri Sabah dan Sarawak dibangkitkan ketika sesi rundingan kerana ia menyebabkan kesukaran masyarakat luar bandar untuk hadir ke lokasi pejabat pendaftaran yang terletak di kawasan bandar. Syor bagi isu ini dinyatakan dalam Bab 4.

Pada bulan Jun dan September, OCC menganjurkan beberapa siri dialog dengan pemegang taruh dan agensi kerajaan serta program kesedaran bersama penduduk kampung dan bertemu dengan agensi berkaitan bagi memastikan akses kepada pendidikan. OCC juga mengeluarkan kenyataan media untuk memastikan Kementerian Pendidikan Malaysia tidak mengabaikan hak pendidikan kepada kanak-kanak terutama di daerah

yang kurang membangun serta yang tinggal di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak.

Berikutan isu perkahwinan kanak-kanak dalam kalangan orang Islam dan bukan Islam di Malaysia, OCC telah menasihati kerajaan untuk campur tangan dengan meminda undang-undang berkaitan. OCC berpendapat Malaysia sudah bersedia untuk menarik balik semula semua reservasi terhadap Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC). Ini disebabkan oleh Perlembagaan Persekutuan mempunyai perlindungan yang mencukupi untuk mengatasi konflik peruntukan dalam CRC. Oleh itu, penarikan reservasi tidak akan mengakibatkan tanggapan buruk terhadap negara malah meletakkan Malaysia pada kedudukan yang lebih baik sebagai negara pihak kepada CRC.

Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) memperuntukkan kerangka undang-undang sebagai tindak balas kerajaan terhadap kanak-kanak yang memerlukan penjagaan dan perlindungan serta kanak-kanak yang mempunyai konflik perundangan. OCC menganjurkan supaya Akta Kanak-Kanak dipinda bagi mencapai objektifnya pada masa yang sama mencari alternatif terhadap penahanan kanak-kanak. Ini termasuklah menyokong projek perintis yang dapat melindungi kanak-kanak sebagai salah satu usaha jangka masa panjang. OCC komited untuk menasihati kerajaan berkenaan pelaksanaan Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Perkahwinan Bawah Umur menjelang 2030 dan juga untuk pindaan Akta Pendidikan 1996 dengan memastikan pendaftaran wajib untuk sekolah tahfiz.

OCC menubuhkan Majlis Perundingan Kanak-kanak Malaysia yang terdiri daripada 20 orang ahli berumur antara 10 - 17 tahun daripada pelbagai latar belakang. Tahun ini sebanyak 51 aduan berkaitan dengan hak kanak-kanak diterima. OCC turut melawat enam pusat tahanan dan empat buah rumah perlindungan kanak-kanak, serta menjalankan arahan memerhati bagi tiga kes yang melibatkan kanak-kanak. Sebanyak tujuh kenyataan media dikeluarkan berkaitan isu dan cabaran yang dihadapi kanak-kanak semasa PKP, hak kanak-kanak untuk mendapat pendidikan semasa tempoh pandemik COVID-19, kematian seorang kanak-kanak perempuan berusia empat tahun dalam kereta dan Sambutan Hari Kanak-kanak Antarabangsa.

Susulan pandemik **COVID-19**, kerajaan menguatkuasakan PKP pada 18 Mac di seluruh negara di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dan Akta Polis 1967 (Akta 344). Keadaan ini menjejaskan ekonomi dan kehidupan sosial masyarakat.

Kesannya rakyat kehilangan pekerjaan dan mata pencarian apabila ekonomi negara terjejas seterusnya menimbulkan kebimbangan kepada isi rumah yang tergolong dalam kumpulan B40 dan di bawah paras pendapatan garis kemiskinan. Akses kepada internet juga adalah tidak menyeluruh terutama bagi golongan miskin dan yang tinggal di kawasan pedalaman, hal ini menghalang akses kanak-kanak kepada pendidikan di pelbagai peringkat dalam tempoh PKP.

Setiap golongan masyarakat berhadapan dengan kesan pandemik COVID-19 yang berbeza. Ia bergantung kepada faktor antaranya tempat tinggal, kestabilan kewangan dan akses kepada perlindungan khusus yang mana mampu mempengaruhi tahap risiko jangkitan pekerja barisan hadapan, golongan miskin, gelandangan, pelarian, migran dan banduan. Pandemik ini juga mendorong berlakunya isu perkauman dan xenofobia di Malaysia dan ia juga berlaku di seluruh dunia. Ucapan berunsur kebencian dan sikap menyalahkan pihak lain menyebabkan stigma dan tekanan kepada beberapa kelompok masyarakat. Amat membimbangkan, ketika tempoh PKP juga terdapat peningkatan kes keganasan rumah tangga dan penderaan kanak-kanak.

SUHAKAM memulakan inisiatif dengan **Delegasi Kesatuan Eropah (EU)** dan mencapai kesepakatan untuk melaksanakan projek selama 19 bulan bertajuk 'Bertindak Balas terhadap COVID-19 dengan Memenuhi Keperluan Masyarakat Rentan di Malaysia'. Secara umumnya projek ini bertujuan membolehkan perkongsian maklumat, meningkatkan kapasiti organisasi masyarakat sivil dan menyelaraskan bantuan sebagai maklum balas secara langsung bagi meringankan isu hak asasi manusia ketika ini. Projek ini juga merangkumi pembangunan kapasiti/peningkatan kemahiran memfokuskan kepada latihan vokasional seperti keusahawanan pertanian bagi individu yang kehilangan sumber pendapatan semasa pandemik.

SUHAKAM juga menyediakan tiga kertas dasar berkaitan hak asasi manusia yang perlu diberi perhatian serta tindak balas kerajaan Malaysia berhadapan pandemik COVID-19. Kertas dasar tersebut melibatkan hak sivil dan politik, kebebasan bersuara dan maklumat serta hak wanita di Malaysia.

SUHAKAM turut memberikan input kepada proses merangka Rang Undang-Undang Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020. Syor tersebut merangkumi maklumat yang diperolehi melalui rundingan dengan pemegang taruh pada bulan April dan semakan SUHAKAM mengenai pelbagai undang-undang berkaitan perlindungan hak asasi manusia semasa COVID-19 dan PKP.

Orang Asli/Asal (OA) terus terkesan akibat pembangunan arus perdana dan dinafikan hak terhadap tanah dan sumber asas. SUHAKAM menerima 17 aduan daripada masyarakat orang asli/asal, iaitu sembilan aduan di Semenanjung Malaysia, tujuh aduan di Sabah dan satu aduan di Sarawak. Kebanyakan aduan di Semenanjung Malaysia pula berkaitan dengan infrastruktur, keperluan asas dan pembinaan empangan. Bagi menangani isu ini SUHAKAM terus berhubung dengan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

Pada 15 Januari, SUHAKAM bertemu Ketua Pengarah JAKOA untuk membincangkan perkembangan dan kemajuan masyarakat OA, Inkuiri Nasional mengenai Hak Tanah Orang Asli/Asal dan isu berkaitan Jabatan Perhutanan dan Jabatan Hidupan Liar serta Taman Negara di Semenanjung Malaysia. SUHAKAM turut membincangkan perihal OA di Kuala Koh, Kelantan dan aduan lain. Hasilnya, Ketua Pengarah mencadangkan penubuhan satu jawatankuasa bersama yang terdiri daripada SUHAKAM dan JAKOA untuk menambahbaik proses pengurusan aduan.

SUHAKAM mengalu-alukan pelawaan BHEUU ke Mesyuarat Penyelarasan Status Terkini Pelaksanaan Enam Rumusan Tindakan dan Hala Tuju Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Hak Tanah Orang Asli/Asal (JKKHTOA) untuk membincangkan dan memberikan perkembangan terkini enam cadangan yang dibuat Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Hak Tanah Orang Asli/Asal.

Di Sabah dan Sarawak, kebanyakan aduan yang diterima daripada masyarakat orang asal di Sarawak adalah berkaitan kewarganegaraan, terutamanya mengenai kewarganegaraan kanak-kanak dan kelewatan mendaftar sijil kelahiran atau kad pengenalan.

SUHAKAM terus mengambil bahagian dalam Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) dan melawat tempat perlindungan **mangsa pemerdagangan orang**. Malaysia berada dalam Senarai Pemerhatian Tahap 2 oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat untuk dua tahun berturut-turut. Tahun ini, sembilan aduan diterima melibatkan isu pekerjaan, penglibatan agensi pengambilan pekerja yang terlibat dengan pemerdagangan manusia, tidak membayar gaji pembantu rumah, dipaksa bekerja 18 jam setiap hari, majikan menahan pasport pekerja dan dihalang daripada menjalani pemeriksaan perubatan termasuk ujian COVID-19. SUHAKAM juga maklum akan dakwaan badan bukan kerajaan

antarabangsa mengenai buruh paksa dan pemerdagangan manusia yang melibatkan FGV Holdings Berhad dan Sime Darby Plantation Berhad. Siasatan mengenai isu ini akan dijalankan pada tahun 2021.

SUHAKAM turut memberikan input untuk Pelan Tindakan Nasional Antipemerdagangan Orang (NAPTIP) 2021-2025. Penekanan betapa pentingnya pendekatan hak asasi manusia dan kewajipan negara untuk memerangi pemerdagangan orang di Malaysia turut disuarakan, serta berusaha untuk mencegah pemerdagangan orang dan menangani punca dan risiko. Malaysia perlu memastikan mangsa pemerdagangan orang diberi perlindungan, penjagaan dan sokongan yang mencukupi serta berusaha memperkasakan proses kehakiman dan pendakwaan. Agensi penguatkuasaan undang-undang perlu diperkasa serta mampu melaksanakan tugas dengan berkesan serta melaksanakan langkah-langkah untuk menangani eksploitasi buruh dan pemerdagangan kanak-kanak.

Sehingga Oktober 2020, terdapat 178,450 orang **pelarian dan pencari suaka** berdaftar dengan UNHCR di Malaysia. Dua isu utama yang menjadi perhatian SUHAKAM adalah mengenai ketibaan 'orang bot' di Malaysia dan reaksi membimbangkan rakyat Malaysia terhadap pelarian dan pencari suaka terutama semasa PKP dari bulan Mac hingga Jun. SUHAKAM menyiasat 752 pelarian yang terdiri daripada wanita dan kanak-kanak yang mendarat di perairan Kedah/Perlis dalam empat kejadian yang berbeza. SUHAKAM mendapati, Kem Wawasan Negara di Langkawi, Kedah tidak mempunyai kemudahan yang sepatutnya kerana ia merupakan sebuah tempat penempatan bersifat sementara. Kem ini juga tidak kondusif bukan sahaja untuk pelarian malah kepada kakitangan yang bertugas.

Kerajaan Malaysia mengumumkan komitmennya untuk membangunkan Pelan Tindakan Kebangsaan mengenai **Perniagaan dan Hak Asasi Manusia** (NAPBHR) pada bulan Jun 2019 diikuti komitmen Kabinet pada bulan Disember 2019. SUHAKAM bekerjasama erat dengan BHEUU dalam menerajui pembangunan NAPBHR pertama di negara ini. Justeru BHEUU, SUHAKAM dan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) menganjurkan rundingan bertema 'Ke Arah Pelan Tindakan Kebangsaan mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia Malaysia' pada 7, 8 dan 14 Disember bertujuan menjustifikasi usul bidang tematik melibatkan tenaga kerja, alam sekitar dan tadbir urus yang baik.

Pada 14 September, SUHAKAM menganjurkan 'Rundingan bersama Pemegang Taruh mengenai Isu Buruh Paksa dalam Industri Bekalan

Perubahan' berikutan dakwaan amalan buruh paksa oleh pengeluar sarung tangan getah Malaysia. Pemain industri berkongsi kebimbangan mengenai isu pekerja migran yang tamat kontrak dan tidak dapat kembali ke negara asal kerana penutupan sempadan negara. SUHAKAM menyeru kerajaan untuk mengambil langkah-langkah yang sepatutnya untuk membasmi buruh paksa, melindungi hak pekerja seterusnya mempromosi persekitaran kerja yang aman dan kondusif untuk semua pekerja termasuklah pekerja migran.

Pada 8 Oktober, SUHAKAM bekerjasama dengan Pertubuhan Buruh Antarabangsa dengan mengadakan webinar Mencegah Buruh Paksa di Malaysia melalui Amalan Perniagaan yang Bertanggungjawab khusus menyasarkan perniagaan daripada pelbagai sektor. Majikan turut didedahkan mengenai langkah-langkah praktikal dan penyelesaian bagi mengurangkan risiko buruh paksa ketika proses pengambilan pekerja.

SUHAKAM meneruskan promosi dalam kalangan masyarakat Islam mengenai keserasian antara **prinsip hak asasi manusia** yang termaktub dalam UDHR dengan **ajaran Islam**. Keserasian tersebut meliputi pengetahuan hak asasi manusia dalam Islam iaitu al-Quran dan as-Sunnah, Piagam Madinah dan Perisytiharan Kaherah mengenai Hak Asasi Manusia. SUHAKAM juga terlibat dengan pemegang taruh utama termasuk Majlis Raja-Raja, Jabatan Agama Islam dan Suruhanjaya Tetap Bebas Hak Asasi Manusia (IPHRC) mengenai perkara yang merangkumi hak masyarakat Islam. Hak ini meliputi aspek pendidikan, ibadah, pembangunan, maruah dan keadilan.

SUHAKAM diberi kesempatan untuk mengemukakan kertas cadangan kepada Majlis Raja-Raja berkenaan tiga isu iaitu pendaftaran sekolah tahfiz, perkahwinan kanak-kanak dan masjid mesra orang kurang upaya (OKU) di Malaysia. Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-256 pada 20 Februari telah membincangkan isu yang dikemukakan oleh SUHAKAM.

SUHAKAM secara aktif menyokong **penghapusan perkauman, diskriminasi kaum dan xenofobia**. SUHAKAM membangunkan kertas dasar mengenai ucapan kebencian terhadap golongan minoriti terutama pelarian dan migran di Malaysia. Kerajaan harus meningkatkan usaha untuk melaksanakan dasar positif untuk menghadapi ucapan kebencian dan tidak bertoleransi terutama oleh pemimpin politik. Pegawai penguatkuasa harus tegas dan secara terbuka mengutuk semua bentuk kebencian yang ditujukan kepada pelarian dan migran.

Rangkuman keseluruhan tahun ini telah menghasilkan dan menerima pakai Pelan Strategik SUHAKAM 2021-2025. Melalui perancangan lima tahun,


SUHAKAM menekankan strategi yang konkrit dan ketara termasuklah aktiviti melalui penyelidikan, kertas pendirian, perbincangan meja bulat dan aktiviti lain untuk menangani perkauman, diskriminasi kaum dan xenofobia.

Menjadi harapan SUHAKAM agar budaya memahami dan menghormati hak asasi manusia, tanpa mengira bangsa, agama, latar belakang atau status dalam kalangan semua orang tidak kira tua dan muda termasuklah golongan terpinggir.

Akhir sekali, SUHAKAM merakamkan penghargaan dan pengiktirafan kepada mendiang Datuk Liew Vui Keong atas dedikasi dan usahanya. Beberapa kemajuan dalam bidang hak asasi manusia berjaya direalisasikan selama mendiang menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang) dari tahun 2018 hingga 2019.

BAB 1

MENERUSKAN MANDAT HAK ASASI MANUSIA



1.1 PENDIDIKAN DAN PROMOSI

A. PENDIDIKAN DAN LATIHAN

LATAR BELAKANG

Penularan COVID-19 pada awal tahun ini banyak memberi kesan kepada pelaksanaan program pendidikan dan latihan SUHAKAM. Pada bulan Jun, Bahagian Pendidikan dan Latihan (ETD) menyemak semula pelan kerja bagi memastikan program yang dirancang mampu dilaksanakan sepanjang tempoh pandemik. Beberapa program dan aktiviti bersemuka ditunda dan ditukar kepada sesi latihan dalam talian, walaupun begitu hanya beberapa program bersemuka sahaja dapat diadakan sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasa pada bulan Mac dan semasa pelaksanaan PKP Pemulihan (PKPP). Program berkenaan diadakan dengan pematuhan ketat prosedur operasi standard (SOP) yang dikeluarkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) seperti penjarakan fizikal, pemakaian pelitup separuh muka dan penggunaan aplikasi MySejahtera untuk tujuan pendaftaran program. Namun begitu, pengurangan program latihan secara bersemuka membolehkan pegawai ETD memberi tumpuan kepada pembangunan modul latihan yang sedang diusahakan.

1. PROGRAM AMALAN TERBAIK HAK ASASI MANUSIA (ATHAM) DI SEKOLAH

Setelah lebih daripada 10 tahun program ATHAM dilaksanakan di beberapa buah sekolah terpilih, SUHAKAM percaya sudah tiba masanya untuk menilai semula keberkesanan program tersebut dan melakukan penambahbaikan mengikut keperluan. Oleh itu, SUHAKAM memperuntukkan geran penyelidikan bagi menilai program ATHAM pada masa yang sama membangunkan senarai aktiviti yang dicadangkan untuk edaran ke sekolah ATHAM.

a) Kajian Keberkesanan ATHAM di Sekolah

SUHAKAM melantik dua kumpulan penyelidik yang diketuai Prof. Madya Dr. Rohaida Nordin, Pensyarah Kanan Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Dr. Mangaleswaran Annamalai,

Pensyarah Kanan Akademik, Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail untuk menjalankan kajian ini.



Mesyuarat bersama Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Dr. Habibah Abdul Rahim pada 8 September. Beliau turut menyatakan sokongan kepada program ATHAM dan kajian keberkesannya.

Objektif utama kajian adalah:

- i. Mengkaji keberkesanan program ATHAM di sekolah sejak pelaksanaannya pada tahun 2009 hingga 2019;
- ii. Mengkaji tahap kesedaran dan kefahaman guru dan murid di sekolah ATHAM mengenai hak asasi manusia dan hak kanak-kanak;
- iii. Mengenal pasti isu dan cabaran yang dihadapi sekolah yang terlibat dalam program ATHAM; dan
- iv. Mengesyorkan langkah-langkah penambahbaikan dan pelan tindakan termasuk strategi komprehensif ke arah penyampaian pendidikan hak asasi manusia yang berkesan di semua sekolah di Malaysia.

Bagi memantau perkembangan kajian, sebuah panel kajian ditubuhkan terdiri daripada Pesuruhjaya SUHAKAM iaitu Datuk Lok Yim Pheng, Prof. Madya Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh dan En. Jerald Joseph. Kajian ini akan mengambil masa selama sembilan bulan dan dijangka bermula pada tahun 2021.

b) Draf Cadangan Aktiviti ATHAM di Sekolah

Pada tahun 2019, SUHAKAM menganjurkan beberapa siri bengkel berkaitan ATHAM di enam zon seluruh Malaysia. Para peserta yang terdiri daripada kalangan guru menyatakan bahawa perlunya bimbingan berkaitan aktiviti yang boleh dilaksanakan di sekolah bagi memenuhi objektif program ATHAM.

Justeru SUHAKAM membangunkan senarai cadangan aktiviti-aktiviti berdasarkan perkara yang terdapat dalam Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) sebagai panduan kepada guru dalam melaksana aktiviti bersesuaian.



Datuk Lok Yim Pheng menyampaikan kata-kata aluan secara dalam talian ketika Perbincangan mengenai Draf Cadangan Aktiviti Program ATHAM di Sekolah. Program diadakan pada 7 Oktober bertempat di Kuala Lumpur.

Pembangunan cadangan aktiviti tersebut turut melibatkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan guru terpilih dari sekolah ATHAM. Perbincangan ini diadakan pada 7 Oktober melibatkan Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional, Bahagian Pendidikan Khas, Bahagian Pendidikan Swasta, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian,

Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh, Lembaga Peperiksaan dan Jemaah Nazir serta tiga orang guru daripada sekolah ATHAM. Peserta turut memberikan beberapa cadangan penambahbaikan draf.

Seterusnya, draf ini akan dicetak dalam bentuk buku kecil beserta maklumat berkaitan ATHAM dan diedarkan ke semua sekolah ATHAM pada tahun 2021.

2. PEMBANGUNAN MODUL LATIHAN HAK ASASI MANUSIA

SUHAKAM mengambil inisiatif membangunkan modul latihan hak asasi manusia untuk kegunaan bagi program latihan dalaman sebagai langkah ke arah menginstitusi dan menambah baik latihan hak asasi manusia di beberapa buah agensi kerajaan. Agensi tersebut adalah Jabatan Penjara Malaysia, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM).

a) Hak Asasi Manusia dan Penahanan: Modul Latihan Hak Asasi Manusia untuk Jabatan Penjara Malaysia

SUHAKAM dengan kerjasama Jabatan Penjara Malaysia telah menganjurkan pelbagai program bersama untuk meningkatkan kefahaman anggota dan pegawai penjara tentang hak asasi manusia. Pada tahun ini, SUHAKAM mula membangunkan manual latihan bagi membantu jurulatih penjara menjalankan latihan berkaitan 'Hak Asasi Manusia dan Penahanan' sebagai sebahagian daripada latihan dalaman.

Draf kandungan manual latihan yang dibangunkan adalah seperti berikut:

Modul 1: Pengenalan kepada SUHAKAM dan Jabatan Penjara Malaysia

Modul 2: Mengetahui Hak dan Cabaran Pegawai

Modul 3: Hak Asasi Manusia dan Penjara

Modul 4: Antara Hak Asasi Manusia dan Penggunaan Kekerasan

Modul 5: Isu Tematik Hak Asasi Manusia berkaitan Penjara dan Penahanan

Proses pemurniaan modul berkenaan akan melibatkan Jabatan Penjara Malaysia bermula pada tahun 2021. Penerbitan manual ini diharap dapat menambah baik kualiti latihan Jabatan Penjara Malaysia terutama latihan berkaitan prinsip hak asasi manusia dan peraturan penjara.

b) Modul Hak Asasi Manusia untuk Polis

Program latihan kepada jurulatih polis telah dijalankan oleh SUHAKAM saban tahun. Hasilnya, latihan hak asasi manusia telah diintegrasikan sebagai komponen wajib dalam latihan asas polis. Walau bagaimanapun, program latihan mengenai topik tertentu sering disalah erti sebagai bercanggah dengan fungsi dan peranan polis, hal ini bukanlah sesuatu yang mudah bagi jurulatih polis. Oleh itu, SUHAKAM mengambil langkah untuk membangunkan modul hak asasi manusia sebagai panduan kepada jurulatih polis dalam menyampaikan kursus hak asasi manusia dan memastikan kandungan latihan yang disampaikan mengikut piawaian. Kandungan modul tersebut adalah seperti berikut:

Modul 1: Pengenalan kepada Konsep Hak Asasi Manusia

Modul 2: Hak Asasi Manusia untuk Anggota dan Pegawai Polis

Modul 3: Hak Asasi Manusia dan Kepolisian

Modul 4: Aplikasi Prinsip Hak Asasi Manusia dalam Siasatan Polis

Modul 5: Larangan Penyeksaan dan Layanan atau Hukuman lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan dan Menjatuhkan Maruah

Modul 6: Isu Hak Asasi Manusia berkaitan Polis

SUHAKAM akan mengadakan bengkel pemurnian modul tersebut bersama polis pada tahun 2021.

c) Modul Hak Asasi Manusia untuk Pendidik

SUHAKAM memulakan kerjasama kukuh dengan IPGM bermula tahun 2018. Pada tahun 2019, IPGM mencadangkan supaya SUHAKAM membangunkan modul hak asasi manusia untuk pelajar Institut Pendidikan Guru (IPG) seluruh Malaysia. Objektif utama adalah untuk menyediakan para pelajar dengan pengetahuan hak asasi manusia yang mencukupi agar dapat menggunakan pengetahuan tersebut ketika bertugas sebagai guru.

SUHAKAM dibantu lima pensyarah lantikan IPGM untuk memastikan kandungan modul memenuhi keperluan pelajar IPG dan mempunyai kaitan dengan tanggungjawab sebagai guru pada masa hadapan. Modul berkenaan dijangka siap pada penghujung tahun 2021. Draf kandungan modul adalah seperti berikut:

Bab 1: Pengenalan kepada Hak Asasi Manusia

Bab 2: Hak Asasi Manusia dalam Konteks Malaysia

Bab 3: Hak Kanak-kanak

Bab 4: Pengenalan kepada Program ATHAM di Sekolah

Di samping pembangunan modul, SUHAKAM juga dijemput untuk menyertai bengkel semakan semula silibus IPG pada 3 Mac di Kampus Bahasa Antarabangsa, Institut Pendidikan Guru. Dalam bengkel tersebut, SUHAKAM mencadangkan beberapa topik hak asasi manusia dan ia menjadi kebanggaan buat SUHAKAM apabila dimaklumkan akan penerimaan cadangan itu yang mana ia telah pun dilaksanakan dalam Program Diploma Pascasiswazah Perguruan dan Program Diploma Perguruan Malaysia sejak Jun 2020.

3. CERAMAH DALAM TALIAN

Selaras dengan pembudayaan norma baharu berikutan penularan COVID-19, SUHAKAM menawarkan ceramah hak asasi manusia secara dalam talian kepada agensi kerajaan dan universiti awam. Namun begitu, beberapa agensi menolak tawaran tersebut atas alasan tidak dapat menyediakan kemudahan yang diperlukan untuk kakitangan menghadiri sesi dalam talian.

Pada bulan September, SUHAKAM menganjurkan sesi ceramah dalam talian kepada dua buah universiti awam melibatkan pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Objektif program adalah:

- i. memberikan pencerahan kepada pelajar tentang isu hak asasi manusia di Malaysia;
- ii. berkongsi maklumat berkenaan gerak kerja SUHAKAM.

a) Ceramah dalam talian kepada pelajar UUM

Sesi ini berlangsung pada 30 Jun dengan penyertaan sebanyak 70 orang pelajar Pusat Pengajian Antarabangsa (SOIS) anjuran bersama SUHAKAM dan SOIS. Pesuruhjaya Datuk Lok Yim Pheng menyampaikan ceramah bertajuk 'Dilema Pelarian di Malaysia'. Para peserta mengambil peluang berkongsi pandangan dan pendapat. Melalui sesi dua hala ini, ia memberi gambaran mengenai tahap kesedaran pelajar berkaitan hak asasi manusia antaranya berkaitan:

- i. Perihal pentingnya Malaysia mempunyai rangka kerja perundangan dan pentadbiran untuk melindungi pelarian serta mekanisme praktikal dalam proses pendaftaran maklumat golongan pencari suaka dan pelarian.

- ii. Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) perlu mempunyai dasar berkaitan pelarian dan pencari suaka yang mengandungi panduan mengenai tindakan yang boleh diambil sekiranya isu dalaman sesebuah negara anggota mengakibatkan rakyatnya melarikan diri ke negara lain.

b) Ceramah dalam talian kepada pelajar USIM

Program yang diadakan pada 5 Disember ini memberi fokus kepada isu berkaitan penyeksaan daripada perspektif hak asasi manusia melibatkan 35 orang pelajar Fakulti Undang-Undang.

Para pelajar menunjukkan minat dalam topik perbincangan dan mengetengahkan beberapa persoalan antaranya faktor yang menghalang Malaysia daripada meratifikasi 'Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Menentang Penyeksaan dan Layanan atau Hukuman lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan dan Menjatuhkan Maruah' (UNCAT). Selain itu isu lain yang dibangkitkan adalah alternatif kepada hukuman mati dan sebatan, had tahap kekasaran yang boleh digunakan oleh penguatkuasa ketika membuat tangkapan dan bidang kuasa Mahkamah Jenayah Antarabangsa terhadap negara yang meratifikasi UNCAT.

4. JEMPUTAN MENYAMPAIKAN CERAMAH DAN LATIHAN HAK ASASI MANUSIA

Walaupun dalam situasi pandemik COVID-19, SUHAKAM masih menerima beberapa jemputan untuk menyampaikan ceramah hak asasi manusia, justeru SUHAKAM menitikberatkan pematuhan SOP yang ditetapkan oleh kerajaan semasa sesi bersemuka berlangsung. Senarai program adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1: Senarai ceramah dan latihan

| Bil. | Topik | Tarikh | Tempat/ Platform | Jumlah Peserta |
|------|---|-------------|----------------------|-------------------|
| 1. | 'Ceramah Hak Asasi Manusia dan Hak kepada Pendidikan' di Kem Aktivistik Orang Asli 2020 anjuran Jaringan Orang Asli Semenanjung (JOAS). | 18 Februari | Kuala Rompin, Pahang | 17 orang |

| Bil. | Topik | Tarikh | Tempat/ Platform | Jumlah Peserta |
|------|--|-------------|-------------------------|-------------------|
| 2. | 'Ceramah berkaitan Perisytiharan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Hak Orang Asal dan Hak Tanah Adat' di Program Kesedaran Malaysian Care untuk Orang Asli. | 15 Ogos | Pos Musuh, Tapah, Perak | 36 orang |
| 3. | Ceramah dalam talian berkenaan 'Isu Semasa Hak Asasi Manusia di Malaysia' kepada pelajar Universiti Selangor (UNISEL). | 1 Julai | Dalam Talian | 137 orang |
| 4. | Ceramah dalam talian untuk pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) berkenaan Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD) dan Maknanya kepada Rakyat Malaysia. | 30 November | Dalam Talian | 80 orang |

HARAPAN MASA HADAPAN

Penularan COVID-19 dijangka berlarutan pada suatu tempoh yang panjang maka ETD perlu menyesuaikan program dan aktiviti dengan amalan norma baharu. Tumpuan kepada program dalam talian akan memastikan pendidikan hak asasi manusia terus disebar luas sepanjang tempoh yang mencabar ini. Oleh itu keutamaan perancangan pada tahun hadapan sudah tentu bagi melengkapkan modul latihan yang sedang dibangunkan.

B. PROMOSI DAN KEMASYARAKATAN

LATAR BELAKANG

SUHAKAM terus meningkatkan kesedaran tentang hak asasi manusia di Malaysia melalui dialog, kempen advokasi dan bengkel pemeraksanaan bersama masyarakat, pekerja perladangan, Jabatan Agama Islam dan belia. Fokus juga diberikan kepada projek pengiklanan melalui media penyiaran dan pengangkutan awam.

1. PERLINDUNGAN DARIPADA PENYEKSAAN DAN LAYANAN ATAU HUKUMAN LAIN YANG ZALIM, TIDAK BERPERIKEMANUSIAAN ATAU MENJATUHKAN MARUAH (UNCAT)

SUHAKAM terus meningkatkan kesedaran awam mengenai UNCAT melalui penghasilan sebuah animasi pendidikan. Tujuannya adalah untuk mempromosi pemahaman lebih meluas dalam kalangan masyarakat mengenai konvensyen ini dan faedah kepada Malaysia apabila menjadi negara pihak. Ia bertujuan mencegah perbuatan penyeksaan dan sebarang bentuk layanan yang zalim, tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah terhadap mana-mana individu. Animasi yang dihasilkan dalam Bahasa Melayu disertakan dengan sari kata Bahasa Inggeris ini boleh ditonton di saluran YouTube dan halaman media sosial Facebook dan Twitter SUHAKAM.

SUHAKAM juga mengambil inisiatif membuat terjemahan teks penuh UNCAT ke dalam Bahasa Melayu dan seterusnya menerbitkan sebuah buku kecil dwibahasa (Bahasa Melayu-Bahasa Inggeris) dengan menggunakan dana daripada Kesatuan Eropah (EU). Buku kecil ini akan digunakan sebagai bahan dalam mempromosi pemahaman tentang UNCAT dan kewajipan utamanya kepada penggubal dasar sebelum Malaysia meratifikasi konvensyen ini.

Susulan daripada pelancaran pameran seni “Kartunis Menentang Penyeksaan” yang dibiayai EU pada bulan Julai 2019, SUHAKAM dan Perpustakaan Negeri Sarawak telah menganjurkan pameran yang sama di Perpustakaan Negeri Sarawak bermula pada 1 - 30 September. Pameran ini memaparkan koleksi karya seni kartunis tempatan dan antarabangsa.

Walaupun gabungan ACT4CAT, yang mana SUHAKAM merupakan rakan kempen telah menangguhkan beberapa siri aktiviti/kempen disebabkan pandemik, gabungan ini menggunakan karya seni dan pentas media

sosial untuk menggalakkan perbincangan dalam kalangan masyarakat mengenai penahanan pesalah PKP dan migran tanpa dokumen. Perbincangan menyentuh aspek kesesakan tempat tahanan dan langkah-langkah untuk mencegah penyebaran COVID-19 di tempat tahanan terutamanya lokap polis, penjara dan depot tahanan imigresen.

2. PENYERTAAN AWAM DAN KEMASYARAKATAN

a) Program SUHAKAM Bersama Masyarakat

Program SUHAKAM Bersama Masyarakat (SBM) kekal sebagai sebuah platform penting untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai hak asasi manusia dan peranan SUHAKAM. Program ini juga terus menjadi medium untuk masyarakat berinteraksi dengan SUHAKAM tentang pelbagai isu hak asasi manusia yang memberi kesan kepada kehidupan. Disebabkan pandemik COVID-19 dan PKP, hanya dua sesi SBM (di Semenanjung Malaysia) dapat diadakan iaitu:

- i. SBM melalui Siaran Langsung Facebook (FB Live) (22 Julai).
- ii. SBM bersama pekerja perladangan di Batang Padang, Perak. Program ini diadakan dengan kerjasama Persatuan Pekebun-Pekebun Kecil Kebangsaan Malaysia pada 15 September.

Isu berbangkit

Isu utama yang dibangkitkan oleh peserta SBM adalah seperti berikut:

i. Peneroka Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)

Peneroka menyuarakan isu bebanan kewangan di bawah program penanaman semula FELDA yang mana bayaran balik hanya boleh dibuat empat tahun selepas program penanaman semula. Sepanjang tempoh ini, peneroka tiada pilihan lain selain bergantung kepada pinjaman yang diberikan FELDA sebagai sumber pendapatan. Ini mengakibatkan bebanan kewangan yang lebih besar terpaksa ditanggung.

Kebimbangan turut dizahirkan mengenai ketiadaan perlindungan atau pampasan sekiranya mengalami kecederaan atau kemalangan semasa bekerja.

Selain itu, isu mengenai projek Perumahan Generasi Baru FELDA yang sepatutnya siap pada tahun 2017 turut dibangkitkan. Projek ini diperkenalkan bagi membantu peneroka generasi kedua FELDA untuk memiliki rumah sendiri sehingga kini masih belum dilaksanakan menyebabkan peneroka generasi kedua yang sudah berkeluarga masih tinggal bersama ibu bapa.

Sebahagian peneroka juga menyuarakan kekecewaan mengenai ketiadaan Pejabat FELDA di peringkat daerah dan sebarang permasalahan perlu disalurkan terus ke Ibu Pejabat FELDA.

ii. Kekurangan kemudahan asas di kawasan luar bandar

Peserta SBM bimbang akan kekurangan kemudahan asas di kawasan luar bandar seperti di Sungkai, Perak antaranya adalah mengenai akses kepada internet. Selain itu, ketiadaan taman rekreasi yang penting untuk perkembangan kanak-kanak turut dibangkitkan. Agensi kerajaan juga tidak menyalurkan peruntukan kewangan untuk pembangunan projek kolam ikan dan penternakan lembu.

iii. Kebajikan bekas tentera dan warga emas dalam kalangan masyarakat orang asli

Seorang bekas tentera mendakwa tidak menerima pencen walaupun pernah berkhidmat untuk negara.

Terdapat juga kebimbangan warga emas di Kampung Orang Asli Menderang 2, Perak mengenai pemberian bantuan bulanan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) yang masih belum diterima.

iv. Kemudahan Perumahan

Seorang peserta menyatakan kebimbangan mengenai kenaikan harga rumah di Malaysia yang menyebabkan rakyat daripada golongan berpendapatan rendah sukar untuk membeli dan memiliki rumah sendiri.

v. Cabaran yang dihadapi kanak-kanak bermasalah pembelajaran

Peserta membangkitkan mengenai kanak-kanak bermasalah pembelajaran yang tidak dapat ke sekolah atau mendapatkan terapi ketika PKP. Hal ini menyebabkan ramai kanak-kanak yang terus

ketinggalan daripada sistem pendidikan arus perdana berbanding rakan sebaya.

vi. Pelarian dan migran tanpa dokumen

Peserta khawatir akan kes penahanan pelarian dan pencari suaka serta pekerja migran tanpa dokumen di Malaysia ketika tempoh PKP oleh pihak berkuasa. Kerisauan dibangkitkan sama ada penahanan tersebut boleh dianggap sebagai pencabulan hak asasi manusia atau sebaliknya.



Sesi SBM bersama pekerja perladangan di Batang Padang, Perak pada 15 September.

b) Pameran

Susulan pandemik COVID-19, hanya dua pameran yang diadakan oleh sebab tugas di khalayak umum dihadkan. Maklumat lanjut adalah seperti Jadual 2.

Jadual 2: Senarai pameran

| Bil. | Tarikh | Penganjur | Butiran |
|------|------------|---|--|
| 1. | 18-19 Jan. | Pusat Perlembagaan dan Hak Asasi Manusia Malaysia (MCCHR) | Diadakan bersempena program “ <i>Second Strategic Litigation Conference</i> ” di Kuala Lumpur. |
| 2. | 13 Feb. | Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri | Diadakan bersempena program Majlis Amanat Tahun Baharu Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) di Putrajaya. |

3. PEMERKASAAN BELIA

SUHAKAM terus mengadakan program “Youth for Rights” yang bertujuan meningkatkan kesedaran hak asasi manusia dalam kalangan belia dan peranan penting yang perlu dilakukan bagi mempromosi dan melindungi hak asasi manusia.

Seramai 235 belia daripada pelbagai universiti dan kolej tempatan mengambil bahagian dalam program ini yang berlangsung dalam bentuk taklimat kesedaran, ceramah dan kem.

Program melibatkan penyertaan daripada pelajar Kolej Komuniti Jelebu, Kolej Antarabangsa Kompas dan Kolej Poly-Tech Mara Kuala Lumpur. Butiran sesi ini diringkaskan seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3: Universiti/Kolej yang mengambil bahagian dalam sesi “Youth for Rights” pada tahun 2020

| Bil. | Tarikh | Kolej | Tempat/ Platform |
|------|---------|--|-------------------------|
| 1. | 21 Feb. | Kolej Komuniti Jelebu | Jelebu, Negeri Sembilan |
| 2. | 27 Jul. | Kolej Antarabangsa Kompas | Dalam Talian |
| 3. | 22 Ogo. | Universiti Monash Malaysia | Dalam Talian |
| 4. | 10 Okt. | Kolej Universiti Poly-Tech MARA (KUPTM) Kuala Lumpur | Dalam Talian |



Sesi "Youth for Rights" di Kolej Komuniti Jelevu pada 21 Februari.

SUHAKAM turut bekerjasama dengan UNISEL dengan mengadakan kem "Youth for Rights" secara dalam talian melibatkan pemimpin pelajar daripada universiti dan kolej di Kuala Lumpur, Selangor dan Perak. Butiran kem ini adalah seperti dalam Jadual 4.

Jadual 4: Kem "Youth for Rights"

| Bil. | Tarikh | Butiran |
|------|-------------|--|
| 1. | 19-20 Sept. | <p>Program ini disertai 36 orang pemimpin pelajar terdiri daripada beberapa buah universiti/kolej seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Universiti Selangor (UNISEL) ▪ Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) ▪ Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) ▪ Universiti Teknologi MARA (UiTM) ▪ Kolej Universiti Poly-Tech MARA (KUPTM) ▪ Kolej Komuniti Tanjung Karang ▪ Kolej Komuniti Hulu Selangor ▪ Politeknik Sultan Azlan Shah, Perak |



Kem "Youth for Rights" secara dalam talian yang diadakan pada 19-20 Disember.

4. IKLAN SUHAKAM DAN HAK ASASI MANUSIA

Pada tahun ini, SUHAKAM menjalankan promosi hak asasi manusia dan SUHAKAM melalui iklan di televisyen, radio dan pengangkutan awam. Dua objektif utama adalah:

- i. Menonjolkan SUHAKAM sebagai sebuah Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRI) serta perkhidmatannya kepada masyarakat.
- ii. Mendekati masyarakat melalui penyampaian mesej hak asasi manusia yang inovatif.

Sebagai permulaan, SUHAKAM memilih media penyiaran dan pengangkutan awam sebagai platform bagi pengiklanan ini. Iklan ini disiarkan di televisyen dan radio melalui Radio Televisyen Malaysia (RTM) serta Cats FM, sebuah saluran radio swasta yang berpusat di Sarawak. Iklan dalam tren pula melibatkan Mass Rapid Transit (MRT) dan Komuter Keretapi Tanah Melayu (KTM).

a) Iklan Media Penyiaran

Iklan animasi berdurasi 20 saat ini menjelaskan konsep hak asasi manusia dan hak asas yang berhak dimiliki setiap individu tanpa mengira

kewarganegaraan, jantina, kaum, agama, dan status. Animasi ini ditayangkan di saluran RTM iaitu TV1, TV2 dan TV Okey dari 11 Ogos hingga 31 Oktober.

Iklan radio disampaikan melalui dua buah sketsa 30 saat mengenai diskriminasi semasa temuduga kerja, serta konsep asas dan pemahaman yang salah tentang hak asasi manusia. Iklan radio ini disiarkan dalam dua fasa dan dalam bahasa tempatan yang berbeza. Fasa pertama disiarkan dalam Bahasa Melayu melalui stesen radio RTM di Semenanjung Malaysia dari 7 September hingga 11 Oktober. Iklan fasa kedua pula disiarkan dalam Bahasa Semai, Jakun, Kadazan, Dusun, Iban dan Bidayuh melalui saluran radio RTM dan CATs FM. Iklan fasa kedua ini disiarkan dari 27 November hingga 31 Disember.



Tangkap layar iklan SUHAKAM di saluran TV RTM.

b) Iklan Pengangkutan Awam

Iklan pengangkutan awam SUHAKAM melibatkan Tren MRT dan Komuter KTM merangkumi gambar dan mesej ringkas tentang hak asasi manusia yang dipamerkan di panel dinding dan tingkap, pintu, ruang antara gerabak, panel kaca serta bahagian belakang tempat duduk bagi setiap satu laluan perjalanan MRT dan Komuter KTM. Iklan ini bermula pada 1 September 2020 hingga 31 Ogos 2021.



Iklan pengangkutan awam SUHAKAM dalam tren MRT.



Iklan pengangkutan awam SUHAKAM dalam tren komuter KTM.

Bagi menggalakkan penyebaran mesej hak asasi ini dari pengangkutan awam ke platform media sosial, SUHAKAM menganjurkan sebuah peraduan #RIDE4RIGHTS pada 7 September di media sosial.

Peraduan ini berlangsung sehingga 31 Ogos 2021 bertujuan untuk menarik perhatian masyarakat terutamanya pengguna pengangkutan awam untuk menyebarkan mesej hak asasi manusia yang diiklankan dalam MRT dan Komuter KTM.



Delegasi SUHAKAM di pelancaran rasmi peraduan #RIDE4RIGHTS di stesen MRT Sungai Buloh pada 7 September.

Jadual 5: Iklan SUHAKAM

| Bil. | Jenis | Saluran Pengiklanan |
|------|-------------------------|--|
| 1. | Animasi | Saluran TV RTM (TV1, TV2, TV Okey) Tempoh: 11 Ogos – 31 Okt. 2020 |
| 2. | Sketsa | Stesen radio RTM di Semenanjung Malaysia Tempoh: Fasa 1: 7 Sept.– 11 Okt. 2020 <ul style="list-style-type: none"> • RTM Asyik FM di Semenanjung Malaysia • RTM V FM di Sabah, • RTM Wai FM di Sarawak Cats FM di Sarawak Tempoh: Fasa 2: 27 Nov. – 31 Dis. 2020 |
| 3. | Iklan pengangkutan awam | MRT dan Komuter KTM Tempoh: 1 Sept. 2020 – 31 Ogos 2021 |

HARAPAN MASA HADAPAN

SUHAKAM akan terus mendidik dan mempromosi kesedaran hak asasi manusia dalam kalangan semua masyarakat di Malaysia melalui program pendidikan dan latihan hak asasi manusia, aktiviti kemasyarakatan, kempen advokasi, serta libat urus dengan pihak kerajaan atau badan bukan kerajaan.

1.2 NASIHAT UNDANG-UNDANG DAN DASAR

A. KUASA MENASIHATI PERUNDANGAN

LATAR BELAKANG

SUHAKAM akan kekal menasihati kerajaan serta pihak berkuasa dan berharap kerajaan akan memberi penekanan mengenai hak asasi manusia dalam pendekatannya terhadap dasar dan reformasi undang-undang selari dengan piawaian antarabangsa hak asasi manusia.

SUHAKAM melalui Bahagian Perundangan dan Triti Antarabangsa (LITD) akan meneruskan usahanya mengkaji pelbagai perundangan dalam menilai kesannya terhadap hak asasi manusia di Malaysia.

1. SEMAKAN UNDANG-UNDANG

1.1 AKTA KESALAHAN KESELAMATAN (LANGKAH-LANGKAH KHAS) 2012 (SOSMA)

Secara umumnya, SUHAKAM berpandangan penahanan tanpa bicara adalah bertentangan dengan prinsip teras hak asasi manusia. Resolusi Perhimpunan Agung PBB 68/178 mengenai perlindungan hak asasi manusia dan pembanterasannya menegaskan bahawa sistem keadilan jenayah haruslah berasaskan penghormatan kepada hak asasi manusia dan kedaulatan undang-undang. Kaedah paling berkesan untuk memerangi keganasan adalah dengan memastikan kebertanggungjawaban itu tercapai melalui proses yang sewajarnya dan perbicaraan yang adil. SUHAKAM menggesa kerajaan untuk menerapkan pandangan ini semasa meminda dan melaksanakan SOSMA serta semasa proses perancangan dan penerapan langkah-langkah pencegahan keganasan yang efektif di Malaysia.

SUHAKAM mencadangkan supaya undang-undang pencegahan ini dilindungi daripada penyalahgunaan kuasa oleh badan eksekutif. Badan Kehakiman dan institusi Parlimen perlu dilibatkan bagi mengawasi

dan memastikan semak dan imbang dalam perundangan. Walaupun penahanan seorang individu sangat penting semasa siasatan, namun ia perlu dibuktikan di mahkamah bahawa ada alasan munasabah untuk mempercayai tahanan itu satu ancaman kepada keselamatan negara. Mahkamah seharusnya dibenarkan menggunakan kebijaksanaannya untuk mempertimbang dan menilai semula kelayakan permohonan dan bukannya sekadar "keselamatan awam" sebagai piawaian umum.

Seksyen 13 SOSMA 2012 sewajarnya dimansuhkan sebagaimana keputusan kes **Saminathan Ganesan Iwn Pendakwa Raya**¹ bahawa Mahkamah Tinggi berpendapat peruntukan undang-undang ini bercanggah dengan perlembagaan kerana ia menghalang kuasa mahkamah untuk menimbang permohonan ikat jamin, seperti yang termaktub dalam Perkara 121 (1) Perlembagaan Persekutuan. Seksyen 18 dan 18B SOSMA harus dipinda supaya selari dengan Akta Keterangan 1950 [Akta 56]. Pertama, berhubung dengan hak untuk mendapat perbicaraan yang adil dan tidak memaksa pasangan untuk memberi keterangan terhadap mereka. Selanjutnya, berkenaan saksi kanak-kanak, seksyen 19 SOSMA mestilah sejajar dengan Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 [Akta 676] yang menyatakan tatacara untuk menyoal saksi kanak-kanak.

SUHAKAM mengulangi pendiriannya bahawa harus ada keseimbangan yang bersesuaian antara undang-undang keselamatan untuk melindungi negara daripada ancaman dan menegakkan hak serta kebebasan asasi manusia

1.2 SEMAKAN PERATURAN LOKAP 1953

Peraturan Lokap 1953 (Peraturan) digubal di bawah seksyen 8 Ordinan Penjara 1952. Ordinan tersebut telah dimansuhkan dan diganti dengan Akta Penjara 1995. SUHAKAM melahirkan kebimbangan kerana Peraturan itu tidak selari dengan Akta Penjara 1995 dan tidak mencapai standard antarabangsa, sepertimana dalam Peraturan Mandela dan Peraturan Bangkok. Sehubungan itu, SUHAKAM mengesyorkan supaya Peraturan dipinda berdasarkan piawaian hak asasi manusia di Malaysia dan selaras dengan Akta Penjara 1995. Peraturan tersebut perlu memastikan tahanan mendapat akses kepada pengamal undang-undang tanpa mengira identiti atau statusnya.

¹ [2020] 7 MLJ 681

Beberapa isu yang sering dibangkitkan adalah keadaan lokap yang daif dan tidak mencapai piawaian hak asasi manusia sehingga boleh memberi kesan kepada psikologi tahanan. Sel yang diselenggara dengan baik akan mengurangkan kes kematian dalam tahanan secara drastik. Tahanan harus dibekalkan dengan produk sanitasi dan kemudahan pelupusan yang betul kerana aspek kebersihan sangat penting semasa proses menstruasi.

SUHAKAM mengesyorkan penyediaan makanan berkhasiat yang mencukupi serta air minuman yang selamat dan bersih untuk tahanan pada setiap masa.² Peruntukan kewangan awam juga harus ditingkatkan untuk menambah baik perolehan, kebersihan, penghantaran, penyediaan dan perkhidmatan makanan dan air kepada tahanan lokap.

Oleh itu, SUHAKAM mengesyorkan agar pemeriksaan kesihatan wajib dibuat semasa kemasukan bertujuan menilai risiko kesihatan tahanan. Penjagaan kesihatan kepada tahanan harus disediakan tanpa sebarang diskriminasi. Ahli keluarga tahanan mesti segera diberitahu sebaik sahaja pihak perkhidmatan kesihatan mengesahkan adanya penyakit yang serius, kecederaan atau kematian. Badan bebas (selain Polis Diraja Malaysia) mesti menyiasat kecederaan atau kematian beserta rawatan kepada tahanan terutama dalam kes yang melibatkan dakwaan berlakunya penyiksaan.

1.3 AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010

Pada bulan Jun, SUHAKAM dijemput oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri untuk menyertai perbincangan mengenai semakan semula Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711). SUHAKAM mengulangi pendiriannya menyokong pendedahan maklumat dalaman membabitkan majikan supaya diperakui undang-undang. Menerusi akta ini pekerja boleh mendedahkan maklumat kepada majikan atau orang lain yang bertanggungjawab seperti penasihat undang-undang. SUHAKAM juga menyokong cadangan untuk membuang fasal bersyarat pada seksyen 6 Akta 711³ bagi membolehkan skop maklumat yang lebih luas dapat didedahkan. Ia membantu

² Peraturan 22(2) Peraturan Mandela

³ **Pendedahan kelakuan tidak wajar**

Seksyen 6. (1) Seseorang boleh membuat pendedahan perlakuan tidak wajar kepada mana-mana agensi penguatkuasaan berdasarkan kepercayaan munasabah yang mana-mana orang telah melakukan, sedang melakukan atau bersedia untuk melakukan perlakuan tidak wajar:

mempertingkat dan melindungi hak kebebasan bersuara dan maklumat di bawah Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan dan Artikel 19 UDHR.

Bagi menyediakan perlindungan lebih luas kepada pemberi maklumat, skop salah laku yang boleh didedahkan tidak terbatas kepada individu yang dikenakan tindakan tatatertib atau berkenaannya majikan yang berdaftar sebagai syarikat di bawah Akta Syarikat 2016 sahaja. Pada masa sama, perlindungan identiti pemberi maklumat mestilah dibezakan daripada perlindungan maklumat sulit yang mana kedua-duanya mesti dinyatakan dan dilindungi secara khusus. Selain itu, skop perlindungan bagi orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat tidak boleh terbatas kepada tindakan yang menjejaskan (keadaan yang merugikan berhubung dengan pekerjaan, kerjaya, profesion, perniagaan). Pemberi maklumat mungkin memperoleh maklumat yang tidak berkaitan dengan pekerjaannya. Dalam keadaan ini, orang yang mempunyai kaitan dengan maklumat tersebut mungkin tidak dilindungi di bawah Akta.

2. PINDAAN KEPADA AKTA SUHAKAM 1999 [AKTA 597]

SUHAKAM konsisten berusaha ke arah pindaan Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597] untuk memperkukuh mandatnya dalam melindungi dan mempromosi hak asasi manusia di Malaysia. Pindaan yang dicadangkan ini susulan Pemerhatian Umum Jawatankuasa Kecil Pengiktirafan GANHRI yang mana undang-undang Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan perlu diberikan mandat melalui perundangan dengan fungsi yang spesifik. Ini dapat mempromosi dan melindungi definisi hak asasi manusia secara progresif yang merangkumi instrumen antarabangsa, serantau dan domestik, termasuk hak ekonomi, sosial dan budaya.

Pada bulan Ogos, BHEUU telah mengadakan mesyuarat dengan SUHAKAM yang turut disertai Kementerian Dalam Negeri (KDN), Jabatan Peguam Negara (AGC) dan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia untuk membincangkan cadangan pindaan Akta tersebut. SUHAKAM berharap kerajaan akan mempertimbangkan cadangan pindaan tersebut.

3. PERANAN SUHAKAM DI MAHKAMAH

SUHAKAM mengulangi pendiriannya bahawa sistem kehakiman adalah sebuah institusi penting yang bertindak sebagai semak dan imbang selari

dengan hak asasi manusia setiap individu. Sejak tahun 2011, SUHAKAM secara aktif menjalankan arahan memerhati (*watching brief*) dalam kes-kes yang melibatkan pelbagai isu hak asasi manusia. SUHAKAM berterima kasih kepada mahkamah kerana membenarkan permohonan SUHAKAM untuk terus menjalankan arahan memerhati ini. **Sepanjang tahun ini SUHAKAM telah menjalankan arahan memerhati dalam kes-kes berikut:**

- i. Peguam Negara lwn Mohd Kassim bin Mohd Hamid;
- ii. Inkues mengenai kematian Soosaimanickam a/l Joseph;
- iii. PP lwn Hazrul Hizham Ghazali;
- iv. Mohd Huson & 32 lagi lwn Pendakwa Raya;
- v. Mohd Alif Anas bin Md Noor lwn Menteri Pendidikan Malaysia & Ors;
- vi. Nalvin Dhillon a/l Narangan Singh lwn Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara & 2 ors;
- vii. Rosliza binti Ibrahim lwn Kerajaan Selangor & Anor;
- viii. Peguam Negara lwn Mkini Dotcom Sdn Bhd & Satu (1) Lagi (Penghinaan Mahkamah oleh MalaysiaKini dan Steven Gan);
- ix. Muhammad Adam Yusoff Abdul Hafiz & Satu (1) lagi lwn Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Seksyen 17 Shah Alam & Tiga (3) Lagi;
- x. Iki Putra bin Mubarrak lwn Kerajaan Negeri Selangor & Majlis Agama Islam Selangor (Kajian Kehakiman Seksyen 28 Enakmen Kesalahan Syariah Selangor 1995);
- xi. Datuk Dr Haji Hamid Sultan bin Abu Backer lwn Pengerusi Jawatankuasa Etika Hakim & Jawatankusa Etika Hakim; dan
- xii. PP lwn Muhammad Haziq Rahimi.

SUHAKAM juga memainkan peranan sebagai *amicus curiae* (penasihat saksama dalam mahkamah) dalam rayuan kes Rosliza binti Ibrahim lwn. Kerajaan Selangor & Anor. SUHAKAM memberikan pandangan komprehensif mengenai kebebasan dan hak asasi manusia untuk membantu mahkamah dalam menjawab dua persoalan berkepentingan awam: (a) apakah seseorang itu mempunyai kebebasan untuk menganut agamanya dan dengan demikian menentukan status agamanya; dan (b) badan adjudikasi mana yang berkuasa untuk menentukan keputusan akhir sekiranya terdapat persoalan yang sah mengenai status agama seseorang. Kes ini masih berjalan di Mahkamah Persekutuan dan SUHAKAM berharap dapat memainkan peranan yang lebih aktif sebagai *amicus curiae* untuk memberi kesedaran mengenai hak asasi manusia dalam badan kehakiman.

SUHAKAM mengucapkan terima kasih kepada para peguam atas perwakilan pro bono dalam kes-kes ini. Peguam-peguam tersebut ialah En. Mahajoth Singh, Cik Nor Herdawati Harun, En. Louis Liaw, En. Cheang Lek Choy, En. Mansoor Saat, En. Lim Heng Seng, En. Collin Andrew, Datuk Joy Wilson Appukuttan, En. Amrick Singh dan En. Nizam Bashir Abdul Kariem Bashir.

4. PEKERJA MIGRAN

Pada 13 April, SUHAKAM menganjurkan dialog dalam talian bertajuk "Keperluan dan Cabaran yang dihadapi Pekerja Migran dan Pekerja Tanpa Dokumen semasa Pandemik COVID-19". Dialog tersebut bertujuan mengenal pasti pelbagai cabaran yang dihadapi pekerja migran, termasuklah akses kepada makanan, bantuan kerajaan, perkhidmatan penjagaan kesihatan dan maklumat mengenai COVID-19, pembayaran gaji oleh majikan, risiko pemberhentian pekerja, penahanan pekerja migran dan kesesakan di pusat tahanan imigresen. Dalam kes pusat tahanan, SUHAKAM kerap kali mengingatkan kerajaan mengenai keadaan serta risiko jangkitan COVID-19 dan meminta Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Imigresen dan Polis Diraja Malaysia untuk mempunyai prosedur operasi standard (SOP) yang jelas selaras dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

SUHAKAM juga menyeru Kementerian Sumber Manusia dan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia iaitu Jabatan Tenaga Kerja (JTK), JTK Sabah dan JTK Sarawak untuk menyiasat aduan mengenai majikan yang tidak membayar gaji dan memantau situasi pemberhentian pekerja iaitu pekerja harus diberitahu dan diberhentikan berdasarkan prosedur yang betul. Lebih penting lagi, SUHAKAM mengesyorkan supaya kerajaan memberikan bantuan kepada kumpulan ini dengan memasukkan strategi komprehensif dalam Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN untuk meningkatkan pemulihan dan memberi bantuan kepada pekerja. Pada masa yang sama, pihak kedutaan dan Pejabat Suruhanjaya Tinggi perlu komited membantu warganya melalui perkhidmatan konsul, bantuan kewangan dan bekalan makanan.

5. PERBINCANGAN MEJA BULAT MENGENAI RANG UNDANG-UNDANG (RUU) SURUHANJAYA BEBAS TATAKELAKUAN POLIS (IPCC)

Pada 26 November, SUHAKAM dan Suara Rakyat Malaysia (SUARAM) menganjurkan program ini bertujuan menyusun semula cadangan yang diperolehi daripada masyarakat sivil dan agensi kerajaan berkaitan RUU

IPCC. Pesuruhjaya Dato' Mah Weng Kwai dan Dato' Seri Mohd Hishamudin Md Yunus merupakan panel pada program ini.

Selain itu, program ini diadakan susulan RUU IPCC yang dibentang di Dewan Rakyat pada bulan Ogos 2020. Berikut merupakan isu yang dibangkitkan:

- i. RUU IPCC ini tidak mengandungi intipati penting sepertimana RUU Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) 2019 dan saranan daripada Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mengenai Pasukan Polis pada 2005;
- ii. RUU IPCC tidak mempunyai kebebasan dan melemahkan fungsinya serta tiada peruntukan kuasa tata tertib untuk menangani salah laku polis.⁴
- iii. Terdapat juga beberapa peruntukan yang menyekat penyiasatan dan segala hal di bawah Perintah Tetap Ketua Polis Negara (IGSO) akan terkecuali daripada penyiasatan. RUU ini juga tidak memiliki kuasa tata tertib dan tidak meningkatkan kepercayaan masyarakat kepada polis, selain tidak bebas, tiada kebertanggungjawaban, mahupun ketelusan.
- iv. RUU ini tidak menunjukkan kepelbagaian dalam pelantikan Pesuruhjaya atau menjamin perlindungan kepada pemberi maklumat.
- v. Pelbagai pihak berkepentingan termasuk SUHAKAM dan organisasi masyarakat sivil (CSO) telah memberikan banyak cadangan kepada kerajaan untuk meningkatkan kebertanggungjawaban polis dan menggalakkan tadbir urus yang baik. Namun, cadangan ini tidak terkandung dalam RUU IPCC.

Perbincangan turut mengesyorkan agar SUHAKAM dan CSO meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai RUU IPCC melalui media sosial, televisyen, radio dan surat khabar. Penyebaran maklumat kepada orang ramai harus dibuat dalam bahasa Melayu. Di akhir program, semua penganjur dan peserta menzahirkan penghargaan serta ucapan terima kasih kepada mendiang Datuk Liew Vui Keong mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang) atas dedikasi yang diberikan dalam memastikan RUU IPCMC (sebelum ditukar nama kepada RUU IPCC) dapat direalisasikan.

⁴ Kenyataan Media SUHAKAM pada 27 Ogos 2020.

6. PENYELIDIKAN DAN ANALISIS UNDANG-UNDANG MALAYSIA (SIVIL DAN SYARIAH) DENGAN ENAM TRITI ANTARABANGSA DAN SATU DEKLARASI

Pada tahun 2018, SUHAKAM menerima geran daripada Kesatuan Eropah (EU) untuk melaksanakan projek 'Mempromosi Penyertaan Tetap Triti Antarabangsa Hak Asasi Manusia di Malaysia'. Objektif projek ini adalah untuk mempromosi dan menyokong penyertaan terhadap enam lagi baki triti yang belum disertai oleh Malaysia.

SUHAKAM berpandangan adalah perlu untuk melakukan penyelidikan dan analisis menyeluruh mengenai hubungkait peruntukan triti antarabangsa dengan undang-undang domestik. Tujuannya adalah untuk mewujudkan dan menyediakan hasil kerja berdasarkan bukti yang dapat digunapakai sebagai asas meningkatkan usaha mempromosi penyertaan kepada triti ini pada masa hadapan. SUHAKAM juga melihat kewajaran untuk mengkaji dan menganalisis Deklarasi PBB Mengenai Hak Orang Asal (UNDRIP) dengan memasukkan peruntukan tersebut ke dalam undang-undang dan polisi Malaysia yang mana dinilai relevan. SUHAKAM berhasrat menggunakan laporan penyelidikan ini untuk meningkatkan kesedaran yang lebih meluas kepada masyarakat dan agensi kerajaan. Laporan penyelidikan ini diharap dapat mempromosi pemahaman dan penerimaan mengenai keperluan dan kepentingan menyertai triti dan menggabungkannya dalam polisi dan undang-undang domestik.

Pada bulan Oktober 2019, sebanyak tujuh Perunding Penyelidikan yang terdiri daripada pakar undang-undang dan akademik terlibat dalam usaha penyelidikan mengenai kesesuaian undang-undang sivil dan syariah selain merancang hala tuju penyertaan Malaysia kepada enam triti berikut:

- i. Konvensyen Menentang Penyeksaan dan Layanan atau Hukuman lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan dan Menjatuhkan Maruah (UNCAT)**
- ii. Konvenan Antarabangsa Mengenai Hak Sivil dan Politik (ICCPR)**
- iii. Konvenan Antarabangsa Mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan (ICESCR);**
- iv. Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD);**
- v. Konvensyen Antarabangsa Mengenai Perlindungan Semua Orang Daripada Kehilangan Yang Dipaksa (ICPPED); dan**
- vi. Konvensyen Antarabangsa Mengenai Perlindungan Hak Semua Pekerja Migran dan Anggota Keluarga Mereka (ICMW).**

Para perunding penyelidikan telah menjalankan kajian primer dan sekunder sejajar Syarat Rujukan (ToR) masing-masing bermula tahun 2020 seperti sorotan kajian, melakukan undian awam dan tinjauan pendapat serta perspektif umum mengenai setiap triti antaranya melibatkan sesi temubual, mengedarkan borang soal selidik bertulis serta mengadakan sesi rundingan dan perbincangan meja bulat bersama pakar bidang khusus, agensi kerajaan dan CSO.

Sepanjang tempoh 13 bulan penyelidikan, termasuklah lanjutan masa tiga bulan disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), PKP Bersyarat (PKPB) serta PKP Pemulihan (PKPP), setiap perunding mengemukakan tiga laporan kemajuan, draf laporan penyelidikan dan serahan terakhir untuk semakan dan maklum balas Jawatankuasa Penyelidikan SUHAKAM. Projek penyelidikan ini dijangka siap pada tahun 2021.

7. KEBEBASAN BERPERSATUAN DAN UNDANG-UNDANG ANTI LOMPAT PARTI DARIPADA PERSPEKTIF HAK ASASI MANUSIA

Kebelakangan ini, Malaysia mengalami situasi di mana Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) tidak berkesudahan menukar parti mengikut kehendak peribadi dan agenda politik. Hak untuk mengundi sepertimana yang termaktub dalam Perkara 119(1) Perlembagaan Persekutuan membentuk asas kepada kuasa perwakilan yang dipilih untuk menjadi sebahagian daripada sistem pentadbiran kerajaan. Rakyat yang mengundi bagi memberikan kuasa untuk membentuk kerajaan, oleh itu, sekiranya wakil yang dipilih beralih ke parti yang lain kerana mengamalkan hak bersatu, rakyat sewajarnya berhak untuk mengundi dan memilih wakil sekali lagi.

Kebebasan bersatu diperakui di bawah Artikel 20(1) UDHR dan Artikel 22(1) ICCPR. Dalam hal ini, kerajaan bertanggungjawab untuk tidak menghalang kebebasan bersatu dan ahli persatuan harus bebas menentukan undang-undang dan membuat keputusan tanpa campur tangan kerajaan. Parti politik menjadi tumpuan kepada rakyat bagi menjalankan hak untuk mengundi dan mengendalikan urusan awam serta fungsi demokrasi yang betul. Pada masa yang sama, amalan menukar kesetiaan politik oleh wakil yang dipilih secara signifikan telah merosakkan kepercayaan para pengundi.

Di kebanyakan negara, termasuklah India, Singapura, Afrika Selatan dan New Zealand telah memperkenalkan mekanisma dalam undang-undang untuk mengatasi amalan menukar parti politik, misalnya

Perlembagaan Republik Singapura memperuntukkan bahawa kerusi anggota dewan akan menjadi kosong sekiranya seseorang anggota berhenti, dibuang atau mengundurkan diri daripada parti politik yang menjadi pilihannya semasa pilihan raya. Parlimen Singapura akan memutuskan pembatalan kelayakan dan penentuan tersebut adalah muktamad. Kerusi yang dibatalkan akan diisi melalui pilihan raya baharu.

SUHAKAM berpandangan bahawa parti politik perlu dikawal oleh undang-undang dan peraturan yang berasingan daripada persatuan, atau pertubuhan lain. Undang-Undang "Anti Lompat Parti" perlu digubal bagi menjamin kestabilan politik dan menamatkan kebebasan menukar parti pada masa yang sama mengukuhkan demokrasi dan melindungi hak warganegaraanya. Ahli Parlimen dan ADUN dipilih untuk mewakili suara pengundi yang seharusnya memperjuangkan keperluan dan pandangan rakyat, bukan sebaliknya. Kita seharusnya bersama-sama menjadi lebih peka dan meningkatkan usaha untuk mengukuhkan kepercayaan rakyat dalam pilihan raya dan proses demokrasi yang mana sekiranya ia gagal dilaksanakan, ia menjadi satu kerugian kepada negara.

HARAPAN MASA HADAPAN

Pandemik COVID-19 telah mempengaruhi negara seluruh dunia. Biar pun keadaan dunia tidak menentu, SUHAKAM tetap komited mendukung mandatnya menasihati kerajaan dalam merancang dasar dan undang-undang berkaitan hak asasi manusia. Walaupun berhadapan beberapa cabaran menyelesaikan pelan kerja LITD bagi tahun 2020, bahagian ini berjaya melaksanakan hampir kesemua aktiviti yang dirancang serta menerbitkan beberapa kertas cadangan berkenaan pendirian SUHAKAM dalam isu berkaitan perundangan dan hak asasi manusia serta meluaskan peranan sebagai *amicus curiae* di mahkamah. Fokus utama bahagian ini juga adalah supaya Akta SUHAKAM dapat dipinda pada tahun hadapan. Selain itu LITD juga efektif menyiapkan beberapa kertas dasar mengenai impak COVID-19 terhadap pekerja migran, wanita dan kebebasan sivil.

Perancangan SUHAKAM pada tahun 2021 adalah untuk menyiapkan aktiviti berkaitan Konvensyen Hak Orang Kurang Upaya (CRPD) dan Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW). Perancangan ini sejajar dengan persiapan SUHAKAM untuk menyerahkan laporan bebas kepada Jawatankuasa PBB mengenai CEDAW dan CRPD sebelum Mac 2022.

SUHAKAM ambil maklum pengumuman Parlimen untuk menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen mengenai Kebebasan Asasi dan Hak Perlembagaan pada bulan November 2020. SUHAKAM juga bersedia dan akan merebut peluang untuk melibatkan diri dengan Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut untuk meningkatkan perlindungan dan memajukan taraf hak asasi manusia di Malaysia.

B. HAK EKONOMI, SOSIAL DAN KEBUDAYAAN

LATAR BELAKANG

Bahagian Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan (ESCRD) menyokong peranan SUHAKAM menasihati kerajaan dalam aspek dasar terutama yang berkaitan dengan hak ekonomi, sosial dan kebudayaan selari dengan piawaian hak asasi manusia. Namun begitu, penularan pandemik COVID-19 sedikit sebanyak mempengaruhi pelaksanaan aktiviti bahagian. Beberapa aktiviti ditangguhkan dan sebahagian lagi disemak semula untuk disesuaikan dengan norma baharu.

Tahun ini, ESCRD mempergiatkan lagi kerja dan advokasi mengenai hak asasi manusia dan perniagaan, tindakan susulan kepada Laporan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asli/Asal, tanpa kewarganegaraan, serta hak asasi manusia dan kemiskinan.

1. HAK ASASI MANUSIA DAN TANPA KEWARGANEGARAAN

Pada 11 Jun, SUHAKAM menganjurkan dialog dalam talian mengenai 'Hak Asasi Manusia dan Tanpa Kewarganegaraan di Malaysia'. Lebih 70 orang peserta terdiri daripada peguam, ahli akademik dan CSO menghadiri dialog tersebut. Objektif dialog adalah untuk mengetahui kebimbangan individu tanpa kewarganegaraan di Malaysia.

Para peserta membincangkan isu hak ekonomi, sosial dan kebudayaan serta memahami cabaran dan halangan yang dihadapi untuk mendapatkan kerakyatan di Malaysia. Peserta juga berkongsi amalan terbaik dan cabaran dalam pembangunan dasar berhubung tanpa kewarganegaraan, mengkaji undang-undang dan peraturan sedia ada mengenai individu tanpa kewarganegaraan dan mencadangkan syor yang relevan.

Walaupun dilahirkan dan menetap di negara ini sepanjang hidup, individu tanpa kewarganegaraan ini berdepan pelbagai cabaran dalam mencapai hak kepada pendidikan, penjagaan kesihatan, pekerjaan, perumahan, keselamatan sosial, kebebasan bergerak, penglibatan politik dan hak mengundi sepertimana yang dinikmati oleh individu berstatus warganegara. Sebahagiannya juga berdepan risiko menjadi mangsa eksploitasi, penangkapan dan penahanan sewenang-wenangnya serta pengusiran.

SUHAKAM mendapati antara punca kepada isu tanpa kewarganegaraan di Malaysia adalah kerana kurangnya pengetahuan mengenai kepentingan dokumen yang sah; kurangnya akses kepada perkhidmatan pendaftaran; isu pentadbiran atau prosedur yang tidak konsisten bagi mendapatkan dokumen; perkahwinan ibu bapa yang tidak didaftarkan; tiada bukti kelahiran atau tiada dokumen pengenalan; maklumat latar belakang bagi kanak-kanak yang ditinggalkan dan jurang dalam undang-undang kewarganegaraan.

Peserta juga membangkitkan kerisauan mengenai peruntukan bersifat diskriminasi dalam Perlembagaan Persekutuan yang melibatkan kewarganegaraan iaitu wanita warganegara Malaysia yang berkahwin dengan lelaki bukan warganegara tidak boleh mendapatkan status warganegara Malaysia untuk anaknya yang dilahirkan di luar negara secara saksama sebagaimana lelaki warganegara Malaysia. Kanak-kanak yang dilahirkan dalam situasi tersebut mungkin tidak memiliki kewarganegaraan atau berisiko menjadi individu tanpa kewarganegaraan sekiranya tidak memperoleh kerakyatan daripada bapa.

Selain itu terdapat kerisauan berhubung kekurangan peraturan yang mengawasi pengurusan serta penggunaan ibu tumpang, ketiadaan undang-undang berhubung pengambilan anak angkat serta prosedur yang berbeza berkenaan pengangkatan anak.

Bagi menangani isu tanpa kewarganegaraan, SUHAKAM mengulangi seruannya kepada kerajaan untuk menyertai instrumen hak asasi manusia antarabangsa iaitu Konvensyen Mengenai Status Orang Tanpa Kewarganegaraan 1954, Konvensyen Mengenai Pengurangan Tanpa Kewarganegaraan 1961 dan Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951.

Penyertaan dalam konvensyen ini sekurang-kurangnya dapat memastikan individu tanpa kewarganegaraan, terutamanya kanak-kanak tidak dinafikan hak kewarganegaraan sewenang-wenangnya. Ia juga memastikan kewarganegaraan diberikan dalam keadaan tertentu, yang mana seseorang mungkin menjadi individu tanpa kewarganegaraan; dan kanak-kanak yang kekal tanpa kewarganegaraan akan mendapat perlindungan.

2. HAK ASASI MANUSIA DAN KEMISKINAN

Laporan Pelapor Khas PBB mengenai Kemiskinan Tegar dan Hak Asasi Manusia, Prof. Philip Alston, telah diterbitkan pada 7 Julai. Susulan itu pada 22 September, SUHAKAM menganjurkan dialog dalam talian mengenai 'Hak Asasi Manusia dan Kemiskinan' untuk membincangkan mengenai laporan ini seterusnya mengenal pasti kesan COVID-19 terhadap kumpulan rentan. Sebanyak 65 peserta daripada CSO, ahli akademik, institut penyelidikan, agensi PBB, dan individu mengambil bahagian dalam sesi dialog tersebut.

SUHAKAM melihat kemiskinan berterusan dari segi ekonomi dan sosial golongan rentan termasuklah ibu tunggal, warga tua, orang kurang upaya (OKU), pekerja ladang, komuniti orang asli/asal, serta isi rumah miskin luar bandar dan bandar. Ketiadaan sistem perlindungan sosial menjadikan golongan ini semakin tidak selamat dan tidak dapat melibatkan diri secara saksama dalam ekonomi dan sosial masyarakat secara keseluruhannya.

Misalnya kebanyakan warga emas mempunyai simpanan persaraan kurang daripada RM50,000 dalam akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).⁵ Pengeluaran wang simpanan dibuat semasa berumur 55 tahun dan ia mungkin hanya dapat bertahan kurang daripada tiga tahun. Sementara itu, majoriti ibu tunggal dan OKU bergantung kepada upah harian sebagai punca pendapatan. Kelewatan proses mahkamah dan keengganan bekas suami membayar nafkah turut membebankan ibu tunggal yang mempunyai hak penjagaan anak.

Di samping itu, komuniti orang asli/asal yang merupakan kumpulan paling rentan terus bergantung kepada hasil hutan sebagai sumber makanan dan mengekalkan cara hidup. Sekatan akses ke kawasan hutan memberi kesan kepada kesejahteraan dan kelangsungan hidup sehingga ada individu yang ditahan kerana memasuki hutan tanpa permit dan lesen.

⁵ <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/09/25/epf-over-50pc-contributors-above-54-have-savings-of-below-rm50000/1906759>

Sebahagian besar orang asal di Sarawak pula tidak mempunyai sijil kelahiran dan kad pengenalan diri atas pelbagai sebab antaranya kegagalan memenuhi syarat permohonan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), kurangnya akses ke pejabat dan fasiliti pendaftaran serta ketidakupayaan membayar yuran pemrosesan dan kos pengangkutan.

Syarat bagi ibu bapa untuk mengemukakan kad pengenalan dan sijil perkahwinan semasa mendaftar kelahiran anak juga sukar dipenuhi kerana kebanyakan tidak memiliki dokumen tersebut. Tambahan pula, akses yang terhad kepada pendidikan, khidmat penjagaan kesihatan, bahkan tercicir daripada program pembasmian kemiskinan juga menjadi faktor.

Keresahan berhubung kekurangan infrastruktur dan pembangunan fasiliti, terutama sekali talian internet dan kemudahan asas seperti bekalan elektrik, air bersih, penjagaan kesihatan, jalan yang menghubungkan kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak turut diutarakan.

Sehubungan itu, SUHAKAM mengesyorkan supaya definisi kemiskinan dan pendapatan garis kemiskinan mengambil kira aspek hak asasi manusia yang mempengaruhi serta memberi kesan besar kepada kemiskinan. SUHAKAM mengesyorkan penggunaan Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) untuk mengira kadar kemiskinan Malaysia. Pengiraan kemiskinan yang lebih tepat akan membantu pembuat dasar mengenal pasti dan menyasarkan program meringankan kemiskinan kepada isi rumah, kumpulan dan individu yang memerlukan bantuan dan sokongan.

3. PELAN TINDAKAN PERPADUAN NEGARA 2021-2025

Kerajaan sedang membangunkan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2025 justeru SUHAKAM berperanan menyediakan input dan mengambil bahagian dalam perbincangan yang diadakan pada 11 Ogos. SUHAKAM percaya nikmat hak asasi manusia yang bermakna perlu berasaskan kepada penyertaan pemilik hak asasi manusia dalam sebarang proses yang akan memberi kesan kepada kesejahteraan hidup. SUHAKAM berharap kerajaan akan komited untuk melibatkan diri dan bekerjasama dengan pemegang taruh bagi mendapatkan maklum balas mengenai pelan tindakan tersebut.

HARAPAN MASA HADAPAN

ESCRD akan terus terlibat dan bekerjasama erat dengan agensi kerajaan, NGO dan CSO, sektor perniagaan dan pemegang taruh lain untuk menangani pelbagai isu hak ekonomi, sosial dan kebudayaan di Malaysia.

1.3 ADUAN DAN PEMANTAUAN


LATAR BELAKANG

Sebanyak 756 aduan direkodkan sepanjang tahun 2020 iaitu 375 aduan diterima di Ibu Pejabat Kuala Lumpur manakala 311 dan 70 aduan masing-masing di Pejabat Sabah dan Sarawak. Aduan diterima dalam bentuk memorandum, e-mel, surat, panggilan telefon, temu duga terbuka, sistem e-aduan dan penyerahan semasa program SBM. Semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac sehingga Mei dan PKPB (PKP Bersyarat) di beberapa tempat (iaitu Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya) pada Oktober dan November, pengadu digalakkan menggunakan telefon, e-mel dan sistem aduan dalam talian untuk membuat aduan.


1. SIASATAN ADUAN

Setelah diteliti secara keseluruhan, SUHAKAM memutuskan bahawa 239 aduan adalah di luar bidang kuasa SUHAKAM. Sebanyak 142 daripada 517 aduan telah diselesaikan. Bakinya masih dalam siasatan. Bilangan aduan tertinggi adalah berkaitan dengan (i) kewarganegaraan, diikuti (ii) penangkapan, penahanan dan pembuangan negeri secara sewenang-wenangnya, (iii) keselamatan dan kebebasan individu, (iv) penyeksaan dan layanan atau hukuman lain yang zalim, tidak berperikemanusiaan dan menjatuhkan maruah, serta (v) kematian dalam tahanan.

Rajah 1: Aduan hak asasi manusia, tahun 2016 hingga 2020



Rajah 2: Bilangan kes selesai dan masih dalam siasatan, 2020



Jadual 6: Pecahan aduan mengenai hak asasi manusia, 2020

| BIL. | PERKARA | SEMENANJUNG | SABAH | SARAWAK |
|------|---|-------------|-------|---------|
| 1. | Maruah diri | 2 | 0 | 1 |
| 2. | Diskriminasi/Hak Kesaksamaan (berdasarkan perkauman, agama, jantina, kurang upaya, fahaman politik dan lain-lain) | 12 | 1 | 2 |
| 3. | Hak untuk hidup | 19 | 2 | 1 |
| 4. | Hak kebebasan dan keselamatan diri | 28 | 1 | 1 |
| 5. | Pemerdagangan/ Penyeludupan manusia | 9 | 0 | 0 |
| 6. | Penyeksaan dan Layanan atau Hukuman lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan dan Menjatuhkan Maruah | 28 | 0 | 2 |
| 7. | Tangkapan, tahanan dan pembuangan negeri secara sewenang-wenangnya | 34 | 3 | 0 |
| 8. | Hak pembelaan/perbicaran adil dan terbuka | 13 | 0 | 0 |
| 9. | Hak kepada kerahsiaan | 1 | 1 | 0 |
| 10. | Kebebasan bergerak | 8 | 0 | 0 |
| 11. | Hak untuk mendapatkan suaka dan status pelarian | 5 | 0 | 0 |

| BIL. | PERKARA | SEMENANJUNG | SABAH | SARAWAK |
|---------------|--|-------------|------------|-----------|
| 12. | Hak kepada kewarganegaraan | 6 | 116 | 9 |
| 13. | Hak kepada pemilikan harta | 6 | 30 | 5 |
| 14. | Kebebasan berfikir, kepercayaan dan beragama | 5 | 0 | 7 |
| 15. | Hak berpendapat dan bersuara | 4 | 0 | 0 |
| 16. | Kebebasan berhimpun secara aman | 1 | 0 | 0 |
| 17. | Kebebasan bersatu | 1 | 1 | 0 |
| 18. | Hak untuk bekerja/pekerjaan dan hak pekerja migran | 9 | 14 | 6 |
| 19. | Hak kepada taraf kehidupan yang mencukupi (makanan, pakaian, perumahan, penjagaan kesihatan) | 25 | 6 | 3 |
| 20. | Hak kepada pendidikan | 1 | 3 | 2 |
| 21. | Hak alam sekitar | 1 | 1 | 0 |
| 22. | Hak tanah adat anak negeri | 9 | 7 | 1 |
| 23. | Hak kanak-kanak | 25 | 1 | 1 |
| 24. | Hak untuk hidup berkeluarga | 25 | 0 | 0 |
| 25. | Ucapan kebencian | 1 | 0 | 0 |
| 26. | Buruh paksa | 1 | 0 | 0 |
| 27. | Lain – lain | - | 5 | 5 |
| JUMLAH | | 279 | 192 | 46 |

2. LAWATAN KE TEMPAT TAHANAN

Bahagian Aduan dan Pemantauan (CMD) telah melakukan sembilan lawatan secara berkala ke tempat tahanan (sehingga September 2020). Jumlah lawatan adalah berkurangan berbanding tahun sebelumnya akibat pandemik COVID-19. Walau bagaimanapun, lawatan kes ke tempat tahanan masih dijalankan, kecuali semasa kes COVID-19 meningkat dari bulan Mac hingga Mei dan pada bulan Oktober. Sepanjang tahun ini, SUHAKAM telah melawat penjara, lokap dan pusat reman iaitu Penjara Pengkalan Chepa di Kelantan, Penjara Dusun Dato' Murad di Melaka, Penjara Kajang di Selangor, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Bharu,

IPD Melaka Tengah dan Pusat Reman Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Pasir Mas, Kelantan. SUHAKAM turut melawat pusat tahanan sementara bagi pesalah PKP di Kajang, rumah perlindungan bagi mangsa pemerdagangan manusia di Tanjung Kling, Melaka dan Kem Bina Negara Wawasan iaitu tempat tahanan sementara bagi pelarian dan pencari suaka yang tiba di Langkawi, Kedah dengan menaiki bot.

Semasa lawatan tersebut, SUHAKAM mendapati kebanyakan pusat tahanan tidak mempunyai kemudahan asas dan infrastruktur yang mencukupi. Di **Penjara Pengkalan Chepa**, kesesakan berlaku yang mana terdapat hampir 3,000 banduan walaupun kapasiti sebenar hanya seramai 1,500 banduan sahaja. Secara keseluruhannya, penjara tersebut kelihatan sangat usang. Terdapat juga kekerapan gangguan bekalan air dan elektrik. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga telah mengarahkan dapur ditutup kerana tidak bersih namun tidak dapat dilakukan kerana ia satu-satunya ruang untuk menyediakan makanan untuk banduan. Di **Penjara Dusun Dato' Murad**, kenderaan yang digunakan oleh kakitangan penjara untuk membawa banduan juga berada dalam keadaan yang tidak memuaskan. Selain itu, tiada kamera litar tertutup (CCTV) di blok tahanan untuk memantau keselamatan kakitangan dan banduan.

Di **IPD Kota Bahru**, SUHAKAM mengenal pasti beberapa isu antaranya adalah keperluan asas seperti sabun, ubat dan berus gigi serta tuala bersih tidak disediakan kepada tahanan. Kealpaan ini boleh mengakibatkan pelbagai penyakit disebabkan keadaan yang kotor. Tambahan lagi, terdapat juga isu penyelenggaraan melibatkan CCTV yang tidak berfungsi dan bumbung yang bocor. SUHAKAM juga mendapati ketiga-tiga lokap yang berada di bawah pengawasan **IPD Melaka Tengah iaitu Balai Polis Bandar Hilir, Balai Polis Batu Berendam dan Balai Polis Malim** gagal untuk menyediakan kemudahan asas seperti sabun, berus dan ubat gigi serta tuala bersih yang sememangnya penting untuk kesejahteraan tahanan. Semua lokap ini memerlukan penambahbaikan yang serius terutamanya lokap juvana. Selain daripada pemberian vaksin kepada kakitangan, CCTV juga harus diselenggara.

Lawatan SUHAKAM ke **Pusat Reman AADK Pasir Mas** mendapati tiada sebarang masalah yang ketara. Memandangkan tempat tahanan tersebut adalah sebuah bangunan baharu, tiada sebarang masalah mengenai kebersihan dan kesesakan. SUHAKAM dimaklumkan bahawa individu yang menghidapi penyakit kronik atau mengalami masalah fizikal semasa serbuan dibuat akan dilepaskan dengan jaminan bagi

mengelakkan sebarang masalah kesihatan yang tidak diingini berlaku sekiranya dalam tempoh tahanan.

Lawatan SUHAKAM ke **Rumah Perlindungan Permerdagangan Orang di Tanjung Kling, Melaka** mendapati adanya keperluan untuk penambahbaikan. Rumah perlindungan ini memerlukan kakitangan yang bertanggungjawab untuk pengurusan penjagaan kesihatan. SUHAKAM mengesyorkan agar saringan kesihatan dilakukan kepada semua mangsa semasa proses penempatan di rumah perlindungan.

3. COVID-19 DI TEMPAT TAHANAN

Tempat tahanan di Malaysia terjejas teruk akibat daripada pandemik COVID-19. Pada bulan Mac dan April, SUHAKAM memaklumkan secara rasmi kepada pusat tahanan agar mengambil langkah-langkah pencegahan. Selepas meneliti garis panduan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Dadah dan Jenayah (UNODC) dan Reformasi Hukuman Antarabangsa (*Penal Reforms Internationals* atau PRI), SUHAKAM sekali lagi memaklumkan senarai syor untuk pertimbangan dan pelaksanaan oleh tempat tahanan seluruh Malaysia.

Selain itu, SUHAKAM turut memajukan syor berkenaan isu kesesakan di pusat tahanan terutamanya di penjara kepada Jabatan Kehakiman dan Jabatan Peguam Negara (AGC). Kegusaran utama SUHAKAM adalah kesesakan di tempat tahanan akan meningkatkan risiko penularan COVID-19. Justeru, SUHAKAM mencadangkan tiga langkah untuk mengurangkan kesesakan di penjara iaitu (i) memperkenalkan sistem jamin tanpa bayaran untuk mengurangkan bilangan banduan reman; (ii) membebaskan banduan daripada golongan rentan seperti warga emas dan orang kurang upaya (OKU); dan (iii) melaksanakan hukuman alternatif kepada kesalahan imigresen dan pelanggaran SOP PKP.

SUHAKAM merakamkan penghargaan kepada Jabatan Penjara Malaysia atas inisiatifnya mengambil langkah-langkah pencegahan penularan COVID-19 dalam kalangan banduan dengan penubuhan penjara satelit. Penjara satelit ini berperanan sebagai pusat kuarantin selama 14 hari untuk tahanan reman dan banduan yang disabit kesalahan sebelum dihantar ke penjara. Terdapat lima penjara satelit di Malaysia iaitu di (i) Kuala Kubu Bharu dan (ii) Beranang, Selangor; (iii) Kuala Kangsar, Perak; (iv) A Famosa, Melaka; dan (v) Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

4. PENAMBAHBAIKAN KEADAAN TEMPAT TAHANAN

4.1 Unit Perubatan Tahanan di lokap

SUHAKAM tetap komited untuk bekerjasama dengan PDRM dan KKM bagi memastikan penubuhan Unit Perubatan Tahanan (*Custodial Medical Unit* atau CMU) di lokap polis. SUHAKAM berharap dengan penubuhan CMU, ia dapat mengatasi masalah kesihatan dan kes kematian dalam tahanan polis. Justeru, SUHAKAM akan terus melibatkan PDRM dan KKM dalam usaha mewujudkan CMU fasa pertama di lima lokap berpusat berikut:

- i. Lokap Berpusat Jinjang, Kuala Lumpur
- ii. Lokap Berpusat Shah Alam, Selangor
- iii. Lokap Berpusat Bayan Baru, Pulau Pinang
- iv. Lokap Berpusat Indera Mahkota, Pahang
- v. Lokap Berpusat Kepyayan, Sabah

Pada bulan Ogos, SUHAKAM telah menganjurkan satu bengkel penyediaan SOP untuk pelaksanaan CMU sebelum pelancaran secara rasmi pada bulan November. Namun, disebabkan pandemik COVID-19 di Malaysia, pelancaran ditangguhkan ke suku pertama tahun 2021. SUHAKAM berharap usaha ini dapat diperluaskan ke lokap polis di semua daerah secara berperingkat bermula tahun 2021. Sementara itu, PDRM juga harus memperbaiki atau menambahbaik SOP mengenai penahanan individu dalam lokap polis. Selepas penangkapan, polis harus membawa individu ke klinik terdekat untuk menilai kesihatan dan kecergasan, sama ada sesuai untuk ditahan atau tidak. Tahanan perlu segera dibebaskan selepas siasatan, atau secara alternatifnya membuat aturan supaya soal siasat dapat dibuat kemudian. Namun jika siasatan mengambil masa lebih daripada 24 jam, tahanan yang tidak sihat harus dibebaskan dengan jaminan polis.

4.2 Rawatan perubatan bagi banduan di klinik penjara

Berdasarkan statistik yang diberikan Jabatan Penjara Malaysia, jumlah kematian dalam penjara adalah seperti berikut;

Jadual 7: Kematian di penjara

| Bil. | Tahun | Jumlah |
|------|-------|-------------------------|
| 1. | 2018 | 345 |
| 2. | 2019 | 405 |
| 3. | 2020 | 188 (sehingga Jun 2020) |

Merujuk kepada maklumat yang diberikan kepada SUHAKAM, semua kematian adalah disebabkan masalah kesihatan. Setakat ini, terdapat 73,000 banduan yang ditempatkan di penjara walaupun kapasiti hanya boleh menempatkan sebanyak 52,000⁶ banduan sahaja. Kesesakan penjara memberi kesan kepada kesihatan banduan. Berdasarkan jumlah banduan, SUHAKAM berpandangan bahawa jumlah kakitangan kesihatan di penjara adalah tidak mencukupi untuk merawat banduan. Oleh itu kerajaan perlulah menambah jumlah kakitangan kesihatan melalui KKM terutamanya doktor untuk memastikan rawatan perubatan mencukupi.

4.3 Rawatan perubatan untuk tahanan di depot imigresen

Timbalan Menteri Dalam Negeri, YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said telah memaklumkan kepada Parlimen pada bulan Julai 2020⁷ bahawa jumlah tahanan di pusat tahanan imigresen adalah sebanyak 15,163 orang (sehingga 1 Julai 2020) berbanding kapasiti depot pada satu-satu masa iaitu 12,530 tahanan. Parlimen juga dimaklumkan bahawa dari Januari hingga Jun 2020, seramai 23 tahanan meninggal dunia di depot imigresen⁸ di seluruh negara melibatkan 18 orang lelaki dewasa, tiga orang wanita dewasa dan dua orang kanak-kanak.

⁶ Jabatan Penjara Malaysia semasa Perbincangan Meja Bulat dalam Menangani Kudis Buta di Pusat Tahanan, 22 Oktober 2020.

⁷ <https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/KKDR-20072020.pdf>.

⁸ <https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/08/07/214-died-during-detention-in-first-six-months>.

Semasa lawatan SUHAKAM ke depot imigresen di seluruh Malaysia, SUHAKAM mendapati hanya pembantu perubatan (MA) ditempatkan untuk memberi rawatan kesihatan kepada tahanan. MA dibantu oleh kakitangan imigresen di klinik. SUHAKAM juga mengambil maklum perkhidmatan klinik bergerak terdekat di depot imigresen yang mana terdapat seorang doktor untuk merawat tahanan yang tidak sihat dan memberikan rawatan lanjut. Namun, SUHAKAM berpandangan kerajaan melalui KKM, harus menempatkan pegawai perubatan di setiap pusat tahanan imigresen.

5. KEMATIAN DALAM TAHANAN

SUHAKAM menyiasat 12 kes kematian dalam tahanan pada tahun ini, lima daripadanya telah selesai manakala tujuh kes masih dalam siasatan. Selain aduan daripada ahli keluarga dan NGO, SUHAKAM juga mengambil inisiatif sendiri untuk menjalankan siasatan bagi kematian dalam tahanan yang mendapat perhatian SUHAKAM. Berdasarkan 12 kes, enam kematian berlaku di penjara, empat dan dua kes masing-masing berlaku di lokap polis dan depot tahanan imigresen. Memandangkan kematian dalam tahanan adalah isu hak asasi manusia yang meruncing, SUHAKAM boleh menyiasat tanpa sebarang aduan daripada mana-mana pihak. Proses siasatan akan melibatkan perbincangan dan mesyuarat serta temubual atau merekod keterangan daripada saksi, ahli keluarga, banduan dan kakitangan perubatan termasuk ahli patologi yang melakukan bedah siasat. SUHAKAM juga membuat lawatan ke pusat tahanan iaitu lokasi kematian tersebut berlaku, membuat permohonan bagi mendapatkan dokumen yang berkaitan dan salinan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) serta perkara lain berkaitan kes.

Jadual 8 : Siasatan kematian dalam tahanan

| Penjara | Depot Imigresen | Lokap Polis |
|---|---------------------|-------------------|
| i. Penjara Sg. Buloh (2 kes) | i. Bukit Jalil | i. IPD Dang Wangi |
| ii. Penjara Kajang (2 Kes) | ii. Machap Umboo | ii. IPD Jinjang |
| iii. Penjara Pengkalan Chepa (1 Kes) | | iii. IPD Segamat |
| iv. Penjara Bentong (1 Kes) | | iv. IPD Bentong |

5.1 Kematian dalam tahanan di penjara

SUHAKAM menyiasat enam kes kematian di penjara iaitu Penjara Sungai Buloh dan Kajang di Selangor, Penjara Bentong, Pahang dan Penjara Pengkalan Chepa, Kelantan. SUHAKAM berjaya menyelesaikan dua kes (Penjara Sungai Buloh dan Penjara Kajang) manakala empat kes masih dalam siasatan.

Kes 1: Banduan di Penjara Sungai Buloh disahkan meninggal dunia di Hospital Sungai Buloh pada 2 Julai. Banduan dipenjara sejak tahun 2019 dan sedang menunggu perbicaraan di Mahkamah Tinggi. Siasatan mengesahkan banduan itu meninggal dunia akibat serangan jantung. Ini berdasarkan keterangan ahli patologi yang melakukan bedah siasat dan doktor yang merawat banduan semasa di penjara. SUHAKAM berpuas hati bahawa tiada unsur keganasan atau faktor lain menyebabkan kematian banduan. SUHAKAM turut **mengesyorkan penambahbaikan rawatan perubatan bagi banduan di Penjara Sungai Buloh** seperti berikut:

- i. Anggota perubatan perlu ditambah di Penjara Sungai Buloh untuk memberi rawatan kepada banduan;
- ii. Laporan perubatan dan rawatan yang diterima banduan perlu dikemas kini dan dikongsi bersama keluarga dari semasa ke semasa. Ini dapat menyangkal tuduhan atau menangkis persepsi negatif ahli keluarga bahawa pentadbiran penjara tidak memberikan rawatan perubatan kepada banduan; dan
- iii. Mengatasi isu kesesakan di Penjara Sungai Buloh.

Kes 2: Pada 2 Januari, seorang banduan warganegara Syria yang dipenjara selama empat bulan telah meninggal dunia di Penjara Kajang akibat abses serebrum (bengkak bernanah dalam bahagian otak). Siasatan SUHAKAM melibatkan temu bual bersama doktor dan banduan yang tinggal dalam sel yang sama mendapati ia adalah kematian mengejut. Keluarga banduan sedia maklum dan berpuas hati dengan siasatan yang dijalankan serta bersetuju tiada keperluan untuk melakukan autopsi.

5.2 Kematian dalam tahanan di lokap polis

SUHAKAM menyiasat empat kes kematian yang berlaku di lokap IPD Dang Wangi, IPD Jinjang, IPD Segamat dan IPD Bentong. Dua kes berjaya diselesaikan manakala dua kes lagi masih dalam siasatan.

SUHAKAM mengambil inisiatif menyiasat kes kematian warganegara Nepal pada 31 Mei di Lokap Berpusat Jinjang, Kuala Lumpur. SUHAKAM dimaklumkan bahawa tahanan meninggal dunia akibat sawan dan hasil siasatan SUHAKAM juga mendapati sebab yang sama.

Selain itu, SUHAKAM juga menyiasat satu kes kematian pada 25 Jun di Lokap IPD Dang Wangi, Kuala Lumpur. Menurut ahli keluarga, lelaki berusia 46 tahun itu ditangkap pada 24 Jun dan dibawa ke Lokap IPD Dang Wangi. Tahanan tersebut meninggal dunia pada keesokan harinya kira-kira jam 12.38 tengah hari akibat serangan jantung. Hasil bedah siasat menunjukkan penyebab kematian adalah penyakit jantung.

Susulan dua kes tersebut SUHAKAM mengesyorkan kepada PDRM untuk memastikan pegawai perubatan memeriksa setiap tahanan bagi mengesahkan sama ada tahanan itu sesuai untuk ditempatkan di sel atau memerlukan rawatan lanjut di hospital.

5.3 Kematian dalam tahanan di depot imigresen

SUHAKAM menyiasat dua kematian yang berlaku di Depot Imigresen Bukit Jalil, Kuala Lumpur dan Depot Imigresen Machap Umboo di Melaka. Satu kes selesai manakala satu lagi kes masih dalam siasatan.

SUHAKAM menerima aduan mengenai kematian seorang warganegara Pakistan di Depot Imigresen Machap Umboo pada 29 Julai akibat jangkitan di bahagian dada. Banduan tersebut juga pernah berada di Penjara Sungai Udang dari 22 November 2019 hingga 11 Julai 2020.

Siasatan SUHAKAM mendapati punca kematian si mati adalah seperti yang dinyatakan. Autopsi juga tidak menunjukkan tanda kecederaan yang boleh menyebabkan kematian. Berikut merupakan syor untuk memperbaiki rawatan kepada tahanan di depot:

- i. Kesukaran mengekalkan penjarakan sosial dalam kalangan tahanan apabila berlakunya kesesakan di penjara dan depot imigresen. Sekiranya perkara ini tidak dapat diselesaikan segera, ia akan menyebabkan penyebaran COVID-19 dan masalah berkaitan kesihatan lain yang mungkin mengakibatkan kematian;

- ii. Pengurusan penjara dan depot imigresen harus memastikan bekalan air mencukupi untuk tahanan membersihkan diri, bekalan sabun, berus dan ubat gigi yang mencukupi bagi memastikan tahanan dapat mengamalkan kebersihan.

6. REMAN BERANTAI

Susulan perbincangan meja bulat mengenai tangkapan reman berantai anjuran SUHAKAM pada tahun 2019 dan syor yang dikemukakan, SUHAKAM telah mengadakan perbincangan susulan bersama Majlis Peguam Malaysia, Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) dan ahli akademik bagi membantu SUHAKAM memperkemas dan memperkukuh syor yang diperolehi. Seterusnya, syor tersebut dimajukan kepada Badan Kehakiman, PDRM dan YBGK. SUHAKAM berharap kerajaan dapat mempertimbangkan syor yang komprehensif ini dan meminda undang-undang berkaitan yang melibatkan prosedur tangkapan dan siasatan.

7. PERBINCANGAN MEJA BULAT DALAM MENANGANI PENYAKIT KUDIS BUTA DI PUSAT TAHANAN

Semasa lawatan berkala, SUHAKAM mendapati kebanyakan tempat tahanan di Malaysia mempunyai masalah kudis buta (skabies) yang teruk. Ia menunjukkan penyakit kulit yang berjangkit ini sukar dirawat dan boleh mempengaruhi aktiviti rutin tahanan dan kakitangan di tempat tahanan. Selaras dengan piawaian antarabangsa seperti Peraturan Nelson Mandela, penyediaan penjagaan kesihatan untuk tahanan adalah tanggungjawab negara serta piawaian etika dan profesional yang sama digunakan dalam hubungan antara pegawai kesihatan dan tahanan sepertimana yang diguna pakai dalam masyarakat.

Justeru, SUHAKAM telah menganjurkan Perbincangan Meja Bulat dalam Menangani Skabies di Pusat Tahanan pada 22 Oktober dengan menjemput semua agensi kerajaan berkaitan, pihak pengurusan tempat tahanan serta beberapa NGO berkaitan untuk membincangkan masalah, cabaran dan langkah untuk menangani penyakit ini. Perbincangan ini merupakan tindakan susulan daripada Program Reformasi Penjara, kerjasama antara SUHAKAM dan Jabatan Penjara Malaysia yang diadakan pada bulan September dan November 2019.

Isu yang dibangkitkan adalah berkaitan jangkitan penyakit skabies yang mana ia boleh merebak melalui sentuhan kulit, pakaian atau tempat tidur

yang telah dijangkiti serta kurangnya kebersihan sendiri. Tahanan yang mengalami kekurangan zat makanan atau kurang daya tahan seperti tahanan yang mempunyai HIV/AIDS juga boleh menyebabkan penularan skabies berkeruping.

Gejala penyakit kudis buta adalah;

- i. kegatalan kulit yang teruk;
- ii. bintik-bintik merah di celah jari, tapak tangan, bahagian dalam pergelangan tangan, alat kelamin, punggung, sekitar pusat, siku dan ketiak; dan
- iii. kegatalan lebih teruk pada waktu malam dan selepas mandi air panas. Kegatalan yang teruk akan menyebabkan individu menggaru dengan berterusan sehingga menyebabkan luka dan berkemungkinan mengalami jangkitan buah pinggang.

Cabaran utama dalam menangani penyakit kudis buta di tempat tahanan adalah:

- i. Kesesakan yang mengakibatkan kontak rapat dalam kalangan tahanan;
- ii. Kadar pergerakan tahanan yang keluar masuk penjara yang tinggi;
- iii. Prosedur rawatan yang rumit boleh mengganggu aktiviti lain;
- iv. Kegagalan merawat tahanan yang berkongsi sel tetapi tidak bergejala;
- v. Kemudahan yang tidak mencukupi untuk mencuci pakaian menggunakan air panas agar hama dapat dibasmi dan keperluan menukar pakaian dengan kerap;
- vi. Berkongsi barang peribadi;
- vii. Undang-undang yang menyebabkan kesesakan di pusat tahanan;
- viii. Kekurangan pengudaraan yang baik, kebersihan, kemudahan dan rawatan kesihatan yang terhad, pegawai perubatan, ubat-ubatan dan peralatan rawatan di pusat tahanan; dan
- ix. Kekurangan pendidikan untuk tahanan dan latihan kepada kakitangan, selain kekurangan komunikasi antara tempat tahanan dan pusat kesihatan awam.

Secara keseluruhannya, sesi perbincangan ini merumuskan bahawa kekurangan peruntukan tidak seharusnya menjadi punca masalah kesihatan ini terus berlaku. Sebaliknya, semua agensi berkaitan harus bekerjasama mencari penyelesaian jangka pendek, sederhana dan panjang untuk mengatasi masalah ini dengan berkesan.

Oleh itu, SUHAKAM mengesyorkan penubuhan satu jawatankuasa khas untuk membincangkan semua cadangan yang dibangkitkan. Jawatankuasa ini akan mengkaji dan merancang pelaksanaan syor secara berperingkat bagi mengurangkan masalah penyakit kudis buta di tempat tahanan dan pencegahannya dalam jangkamasa panjang.

8. PERBINCANGAN MEJA BULAT MENGENAI AKSES KEPADA RAWATAN VIRUS HEPATITIS C (HCV) DALAM PENJARA

Program ini telah dijalankan bersama oleh SUHAKAM dan *Positive Malaysian Treatment Access and Advocacy Group (MTAAG+)* pada 3 Disember. Perbincangan ini merupakan satu tindakan susulan berikutan dapatan MTAAG+ yang melakukan penyelidikan/tinjauan rawak di tiga buah penjara iaitu Penjara Pengkalan Chepa, Penjara Bentong dan Penjara Seremban. Dapatan tersebut mendedahkan bahawa HCV sememangnya sesuatu yang lazim berlaku dalam kalangan banduan iaitu sebanyak 41 peratus secara purata terutamanya bagi yang mempunyai sejarah penyalahgunaan dadah secara suntikan. Dapatan diperolehi daripada 180 sukarelawan banduan yang menyertai soal selidik di tiga buah penjara (60 orang setiap penjara) dan tergolong dalam kriteria HCV berisiko tinggi.

Perbincangan tersebut merupakan satu peluang untuk meningkatkan kesedaran mengenai HCV di penjara dan tindakan yang perlu dilakukan. Sejumlah 96 orang peserta daripada KKM, Jabatan Penjara Malaysia, AADK, SUHAKAM dan pelbagai NGO yang bekerja dengan golongan 'orang yang menyuntik dadah'⁹ menyertai perbincangan meja bulat ini.

Semasa perbincangan, para peserta dimaklumkan bahawa amalan semasa Malaysia adalah membuat saringan untuk HCV hanya sekiranya terdapat gejala atau tanda-tanda virus. Amalan ini bercanggah dengan dasar piawai antarabangsa yang mana saringan dilakukan secara

⁹ <https://www.who.int/teams/global-hiv-hepatitis-and-stis-programmes/populations/people-who-inject-drugs>

proaktif. Masalah lain yang berpotensi berlaku dalam penjara adalah kemungkinan rawatan tidak dapat diberikan walaupun saringan dilakukan dengan baik. Ini disebabkan bekalan ubatan yang terhad atau kos rawatan yang tinggi. Peranan Jabatan Penjara Malaysia dalam memberi akses kepada rawatan HCV di penjara adalah terhad kepada kapasiti penjara, berdasarkan kepada garis panduan dan dasar sedia ada.

Dato' Dr. Muhammad Radzi yang mewakili KKM memaklumkan, kementerian telah melancarkan satu Pelan Strategi Kebangsaan dengan sebuah projek perintis dijalankan di Penjara Pokok Sena pada Januari 2020 yang mana kesemua 1,797 (100%) banduan kemasukan baharu antara Januari dan Mac 2020 telah disaring bagi HCV. Hasil projek perintis tersebut menunjukkan dapatan berikut:

- i. Saringan HCV berskala penuh semasa pra-kemasukan sememangnya boleh dilaksanakan di penjara;
- ii. Kelaziman jangkitan HCV di penjara berpadanan dengan trend antarabangsa; dan
- iii. Beberapa jaringan lemah wajar diperbaiki antaranya faktor logistik yang melibatkan spesimen dan keputusan makmal, koordinasi antara pihak penjara dan pembekal penjagaan kesihatan serta memudahkan aliran kerja bagi saringan HCV.

Perbincangan turut dimaklumkan mengenai peruntukan bajet yang mencukupi daripada KKM bagi pengurusan HCV di penjara. Melalui peruntukan tersebut, secara teorinya bekalan ubat-ubatan tidak sepatutnya menjadi satu isu. KKM turut mewujudkan satu garis panduan komprehensif untuk virus kurang daya tahan manusia (HIV), HCV dan batuk kering (*tuberculosis*) di penjara yang mana Ketua Pengarah Jabatan Penjara Malaysia telah bersetuju secara prinsip untuk mematuhi garis panduan tersebut di penjara Malaysia. Sebuah projek perintis dirancang di Penjara Kajang yang mana doktor residen penjara akan dilatih dengan seliaan pakar. Projek tersebut bakal menguji keberkesanan garis panduan tersebut.

Perbincangan turut mengambil maklum pengesahan kerajaan mengenai rawatan HCV dalam penjara yang perlu diberikan perhatian oleh semua agensi berkaitan bagi menyediakan penyelesaian jangka pendek, sederhana dan panjang secara bersama. SUHAKAM mengesyorkan keperluan mengadakan perbincangan susulan secara berkala untuk mendapatkan perkembangan semasa daripada agensi berkaitan berhubung rancangan KKM dan Jabatan Penjara Malaysia dalam menyediakan rawatan HCV di penjara.

9. INKUIRI AWAM MENGENAI KEHILANGAN JOSHUA HILMY DAN RUTH SITEPU

SUHAKAM telah menjalankan dua inkuiri awam berhubung kehilangan individu melibatkan kes kehilangan Amri Che Mat dan Pastor Raymond, selesai pada tahun 2019. Pada bulan Februari tahun ini, SUHAKAM memulakan inkuiri awam ketiga bagi menyiasat kehilangan Joshua Hilmy dan isterinya, Ruth Sitepu. Sehingga bulan Oktober, seramai 19 orang saksi telah dipanggil untuk memberi keterangan. Walaupun begitu inkuiri ini terpaksa ditangguhkan beberapa kali kerana pandemik COVID-19.

10. ISU PEKERJA SEKTOR BEKALAN PERUBATAN DAN PERLADANGAN

SUHAKAM menerima aduan daripada sebuah NGO *North South Initiative* (NSI) mengenai 2,000 pekerja migran dari Nepal dan Bangladesh yang mogok setelah majikan, WRP Asia Pacific Sdn. Bhd. (syarikat pengeluar sarung tangan pelbagai guna) bertindak menahan gaji pekerjanya. Dakwaan bahawa tiada pembayaran gaji sejak November 2019 seterusnya menjadi kebimbangan semua pekerja akan dihantar pulang tanpa menerima bayaran gaji. SUHAKAM turut dimaklumkan mengenai syarikat pembekal sarung tangan getah dan perubatan antarabangsa, Top Glove Corporation Bhd. yang didakwa menganiaya pekerja migran sehingga diperlakukan sebagai buruh paksa dan dikerah untuk bekerja lebih masa.

Berkenaan pekerja di sektor perladangan, SUHAKAM mengambil maklum dakwaan Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan Amerika Syarikat (*United State Customs and Border Protection*) mengenai pencabulan hak asasi manusia oleh pengeluar minyak sawit mentah terbesar dunia iaitu Syarikat FGV Holdings Berhad (FGV) dan Sime Darby Plantation. Agensi tersebut mendakwa siasatan pencabulan hak asasi manusia yang dijalankan mendedahkan wujudnya elemen buruh paksa seperti penipuan, keganasan fizikal dan seksual, ugutan dan ancaman, serta penyimpanan dokumen pengenalan diri. Kebimbangan turut disuarakan mengenai penglibatan buruh kanak-kanak dalam proses pengeluaran, justeru gesaan dibuat agar Kerajaan Amerika Syarikat mengambil tindakan segera dengan menyekat produk import daripada Syarikat FGV dan Sime Darby Plantation.

Tindakan yang diambil oleh SUHAKAM adalah mengadakan perjumpaan bersama Syarikat FGV, Sime Darby Plantation, NGO yang membuat laporan kepada agensi Amerika Syarikat tersebut dan kesatuan perladangan di Malaysia. SUHAKAM turut mengadakan perbincangan

bersama kesatuan yang mewakili pekerja ladang, NGO dan sebuah badan yang dikenali sebagai *Roundtable on Sustainable Palm Oil* (RSPO) untuk membincangkan isu buruh paksa dan buruh kanak-kanak dalam sektor perladangan.

11. MESYUARAT BERSAMA KEDUTAAN

Sebagai satu proses kolektif untuk menyiasat dan menyelesaikan isu pencabulan hak asasi manusia berkaitan migran di Malaysia, SUHAKAM telah mengadakan perjumpaan bersama kedutaan Indonesia, Filipina, Nepal dan India. Perbincangan menjurus kepada aspek prosedur pengusiran pekerja migran semasa pandemik COVID -19, kematian di tempat tahanan dan layanan majikan terhadap pekerja migran.

SUHAKAM mengesyorkan supaya kedutaan bekerjasama rapat dengan Jabatan Imigresen Malaysia untuk mempercepatkan proses dokumentasi seperti pengesahan kewarganegaraan dan pengeluaran dokumen perjalanan kecemasan atau passport bagi memudahkan proses pengusiran. Pihak kedutaan juga perlu membuat lawatan dan menghubungi warganegara masing-masing yang berada dalam tahanan. Selain itu didapati beberapa tahanan migran tiada sumber kewangan dan sukar menghubungi keluarga untuk memaklumkan penahanan atau melantik peguam.

HARAPAN MASA HADAPAN

Bagi meningkatkan keberkesanan pemantauan tempat tahanan, SUHAKAM merancang untuk mengadakan bengkel hak asasi manusia kepada Lembaga Hakim Pelawat. Selain itu SUHAKAM akan membuat lawatan dan menyiasat isu pelanggaran hak asasi manusia yang melibatkan pekerja migran di ladang kelapa sawit.

1.4 KOMUNIKASI DAN KETERLIBATAN ANTARABANGSA

A. KOORDINASI ANTARABANGSA DAN HUBUNGAN MEDIA

LATAR BELAKANG

Susulan pandemik COVID-19, negara seluruh dunia telah mengambil langkah mendesak termasuk penutupan sempadan antarabangsa dan pelaksanaan perintah berkurung. Oleh itu, program antarabangsa sama ada ditangguhkan ke satu masa yang belum dapat dipastikan atau dibatalkan berikutan sekatan perjalanan serta langkah-langkah kesihatan dan keselamatan untuk mengelakkan penyebaran virus. Walau bagaimanapun, SUHAKAM terus terlibat secara aktif dengan Majlis Hak Asasi Manusia, agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan pelbagai rangkaian NHRI termasuklah melalui platform dalam talian.

Bahagian Hubungan Media pula berperanan penting membantu SUHAKAM dalam menjaga dan meningkatkan imejnya. Justeru, SUHAKAM telah meningkatkan kewujudannya melalui pelbagai pendekatan, termasuk mengeluarkan kenyataan media mengenai isu hak asasi manusia, berkongsi maklumat mengenai aktivitinya melalui platform media sosial dan temu bual media.

1. AKREDITASI SEMULA SUHAKAM

SUHAKAM sedang menjalani proses akreditasi semula yang keempat, yang berlangsung setiap lima tahun. Proses semakan semula dijadualkan pada Oktober 2020, tetapi ditangguhkan ke bulan Jun 2021 disebabkan pandemik COVID-19.

Sebagai persediaan untuk akreditasi semula, SUHAKAM menyertai Bengkel Akreditasi anjuran Forum Asia Pasifik berkenaan NHRI (APF) bermula 20 - 22 Januari di Doha, Qatar. Objektif bengkel adalah untuk meningkatkan pengetahuan anggota APF mengenai proses akreditasi dan prosedur Jawatankuasa Kecil Akreditasi (SCA) Pakatan Global

Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (GANHRI) serta menambah baik keputusan akreditasi bakal anggota APF dan anggota sedia ada.

Pada 4 Ogos, SUHAKAM menganjurkan satu konsultasi di Kuala Lumpur dengan pemegang taruh bagi memupuk pemahaman mengenai akreditasi semula SUHAKAM dan impaknya kepada promosi dan perlindungan hak asasi manusia. Sesi konsultasi tersebut diadakan secara bersemuka dan dalam talian untuk kemudahan perwakilan yang tidak dapat menghadirinya. Perwakilan daripada CSO, NGO, bekas Pesuruhjaya SUHAKAM, Majlis Peguam Malaysia dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia antara Kerajaan ASEAN (AICHR) Malaysia telah hadir.

Semasa konsultasi, maklum balas peserta tertumpu kepada kerja SUHAKAM dan kurangnya kemajuan dalam aspek pembaharuan hak asasi manusia di negara ini. Walaupun peserta ambil maklum usaha SUHAKAM dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia, penekanan tertumpu kepada aspek kajian semula Akta SUHAKAM untuk memperkasa mandat dan fungsi SUHAKAM.



SUHAKAM menjalankan konsultasi bersama pihak berkepentingan pada 4 Ogos berkenaan akreditasi semula SUHAKAM.

2. PENILAIAN BERKALA SEJAGAT (UPR)

Susulan UPR Malaysia yang ketiga pada 2018, Kementerian Luar Negeri (KLN) telah mengadakan Konsultasi UPR yang pertama pada 22 Julai bagi membincangkan pembangunan Matriks Pemantauan UPR dan Pangkalan Data Pengesanan Syor Nasional (NRTD). SUHAKAM, agensi kerajaan berkaitan, CSO dan Pejabat Serantau bagi Pejabat Pesuruhjaya Tinggi PBB (OHCHR) telah menghadiri sesi tersebut.

SUHAKAM memberikan maklum balas terhadap draf matriks pemantauan UPR, dibangunkan perunding yang dilantik oleh Pasukan Negara PBB (UNCT) di Malaysia. Meskipun mengakui matriks pemantauan tersebut akan menjadi mekanisma yang berguna, SUHAKAM berpandangan proses pembangunannya mengambil masa yang lama. Ia sudah pun menghampiri tempoh pertengahan penggal sejak penilaian Malaysia pada 2018 dan penerimaan laporan UPR bagi penilaian Malaysia pada Mac 2019.

Pada 10 Disember, KLN mengumumkan persetujuan untuk menggunakan NRTD bagi memudahkan pemantauan dan penyelarasan antara agensi berkaitan dalam pelaksanaan syor UPR. SUHAKAM berharap proses pembangunan dan penggunaan mekanisma pemantauan akan dipercepat supaya dapat menyumbang kepada pemantauan yang lebih berkesan.

3. PENYERTAAN/ MESYUARAT ANTARABANGSA

SUHAKAM secara aktif terlibat dalam aktiviti yang dianjurkan empat rangkaian NHRI, yang mana SUHAKAM merupakan anggotanya.

i. Forum Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan Asia Tenggara (SEANF)

SEANF adalah rangkaian sub-serantau yang terdiri daripada enam anggota NHRI termasuk Komisi Nasional Hak Asasi Manusia Indonesia (Komnas HAM), SUHAKAM, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Myanmar (MNHRC), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Filipina (CHRP), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Thailand (NHRCT) dan Institusi Hak Asasi Manusia Nasional Republik Demokratik Timor-Leste (PDHJ).

Komnas HAM sebagai Pengerusi semasa SEANF telah menganjurkan dua Mesyuarat Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) dan Mesyuarat Tahunan SEANF kali ke-17 secara dalam talian yang mana semua mesyuarat tersebut dihadiri SUHAKAM.

Bersempena Mesyuarat Tahunan SEANF, SUHAKAM, Komnas HAM dan CHRP bersama-sama menganjurkan dialog dalam talian mengenai Tanpa Kewarganegaraan pada 25 November. Sesi tersebut dihadiri 118 peserta anggota SEANF, agensi kerajaan berkaitan, CSO, agensi PBB dan ahli akademik. Semasa dialog tersebut penekanan dibuat mengenai undang-undang kewarganegaraan dan imigresen sebagai antara halangan politik yang menyebabkan isu tanpa kewarganegaraan di Sabah tiada jalan penyelesaian. Bagi menambahbaik keadaan, NHRI, pemegang taruh berkaitan termasuk CSO dan agensi kerajaan mesti bekerjasama untuk mencari penyelesaian. Dalam hal ini, SUHAKAM, Komnas HAM dan CHRP akan terus bekerjasama dengan pemegang taruh berkaitan untuk menangani keadaan di Sabah.



Majlis penyerahan jawatan pengerusi SEANF daripada Komnas HAM kepada SUHAKAM yang diadakan secara dalam talian.

Setiap tahun penggiliran jawatan Pengerusi SEANF dibuat dalam kalangan anggota. SUHAKAM akan menjawat jawatan tersebut pada 2021 justeru SUHAKAM akan terus menganjurkan mesyuarat tetap SEANF termasuklah TWG dan Mesyuarat Tahunan. Selain itu, SUHAKAM juga akan mengkaji kemungkinan untuk menganjurkan bengkel peningkatan kapasiti bersabit isu yang mendapat perhatian bersama SEANF dan AICHR, serta memasukkan organisasi hak asasi manusia dari negara anggota ASEAN yang lain dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran.

ii. Forum Asia Pasifik (APF) Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRI)

APF merupakan rangkaian NHRI serantau yang pada masa ini terdiri daripada 25 NHRI dari rantau Asia Pasifik. Pada bulan Jun, APF menulis kepada Pegawai Eksekutif Kanan (SEO) anggota NHRI mengenai pembangunan Pelan Tindakan Serantau (RAP) untuk mempromosi dan melindungi Pejuang Hak Asasi Manusia. Setiausaha SUHAKAM, Dr. Cheah Swee Neo mewakili SUHAKAM dalam kumpulan penggubalan RAP.

Mesyuarat Tahunan kali ke-25 APF dijalankan secara dalam talian pada 9 September yang turut disertai SUHAKAM melibatkan aspek pemilihan anggota Jawatankuasa Pentadbiran dan Perwakilan APF (termasuk anggota biro gantian) ke Biro GANHRI serta penganjuran Mesyuarat Tahunan APF kali ke-26 dan Persidangan Dwitahunan. SUHAKAM turut membuat pencalonan dalam Jawatankuasa Pentadbiran APF. Timbalan Pengerusi SUHAKAM, Datuk Lok Yim Pheng menyampaikan ucapan selamat berhubung pencalonan SUHAKAM bagi pihak Pengerusi, Tan Sri Othman Hashim.

Berikut adalah keputusan pemilihan bagi anggota Jawatankuasa Pentadbiran APF:

- **Pengerusi** : **Rosalind Croucher**,
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Australia
- **Naib Pengerusi** : **Choi Young-ae**,
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Korea
- **Anggota 1** : **Tan Sri Othman Hashim**,
SUHAKAM
- **Anggota 2** : **Mohammed al-Kuwari**,
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Qatar
- **Anggota 3** : **Handyala Lakshmi Dattu**,
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia India

Bagi pemilihan perwakilan APF ke Biro GANHRI, Sekretariat APF tidak menerima sebarang pencalonan daripada anggotanya. Perkara ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut oleh Jawatankuasa Pentadbiran APF. Suruhanjaya Hak Asasi Manusia India akan menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Agung kali ke-26 dan Persidangan Dwitahunan pada 2021 bergantung kepada sekatan perjalanan yang disebabkan pandemik COVID-19.

Semasa Mesyuarat Tahunan, pencapaian APF pada tahun 2020 adalah usahanya dalam menasihati Kerajaan Cook Islands, Nauru dan Taiwan berkaitan penubuhan NHRI selain memberikan khidmat nasihat mengenai proses akreditasi antarabangsa kepada 11 NHRI di rantau Asia Pasifik melalui bengkel di Doha, Qatar. SUHAKAM juga mendapat manfaat daripada bengkel APF yang dijalankan bermula 20 - 22 Januari dan khidmat nasihat berkenaan proses akreditasi kerana akreditasi semula SUHAKAM yang dijadualkan secara tentatif pada 2021 bergantung kepada maklumat lanjut daripada GANHRI.

Anggota APF turut membincangkan perkara yang menjadi perhatian di rantau ini serta boleh ditangani secara bersama seperti hak asasi manusia dan perniagaan, pemerdagangan orang merentas sempadan serta keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak. Dalam hal ini, Sekretariat APF mengalu-alukan cadangan anggota supaya lebih banyak webinar perkongsian amalan terbaik dapat dianjurkan. Selain itu, APF sedang membangunkan satu program latihan mengenai sistem pengurusan pengendalian aduan kepada kakitangan NHRI.

iii. Forum Komanwel Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (CFNHRI)

Pada awal Oktober 2019, Suruhanjaya Kesaksamaan dan Hak Asasi Manusia Britain selaku Pengerusi semasa CFNHRI telah mencadangkan penubuhan Sekretariat Tetap bagi memastikan kelestarian Forum. Sekretariat Tetap tersebut juga akan membantu penyampaian aktiviti CFNHRI bagi pihak Pengerusi dan anggotanya. Ia termasuk menyediakan sokongan pentadbiran dan membolehkan kelangsungan perkhidmatan CFNHRI semasa penyerahan jawatan Pengerusi CFNHRI.

Anggota CFNHRI bersetuju dengan cadangan tersebut. Pada bulan Mac, pemilihan untuk menjadi Sekretariat Tetap diadakan secara dalam talian. Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Ireland Utara dan

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Rwanda terpilih menjadi Sekretariat Tetap Bersama untuk pertama kalinya bagi tempoh dua tahun.

iv. Pakatan Global Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (GANHRI)

Pada bulan Ogos, En. Carlos Alfonso Negret Mosquera telah menamatkan penggalnya sebagai Ombudsman Colombia dan jawatannya sebagai Pengerusi GANHRI. GANHRI telah menjalankan Perhimpunan Agung Luar Biasa (EGM) secara dalam talian pada 19 - 26 Oktober untuk memilih Pengerusi GANHRI yang baharu iaitu Dr. Freddy Carrión Intriago, Ombudsman Ecuador. EGM turut mengesahkan keanggotaan Biro GANHRI yang baru dilantik rangkaian rantau Asia Pasifik dan Afrika pada 2019.

Mesyuarat Tahunan GANHRI 2020 yang sepatutnya berlangsung bermula 10 - 13 Mac di Geneva, Switzerland telah ditunda kepada 30 November hingga 4 Disember disebabkan pandemik COVID-19. Mesyuarat Tahunan tidak diadakan secara langsung. Anggota NHRI berstatus 'A' mengundi untuk mengguna pakai dan meluluskan dokumen berikut:

- Rekod Keputusan yang dibuat semasa Perhimpunan Agung pada 5 Mac 2019 dan Perhimpunan Agung Luar Biasa pada 19 - 26 Oktober 2020
- Laporan Tahunan GANHRI 2019
- Laporan Kewangan dan Audit GANHRI 2019
- Pelan Strategik GANHRI 2020-2022
- Draf belanjawan GANHRI 2021

SUHAKAM memilih untuk mengguna pakai kesemua dokumen tersebut.

Meskipun terdapat kekangan yang disebabkan pandemik, GANHRI masih dapat meneruskan fungsinya dengan menjalankan mesyuarat dan acara secara dalam talian dan menggalakkan perkongsian pengalaman serta pengetahuan dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia semasa krisis kesihatan. Contohnya dua program telah diadakan pada 3 - 4 Disember bersempena Mesyuarat Tahunan GANHRI 2020 iaitu:

- Pertukaran Pengetahuan mengenai Amalan Terbaik: Pelaksanaan mandat dan fungsi NHRI dalam konteks COVID-19

- Persidangan Tahunan GANHRI 2020 mengenai Perubahan Iklim: Peranan Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan

Pada bulan Disember, GANHRI-SCA menyambung semula operasi dengan menjalankan penilaian akreditasi NHRI secara dalam talian. Ini bermaksud akreditasi semula SUHAKAM berkemungkinan dijalankan secara dalam talian pada tahun hadapan, bergantung kepada perkembangan pandemik COVID-19.

4. SUMBANGAN DAN PENGHUJAHAN

SUHAKAM memberikan kenyataan lisan mengenai situasi Rohingya di Malaysia semasa sesi 'Dialog Interaktif mengenai Laporan Pesuruhjaya Tinggi mengenai Situasi Hak Asasi Manusia Minoriti Muslim Rohingya dan Minoriti lain di Myanmar' semasa sesi Majlis Hak Asasi Manusia ke-43 pada 27 Februari.

5. KERJASAMA ANTARABANGSA

i. MoU mengenai Isu Tanpa Kewarganegaraan di Sabah

Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai isu tanpa kewarganegaraan di Sabah antara SUHAKAM, CHRP dan Komnas HAM sebagai pihak rasmi berlangsung secara dalam talian melalui pada 24 Julai dan disiarkan secara langsung melalui laman Facebook SUHAKAM. MoU tersebut berkuat kuasa sehingga Disember 2021.

Aspek penting yang terdapat pada MoU ini adalah pelan tindakan yang dibangunkan dan diguna pakai oleh ketiga-tiga pihak. Pelan tindakan tersebut menggariskan aktiviti seperti perbincangan dengan agensi kerajaan berkaitan, lawatan tapak ke kawasan terjejas, penganjuran bengkel tematik, dan penyerahan kenyataan bersama kepada mekanisma hak asasi manusia antarabangsa seperti Majlis Hak Asasi Manusia. Walau bagaimanapun, kebanyakan aktiviti yang dirancang terpaksa ditangguhkan disebabkan COVID-19 dan pergolakan politik di Sabah.

ii. **MOU dengan Pusat Kebangsaan Republik Uzbekistan untuk Hak Asasi Manusia**

SUHAKAM menandatangani MoU dengan Pusat Kebangsaan Republik Uzbekistan untuk Hak Asasi Manusia pada 10 Disember, bagi merasmikan kerjasama dalam program yang melibatkan usaha mempromosi dan melindungi hak asasi manusia.



Majlis menandatangani MoU antara Pusat Kebangsaan Republik Uzbekistan untuk Hak Asasi Manusia dan SUHAKAM pada 10 Disember secara dalam talian.

6. KENYATAAN DAN SIDANG MEDIA

Sebanyak 47 kenyataan media dikeluarkan antaranya mengenai kesan COVID-19 kepada golongan rentan, kenyataan berbau perkauman dan xenofobia terhadap pekerja migran dan pelarian semasa pandemik COVID-19, hak kanak-kanak, ucapan kesat dan berbau perkauman oleh ahli Parlimen, pendirian SUHAKAM mengenai Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (RUU IPCC) 2020 dan pindaan Kanun Keseksan terhadap penyahjenayahan cubaan membunuh diri.

Di samping itu, SUHAKAM turut mengeluarkan kenyataan untuk memperingati sambutan hari antarabangsa berkaitan hak asasi manusia

yang diraikan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu serta bagi tujuan publisiti program dan aktiviti yang dijalankan.

Berdasarkan pemerhatian SUHAKAM, liputan media bergantung kepada isu yang diketengahkan dalam kenyataan media dan juga keputusan ketua editor. Secara amnya, liputan media pada tahun ini memberi tumpuan kepada kenyataan media berhubung isu hak sivil dan politik seperti seruan untuk penubuhan segera Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi menyiasat dakwaan salah laku kehakiman, hukuman yang lebih tegas kepada pelaku pencemaran air dan kenyataan memperingati Hari Kebebasan Media Sedunia.

Berikutan pandemik COVID-19, SUHAKAM telah mengadakan sidang media secara dalam talian. Pada 12 November, SUHAKAM mengadakan sidang media berkaitan isu COVID-19 di pusat tahanan dan kematian dalam tahanan.

Seterusnya pada 23 November, SUHAKAM mengadakan sidang media mengenai Laporan Tahunan 2019 yang telah dibentangkan di Parlimen pada 4 November. Sidang media ini disertai 92 wakil daripada agensi kerajaan, NGO, kedutaan dan agensi media. Isu yang mendapat fokus utama adalah berkisar jumlah aduan yang diterima Pejabat SUHAKAM Sabah, isu golongan rentan dan tempat tahanan serta mengenai perbincangan Laporan Tahunan SUHAKAM di Parlimen. Kesimpulannya, sidang media secara dalam talian amat berguna untuk mengetengahkan isu hak asasi manusia yang mendesak kepada orang ramai terutamanya apabila program secara fizikal tidak dapat dijalankan.

7. TEMU BUAL DAN LIPUTAN MEDIA

SUHAKAM bersuara tentang pelbagai isu hak asasi manusia di radio, akhbar dan temu bual media termasuk:

- Vaksinasi kanak-kanak
- Orang asli/asal
- Perkahwinan kanak-kanak
- Hak asasi manusia dan masa hadapan
- Pesalah PKP tidak boleh dilayan seperti penjenayah
- Hak kanak-kanak ketika tempoh PKP
- Layanan terhadap pekerja migran dan pekerja migran tanpa dokumen semasa PKP
- Norma baharu dan hak asasi manusia
- Keadaan di penjara dan tempat tahanan semasa pandemik COVID-19

- Hantar pulang PATI, tindakan tepat atau tidak?
- Hak dan kebajikan kanak-kanak
- COVID-19: Ke mana perginya para pelajar?
- *Black Lives Matter* – berhubung kenyataan media SUHAKAM bertarikh 8 Jun mengenai perkauman
- ASEAN perlu memainkan peranan dengan lebih berkesan
- Keadaan perkauman di Malaysia
- Kebanjiran warga asing mencacatkan wajah Malaysia?

Selain daripada isu kanak-kanak dan perkauman, kebanyakan temu bual media memberikan fokus penting kepada pandemik COVID-19 yang banyak memberi kesan kepada masyarakat di Malaysia. Isu ini lebih menarik minat agensi media untuk menemubual dan mendapatkan pandangan SUHAKAM.

8. KERJASAMA SUHAKAM DENGAN KESATUAN WARTAWAN KEBANGSAAN MALAYSIA (NUJ) DAN PERSEKUTUAN WARTAWAN ANTARABANGSA (IFJ)

NUJ, IFJ dan beberapa organisasi media seperti Persatuan Wartawan Sabah, Persekutuan Persatuan Wartawan Sarawak, Malaysiakini dan CSO di Malaysia bekerjasama dalam projek 'Pengukuhan Media Malaysia untuk Perubahan'. Projek 5 tahun ini dibiayai sepenuhnya oleh Kesatuan Eropah menyasarkan pengukuhan CSO media bagi mencetus serta memacu pembangunan lestari di Malaysia dengan memainkan peranan strategik dalam mempromosi dan memajukan media yang kukuh, bebas dan pelbagai.

SUHAKAM dijemput untuk melibatkan diri dalam projek ini dan secara dasarnya menerima untuk bekerjasama dengan NUI dan IFJ sebagai sebahagian daripada suara yang setara dan lebih besar untuk mempromosi dan mempertahankan kebebasan media serta peranan media yang bebas dalam proses demokrasi.

9. MULTIMEDIA DAN KANDUNGAN KREATIF

Salah satu daripada fokus utama SUHAKAM adalah penghasilan lebih banyak kandungan di media sosial antaranya adalah produksi video mengenai fungsi dan mandat SUHAKAM. Dua buah video dihasilkan pada tahun ini bertajuk 'Pengenalan kepada SUHAKAM' dan 'Mekanisme serta proses melaporkan aduan kepada Bahagian Aduan dan Pemantauan'. Selain itu, Bahagian Hubungan Media (MRD) juga menghasilkan

video pendek pelancaran iklan pengangkutan awam mengenai hak asasi manusia dan SUHAKAM di MRT dan KTM Komuter serta sesi SBM. SUHAKAM turut menerbitkan infografik berkenaan Hak Asasi Manusia dan COVID-19 serta CEDAW di akaun media sosialnya. Penghasilan video ini menyumbang kepada penglibatan aktif SUHAKAM di media sosial dan kesannya apabila terdapat peningkatan jumlah tanda suka dan pengikut di akaun media sosial SUHAKAM.

10. MEDIA SOSIAL

Media sosial berhasil meningkatkan keupayaan SUHAKAM untuk membina imej dan perkongsian mengenai gerak kerjanya kepada masyarakat dengan ketara sekali. SUHAKAM turut berkongsi kenyataan media, infografik dan e-poster berkaitan isu hak asasi manusia di akaun media sosialnya iaitu Facebook, Twitter, Instagram dan saluran YouTube.

Platform berasaskan web telah menarik perhatian dan minat masyarakat terhadap SUHAKAM. Setakat 31 Disember, SUHAKAM mempunyai 14,540 tanda suka dalam Facebook, 17,814 pengikut Twitter dan 951 pengikut Instagram, berbanding 13,360 tanda suka dalam Facebook, 15,900 pengikut Twitter dan 685 pengikut Instagram yang direkodkan pada tahun 2019.

HARAPAN MASA HADAPAN

SUHAKAM akan terus mengetengahkan isu hak asasi manusia melalui penglibatannya dengan rangkaian NHRI dan mekanisma hak asasi manusia PBB. SUHAKAM akan menyokong tindakan segera Malaysia mengenai hak ekonomi, sosial dan kebudayaan golongan rentan serta diskriminasi kaum, perkauman dan xenofobia di Malaysia. Selain itu penglibatannya dengan badan hak asasi manusia antarabangsa dan serantau termasuklah Majlis Hak Asasi Manusia, UPR dan AICHR akan terus diperkukuh.

Pembangunan dan penerbitan kandungan kreatif bagi meningkatkan kesedaran hak asasi manusia dalam kalangan masyarakat akan terus dipertingkatkan. Selaras dengan Pelan Strategik SUHAKAM 2021-2025, SUHAKAM akan menerbitkan lebih banyak kandungan kreatif bagi meningkatkan kesedaran hak ekonomi, sosial dan budaya serta diskriminasi kaum, perkauman dan xenofobia.

B. PENERBITAN DAN PENGURUSAN DOKUMEN

LATAR BELAKANG

Pada tahun ini, Bahagian Penerbitan dan Pengurusan Dokumen (PDD) meneruskan promosi hak asasi manusia menerusi penerbitan bahan cetak dan elektronik.

1. LAPORAN TAHUNAN

Susulan kejayaan perbahasan Laporan Tahunan SUHAKAM 2018 yang dibahasakan di Parlimen pada tahun 2019, SUHAKAM berharap kerajaan akan terus mengemukakan usul untuk membahaskan laporannya pada tahun seterusnya.

Laporan Tahunan SUHAKAM 2019 telah dibentangkan di Parlimen pada 4 November yang mana BHEUU bertindak sebagai agensi yang menguruskan usul perbahasan. Bagi tujuan ini, SUHAKAM telah mengadakan perbincangan pada 17 dan 18 September bersama Parlimen dan BHEUU mengenai cadangan perbahasan tersebut. BHEUU juga bertanggungjawab mendapatkan maklum balas daripada pelbagai kementerian dan agensi berkaitan isu yang dibangkitkan dalam Laporan Tahunan SUHAKAM untuk disertakan bersama bagi tujuan perbahasan di Parlimen.

Walaupun begitu, pada 1 Disember, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Dato' Seri Takiyuddin Hassan memberitahu Sidang Dewan Rakyat, Laporan Tahunan SUHAKAM 2019 tidak akan dibahasakan pada tahun ini. Hal ini amat mengecewakan kerana Parlimen adalah platform terbaik untuk mengetengahkan isu hak asasi manusia yang memerlukan tindakan segera oleh kerajaan.

Laporan Tahunan juga mengandungi syor SUHAKAM berkenaan masyarakat rentan seperti orang asli/asal, wanita, kanak-anak, mangsa perdagangan manusia, pelarian dan pencari suaka serta pekerja migran. SUHAKAM juga sedia maklum bahawa seksyen 21 Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 secara khusus tidak menyebut bahawa Parlimen harus membahaskan Laporan Tahunan. Namun begitu, SUHAKAM berpendapat adalah sangat penting bagi Parlimen untuk membahaskan isu yang dibangkitkan dalam Laporan Tahunan supaya ahli Parlimen dapat membincangkan isu kepentingan awam secara kritis dan seterusnya

mengemukakan penyelesaian. SUHAKAM berharap perbahasan ini akan dapat diteruskan pada masa akan datang.

2. PERTANDINGAN MENULIS ARTIKEL HAK ASASI MANUSIA DARIPADA PERSPEKTIF AGAMA

Sejak 2018, SUHAKAM menjalankan program dan aktiviti berkaitan hak asasi manusia dan agama secara aktif dengan mengeratkan kerjasama melibatkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam negeri, badan agama lain, NGO dan masyarakat. Aktiviti tersebut adalah seperti Seminar Masjid Mesra Orang Kurang Upaya (20 Oktober 2018)¹⁰, Seminar Kebangsaan Mengenai Islam dan Hak Asasi Manusia (27 November 2018)¹¹, Seminar Rumah Ibadat Mesra Orang Kurang Upaya di Malaysia (18 Mac 2019)¹², kerjasama dengan Jabatan Agama Persekutuan dan Negeri untuk mengintegrasikan topik hak asasi manusia dalam khutbah Jumaat¹³ dan program latihan hak asasi manusia untuk kakitangan Jabatan Agama Islam Persekutuan dan Negeri.¹⁴

Bagi mengeratkan lagi kerjasama ini, SUHAKAM menganjurkan Pertandingan Menulis Artikel Hak Asasi Manusia daripada Perspektif Agama bermula 1 Julai hingga 31 Disember 2020. Objektif utama adalah untuk meningkatkan kesedaran dan mendidik rakyat Malaysia mengenai hubungkait hak asasi manusia dengan agama/kepercayaan. Walau bagaimanapun, pertandingan ini juga bertujuan untuk menambah koleksi penerbitan SUHAKAM yang mana sebanyak 20 artikel terbaik akan diterbitkan pada tahun 2021. Pertandingan ini memberi fokus kepada empat agama/ kepercayaan di Malaysia iaitu Islam, Kristian, Buddha dan Hindu serta memberi tumpuan kepada dua tema iaitu hak wanita dan kanak-kanak. Penyertaan adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang terdiri daripada dua kategori iaitu Kategori A (bawah 18 tahun) dan Kategori B (awam).

Sehingga tarikh tutup penyertaan, sebanyak 69 penyertaan diterima dan 20 artikel terbaik akan diumumkan pada bulan Jun 2021. Semua peserta akan menerima sijil, manakala 20 artikel terbaik akan menerima RM500 (Kategori A) dan RM1000 (Kategori B).

¹⁰ Laporan Tahunan SUHAKAM 2018 hlm. 143

¹¹ Laporan Tahunan SUHAKAM 2018 hlm. 175

¹² Laporan Tahunan SUHAKAM 2019 hlm. 184

¹³ Laporan Tahunan SUHAKAM 2018 hlm. 175 & Laporan Tahunan 2019 hlm. 216

¹⁴ Laporan Tahunan SUHAKAM 2019 hlm. 217

3. SUDUT HAK ASASI MANUSIA

Aktiviti SUHAKAM untuk meningkatkan kesedaran masyarakat melalui Sudut Hak Asasi Manusia memberi fokus kepada penubuhannya di pelbagai lokasi. Pada tahun 2018, dua buah Sudut Hak Asasi Manusia diwujudkan seterusnya penambahan satu lagi sudut pada tahun ini di Perpustakaan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Ibu Pejabat Putrajaya.

Susulan penguatkuasaan PKPB, SUHAKAM tidak dapat memenuhi permohonan daripada beberapa agensi kerajaan untuk menubuhkan Sudut Hak Asasi Manusia. Maka, perancangan ini akan dilaksanakan pada tahun 2021.



Sudut Hak Asasi Manusia di Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

HARAPAN MASA HADAPAN

SUHAKAM menggesa kerajaan untuk mengakui pentingnya isu hak asasi manusia menjadi sebahagian daripada urusan penting kerajaan terutama ketika perbahasan di Parlimen. Selain itu, adalah menjadi harapan SUHAKAM supaya perjanjian dengan beberapa agensi untuk mewujudkan Sudut Hak Asasi Manusia dapat dilaksanakan pada tahun 2021.

1.5 HARI HAK ASASI MANUSIA ANTARABANGSA

FORUM MAYA HARI HAK ASASI MANUSIA 2020 PADA 10 DISEMBER: PULIH DENGAN LEBIH BAIK: BERJUANG UNTUK HAK ASASI MANUSIA

Forum Maya Hari Hak Asasi Manusia 2020 yang bertemakan “Pulih dengan Lebih Baik” memberi fokus kepada pelbagai cabaran yang dihadapi pelbagai pihak. Perbincangan meliputi beberapa cabaran yang dihadapi dalam tempoh pandemik COVID-19 mengambil kira perlindungan hak asasi manusia dan langkah-langkah pemulihan serta keperluan untuk meneruskan kehidupan. Para peserta turut meneroka amalan terbaik untuk maju ke hadapan dan membangun bersama.

Forum ini adalah anjuran bersama SUHAKAM, Kementerian Luar Negeri (KLN), Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri dan Pasukan Negara Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCT) di Malaysia.

Forum dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi SUHAKAM, Tan Sri Othman Hashim disusuli ucapan pembukaan oleh Tuan Yang Terutama Stefan Priesner, Penyelaras Residen PBB Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam. Menteri Luar Negeri, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein berbesar hati merasmikan program ini. Secara keseluruhan, intipati ucapan adalah dengan memberi penekanan kepada kepentingan solidariti yang menyeluruh dalam mempromosi, melindungi dan mempertahankan hak ekonomi, sosial dan budaya golongan rentan. Solidariti antarabangsa juga amat penting terutamanya dalam menangani isu perkauman, diskriminasi perkauman dan xenofobia ke arah membentuk masyarakat yang lebih adil.

Tiga buah video dipersembahkan selepas ucapan, dimulai dengan video pertama mengenai bidaan Malaysia untuk menduduki kerusi Majlis Hak Asasi Manusia bagi tempoh 2022 hingga 2024. Video kedua pula merupakan mesej khas oleh António Guterres, Setiausaha Agung PBB yang menekankan kepentingan mempromosi hak asasi manusia bagi masa hadapan yang lebih baik untuk semua. Video ketiga menceritakan kisah rakyat bertajuk “Suara Komuniti: Kesan COVID-19”. Ia merupakan kompilasi testimoni peribadi wakil komuniti dari Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Forum maya ini dibahagikan kepada dua sesi. Pesuruhjaya Dato' Mah Weng Kwai mengendalikan **sesi pertama mengenai "COVID-19 dan Hak Asasi Manusia"**. Pengasas Yayasan Chow Kit dan Timbalan Pengerusi Voice of the Children, Datuk Dr. Hartini Zainudin berkongsi tentang kesukaran ibu bapa dan kanak-kanak terpinggir yang kebanyakannya tanpa kewarganegaraan, berstatus pelarian dan kanak-kanak migran semasa pandemik. Beliau menekankan akan kepentingan untuk menyediakan alternatif kepada penahanan kanak-kanak serta kepentingan pembaharuan dasar dan perundangan di Malaysia bagi memastikan kanak-kanak tidak ketinggalan.

Dr. Lo Ying-Ru, Ketua Misi dan Wakil Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) ke Malaysia, Brunei Darussalam dan Singapura membincangkan tentang peranan PBB dan WHO dalam mengendalikan pandemik. Beliau turut menyentuh mengenai prinsip hak asasi manusia yang dapat menyokong kepentingan kesihatan awam dalam berhadapan COVID-19 serta akses kepada vaksin, ubat-ubatan dan rawatan. Beliau meyakini kemampuan Malaysia dalam pengurusan dan pengagihan vaksin COVID-19.

Dr. Asiah Ayob, Timbalan Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit (Survelan Penyakit) KKM menyampaikan ucapan bagi pihak Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) Dato' Dr. Chong Chee Keong. Di samping memberikan perhatian kepada cabaran untuk mengekang berita palsu, beliau turut berkongsi peranan KKM bekerjasama dengan MKN dan pihak pemegang taruh lain dalam mengurus pandemik tanpa diskriminasi, prejudis atau stigma.

Sesi kedua diteruskan dengan perbincangan mengenai topik **"Pulih dengan Lebih Baik, Berjuang untuk Hak Asasi Manusia"** dikendalikan Pesuruhjaya Kanak-kanak, Prof. Dato' Noor Aziah Mohd Awal. Timbalan Setiausaha, Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), En. Kolony Anak Gunting memulakan sesi dengan membentangkan cabaran yang dihadapi kerajaan akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Cik Shivani Verma, Pegawai Hak Asasi Manusia dari Pejabat Serantau OHCHR Asia Tenggara meneruskan sesi dengan memberikan perhatian kepada dua iktibar: pendekatan berasaskan hak asasi manusia yang berakar umbikan prinsip tidak mendiskriminasi, keterangkuman dan penyertaan. Beliau membentangkan bahawa vaksin bagi kebuluran, kemiskinan dan ketidaksaksamaan; dan kemungkinan perubahan iklim serta penyakit lain yang dihadapi manusia adalah hak asasi manusia. Hanya apabila vaksin ini

diterima maka iktibar daripada pandemik ini dapat difahami sepenuhnya dan diaplikasi pada masa hadapan.

Allison Low, Presiden Majlis Protem Kanak-kanak Petaling Jaya (PPJCC) dan Presiden Majlis Konsultasi Kanak-kanak di bawah OCC SUHAKAM berkongsi mengenai keadaan kanak-kanak yang mengalami tekanan akibat pendidikan dalam talian. Beliau turut menyeru ibu bapa untuk meningkatkan kaedah komunikasi dengan anak-anak demi melindungi daripada perkara yang merbahaya akibat komunikasi dalam talian.

Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM) dan Pengerusi Federasi Kebangsaan Pekerja Belia (FKPB) En. Jufitri Joha berkongsi hala tuju MBM dalam membangunkan platform supaya pandangan golongan belia dapat didengari di pelbagai peringkat membuat keputusan dan pembangunan dasar.

Dato' Seri Takiyuddin Hassan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) dalam ucapan penutupnya menekankan akan kepentingan UDHR mengiktiraf manusia yang dilahirkan sebagai bebas dan saksama tanpa sebarang perbezaan seperti bangsa, warna kulit, jantina, bahasa, fahaman politik atau lain-lain fahaman, asal usul bangsa dan keturunan atau harta-benda, kelahiran atau apa-apa taraf lain.



BAB 2

PEJABAT SABAH



PEJABAT SABAH

LATAR BELAKANG

Berdasarkan sumber kewangan dan tenaga manusia sedia ada, Pejabat Sabah menumpukan kepada program dan aktiviti seperti berikut:

- a) Meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai hak asasi manusia. Kumpulan sasarannya adalah pemimpin politik, penjawat awam, pemimpin masyarakat akar umbi seperti ketua daerah, ketua adat dan ketua kampung, pelajar dan orang ramai;
- b) Menerima dan menyiasat aduan orang ramai mengenai pelanggaran hak asasi manusia;
- c) Bekerjasama dengan agensi persekutuan dan negeri, duta luar negara dan organisasi masyarakat sivil mengenai kemajuan dan perlindungan hak asasi manusia; dan
- d) Menyertai aktiviti berkaitan dengan promosi dan perlindungan hak asasi manusia.

Pejabat Sabah ingin menyatakan penghargaan serta ucapan terima kasih atas kerjasama baik yang diterima daripada agensi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sabah dan organisasi masyarakat sivil dalam menjalankan mandatnya. Program dan aktiviti yang dianjurkan juga telah disambut baik oleh kumpulan sasaran terutamanya masyarakat luar bandar. Program ini berjaya meningkatkan kesedaran mengenai hak asasi manusia serta peranan dan fungsi SUHAKAM.

1. PROGRAM KESEDARAN

Sejajar dengan Seksyen 4 (1) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Akta 597), Pejabat Sabah telah menjalankan program kesedaran melalui penganjuran SUHAKAM Bersama Masyarakat (SBM) yang diadakan pada 5 Februari di Daerah Pitas bertujuan mempromosi dan mendidik masyarakat mengenai hak asasi manusia, peranan dan fungsi SUHAKAM, serta memberi ruang kepada masyarakat untuk membuat aduan mengenai

pelanggaran hak asasi manusia. Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri turut dijemput supaya orang ramai dapat membangkitkan isu mahupun aduan berkaitan sistem penyampaian kerajaan. Program ini dihadiri seramai 300 orang daripada kumpulan sasaran antaranya pengetua sekolah, guru, murid-murid dan masyarakat awam yang tinggal di Daerah Pitas dan sekitarnya.

Sepanjang program berlangsung, sebanyak 35 aduan diterima melibatkan isu hak kewarganegaraan dan dokumen berkaitan, hak tanah adat, anak negeri (NCR) harga komoditi, kemudahan kepada air bersih dan perubatan. Berdasarkan interaksi antara SUHAKAM dengan masyarakat, didapati kepekaan terhadap hak asasi manusia semakin baik.

2. PENYELESAIAN ADUAN

Pada tahun ini sebanyak 192 kes hak asasi manusia dicatatkan dan 119 kes dikategorikan sebagai bukan kes hak asasi manusia. Aduan yang berkaitan hak asasi manusia telah dirujuk ke agensi kerajaan. Aduan mengenai kewarganegaraan mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 116 aduan diterima, diikuti 37 aduan mengenai NCR. (Lihat Jadual 9).

Jadual 9: Kategori aduan yang diterima

| BIL. | KATEGORI | JUMLAH KES |
|------|---|------------|
| 1. | Hak kewarganegaraan (Sijil Lahir/IC/MyKas ¹⁵ /MyPR ¹⁶ /Sijil Banci ¹⁷ /Sijil Burung-Burung ¹⁸) | 116 |
| 2. | Hak tanah adat anak negeri | 37 |
| 3. | Hak untuk bekerja/pekerjaan dan hak pekerja migran | 14 |

¹⁵ **MyKAS**(diperbaharui setiap lima tahun) telah dikeluarkan sejak tahun 1990 kepada orang yang dilahirkan di Malaysia, tetapi kewarganegaraan mereka tidak diketahui atau tidak dapat ditentukan. Ia dikeluarkan berdasarkan Peraturan 5 (3) (c) Peraturan Pendaftaran Negara 1990.

¹⁶ **MyPR** adalah kad pengenalan atau pengenalan diri yang dikeluarkan kepada individu yang mempunyai status penduduk tetap.

¹⁷ **Sijil Banci** adalah sijil banci yang dikeluarkan oleh Pasukan Petugas Khas (Sabah dan Sarawak) / Pasukan Petugas Khas Persekutuan (PPKP). Fungsi sijil banci ini adalah untuk mengatur kegiatan pelarian dan untuk memastikan jumlah pelarian di Sabah - sijil ini dikeluarkan hanya untuk tujuan pemantauan/ banci.

¹⁸ **Sijil Burung-Burung** adalah sejenis 'Perakuan Penyelesaian' yang tidak memberikan sebarang status. Bukan dokumen yang sah untuk menunjukkan status imigresen dan/atau status sebagai warganegara atau sebaliknya. Sijil ini dikeluarkan oleh Jabatan Ketua Menteri Sabah.

| BIL. | KATEGORI | JUMLAH KES |
|------|---|------------|
| 4. | Hak untuk taraf hidup yang mencukupi (makanan, pakaian, perumahan, penjagaan kesihatan) | 6 |
| 5. | Hak untuk bersatuan | 1 |
| 6. | Hak kanak-kanak | 1 |
| 7. | Hak mendapat pendidikan | 3 |
| 8. | Hak persekitaran | 1 |
| 9. | Diskriminasi/Kesaksamaan | 1 |
| 10. | Hak untuk kebebasan | 1 |
| 11. | Penahanan | 3 |
| 12. | Hak untuk privasi | 1 |
| 13. | Lain-lain | 7 |
| | Jumlah | 192 |

Pejabat Sabah telah menyelesaikan 52 daripada 192 kes. Penyelesaian kes yang rendah ini disebabkan beberapa faktor iaitu:

- Terdapat aduan yang diterima melibatkan isu perundangan sedia ada dan dasar kerajaan yang mana aduan ini hanya dapat diselesaikan jika terdapat perubahan dalam perundangan dan dasar berkaitan.
- Melibatkan beberapa agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan termasuklah pihak negara ketiga sebagai contoh isu melibatkan penghantaran pulang golongan migran.
- Kekurangan kakitangan dalam kalangan agensi kerajaan sehingga menyebabkan kes tertangguh.

3. PENYELESAIAN ADUAN BERKAITAN KEWARGANEGARAAN

Sejak awal penubuhannya, SUHAKAM konsisten memantau individu yang tidak mempunyai dokumen di Malaysia. Menurut data yang dikumpulkan oleh Pejabat Sabah, jumlah aduan berkaitan dengan pendaftaran sijil kelahiran dan kad pengenalan anak-anak orang asal dan migran meningkat setiap tahun.

SUHAKAM telah diminta untuk bertindak sebagai pemerhati kepada kes mahkamah yang melibatkan permohonan kewarganegaraan untuk kanak-kanak yang lahir luar nikah daripada pasangan berlainan negara

(bapa adalah warganegara Malaysia manakala ibu bukan warganegara). Menurut Perlembagaan Persekutuan, kewarganegaraan anak-anak tersebut adalah mengikut status kewarganegaraan ibu.

Aduan yang paling banyak adalah berkaitan dengan sijil kelahiran melibatkan penduduk yang tinggal di pedalaman Sabah. Setiap kanak-kanak perlu didaftarkan semasa lahir kerana ia adalah pengesahan sah akan kewujudan anak. Ini adalah prasyarat untuk memperoleh sijil kelahiran. Dokumen ini adalah bukti rasmi dan pengiktirafan undang-undang negara kepada seorang kanak-kanak sebagai seorang anggota masyarakat. Pendaftaran kelahiran lewat akan menyebabkan pelbagai masalah kepada kanak-kanak lebih-lebih lagi apabila mencapai usia untuk bersekolah. Di bawah Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Sabah CAP 123 Sabah, Artikel 22 (3)), pendaftaran kelahiran lewat mesti disahkan oleh Majistret Kelas Pertama di mahkamah sebelum Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dapat menerima pendaftaran tersebut dan memberikan kad pengenalan kepada anak-anak yang dilahirkan di Sabah. Artikel yang berkaitan dengan kewarganegaraan terdapat di Bahagian III Perlembagaan Persekutuan.

Masalah tanpa kewarganegaraan adalah satu isu yang bersangkutan-paut dengan isu migran tanpa dokumen. Sebagai contoh, walaupun seseorang dapat mengasingkan takrifan 'anak-anak tanpa kewarganegaraan' dengan 'anak-anak tanpa dokumen', hakikatnya isu yang dihadapi kedua-dua golongan ini sebenarnya sama. Walaupun etnik dan sejarah keluarga berbeza dan tahap bantuan yang diberikan oleh 'negara asal' tidak sama, namun kanak-kanak yang didakwa berasal kebanyakan dari Indonesia dan Filipina berkongsi masalah yang sama. Kanak-kanak yang tidak memiliki dokumen hidup dalam ketakutan kerana bimbang ditangkap polis ketika berada dalam kenderaan awam, pusat membeli-belah atau di kawasan setinggian (tempat tinggal) terutama ketika berlaku serbuan penguatkuasa. Oleh itu, adalah penting untuk mengkaji dan menganalisa kerumitan proses menentukan seorang individu itu sebagai 'tanpa kewarganegaraan' di Sabah, sepertimana yang diperdebatkan dalam konteks lain iaitu kesan "penghijrahan yang tidak teratur". Misalnya isu pemegang pas IMM13 dianggap pemegang pas yang sah tetapi tanpa kewarganegaraan. Justeru, kerajaan perlu menyelesaikan isu ini yang mana walaupun seseorang individu itu tidak memiliki mana-mana kewarganegaraan tetapi cukup jika hanya sebagai pemegang pas yang sah, ia lebih baik daripada berstatus tanpa dokumen.

3.1 Memorandum Persefahaman (MoU) - Komitmen Antarabangsa mengenai Isu Tanpa Kewarganegaraan

SUHAKAM menerajui usaha ini sebagai salah satu cara menangani isu serius yang berlaku di Sabah dengan menandatangani MoU bersama dengan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Filipina (CHRP) dan Komisi Nasional Hak Asasi Manusia Indonesia (Komnas HAM) bagi menangani isu tanpa kewarganegaraan daripada perspektif hak asasi manusia.

SUHAKAM, Komnas HAM dan CHRP bersetuju dengan tindakan bersama seperti yang berikut:

- Mengendalikan penyelidikan mengenai sifat geopolitik dan faktor sejarah yang mendorong kepada permasalahan iaitu punca dan faktor berlakunya penghijrahan.
- Bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk memastikan tidak berlaku rasuah dalam proses pendaftaran dan dokumentasi individu tanpa dokumen atau warga Indonesia dan Filipina yang berasal dari Sabah.
- Bekerjasama dengan kedutaan Indonesia dan Filipina.
- Mengemukakan cadangan dan meningkatkan usaha untuk membincangkan isu tanpa kewarganegaraan secara kolektif di peringkat ASEAN.
- Menggunakan proses Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dan Kajian Berkala Sejangat (UPR) untuk membangkitkan isu tanpa kewarganegaraan secara bersama dengan kerajaan masing-masing.
- Memulakan dialog dua hala antara Indonesia - Malaysia atau Filipina - Malaysia mengenai tanpa kewarganegaraan.

3.2 Syor

- i. SUHAKAM mengesyorkan kerajaan menerima pakai 'Konvensyen PBB Berkaitan Status Orang Tanpa Kewarganegaraan 1954' dan 'Konvensyen Mengenai Pengurangan Tanpa Kewarganegaraan' dan 'Konvensyen Berkaitan Status Pelarian 1951' (Konvensyen Pelarian 1951). Seterusnya memastikan penyertaan dalam instrumen hak asasi manusia antarabangsa sekurang-kurangnya dapat menentukan kanak-kanak tidak akan sewenang-wenangnya dilucutkan kewarganegaraan. Malah kanak-kanak ini akan diberikan kewarganegaraan dalam keadaan tertentu

yang mana jika kekal tanpa kewarganegaraan sekalipun kanak-kanak tetap memperoleh perlindungan yang mencukupi.

- ii. Penyertaan terhadap konvensyen dapat menyediakan individu tanpa kewarganegaraan dengan hak yang perlu untuk menjalani kehidupan yang stabil sekaligus mendorong semua negara untuk mengurangkan dan akhirnya tiada lagi kategori kanak-kanak tanpa kewarganegaraan.
- iii. Penting bagi SUHAKAM mengambil perhatian terhadap cadangan oleh Jawatankuasa PBB Mengenai Hak Kanak-kanak dalam kesimpulan pemerhatiannya ke atas Malaysia pada sesi ke-44. Jawatankuasa mengesyorkan supaya Malaysia menerapkan sistem pendaftaran kelahiran yang cekap dan percuma sepenuhnya serta menggiatkan kempen kesedaran mengenai pendaftaran kelahiran terutamanya di kawasan pedalaman. Jawatankuasa turut mencadangkan Malaysia memperbaiki sistem pendaftaran kelahiran kanak-kanak migran yang dilahirkan di Malaysia, kanak-kanak ibu tunggal dan kanak-kanak yang dilahirkan di kawasan pedalaman. Sementara itu, kanak-kanak tanpa dokumen rasmi perlu diberi akses perkhidmatan asas seperti kesihatan dan pendidikan sementara menunggu proses pendaftaran mengikut saluran undang-undang.

Beberapa **syor** lain adalah seperti berikut:

- Menghormati hak semua kanak-kanak untuk mendapat kewarganegaraan. Suatu mekanisme harus dibangunkan untuk menangani isu tanpa kewarganegaraan dalam sempadan negara dan memastikan setiap kanak-kanak didaftarkan semasa kelahiran dan diberikan kewarganegaraan.
- Pendaftaran kelahiran¹⁹
 - Melanjutkan tempoh pendaftaran kelahiran daripada 14 hari hingga sekurang-kurangnya 90 hari atau tiga bulan untuk memudahkan masyarakat yang tinggal di kawasan pedalaman.

¹⁹ Laporan Tahunan SUHAKAM 2001, hlm. 40.

- Wajib bagi JPN untuk mendaftarkan semua permohonan sijil kelahiran termasuk pendaftaran lewat tanpa sebarang alasan penangguhan.
- Mengadakan lebih banyak kempen kepada ibu bapa perihal pentingnya mendaftarkan kelahiran anak dan tidak bersikap sambil lewa.
- Menggalakkan pasangan yang belum berkahwin untuk mendaftarkan kelahiran anak bagi mengelakkan masalah terutaman ketika mendaftarkan kanak-kanak tersebut ke sekolah rendah.²⁰

SUHAKAM akan menggiatkan kerjasama dengan JPN dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk menyelesaikan isu yang berlarutan ini kerana ia menafikan hak asasi kanak-kanak untuk mendapatkan kewarganegaraan. Kerajaan perlu menggunakan pengaruh politiknya untuk menyelesaikan masalah ini.

4. PILIHAN RAYA NEGERI SABAH KE-16

A. Pengenalan

Pilihan Raya Negeri Sabah ke-16 telah diadakan pada 26 September untuk memilih 73 orang anggota Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah ke-16 susulan pembubarannya pada 30 Julai.

Pilihan raya mengejut diadakan berikutan krisis politik yang berlaku antara Ketua Menteri Sabah iaitu YB Datuk Seri Panglima Hj. Mohd Shafie Apdal dari Parti Warisan Sabah (WARISAN) dan kerajaan gabungan Pakatan Harapan (PH) dengan gabungan YB Tan Sri Musa Aman, pemimpin Perikatan Nasional (PN) dan Barisan Nasional (BN), masing-masing mendakwa mempunyai majoriti untuk membentuk Kerajaan Negeri yang baharu. Oleh itu, Tuan Yang Di-Pertua Negeri Sabah, Tun Juhar Mahiruddin telah memutuskan pembubaran DUN atas nasihat Ketua Menteri Sabah ketika itu iaitu YB Datuk Seri Panglima Hj. Mohd Shafie Apdal.

²⁰ Laporan Tahunan SUHAKAM 2005, hlm. 86.

Setelah pembubaran tersebut diwartakan, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengumumkan tarikh pencalonan pada 12 September manakala tarikh pengundian pada 26 September. Pilihan Raya Negeri dijalankan di bawah prosedur operasi standard (SOP) khas yang ditetapkan SPR bersesuaian norma baharu yang mana Sabah berada di bawah pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) susulan pandemik COVID-19.


Artikel 21 (3) UDHR dan Artikel 25 (b) Perjanjian Antarabangsa Mengenai Hak Sivil dan Politik (ICCPR), menjamin hak untuk mengundi secara bebas dan dipilih secara adil melalui hak memilih sejagat dan setara. Pilihan raya adalah melalui pengundian rahsia atau prosedur pengundian bebas yang setara, keputusannya dikira dengan tepat, diumumkan dan dihormati.

Memandangkan hak untuk mengambil bahagian dalam proses demokrasi adalah sebahagian hak asasi manusia, SUHAKAM memutuskan untuk memantau proses pilihan raya. Tambahan pula, SPR menjemput SUHAKAM untuk memerhati proses pilihan raya pada kali ini, justeru SUHAKAM menjalankan peranan sebagai badan bebas dan pemerhati yang diiktiraf oleh SPR.

SUHAKAM sudah mempunyai pengalaman sebelum ini dan diberi akses untuk memantau proses pilihan raya seperti pemantauan di Pilihan Raya Kecil DUN Galas, Kelantan (2010), Sungai Kandis, Selangor (2018), dan Pilihan Raya Umum ke-14 pada tahun 2018. Pada pilihan raya kali ini, pemantauan dibuat berdasarkan aspek berikut:

- Proses Pencalonan (12 September)
- Pengundian Awal (22 September)
- Proses Berkempen (21 hingga 25 September)
- Proses Pengundian (26 September)

Pasukan pemantauan SUHAKAM terdiri daripada pesuruhjaya, kakitangan dan sukarelawan di 23 buah kawasan pilihan raya seperti berikut:



Kawasan pengundian dipilih berdasarkan lokaliti atau penempatan; Pantai Utara, Pantai Barat, kawasan kampung dan pedalaman serta Pantai Timur. Pemilihan meliputi hampir kesemua kawasan yang berkepentingan. Sebelum melakukan pemantauan, sesi taklimat dan latihan diadakan untuk semua pemerhati. Berdasarkan pengalaman, SUHAKAM memanfaatkan senarai semak yang berfungsi sebagai panduan pelaporan. SUHAKAM turut menghadiri taklimat SPR di Ibu Pejabat Putrajaya pada 4 September dan Kota Kinabalu pada 8 September untuk semua agensi yang membuat pemerhatian pilihan raya pada kali ini.

Semua pemerhati bertanggungjawab melaksanakan tugas pemantauan seperti berikut:

- Penamaan calon;
- Kempen pilihan raya;
- Memeriksa kandungan peti undi;
- Pembuangan undi awal dan proses pengundian;
- Pengiraan undi;
- Membuka sampul dan pengiraan undi pos; dan
- Penjumlahan rasmi/pengisytiharan keputusan pilihan raya

Sementara itu, SUHAKAM terlibat secara khusus dalam aktiviti berikut:

- i. Pemantauan proses pencalonan di beberapa kawasan pengundian di sekitar Kota Kinabalu,
- ii. Pemantauan kempen pilihan raya termasuk ceramah, dan bahan kempen;
- iii. Pemantauan proses pengundian awal;
- iv. Pemeriksaan pusat pengundian dan persiapan yang dibuat;
- v. Pemeriksaan peti undi
- vi. Pemantauan proses pengundian;
- vii. Pemantauan proses penutupan dan pengiraan.

Semasa pilihan raya kali ini, SUHAKAM tidak dapat menjalankan semua kegiatan yang dinyatakan di kesemua kawasan pilihan raya. Perubahan dibuat terhadap senarai lokasi pemantauan berikutan peningkatan penularan COVID-19 di beberapa kawasan ataupun daerah. Oleh itu, SUHAKAM tidak mendapat pentauliah pemantauan penuh SPR. Pentauliah pemantauan yang terhad ini bermaksud pasukan tidak boleh akses ke semua pusat pengundian dan pemerhati proses penutupan dan pengiraan.

B. Pemerhatian SUHAKAM

i. Hari Penamaan Calon

Hari penamaan calon di N5 Matunggong, N6 Bandau, N16 Karambunai, N25 Kepeyan dan N26 Moyog berjalan lancar. Semua pegawai dan calon SPR menepati masa yang ditetapkan. Para penyokong parti yang bertanding berkumpul di lokasi yang ditentukan pihak berkuasa. Terdapat

kira-kira 100 hingga 200 orang penyokong setiap pihak yang hadir menunjukkan sokongan mereka kepada parti politik yang bertanding. Polis, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Pejabat Daerah dan Majlis Tempatan bersama-sama mengawal keadaan. Pemerhati diberi kebebasan untuk bergerak dan memantau proses pada hari penamaan calon dari awal hingga akhir. Pihak media juga diberi akses yang baik dan semua pengumuman yang dibuat adalah jelas dan dapat didengar oleh semua.

ii. Proses pengundian semasa COVID-19

SOP yang ditetapkan Kementerian Kesihatan (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dipatuhi sepanjang tempoh berkempen dan mengundi. Pihak SPR juga telah menyediakan bilik khas untuk individu yang mempunyai simptom dikhuatiri jangkitan COVID-19.

Pengundi diwajibkan memakai pelitup separa muka dan mengamalkan penjarakan sosial ketika beratur menunggu giliran memasuki saluran pembuangan undi seawal jam 7.00 pagi. Kakitangan SPR memeriksa suhu badan pengundi dan meminta menggunakan cecair sanitasi tangan yang disediakan. Kakitangan SPR turut mengenakan kelengkapan perlindungan diri (PPE) dan sentiasa bersedia untuk membantu warga tua dan menawarkan perkhidmatan kerusi roda sepanjang proses pengundian.

Namun begitu, masalah timbul semasa tempoh berkempen dan sesi ceramah kerana terdapat calon, penyokong dan penonton yang tidak mengamalkan atau mematuhi penjarakan fizikal contohnya berdasarkan pemerhatian SUHAKAM di Sandakan, sebahagian besar parti politik mengadakan perhimpunan besar dan secara tidak langsung melanggar SOP penjarakan sosial. Di Sungai Manila, dianggarkan seramai 2,000 orang menghadiri perhimpunan kempen dan kebanyakannya gagal mematuhi SOP.

iii. Beli Undi (Politik Wang)

Beberapa program dianjurkan parti politik bagi memberi penghargaan kepada pengundi semasa pilihan raya antaranya program makan tengah hari dan makan malam. Selain itu didapati sejumlah wang tunai diberikan kepada pengundi seperti berikut:

- Wang tunai RM100 hingga RM550 di Kota Marudu oleh Perikatan Nasional

- Wang tunai RM100 di N6 Bandau oleh WARISAN
- Wang tunai RM100 di N65 Senallang oleh Perikatan Nasional
- Wang tunai RM100 di N31 Membakut oleh WARISAN
- Wang tunai RM100 di N50 Gum-Gum oleh WARISAN
- Wang tunai RM100 di N17 Darau oleh Perikatan Nasional
- Wang tunai RM100 hingga RM300 di Karambunai oleh Perikatan Nasional

iv. Kemudahan ke Pusat Pengundian

Pemerhati SUHAKAM mendapati beberapa tempat mengundi tidak mesra OKU dan mempunyai kemudahan untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan kumpulan rentan terutama bagi OKU dan warga emas. Hanya terdapat sejumlah kerusi roda di tempat mengundi. Tempat mengundi tidak berada di tingkat bawah sehinggakan pengundi yang menggunakan kerusi roda terpaksa didukung ke tingkat atas. Pengundi warga emas pula mengeluh kerana terpaksa membuang undi di tingkat tiga. Terdapat sebuah pusat pengundian yang mana hanya sebuah kerusi roda disediakan.

v. Kebebasan Media

SUHAKAM bimbang apabila terdapat laporan media menyatakan bahawa SPR menghalang media tidak rasmi daripada memasuki pusat pencalonan. Menurut laporan berita, hanya petugas media dari RTM, Bernama, Jabatan Penerangan dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) yang dibenarkan masuk. Sekatan ini dilaporkan sebagai sebahagian daripada langkah pencegahan COVID-19 SPR. SUHAKAM bimbang dengan perkembangan ini terutama sejak berlakunya perubahan Kerajaan Persekutuan pada bulan Mac. Didapati semakin banyak alasan pandemik COVID-19 digunakan untuk menghalang wartawan dan pengamal media daripada agensi bukan milik kerajaan daripada membuat liputan pada program penting dan berkepentingan awam. Tindakan mengehad atau membenarkan akses hanya kepada media milik kerajaan boleh menimbulkan situasi laporan dan persepsi berat sebelah.

vi. Pembiayaan Politik

Pihak yang bertanding menggunakan strategi promosi secara besar-besaran dengan jumlah bendera yang banyak, surat khabar dan skrin

LCD untuk mempromosi parti sebulan sebelum pilihan raya. Ia menjadi isu kerana dana untuk setiap parti tidak diketahui sumbernya.

vii. Proses Pilihan Raya

a) Tempoh kempen

Tiada sebarang kekangan bagi setiap calon sepanjang kempen berlangsung. Aktiviti kempen berjalan lancar tanpa sebarang kejadian pergaduhan. Semua pihak bebas menggantung dan mengibarkan bendera serta sepanduk di kawasan yang dipertandingkan. Namun begitu, berlaku juga beberapa kelakuan provokasi apabila ada penyokong di kawasan tertentu yang membuang bendera atau sepanduk calon lawan.

b) Memeriksa kandungan peti undi

SPR memilih lokasi yang sesuai untuk memeriksa kandungan peti undi. Semua peralatan untuk memeriksa kertas undi berfungsi, lengkap dan disediakan awal sebelum waktu yang ditetapkan. Namun begitu, proses pemeriksaan tidak bermula mengikut waktunya. Kakitangan SPR pula bertindak menjaga pintu masuk dewan dan mengarahkan setiap orang untuk menunjukkan pas SPR sebelum dibenarkan masuk. Beberapa pemerhati tidak dibenarkan masuk walaupun begitu selepas berbincang dan atas budi bicara pemerhati dibenarkan masuk ke dewan

c) Hari pengundian

Secara keseluruhannya, pengundian berjalan lancar. Semua pengundi dapat melaksanakan kewajipan mereka tanpa sebarang sekatan atau kejadian yang tidak diingini. SPR turut mendirikan khemah khas untuk para pengundi yang mempunyai simptom atau dijangkiti COVID-19 membuang undi. Pusat pengundian yang dipilih memudahkan para pengundi. SPR membenarkan kenderaan yang membawa warga emas dan OKU untuk dipandu terus menghampiri bangunan pusat pengundian terutamanya pusat yang terletak jauh dari pintu masuk utama atau di atas bukit.

Menurut susun atur baharu SPR, meja untuk pengundi memangkah kertas undi diletakkan berhampiran pintu masuk dan keluar. Ini bermaksud sesiapa yang berjalan melewati tingkap dapat melihat kertas undi jika pengundi tidak berhati-hati. Oleh itu, tingkap dalam bilik kemudiannya ditutup dan menyebabkan bilik menjadi panas dan gelap. Secara tidak langsung membuatkan para pengundi berasa tidak selesa.

d) Proses penutupan dan pengiraan undi

Secara keseluruhan, proses pengiraan kertas undi berjalan lancar dan teratur.

e) Pengisytiharan keputusan

Pada hari pengisytiharan keputusan, pihak polis dilihat mengawal dewan. Dewan dikawal rapi pihak polis. Hanya individu yang mempunyai pas dibenarkan masuk. Ketika peti undi tiba di kawasan di mana undi akan dijumlahkan secara rasmi, peti undi itu dijaga rapi oleh pihak polis. Beberapa ketua pusat pengundian hadir semasa pemeriksaan peti undi. Proses memeriksa kotak undi, mengira kertas undi dan memaparkan hasilnya di layar untuk media, pegawai SPR dan pemerhati berjalan lancar.

viii. Pemantauan Pilihan Raya

Tugas memantau dan pemerhati proses pilihan raya membantu SUHAKAM mempromosi serta melindungi hak sivil dan politik pengundi. Sekiranya pengundi dapat membuat pilihan secara bebas tanpa sebarang diskriminasi berdasarkan bangsa, jantina, umur dan status sosial, maka terhasillah sebuah pilihan raya yang mempunyai integriti.

Selain itu, perkara yang amat dititikberatkan adalah pemerhati dan pemantau pilihan raya perlu mendapat kebebasan dalam melaksanakan tugas. Mengikut '*Code of Conduct for Non-Partisan Citizen Election Observers and Monitors*' yang disokong Suruhanjaya Venice di Sidang Pleno ke-19,²¹ para pemerhati perlu melaporkan setiap dapatan dan pemerhatian sama ada positif atau negatif secara saksama, betul dan tepat pada masanya. Segala isu perlu direkod dan didokumentasi dengan baik supaya pengesahan kejadian dapat dilakukan selain memberikan gambaran adil dan tepat tentang setiap perkara yang berlaku.

SUHAKAM turut khuatir akan larangan kepada pemerhati untuk berkomunikasi dengan media dan tindakan menyampai maklumat kepada pihak ketiga sebelum melaporkan kepada SPR. Kumpulan pemerhati tidak sepatutnya dihalang "hak untuk bergerak dan pemerhati dengan bebas, termasuklah mengeluarkan laporan dan berjumpa pihak media atau orang ramai pada bila-bila masa."

²¹ Deklarasi adalah produk dari proses yang dimulakan Global Network of Domestic Elections Monitors dan dikendalikan oleh Institut Demokratik Nasional, dan merupakan dokumen utama untuk piawai global mengenai pemerhatian dan pemantauan pilihan raya

C. Cadangan

i. Pembiayaan Politik

Semua pembiayaan politik perlu didedahkan kepada umum. Undang-undang khusus perlu digubal bertujuan untuk mengurus kewangan politik.

ii. Kemudahan ke Stesen Pengundian

- a) Pusat pengundian mestilah mudah untuk diakses dan mesra OKU.
- b) Saluran 1 dan 2 mestilah berada di aras bawah dalam sesebuah tempat mengundi manakala warga emas dan OKU perlu dibantu untuk akses ke saluran ini.
- c) SPR dengan kerjasama pusat kesihatan harus memastikan kemudahan kerusi roda yang mencukupi.

iii. Kebebasan Media

Media mesti memberikan laporan yang seimbang tanpa rasa takut atau pilih kasih. Kesatuan Kebangsaan Wartawan perlu menguruskan amalan ini.

iv. Kurangnya Persiapan dan Penyelarasan oleh SPR

- a) SPR mesti memberi latihan yang sewajarnya kepada pegawai yang membantu dalam proses pengundian bagi memastikan proses tersebut dilakukan dengan cekap dan lancar
- b) Semua petugas SPR mesti dibekalkan dengan taklimat dan maklumat yang tepat (keseragaman dalam peraturan dan undang-undang) untuk mengelakkan perbezaan dalam pengendalian proses pengundian.

v. Memeriksa peti undi

SPR harus memastikan semua pegawai pilihan raya mengikut masa yang ditetapkan untuk memeriksa kandungan peti undi.

vi. Hari pengundian

- a. Pegawai yang bertugas di setiap saluran perlu mempunyai jadual bekerja secara giliran. Seseorang petugas tidak boleh bekerja dari pagi hingga malam bagi mengelakkan keletihan. Keadaan ini boleh menyebabkan berlakunya kecuaiian atau lupa mengamalkan SOP sebagai contohnya ketika pemeriksaan jari atau membuat perbandingan wajah pengundi dengan gambar pada kad pengenalan.
- b. Maklum balas yang diterima pegawai SPR menunjukkan ada kemungkinan para pegawai keletihan kerana terlalu banyak bekerja dan mahu menyelesaikan tugas secepat mungkin.
- c. Selain pegawai yang bertugas, anggota polis yang menjaga pusat pengundian juga perlu mempunyai jadual bekerja secara giliran bagi mengelakkan keletihan. Tugas di pusat pengundian telah bermula seawal jam tiga pagi dan harus berada di tempat yang sama sehingga proses pilihan raya berakhir.
- d. Ketua pusat pengundian, pegawai bertugas dan petugas pilihan raya harus diberi latihan untuk mengikuti SOP.

vii. Proses penutupan dan pengiraan undi

- a) Ketua pusat pengundian dan pegawai SPR perlu memaklumkan dan menjelaskan kepada ejen pengiraan undi akan kehadiran pemerhati semasa proses pengiraan untuk mengelakkan keraguan atau ketidakpastian.
- b) Melaksanakan jadual giliran bagi mengelakkan keletihan dalam kalangan petugas sehingga mendorong kepada kecuaiian misalnya memasukkan kertas undi ke dalam kotak undi yang salah.

viii. Memantau pilihan raya


- a) Mengesyorkan agar pemantauan dilakukan tanpa perlu memberitahu terlebih dahulu lokasi yang akan dipantau SUHAKAM.
- b) Dibenarkan untuk mengambil gambar.
- c) SPR dan pemerhati disarankan melantik jurucakap yang boleh menjadi rujukan media untuk mendapatkan laporan yang tepat.

HARAPAN MASA HADAPAN

Menghormati hak asasi manusia dan kedaulatan undang-undang mestilah menjadi landasan demokrasi yang berfungsi dan berkembang maju. Ia memerlukan penghormatan terhadap kepelbagaian idea, masyarakat yang penuh semangat, CSO dan media yang bebas, sektor swasta yang mampan dan keseimbangan kuasa. Pejabat Sabah akan meneruskan mandatnya untuk menasihati, memantau dan bekerjasama dengan kerajaan supaya dapat bertindak berdasarkan pematuhan hak asasi manusia. Justeru, Pejabat Sabah akan terus mencari cara untuk meningkatkan kerjasama dengan sektor awam dan swasta, organisasi masyarakat sivil dan semua ahli masyarakat termasuklah media supaya promosi dan perlindungan hak asasi manusia dapat direalisasikan.

BAB 3

PEJABAT SARAWAK



PEJABAT SARAWAK

LATAR BELAKANG

Pejabat Sarawak memberi tumpuan kepada usaha mempromosi dan meningkatkan kesedaran hak asasi manusia serta mengukuhkan hubungan dengan badan bukan kerajaan (NGO). Sewaktu pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Pejabat Sarawak menjalankan aktiviti secara dalam talian. Pejabat Sarawak juga menjalankan siasatan mengenai dakwaan pencabulan hak asasi manusia di Negeri Sarawak. Isu kewarganegaraan merupakan isu utama dalam aduan yang diterima.

1. PENYELESAIAN ADUAN

Sebanyak 46 aduan berkaitan hak asasi manusia direkodkan pada tahun ini. Hanya tiga aduan berjaya diselesaikan manakala baki 43 aduan masih menunggu tindakan selanjutnya daripada pihak berkaitan. Kategori pecahan aduan adalah seperti berikut:

Jadual 10: Kategori Aduan

| Bil. | Kategori | Bil. Kes |
|------|---|----------|
| 1. | Maruah diri | 1 |
| 2. | Kesamarataan/diskriminasi (perkauman, agama, jantina, ketidakupayaan, fahaman politik dan lain-lain.) | 2 |
| 3. | Hak untuk hidup | 1 |
| 4. | Hak kebebasan dan keselamatan diri | 1 |
| 5. | Layanan atau Hukuman Lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah | 2 |
| 6. | Hak kepada kewarganegaraan | 9 |
| 7. | Hak kepada pemilikan harta | 5 |
| 8. | Kebebasan berfikir, menentukan salah benar dan beragama | 7 |

| Bil. | Kategori | Bil. Kes |
|------|--|-----------|
| 9. | Hak kepada pekerjaan dan hak pekerja migran | 6 |
| 10. | Hak kepada taraf kehidupan yang mencukupi (makanan, pakaian, perumahan, penjagaan kesihatan) | 3 |
| 11. | Hak kepada pendidikan | 2 |
| 12. | Hak tanah adat anak negeri | 1 |
| 13. | Hak kanak-kanak | 1 |
| 14. | Lain-lain | 5 |
| | Jumlah | 46 |

1.1 Isu berbangkit

a. Kewarganegaraan

Isu kewarganegaraan mendominasi kategori aduan yang diterima oleh Pejabat Sarawak yang melibatkan pendaftaran lewat dokumen pengenalan diri seperti sijil kelahiran dan kad pengenalan dalam kalangan penduduk luar bandar serta kanak-kanak yang ibunya merupakan migran atau kanak-kanak yang ibu dan bapanya tidak mendaftarkan perkahwinan dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Semua aduan ini telah dimajukan kepada agensi berkaitan untuk tindakan lanjut.

b. Pertukaran daripada agama Islam kepada agama lain

Sebanyak lapan aduan berkaitan pertukaran daripada agama Islam kepada Kristian. Daripada lapan aduan tersebut, lima aduan adalah berkaitan pertukaran daripada agama Islam kepada agama asal disebabkan penceraian dengan pasangan Muslim. Pengadu mendakwa bahawa surat permohonan untuk keluar daripada agama Islam telah ditolak dan tidak diendahkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Sarawak. Kelulusan surat permohonan itu penting bagi membolehkan pengadu memohon kepada JPN untuk menukar status agama mereka. Baki tiga aduan pula adalah berkaitan proses pentadbiran yang mana pihak JPN melakukan kesilapan dengan merekodkan agama pengadu sebagai Islam berdasarkan penggunaan 'bin' dan 'binti' pada nama penuh.

Terdahulu, pada Mac 2018, Ketua Menteri Sarawak Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg telah memberi jaminan bahawa Kerajaan Negeri akan meminda undang-undang berkaitan agama Islam bagi memberikan jalan penyelesaian kepada situasi sebegini. Kenyataan dibuat susulan tindakan pengadu dari Sarawak membuat permohonan kepada mahkamah sivil bagi mengubah status pertukaran agama mereka.²² Pada 27 Februari, 2018, Mahkamah Persekutuan menolak rayuan tiga orang mualaf dan seorang penganut agama Kristian yang dilahirkan sebagai seorang Islam supaya kes dapat didengar di mahkamah sivil. Pemohon ini mahu agar status agama dinyatakan sebagai Kristian dalam kad pengenalan serta dokumen rasmi.

2. SESI LIBAT URUS

Disebabkan pelaksanaan PKP, Pejabat Sarawak tidak dapat memaksimumkan program dan aktiviti secara langsung terutamanya dengan masyarakat luar bandar, badan bukan kerajaan (NGO) dan organisasi masyarakat sivil (CSO). Walaupun begitu, melaksanakan aktiviti kemasyarakatannya (ceramah dan latihan) masih giat dijalankan secara dalam talian.

Objektif program secara dalam talian adalah seperti yang berikut:
Membina hubungan yang lebih produktif dengan CSO;

- i. Menyediakan platform kepada CSO dan ahlinya untuk mengutarakan pendapat serta memberikan maklum balas terhadap isu- isu berkaitan; dan
- ii. Meningkatkan jumlah aduan yang diterima.

Jadual 11: Program/ Aktiviti Pejabat Sarawak

| Bil. | Tarikh | Butiran | Lokasi |
|------|----------|---|--------------|
| 1. | 23 April | Perbincangan tentang permasalahan yang dihadapi orang asal sewaktu PKP dan syor kepada kerajaan | Dalam Talian |
| 2. | 12 Jun | Hak pendidikan kanak-kanak di Sarawak sewaktu pandemik COVID-19 | Dalam Talian |

²² <https://www.straitstimes.com/asia/se-asia/sarawak-could-allow-converts-to-renounce-islam>

| Bil. | Tarikh | Butiran | Lokasi |
|------|------------|---|--|
| 3. | 16 Jun | Perbincangan dengan 'Lawyer Kamek for Change' (LK4C) tentang isu tanpa kewarganegaraan di Sarawak | Pejabat Sarawak |
| 4. | 18 Jun | Ceramah hak asasi manusia kepada pelajar Universiti Kolej Antarabangsa Sedaya (UCSI) | Dalam Talian |
| 5. | 8 Julai | Lawatan ke Majlis Kebajikan Kanak-kanak Sarawak (PERYATIM) | Pejabat PERYATIM, Kuching |
| 6. | 8 Julai | Lawatan ke Persatuan Pendidikan D'Wira | Pejabat Persatuan Pendidikan D'Wira Kuching, Sarawak |
| 7. | 3-30 Sept. | Pameran "Kartunis Menentang Penyeksaan" di Perpustakaan Negeri Sarawak | Perpustakaan Negeri Sarawak |
| 8. | 12 Okt. | Mesyuarat bersama Pusat KOMAS untuk membincangkan kerjasama yang boleh dilakukan bagi menganjurkan program "Non-Discrimination State Engagement in Sarawak" | Dalam Talian |
| 9. | 13 Nov. | Mesyuarat bersama Prof. Dr. Salfarina Abdul Gapor, Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Kolej Universiti Teknologi Sarawak (UCTS) untuk membincangkan kerjasama yang boleh dilakukan | Dalam Talian |
| 10. | 16 Nov. | Mesyuarat bersama Persatuan Ibu Tunggal Sarawak (PITSA) tentang cabaran yang dihadapi ibu tunggal di Sarawak sewaktu pandemik. | Dalam Talian |

| Bil. | Tarikh | Butiran | Lokasi |
|------|---------|---|--------------|
| 11. | 23 Nov. | Perbincangan susulan dengan Kolej Universiti Teknologi Sarawak (UCTS) tentang bentuk kerjasama yang boleh dilaksanakan. | Dalam Talian |
| 12. | 24 Nov. | Perbincangan dengan NGO tentang isu pertukaran agama Islam kepada agama lain. | Dalam Talian |

3. MESYUARAT DENGAN AGENSI KERAJAAN

Pejabat Sarawak dan Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak (OCC) telah mengadakan mesyuarat dengan YB Dato' Seri Fatimah Abdullah, Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-kanak (Sarawak) pada 8 Julai. Pesuruhjaya Dr. Madeline Berma dan Prof. Dato' Noor Aziah binti Mohd (Pesuruhjaya Kanak-kanak). Awal menghadiri mesyuarat tersebut yang berlangsung di bangunan Baitul Makmur di Petra Jaya, Kuching. Turut hadir ialah Ketua Penolong Setiausaha, Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak (OCC), Pn. Izyan Hazwani Ahmad, Ketua Pejabat Sarawak, En. Sophian Osman, Penolong Setiausaha Pejabat Sarawak En. Alfonso Min, Penolong Setiausaha OCC, Pn. Sara Ibrahim Warda dan wakil daripada Kementerian Dalam Negeri.

Berikut merupakan dua isu yang dibincangkan:

- i. Kanak-kanak tanpa kewarganegaraan di Sarawak; dan
- ii. Hak pendidikan kanak-kanak.


Kerajaan Negeri Sarawak mempunyai kewajipan untuk bersama-sama melaksanakan tanggungjawabnya dalam melindungi hak asasi manusia memandangkan Malaysia telah meratifikasi tiga konvensyen utama hak asasi manusia iaitu Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW), Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) dan Konvensyen Hak Orang Kurang Upaya (CRPD).

Jadual 12: Mesyuarat dengan agensi kerajaan, 2020

| Bil. | Tarikh | Butiran | Lokasi |
|------|---------|--|-----------------|
| 1. | 13 Okt. | Mesyuarat dengan Kelab Sosio-Akademik Perubatan Forensik Hospital Umum Sarawak (HUS) berkenaan Minggu Forensik-Webinar Latihan Asas CPR 2020 | Pejabat Sarawak |
| 2. | 24 Nov. | Mesyuarat dengan Ketua Unit Bahagian Kad Pengenalan JPN, Putrajaya | Dalam Talian |

HARAPAN MASA HADAPAN

Pelaksanaan PKP susulan pandemik COVID-19 memberi kesan ketara kepada setiap aktiviti yang telah dirancang pada tahun ini. Malah dijangkakan aktiviti promosi dan pemerksaan hak asasi manusia dalam kalangan masyarakat akan terus berhadapan cabaran daripada aspek pelaksanaannya pada tahun 2021. Oleh itu, Pejabat Sarawak akan bersedia untuk meningkatkan kapasiti dan kemampuan komunikasi bersemuka dan dalam talian walaupun mengakui ia bukan suatu usaha yang mudah terutamanya melibatkan kawasan luar bandar yang tiada capaian internet dan akses pengangkutan yang baik.



BAB 4

PEJABAT PESURUHJAYA KANAK-KANAK



PEJABAT PESURUHJAYA KANAK-KANAK

LATAR BELAKANG

Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak (OCC) ditubuhkan pada September 2019 berikutan pelantikan Pesuruhjaya Kanak-kanak (CC) yang pertama. OCC berfungsi sepenuhnya pada bulan Mei 2020 dengan pelantikan tiga orang pegawai (seorang Gred 48 dan dua orang Gred 41) serta seorang pembantu tadbir (Gred 19). Penubuhan OCC mencerminkan struktur organisasi dan pembahagian kerja yang sama seperti SUHAKAM. Terdapat tiga portfolio iaitu advokasi dan nasihat, pendidikan dan promosi serta aduan dan pemantauan.

Walaupun portfolio dibahagikan kepada tiga, fungsi OCC adalah berdasarkan isu tematik. OCC memberi fokus kepada sembilan bidang tematik iaitu kanak-kanak tanpa kewarganegaraan, hak kepada pendidikan, perkahwinan kanak-kanak, penarikan semula reservasi terhadap Konvensyen Hak Kanak-kanak (CRC), pindaan Akta Kanak-Kanak, alternatif kepada penahanan (ATD), pendidikan kesihatan seksual dan reproduktif, aspek keselamatan di sekolah tahfiz dan penubuhan Majlis Konsultasi Kanak-Kanak.

1. KANAK-KANAK TANPA KEWARGANEGARAAN

Kewarganegaraan adalah isu sensitif dan rumit di Malaysia. Kebanyakan pihak keliru dengan kategori berbeza dalam isu kewarganegaraan ini. Isu kanak-kanak tanpa kewarganegaraan perlu ditangani mengikut kategorinya tersendiri iaitu sama ada ia kes tulen kanak-kanak tanpa kewarganegaraan, kanak-kanak pelarian, kanak-kanak migran atau kanak-kanak imigran tanpa dokumen.

Berdasarkan rundingan secara dalam talian yang dianjurkan oleh OCC bersama agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) pada 16 Jun (Sabah), 7 Julai (Sarawak) dan 28 Julai (Semenanjung Malaysia), SUHAKAM mengenal pasti tiga sebab utama kanak-kanak tidak mendapat kewarganegaraan di Malaysia.

Pertama, kelahiran yang tidak didaftarkan daripada perkahwinan tidak teratur (diskriminasi terhadap kanak-kanak yang tidak sah taraf). Kedua, prosedur JPN yang tidak konsisten di peringkat daerah dan negeri. Ketiga, adanya keperluan untuk meminda akta yang berkaitan iaitu Perlembagaan Persekutuan, Akta Pengangkatan 1952 dan Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957.

Di Sabah dan Sarawak, terdapat beberapa faktor tambahan yang menyebabkan isu kanak-kanak tanpa kewarganegaraan. Faktor keluasan kawasan geografi kedua-dua negeri menyukarkan masyarakat di pedalaman untuk pergi ke pejabat pendaftaran yang letaknya jauh di bandar. Bagi Sarawak pula, Jawatankuasa Khas yang dibentuk sebelum 2018 untuk menilai permohonan kewarganegaraan dan mencadangkan permohonan yang layak dipertimbangkan kepada Menteri Dalam Negeri, telah dimansuhkan.

Berikut adalah **syor daripada sesi rundingan yang diadakan** sebagai langkah penyelesaian kepada isu kewarganegaraan:

- i. Penganjuran lebih banyak program untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat tentang kepentingan mendaftarkan perkahwinan termasuk perkahwinan adat;
- ii. Kementerian Dalam Negeri (KDN) mesti melaksanakan SOP yang diwujudkan pada 1 Januari 2020 untuk mempercepat permohonan kewarganegaraan;
- iii. Kesemua cawangan JPN di peringkat Persekutuan dan negeri hendaklah menyeragamkan prosedur pentadbiran bagi mengelakkan proses yang tidak teratur dan tidak selaras berkenaan pendaftaran kelahiran kanak-kanak tanpa dokumen;
- iv. Perkara 14(1)(b) dan Jadual Kedua, Bahagian II, seksyen 1(b) dan seksyen 17, Perlembagaan Persekutuan perlu dipinda untuk mengelakkan berlakunya isu kanak-kanak tanpa kewarganegaraan walaupun ibu mereka adalah warganegara; dan
- v. Akta Pengangkatan 1952 perlu dikaji semula bagi membolehkan anak angkat mempunyai hak yang sama seperti kanak-kanak yang lahir daripada perkahwinan yang sah. Buat masa ini, kanak-kanak tanpa kewarganegaraan yang diambil sebagai anak angkat oleh ibu bapa warganegara Malaysia tidak diberikan kewarganegaraan melalui proses pengangkatan tersebut. Ibu bapa angkat mesti memohon kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan dan tiada jaminan permohonan itu akan diluluskan.

a) Lawatan ke Tiga Buah Rumah Perlindungan yang Mempunyai Kanak-kanak Tanpa Kewarganegaraan

Pada 8 dan 13 Julai, OCC telah melakukan lawatan ke tiga buah rumah perlindungan yang menjadi tempat tinggal kanak-kanak tanpa kewarganegaraan iaitu Kompleks Kebajikan Laila Taib (PERYATIM), Persatuan Pendidikan D'Wira bertempat di Kuching, Sarawak dan *Orphan Care Foundation* di Petaling Jaya, Selangor.

Rumah Perlindungan PERYATIM dan OrphanCare Foundation bukanlah rumah perlindungan untuk kanak-kanak tanpa kewarganegaraan tetapi semasa lawatan, SUHAKAM mendapati terdapat kanak-kanak tanpa kewarganegaraan yang berada di rumah perlindungan tersebut. Melalui lawatan berkenaan, OCC telah mengumpulkan senarai nama kanak-kanak tanpa kewarganegaraan berkenaan untuk dibawa ke perbincangan bersama menteri/kementerian berkaitan.

b) Aduan mengenai Kanak-kanak Tanpa Kewarganegaraan

OCC telah menerima aduan terutamanya daripada Kumpulan Sokongan Pasangan Asing (FSSG) yang mana isu utama yang dibangkitkan adalah anak-anak mereka dinafikan hak kewarganegaraan kerana dilahirkan di luar negara. Ahli kumpulan ini terdiri daripada wanita warganegara Malaysia yang berkahwin dengan lelaki warga asing dan wanita warga asing yang berkahwin dengan lelaki warganegara Malaysia.

FSSG memaklumkan bahawa terdapat diskriminasi yang wujud terhadap anak kepada wanita warganegara Malaysia yang berkahwin dengan lelaki warga asing dan dilahirkan di luar negara. Bagi lelaki warganegara Malaysia yang berkahwin dengan wanita warga asing, anak-anak yang dilahirkan di luar negara boleh mendapat status kewarganegaraan tetapi hal sedemikian tidak berlaku bagi wanita warganegara Malaysia.

NGO Yayasan Kasih Sayang Negeri Sembilan berkata kanak-kanak yang tinggal di institusi mereka tidak mempunyai kewarganegaraan kerana perkahwinan ibu bapa mereka yang tidak teratur dan menjadikan mereka kanak-kanak yang terbiar. Malahan terdapat status ibu bapa mereka yang tidak diketahui.

c) Mesyuarat dengan Wakil Persatuan Jaringan Pembangunan Manusia Luar Bandar (DHRRA) Malaysia

Persatuan Jaringan Pembangunan Manusia Luar Bandar (DHRRA) Malaysia telah membuat kunjungan untuk bertemu Pesuruhjaya Kanak-Kanak (CC) di SUHAKAM. DHRRA memaklumkan bahawa selama lebih daripada satu dekad DHRRA merupakan sebuah NGO yang menjadi rujukan kepada pihak kerajaan dan NGO lain di Malaysia berkenaan ruang lingkup kerja dalam isu tanpa kewarganegaraan. Kedua-dua pihak telah berkongsi data dan hasil dapatan.

OCC menyambut baik idea DHRRA yang menyatakan minat untuk bekerjasama dengan OCC dalam memastikan hak kanak-kanak kepada kewarganegaraan tidak dinafikan terutama dalam kes bersifat jelas berkenaan kanak-kanak tanpa kewarganegaraan dan berharap agar dapat bekerjasama dengan DHRRA.

Selepas penganjuran sesi perundingan, lawatan, mengumpul aduan serta mesyuarat bersama DHRRA, CC merasakan adalah penting untuk bertemu dengan KDN bagi membincangkan isu berkenaan. OCC telah menulis kepada KDN dan Jabatan Imigresen Malaysia pada 27 April, 17 Mei, 28 Mei, dan 22 Jun bagi mengetengahkan kesemua isu berbangkit.

Surat berikutnya bertarikh 7 Oktober pula memohon untuk mengadakan kunjungan hormat selain menyerahkan senarai nama kanak-kanak tanpa kewarganegaraan yang telah sekian lama membuat permohonan bagi mendapatkan kewarganegaraan. Walau bagaimanapun, pihak KDN tidak memberikan maklum balas kepada permintaan OCC bagi mengadakan sebarang perbincangan.

2. HAK KANAK-KANAK KEPADA PENDIDIKAN

Kesan COVID-19 terhadap hak pendidikan kanak-kanak amat meruncing. Walaupun tanpa COVID-19, akses kepada pendidikan masih tidak dapat disediakan di sesetengah kawasan di Malaysia terutamanya di Sabah dan Sarawak, apatah lagi dalam situasi COVID-19 yang melanda ketika ini. Justeru OCC telah menganjurkan beberapa siri dialog dengan pemegang taruh dan kementerian berkaitan, program kesedaran bersama penduduk kampung selain bertemu agensi berkaitan untuk membincangkan keadaan semasa dan mencari penyelesaian krisis.

Jadual 13: Senarai program pendidikan

| Bil. | Tarikh | Program | Butiran |
|------|--------------|--|---|
| 1. | 12 Jun | Dialog Dalam Taliان Mengenai Hak Pendidikan Kanak-Kanak Semasa Pandemik COVID-19 di Sarawak | Masalah sebilangan besar murid di Sarawak yang tinggal di kawasan luar bandar dan tiada kemudahan pembelajaran dalam talian semasa PKP. |
| 2. | 16 Jun | Dialog Dalam Taliان dengan Pemegang Taruh mengenai Isu Kanak-kanak di Sabah | Isu mengenai kanak-kanak tanpa kewarganegaraan adalah antara majoriti yang tidak mendapat akses kemudahan pendidikan. |
| 3. | 15 Sept. | Dialog secara bersemuka bersama Penduduk Kampung Marak Parak, Kota Marudu, Sabah | Perbincangan mengenai hak kanak-kanak termasuk hak kepada pendidikan. |
| 4. | 15 -17 Sept. | Mesyuarat bersama Guru Besar SK Marak Parak, Pegawai Pejabat Pendidikan Daerah Kota Marudu, Pegawai Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah dan lawatan ke SK Langkon, Kota Marudu Sabah | Siasatan lanjut dan mesyuarat untuk memaklumkan pihak berkuasa mengenai rumusan dialog bersama penduduk kampung Marak Parak dan lawatan ke SK Langkon. |
| 5. | 26 Nov. | Webinar Dalam Taliان mengenai Isu Buli, Rotan dan Buang Sekolah | Perbincangan mengenai topik: i. Buli dan merotan: Peruntukan berdasarkan undang-undang Malaysia dan CRC; ii. Dasar dan Akta semasa berkaitan rotan dan buang sekolah; dan iii. Kesan psikologi dan mental kepada kanak-kanak yang dibuli dan dirotan |

Berikut adalah **syor** untuk menyelesaikan beberapa masalah hak pendidikan kanak-kanak:

- i. Berikutan kawasan geografi Sarawak yang luas, kaedah pembelajaran dalam talian tidak dapat dijalankan di Sarawak kerana kesukaran memperolehi capaian internet, ketiadaan gajet yang sesuai serta ketiadaan bekalan elektrik. Oleh itu, kerajaan perlu meneroka kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lain.
- ii. Sebagai alternatif, kerajaan harus melabur dalam kemudahan internet dan menyediakan bantuan kewangan untuk semua murid, terutamanya murid yang kurang berkemampuan. Syarikat swasta turut digalakkan mengamalkan tanggungjawab sosial korporat dengan mengambil cadangan Kerajaan Negeri Sarawak untuk membina menara bagi liputan capaian internet yang lebih meluas;
- iii. Guru dan murid juga boleh melakukan pembelajaran dan pengajaran menerusi radio, aplikasi Telegram dan juga aplikasi WhatsApp. Pada tahun 1950-an, radio digunakan untuk menyampaikan sesi pembelajaran kepada murid di Malaysia dan Tibet;
- iv. Radio Televisyen Malaysia (RTM) harus meneroka pilihan lain termasuklah memperluaskan liputan televisyen dan Radio Pendidikan ke kawasan terpencil di Malaysia;
- v. Terdapat keperluan untuk mewujudkan dasar dan garis panduan baharu agar Pusat Pembelajaran Alternatif dan Pusat Pembelajaran Masyarakat dapat beroperasi dengan berkesan. Ini termasuklah pengiktirafan dan perakuan daripada pihak kerajaan terhadap sistem ini agar kanak-kanak tanpa kewarganegaraan mendapat pendidikan sewajarnya dan diiktiraf;
- vi. Penduduk Kampung Marak Parak melaporkan bahawa tiada kemudahan sekolah menengah berhampiran di Marak Parak. Sekolah menengah terdekat adalah SMK Kota Marudu I dan SMK Kota Marudu II yang terletak 40 km dari kampung mereka. Kanak-kanak terpaksa tinggal di asrama atau menempuh jarak perjalanan yang jauh untuk sampai ke sekolah menengah dan terpaksa menanggung kos tambahan;
- vii. Jumlah sekolah menengah di Kota Marudu yang sedikit contohnya SK Langkon terpaksa berkongsi sekolah dengan SMK Langkon;
- viii. Mengkaji implikasi hukuman rotan dan menilai keburukannya dalam membentuk disiplin kanak-kanak;
- ix. Budaya membiasakan hukuman rotan dalam sistem pendidikan tidak boleh diguna pakai kerana kanak-kanak akan salah faham bahawa keganasan dibenarkan untuk pendidikan;

- x. Hukuman secara fizikal bukanlah penyelesaian terbaik untuk mengatasi masalah buli kerana 'keganasan akan melahirkan keganasan';
- xi. Mangsa kemungkinan akan trauma dan menderita akibat daripada buli dan rotan. Setiap pihak harus mempunyai sifat empati terhadap mangsa, memahami implikasi dan mencari jalan untuk mengatasi masalah tersebut.

Tindakan

Selepas dialog dalam talian mengenai 'Hak Kanak-kanak kepada Pendidikan Semasa Pandemik COVID-19 di Sarawak' pada 12 Jun, CC telah mengeluarkan kenyataan media bertajuk "Hak Kanak-kanak kepada Pendidikan: KPM digesa untuk Meneroka Kaedah Pengajaran Baharu". Kenyataan itu bertujuan mengingatkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) supaya tidak mengabaikan hak kanak-kanak untuk mendapat pendidikan di daerah yang kurang membangun di Malaysia terutamanya semasa pandemik COVID-19.

CC juga menulis surat kepada KPM pada 27 Ogos dan 5 Oktober bagi mengemukakan semua isu yang dibangkitkan seterusnya membuat permohonan untuk bermesyuarat bagi membincangkan isu berkenaan dengan lebih lanjut. OCC telah menerima maklum balas positif daripada KPM dan berharap ia dapat diatur dalam masa terdekat.



OCC bersama Sabah Women's Action Resource Group (SAWO) dan penduduk wanita Kampung Marak Parak.



Mesyuarat bersama Guru Besar SK Marak Parak dan Pegawai Pejabat Pendidikan Daerah Kota Marudu.



Lawatan ke SK Langkon, Kota Marudu, Sabah.

3. PERKAHWINAN KANAK-KANAK

Berdasarkan statistik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dari tahun 2007 hingga 2017, terdapat 14,999 kes perkahwinan kanak-kanak, yang mana 10,000 kes melibatkan orang Islam.²³

Sementara itu, statistik JPN menunjukkan sebanyak 930 perkahwinan pada tahun 2018 melibatkan orang bukan Islam di bawah umur 18 tahun, peningkatan daripada 436 ikatan pada tahun 2015. Ini bermakna bilangan perkahwinan kanak-kanak dalam kalangan orang bukan Islam meningkat dua kali ganda antara tahun 2015 hingga 2018.²⁴

Oleh yang demikian, OCC berpendapat campur tangan kerajaan, terutamanya dengan meminda undang-undang adalah penting dalam menyelesaikan masalah tersebut. Sungguhpun demikian diakui bahawa salah satu usaha pihak kerajaan adalah dengan melancarkan pelan lima tahun Pelan Strategik Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur pada 16 Januari 2020.²⁵

OCC percaya ia mempunyai tanggungjawab untuk berunding dan menasihati kerajaan oleh itu OCC turut merancang satu sesi rundingan dan dialog bersama Pengarah Jabatan Agama Negeri dan Ketua Hakim Syarie untuk memahami pendirian semasa berkenaan isu ini. Selain itu perbincangan berkenaan mekanisme penyelesaian terbaik bagi mengatasi isu ini supaya persefahaman dan persetujuan dapat dicapai. Meskipun begitu, kekangan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) menyebabkan program yang dijadualkan pada bulan Disember 2020 terpaksa ditangguhkan ke bulan Januari 2021.

Selain daripada program tersebut, OCC telah mengadakan perbincangan seperti berikut:

²³ Khaw Chia Hui, Child marriage: Why it is still a problem in 2018, 2018. (<https://www.malaymail.com/news/malaysia/2018/11/10/child-marriage-why-it-is-still-a-problem-in-2018/1691899#:~:text=While%20data%20is%20scant%2C%20Deputy,number%20of%20registered%20child%20marriages.>)

²⁴ Ashley Tang, Non-Muslim child marriages on the rise, 2019. (<https://www.thestar.com.my/news/nation/2019/07/15/nonmuslim-child-marriages-on-the-rise>)

²⁵ <https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Pelan%20Strategi%20Perkahwinan%20Bawah%20Umur/EXECUTIVE%20SUMMARY.pdf>

Jadual 14: Senarai mesyuarat membincangkan isu perkahwinan kanak-kanak

| Bil. | Tarikh | Mesyuarat |
|------|---------|---|
| 1. | 10 Mac | CC merupakan sumber rujukan bagi 'Pembinaan Modul Latihan dan Advokasi Pembendungan Perkahwinan Kanak-Kanak', anjuran kumpulan penyelidik dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). |
| 2. | 24 Ogos | CC dilantik menjadi ahli Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategik Kebangsaan dalam Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur. Mesyuarat pertama Jawatankuasa Pemandu adalah pada 24 Ogos di KPWK. |
| 3. | 28 Ogos | CC dijemput memberi ceramah mengenai hak kanak-kanak semasa program mengenai isu perkahwinan kanak-kanak yang diadakan oleh Jabatan Agama Islam Pahang |
| 4. | 5 Nov. | Mesyuarat bersama UNICEF bertujuan melancarkan kerja advokasi berkenaan isu perkahwinan kanak-kanak. |
| 5. | 12 Nov. | CC dijemput ke bengkel untuk memberi maklumat kepada kajian bertajuk "Pembinaan Modul Latihan Berkenaan Perkahwinan Kanak-Kanak Bagi Pegawai Agama dan Syariah Menurut Hak Asasi dan Siyasa Al-Syar`lyyah" yang dianjurkan Penyelidik UKM di bawah nama projek "FRGS/1/2019/SSI10/UKM/02/4" |

4. MENARIK SEMULA RESERVASI KONVENSYEN MENGENAI HAK KANAK-KANAK (CRC)

Malaysia telah meratifikasi CRC pada tahun 1995 dengan 12 reservasi walaupun begitu empat reservasi telahpun ditarik balik pada 6 Julai 2010. Kerajaan menarik semula reservasi terhadap Artikel 1, 13 dan 15. Reservasi yang masih dikekalkan adalah Artikel 2 tentang tiada diskriminasi; Artikel 7 berkenaan nama dan kewarganegaraan; Artikel 14 mengenai kebebasan berfikir, rasa hati dan beragama; Artikel 28 (1) (a) berkenaan pendidikan percuma dan wajib di peringkat sekolah rendah; dan Artikel 37 tentang larangan penyeksaan dan pelucutan hak kebebasan.

OCC berpandangan, Malaysia sudah bersedia untuk menarik semula semua reservasi CRC. Di bawah Artikel 42 CRC, adalah menjadi tanggungjawab Negara Pihak untuk menegakkan empat prinsip utama CRC, iaitu tiada diskriminasi, mengambil kira sepenuhnya kepentingan terbaik kanak-kanak, hak kepada kehidupan, kelangsungan hidup dan perkembangan serta mengambil kira pandangan kanak-kanak. Sekiranya reservasi dikekalkan, objektif keempat-empat prinsip berkenaan tidak dapat direalisasikan. Ketika ini, kerajaan telah mencapai momentum yang baik dalam memenuhi kewajibannya di bawah CRC. Perlembagaan Persekutuan Malaysia adalah undang-undang tertinggi yang mampu mengatasi sebarang percanggahan dalam peruntukan CRC. Penarikan semula reservasi CRC tidak akan menjejaskan Malaysia malah akan meletakkan negara pada kedudukan yang lebih baik sebagai negara pihak.

Semasa kunjungan hormat kepada YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di pejabatnya pada 5 Jun, OCC membuat advokasi mengenai langkah penarikan semula reservasi tersebut. CC juga menekankan kepentingan kerajaan untuk menyerahkan status laporan kepada Jawatankuasa CRC PBB pada akhir tahun ini. YB Datuk Seri Rina memperakui permohonan tersebut namun tiada laporan yang dihantar sehingga akhir tahun 2020. Pada 19 September, Sekretariat Gabungan Hak Kanak-kanak Malaysia 2020 telah melancarkan 'Laporan Status Hak Kanak-kanak 2019' di Malaysia. **CC mengulangi keprihatinannya dan menggesa pihak kerajaan untuk menghantar laporan tersebut bagi mengemas kini pelbagai pencapaian Malaysia dalam menegakkan hak kanak-kanak seperti yang termaktub di bawah CRC.**

5. PINDAAN AKTA KANAK-KANAK 2001

Akta Kanak-Kanak Malaysia 2001 (Akta 611) menyediakan kerangka undang-undang untuk kerajaan memberi tindak balas kepada kanak-kanak yang memerlukan penjagaan dan perlindungan serta bagi kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang. Akta tersebut sudah melalui beberapa pindaan sejak ia diperkenalkan dan pindaan terakhir adalah pada tahun 2016. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa isu yang masih perlu ditambah baik untuk memastikan Akta tersebut mencapai objektifnya.

OCC mengesyorkan agar Akta Kanak-Kanak dan akta lain berkaitan dipinda seperti berikut:

- i. Memperkenalkan peruntukan khas bagi memantau isu perkahwinan kanak-kanak dalam undang-undang domestik, iaitu dengan meletakkan had umur perkahwinan bagi semua kanak-kanak kepada 18 tahun dan ke atas;
- ii. Memansuhkan peruntukan bagi “kanak-kanak di luar kawalan”;
- iii. Mengukuhkan peranan “Pelindung” seperti yang dipraktikkan di United Kingdom;
- iv. Menubuhkan Jabatan Kanak-kanak;
- v. Memperkasa Majlis Kanak-kanak Kebangsaan dengan menambah keahlian daripada wakil kanak-kanak;
- vi. Mengkaji semula peruntukan bagi kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang; dan
- vii. Memasukkan program lencongan sebagai langkah alternatif terhadap penahanan bagi kanak-kanak kerana menahan kanak-kanak adalah bercanggah dengan undang-undang.

Dalam mesyuarat yang sama pada 5 Jun, CC mengesyorkan tindakan kepada Menteri KPWKM dan berharap cadangan tersebut mendapat sokongannya.

Pada masa yang sama, OCC sedang bekerjasama dengan Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) untuk mengatur beberapa siri rundingan bagi pindaan Akta Kanak-kanak 2001.

6. PELAKSANAAN ALTERNATIF KEPADA PENAHANAN (ATD)

Berikutan kempen bersama SUHAKAM dan CSO pada tahun 2014 untuk menyokong alternatif kepada penahanan bagi kanak-kanak yang ditahan di depot imigresen, terdapat beberapa siri perbincangan yang telah diadakan dengan kerajaan. Maklum balas positif dan sokongan baik telah dinyatakan. Namun begitu, projek perintis ATD masih belum dilaksanakan.

Projek perintis tersebut dirancang untuk dilaksanakan pada penggal kedua tahun 2020. Namun ia tertangguh kerana pandemik COVID-19

dan dibawa ke tahun 2021. **OCC berpendapat, kanak-kanak pelarian, migran dan tanpa dokumen tidak sewajarnya ditahan dalam apa jua keadaan.** Adalah menjadi satu keperluan yang amat penting bagi kerajaan untuk menyediakan alternatif kepada penahanan kanak-kanak kerana mereka adalah mangsa keadaan. Kanak-kanak ini berada di Malaysia kerana mengikut ibu bapa atau ahli keluarga. Sebilangan mereka berkemungkinan diseludup masuk ke Malaysia. Hakikatnya kanak-kanak ini bukanlah datang atas kehendak sendiri. Oleh itu, kanak-kanak ini tidak boleh diperlakukan seperti penjenayah dan hak mereka sebagai kanak-kanak perlulah dihormati. OCC berpandangan, kerajaan haruslah memberi layanan kepada kanak-kanak tersebut sepertimana digariskan dalam CRC kerana Malaysia mempunyai tanggungjawab yang sama dengan negara pihak yang lain terhadap CRC iaitu untuk melindungi dan menegakkan hak setiap kanak-kanak.

6.1 Aduan mengenai Penahanan Kanak-kanak semasa COVID-19

Ketika tempoh PKPB pada awal Mei 2020, OCC menerima aduan mengenai penangkapan dan penahanan kanak-kanak migran dan tanpa dokumen di Pasar Borong Kuala Lumpur dan Pasar Borong Selayang oleh pegawai imigresen. Pada 17 Mei, CC telah mengeluarkan surat kepada Ketua Pengarah Imigresen yang menekankan bahawa penangkapan tersebut tidak wajar dilakukan ketika pandemik dan PKP. Artikel 37 (b) CRC jelas menyatakan bahawa sesiapa berusia di bawah usia 18 tahun tidak boleh ditahan di depot imigresen walaupun tidak berdokumen.

Seterusnya, ketika lawatan OCC ke pusat tahanan sementara depot imigresen di Kem Bina Negara Wawasan di Pulau Langkawi mendapati keadaan kanak-kanak di depot tersebut amat membimbangkan. Pihak imigresen telah mengkategorikan kanak-kanak adalah berusia di bawah 12 tahun. Bagi yang berumur antara 12 hingga 18 tahun, individu tersebut dianggap sebagai orang muda. Hal ini bertentangan dengan Akta Kanak-kanak 2001 dan juga CRC kerana kedua-dua Artikel ini mengiktiraf individu di bawah 18 tahun sebagai kanak-kanak. Oleh itu, tahanan kanak-kanak ini perlu diberi peluang untuk tinggal di persekitaran berunsur kekeluargaan dan bukannya di kem sementara.

Selain itu terdapat kes seorang kanak-kanak lelaki berumur 15 tahun yang ditahan Jabatan Imigresen. OCC dimaklumkan mengenai kes tersebut pada 28 Oktober. Kanak-kanak yang tinggal bersama keluarga angkat sebelum penangkapannya itu merupakan pemegang kad UNHCR yang

sah. Walaupun kanak-kanak itu diberi status pelarian, Jabatan Imigresen memutuskan untuk mengusirnya ke negara asal setelah tidak lagi bersama keluarga angkatnya. CC telah menulis kepada Ketua Pengarah Imigresen berikutan keputusan beliau untuk mengusir kanak-kanak lelaki itu. Selepas beberapa rundingan yang diketuai UNHCR Malaysia dilaksanakan, maka diputuskan kanak-kanak itu akan dihantar ke negara ketiga.

Berdasarkan kes-kes dinyatakan, OCC berpendapat kerajaan perlu turut serta secara aktif dalam alternatif kepada penahanan dengan mempercepatkan pelaksanaan projek perintis bagi memastikan hak kanak-kanak rentan ini dilindungi. Projek perintis ini adalah sebahagian daripada usaha jangka panjang dalam menegakkan hak kanak-kanak di Malaysia. Bagi jangka pendek, disarankan supaya wakil UNHCR diberi kebenaran semula ke semua depot imigresen untuk memeriksa tahanan terutamanya kanak-kanak.

7. PENDIDIKAN KESIHATAN SEKSUAL DAN REPRODUKTIF SERTA KESELAMATAN DI SEKOLAH TAHFIZ

SUHAKAM telah memberi perhatian yang serius kepada isu keselamatan di sekolah-sekolah tahfiz lebih-lebih lagi selepas kejadian kebakaran di Darul Quran Ittifaqiyah pada 14 September 2017 . Selain itu pihak OCC juga ada menerima aduan dakwaan penderaan fizikal dan seksual di sekolah tahfiz. Susulan beberapa isu berkaitan, Presiden Pertubuhan Ikatan Wanita Antarabangsa untuk Institusi Keluarga dan Pendidikan Berkualiti (WAFIQ) telah mengadakan perbincangan bersama CC untuk bekerjasama dalam program untuk sekolah tahfiz seperti berikut:

(i) Ceramah 'Hak Kanak-Kanak dan Kesihatan Seksual Reproduksi'

Pada 18 Ogos, OCC dan WAFIQ menganjurkan program di Maahad Tahfiz Darul Ulum Az-Zahra, Sungai Buloh yang disertai oleh para murid dan pendidik. CC sebagai panel pertama membentangkan kepentingan pendidikan, keselamatan dan hak untuk dilindungi daripada pembuli manakala panel kedua, Prof. Madya Dr. Rafidah Hanim Mokhtar, Presiden WAFIQ pula menyetengahkan tentang kesihatan seksual reproduktif yang turut dijelaskan dengan lebih lanjut oleh pengamal perubatan daripada WAFIQ.

Pihak pengurusan sekolah menyambut baik program ini dan berterima kasih kepada pihak penganjur serta mengalu-alukan kerjasama pada masa akan datang.

(ii) Forum Hak Kanak-Kanak dan Kesihatan Seksual Reproduktif untuk Pendidik Sekolah Tahfiz

Pada 25 Ogos, OCC telah menganjurkan forum dalam talian kepada pemilik, guru atau pendidik sekolah tahfiz di Malaysia dengan kehadiran lebih daripada 80 peserta. Perbincangan berkisar isu hak kanak-kanak kepada pendidikan yang wajar dan diiktiraf (seperti sistem pendidikan konvensional), piawaian keselamatan asas bangunan dan hukuman/denda melalui penggunaan kekerasan fizikal seperti merotan adalah tidak dibenarkan di bawah CRC. Penceramah jemputan, Prof. Madya Dr. Rafidah Hanim telah menyampaikan topik mengenai kesihatan seksual reproduktif semasa forum ini. Berikut merupakan cadangan yang dibangkitkan:

- a) OCC dan WAFIQ mengadakan kerjasama pada masa hadapan memberi fokus kepada dua topik iaitu 'Kesihatan Seksual Reproduktif' (WAFIQ) dan 'Hak Kanak-Kanak' (OCC) kepada pendidik sekolah tahfiz mengikut zon (tengah, utara, selatan dan pantai timur);
- b) OCC bersetuju untuk terus menasihati pihak kerajaan bagi melaksanakan 'Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur menjelang tahun 2030'; dan
- c) OCC bersetuju untuk terus membuat kerja advokasi dalam usaha meminda Akta Pendidikan 1996 dengan memasukkan sekolah tahfiz sebagai antara institusi pendidikan yang dilindungi akta supaya sekolah-sekolah ini dapat didaftar dan dipantau.

Selain itu OCC turut dipelawa untuk bekerjasama dengan NGO I-Medik dan Gabungan Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Kebangsaan (PINTA) berkenaan isu sekolah tahfiz. Pada 28 Oktober, OCC menganjurkan mesyuarat dalam talian dengan kerjasama Bahagian Pendidikan dan Latihan (ETD) SUHAKAM, Gabungan Pendidikan Masyarakat Sivil Malaysia bagi Proses Semakan Berkala Sejangat (MACSA), I-Medik dan PINTA dan satu persetujuan bersama telah dicapai iaitu:

- a. Isu keselamatan berpunca daripada garis panduan pendaftaran sekolah tahfiz yang tidak seragam dan spesifik;
- b. Mengadakan program kesedaran khas bermula Disember 2020 sehingga pertengahan tahun 2021 untuk ibubapa, kanak-kanak, pengusaha, guru dan pendidik sekolah tahfiz;
- c. MACSA, I-Medik dan PINTA akan membantu OCC dalam menyediakan penceramah, senarai nama dan sekolah serta input yang berkaitan; dan

- d. Jabatan Agama Negeri, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Pejabat Pendaftaran Tanah Negeri juga akan dijemput dalam program yang akan dianjurkan.

(iii) Ceramah Bersiri Hak Kanak-Kanak untuk Sekolah Tahfiz – Zon Tengah

OCC bersama ETD SUHAKAM, MACSA, I-Medik dan PINTA telah menganjurkan program pertama bertajuk 'Ceramah Bersiri Hak Kanak-kanak untuk Sekolah Tahfiz' bagi Zon Tengah secara dalam talian pada 29 Disember. Wakil daripada Jabatan Agama Negeri Selangor, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Selangor serta Pejabat Pendaftaran Tanah Selangor telah dijemput bagi menyampaikan ceramah. Objektif program adalah:

- a) Mendidik guru sekolah tahfiz mengenai hak kanak-kanak berdasarkan CRC, hak dalam Islam, Akta Kanak-Kanak 2001 dan undang-undang lain yang berkaitan;
- b) Mendorong pihak pengurusan sekolah mencapai piawaian bangunan selamat;
- c) Menjalankan kempen larangan hukuman merotan di sekolah; dan
- d) Memberi kesedaran mengenai pentingnya pendidikan kesihatan seksual dan reproduktif.

OCC akan meneruskan ceramah bersiri pada tahun 2021 untuk semua zon yang lain.

8. PENUBUHAN MAJLIS KONSULTASI KANAK-KANAK

Salah satu prinsip teras CRC adalah mengambil kira pandangan kanak-kanak.²⁶ Adalah mustahak bagi kanak-kanak itu sendiri tampil ke hadapan dan bersuara bagi isu yang perlu diketengahkan untuk kebaikan mereka. Penglibatan ini dapat dilaksanakan dalam bentuk rundingan di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa.

Beberapa siri rundingan dapat memberi peluang kepada kanak-kanak untuk melibatkan diri secara aktif sebagai warganegara yang bertanggungjawab.²⁷ Kanak-kanak juga menjalani kehidupan seharian

²⁶ Penyertaan kanak-kanak disertakan dalam enam (6) Artikel UNCRC (Artikel 12, 13, 13, 15, 17 dan 31) di mana penglibatan mereka dilihat sebagai salah satu prinsip panduan bagi mengamalkan hak kanak-kanak. Penglibatan tersebut menunjukkan kepentingan memberi peluang kepada kanak-kanak untuk menyatakan pandang mereka dan seterusnya, secara langsung mempengaruhi setiap keputusan yang akan memberi kesan kepada kehidupan mereka.

²⁷ Pada tahun 2020, Jabatan Perangkaan Malaysia mencatatkan kanak-kanak merangkumi 28.3% (9.32 juta) daripada populasi Malaysia iaitu sebanyak 32.7 juta orang.

yang pada asasnya sudah tentu dapat mengenal pasti masalah yang dihadapi serta mencari jalan penyelesaian. Penyertaan kanak-kanak bukanlah sekadar satu aktiviti tunggal tetapi adalah proses berterusan supaya mereka dapat memperkasa hak untuk ikut serta dalam menyuarakan pendapat.

Bagi mencapai hasrat ini, Majlis Konsultasi Kanak-kanak (CCC) ditubuhkan yang dianggotai oleh 20 orang ahli berumur antara 10 hingga 17 tahun terdiri daripada pelbagai latar belakang di seluruh Malaysia. Pecahannya adalah seperti berikut: sebanyak 15 orang ahli akan dilantik dari Semenanjung manakal lima orang dari Sabah dan Sarawak.

Tanggungjawab utama CCC Malaysia adalah untuk bertindak sebagai badan perundingan kanak-kanak di bawah seliaan OCC. Badan tersebut akan membantu OCC dalam mengambil kira pandangan serta menyuarakan keperluan kanak-kanak. Input yang diberikan akan diambil tindakan sewajarnya dalam mengatasi masalah yang dihadapi. OCC telah mengadakan beberapa rundingan dengan kanak-kanak bagi mendengar pandangan dan masalah yang dialami. Ia juga salah satu langkah OCC untuk mengenal pasti dan melantik 20 orang kanak-kanak sebagai anggota CCC Malaysia. Siri rundingan yang diadakan adalah seperti berikut:

Jadual 15: Sesi rundingan bersama kanak-kanak

| BIL. | TARIKH | PROGRAM | ISU/ MAKLUM BALAS |
|------|------------|--|---|
| 1. | 21-22 Feb. | Rundingan bersama Kanak-Kanak di Semenanjung | <ul style="list-style-type: none"> a) Kanak-kanak berasa selamat dan merasakan suara mereka didengari sepanjang program. Semua yang terlibat bersikap peramah; b. Kanak-kanak berasa gembira dapat berjumpa dengan ramai kenalan baharu walaupun berasal daripada latar belakang yang berbeza; dan c. Kanak-kanak ingin mengetahui lebih lanjut mengenai masalah kesihatan seksual dan reproduktif kerana mereka tidak diberi maklumat secukupnya mengenai isu tersebut. |

| BIL. | TARIKH | PROGRAM | ISU/ MAKLUM BALAS |
|------|----------|--|---|
| 2. | 21 Sept. | Rundingan bersama CCC Malaysia | Telah dipersetujui bahawa CCC Malaysia harus memberi tumpuan kepada kesejahteraan mental kanak-kanak dan kumpulan minoriti (kanak-kanak berkeperluan khas, orang asli dan pelarian). |
| 3. | 7 Nov. | Rundingan bersama Kanak-kanak di Sabah | <ul style="list-style-type: none"> a. Tekanan mental kerana terlalu banyak kerja sekolah; b. Tiada akses kepada pembelajaran dalam talian; c. Dirotan guru apabila murid tidak menyiapkan kerja rumah; d. Isu perkahwinan kanak-kanak; dan e. Alat bantu pembelajaran dalam talian tidak diberikan kepada pihak yang sepatutnya. |
| 4. | 21 Nov. | Rundingan bersama Kanak-kanak di Sarawak | <ul style="list-style-type: none"> a. Masalah buli oleh guru dan rakan sekolah; b. Peranan kaunselor yang tidak ketara; c. Tiada akses kepada pembelajaran dalam talian; dan d. Sistem pembelajaran yang tidak berkesan semasa COVID-19. |

Maklum balas ini telah dipanjangkan kepada KPM dan KPWK. Pihak OCC akan membuat tindakan susulan berhubung isu yang dibangkitkan.



Sesi rundingan bersama kanak-kanak selama dua hari yang diadakan pada 21 hingga 22 Februari di Kuala Lumpur.

9. ADUAN DAN PEMANTAUAN

OCC menerima **52** aduan berkenaan isu yang melibatkan hak kanak-kanak di seluruh Malaysia. Aduan diterima melalui surat, panggilan telefon, e-mel, temu janji, sistem e-aduan dan aduan yang dikumpulkan semasa lawatan pemantauan serta inisiatif SUHAKAM atau/dan OCC sendiri.

9.1 Siasatan aduan

Setelah dipertimbangkan dengan teliti, OCC memutuskan bahawa daripada 52 aduan yang diterima, satu adalah di luar bidang kuasa. OCC telah menyelesaikan 16 aduan dan selebihnya masih dalam siasatan. Kategori aduan adalah seperti yang berikut:

Jadual 16: Kategori Aduan

| Bil. | Kategori | Jumlah |
|--------------|--|-----------|
| 1. | Hak kepada perlindungan | 12 |
| 2. | Hak kepada pendidikan | 3 |
| 3. | Hak kepada dokumen / Kewarganegaraan | 2 |
| 4. | Hak kepada jagaan anak | 4 |
| 5. | Hak berkeluarga | 4 |
| 6. | Kemasukan Pasangan / Kanak-kanak bukan warganegara ke Malaysia | 26 |
| TOTAL | | 51 |

9.2 Siasatan khas di Kampung Marak Parak, Kota Marudu, Sabah

Satu siasatan khas telah dilakukan setelah menerima aduan daripada sebuah NGO ketika sesi rundingan dalam talian bersama pihak pemegang taruh di Sabah. Wakil NGO tersebut menerima aduan mengenai beberapa murid SK Marak Parak yang telah dirogol dan diganggu secara seksual oleh ahli keluarga terdekat. Mangsa mendakwa tiada tindakan diambil terhadap pelaku kerana perbuatan tersebut dianggap sebagai sesuatu yang 'biasa' dan dapat diselesaikan dengan cara membayar 'wang sogit' mengikut adat atau tradisi mereka.

Ketika siasatan OCC, seorang wanita mengadu bahawa pihak polis tidak mengambil tindakan walaupun laporan polis telah dibuat. Aduan selanjutnya melibatkan seorang doktor yang bertanggungjawab terhadap kes tetapi didakwa enggan membuat laporan polis berkenaan kanak-kanak perempuan yang dirogol itu. OCC mengadakan mesyuarat dalam talian bersama pegawai penyiasat dari IPD Kota Marudu dan Hospital Kota Marudu untuk menyiasat aduan yang diterima.

Hasil daripada mesyuarat tersebut, OCC mendapati:

- Terdapat keperluan bagi Timbalan Pendakwa Raya Sabah untuk menjelaskan keputusan yang beliau ambil untuk membebaskan suspek dengan jaminan polis;
- Polis mengambil tempoh satu tahun untuk melengkapkan kertas siasatan bagi mendakwa suspek;
- Terdapat kes rogol/sumbang mahram di daerah Kota Marudu iaitu sebanyak 10 kes dari Januari 2019 hingga kini;

- d. Berlaku salah faham mengenai aduan terhadap doktor bertugas yang didakwa enggan membuat laporan polis; dan
- e. Hospital Kota Marudu tidak mempunyai doktor pakar untuk melakukan pemeriksaan perubatan yang teliti dalam kes penderaan seksual. Oleh itu, mereka perlu merujuk mangsa ke Hospital Likas.

OCC berpendapat kes rogol/sumbang mahram yang berlaku di Kota Marudu sebagai satu jenayah berat terhadap kanak-kanak dan tidak boleh dipandang ringan. Sehubungan itu, OCC membuat siasatan khusus bagi aduan yang diterima dan akan terus membuat tindakan susulan berkenaan perkembangan kes sehingga suspek didakwa dan mangsa kanak-kanak mendapat pengadilan di mahkamah.

9.3 Pemantauan pusat tahanan dan rumah kanak-kanak

OCC melawat beberapa pusat tahanan dan rumah kanak-kanak. Pusat tahanan bagi kanak-kanak merangkumi penjara, Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti/Tunas Puteri. Bagi rumah kanak-kanak, ini termasuklah tempat perlindungan, rumah kebajikan, sekolah alternatif dan tempat perlindungan bayi. Tempat yang telah dilawati adalah seperti berikut:

Jadual 17: Senarai Pusat Tahanan / Rumah Kebajikan Kanak-kanak

| Bil. | Tarikh | Tempat |
|------|--------|---|
| 1. | 11 Mac | Tempat: Sekolah Alternatif Teluk Layang, Kota Kinabalu, Sabah SYOR <ul style="list-style-type: none"> • Kanak-kanak perlu diberikan hak bersekolah walaupun tanpa dokumen yang sah. • Kesedaran berkenaan kepentingan mempunyai surat beranak perlu dipertingkatkan. • KPM perlu meluluskan dan mengiktiraf semua Pusat Pembelajaran Alternatif (ALC). |

| Bil. | Tarikh | Tempat |
|------|---------|---|
| 2. | 13 Jul. | <p>Tempat: Lawatan ke <i>OrphanCare Foundation</i>, Kuala Lumpur</p> <p><u>SYOR</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • KPWKM disyorkan untuk mengubah perkhidmatan institusi atau sistem perkhidmatan kanak-kanak sedia ada kepada sistem yang mengetengahkan penjagaan kekeluargaan. • Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) perlu melantik dan melatih lebih ramai pekerja sosial/pelindung bagi memastikan kepentingan terbaik semua kanak-kanak dilindungi. Ketika ini kanak-kanak kekurangan pelindung dan bidang kerja pelindung/pekerja sosial ini terlalu luas. • Semua proses berkaitan pengangkatan perlu mengikut undang-undang dan merujuk kepada garis panduan yang disediakan JKM. Tiada sebarang pembayaran atau melibatkan keuntungan dalam proses ini. |
| 3. | 17 Ogos | <p>Tempat: Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan Teknologi Istana Bandar (MITS)</p> <p><u>SYOR</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • MITS disyorkan untuk sentiasa berhubung dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk penyelenggaraan dan pemeriksaan berkala bangunan sekolah. Ke kerapannya latihan kebakaran perlu diadakan agar murid, guru dan kakitangan cakna langkah-langkah yang perlu diambil jika berlaku kecemasan. • JAIS perlu bekerjasama rapat dengan MITS dan sekolah tahfiz lain dalam memastikan pembelajaran dalam talian disediakan. |

| Bil. | Tarikh | Tempat |
|------|---------|---|
| 4. | 26 Ogos | Tempat: Asrama Akhlak Rusila, Marang, Terengganu SYOR <ul style="list-style-type: none"> Langkah penjagaan segera perlu diambil bagi aduan berkaitan kudis buta yang dialami kanak-kanak. KPWKM bersama-sama KPM disaran untuk mewujudkan sistem yang membolehkan kanak-kanak mendapat pendidikan secara formal. Gaji bagi pekerja di bawah 'Elaun Latihan Belia' (ELB) perlu disemak semula kerana amaun RM600 sebulan adalah terlalu rendah jika dibandingkan dengan gaji minima kebangsaan iaitu RM1,200. Terdapat aduan kanak-kanak dipukul dengan batang paip oleh salah seorang warden. Hasil siasatan mendapati dakwaan tersebut adalah berasas. OCC berpandangan kejadian tersebut berlaku pada waktu malam dan tiada pengawasan daripada pengetua dan pegawai lain. Aduan ini telah dimajukan kepada pihak JKM untuk siasatan lanjut. |
| 5. | 9 Sept. | Tempat: Sekolah Tunas Bakti, Marang, Terengganu (STBMT) SYOR <ul style="list-style-type: none"> STBMT digesa mewujudkan mekanisme aduan yang mesra kanak-kanak dan dilaksanakan dengan betul. Satu sistem penggiliran disarankan bagi pekerja untuk mendorong perkembangan serta persediaan menghadapi cabaran baharu sepanjang perkhidmatan. Lebih banyak jawatan tetap perlu dibuka dan latihan diberikan bagi membolehkan para guru menanam minat dan semangat belajar dalam kalangan murid. STBMT harus ada sekurang-kurangnya seorang jururawat terlatih atau pegawai perubatan untuk memantau kesihatan remaja hamil dan bayi setelah dilahirkan. Terdapat juga aduan berkaitan jangkitan ringan kudis buta dalam kalangan murid. Oleh itu, disarankan agar pemeriksaan berkala dijalankan. Garis panduan bagi waktu lawatan keluarga harus diperkenalkan dan diguna pakai agar tiada diskriminasi terhadap murid. Sekolah memerlukan penyelenggaraan yang betul antaranya pintu tandas rosak dan ia menjejaskan keselamatan dan maruah kanak-kanak. |

| Bil. | Tarikh | Tempat |
|------|----------|--|
| 6. | 10 Sept. | Tempat: Sekolah Tunas Bakti Jerantut, Pahang (STBJ) SYOR <ul style="list-style-type: none"> • Sebilangan besar pelajar memilih pendidikan tidak formal seperti pertukangan dan bukan akademik. • Pelajar perlu didorong untuk memilih pendidikan akademik, mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) serta memperoleh sijil tersebut. • Sekiranya pelajar tidak dapat menghadapi stigma ketika bersekolah di luar STBJ, mereka harus diberi kemudahan persekolahan yang baik di STBJ. KPM disyorkan untuk memberi peruntukan bagi penempatan lebih ramai guru terlatih untuk mengajar di STBJ. |
| 7. | 17 Sept. | Tempat: Sekolah Tunas Bakti, Kota Kinabalu, Sabah (STBKK) SYOR <ul style="list-style-type: none"> • Sistem aduan mesra kanak-kanak perlu diwujudkan. • Sebilangan besar murid mendapat pendidikan bukan akademik. • Murid STBKK harus disarankan untuk mengambil pendidikan akademik, menduduki SPM serta mendapatkan sijil tersebut. • STBKK perlu meningkatkan kemudahan pembelajarannya dengan menambah lebih ramai guru terlatih daripada KPM. Jika tidak, murid perlu diberi peluang untuk bersekolah di sekolah berhampiran STBKK. • Guru perlu dilatih tentang cara mengajar kanak-kanak yang menghadapi konflik undang-undang. Bahan pengajaran perlulah sesuai dengan keperluan dan minat murid agar dapat memupuk semangat belajar dalam kalangan mereka. |
| 8. | 22 Sept. | Tempat: Rumah Budak Laki-laki (RBL) Tun Abdul Aziz, Durian Daun, Melaka SYOR <ul style="list-style-type: none"> • Pemeriksaan berkala (spot check) hendaklah diteruskan tetapi mengikut masa yang sesuai dan SOP yang mesra kanak-kanak untuk mengelakkan sebarang ancaman. • Stigma terhadap kanak-kanak di institusi sebagai 'kanak-kanak bermasalah' adalah ketara. Oleh itu, disyorkan agar pelindung dan pekerja sosial JKM menjalani kursus untuk menangani stigma tersebut. • RBL digesa menyediakan kotak aduan yang mesra kanak-kanak bagi membolehkan murid membuat aduan tanpa perlu disertakan nama. |

10. ARAHAN MEMERHATI DAN KENYATAAN MEDIA

Berdasarkan seksyen 4 (2) (f) Akta SUHAKAM, CC mempunyai kuasa untuk menjalankan arahan memerhati (watching brief) bagi kes yang melibatkan kanak-kanak di mahkamah. Terdapat tiga kes yang mana OCC menjalankan arahan memerhati.

Sebanyak tujuh kenyataan media dikeluarkan pada tahun ini melibatkan isu dan cabaran yang dihadapi oleh kanak-kanak semasa PKP, hak kanak-kanak untuk mendapat pendidikan semasa COVID-19, gesaan agar KPM melihat kaedah pembelajaran baharu, kematian seorang kanak-kanak perempuan berusia empat tahun dalam kereta dan sempena Sambutan Hari Kanak-kanak Antarabangsa.

HARAPAN MASA HADAPAN

Terdapat banyak lagi usaha yang perlu dilaksanakan untuk memperkasa hak kanak-kanak. Walaupun dengan jumlah kakitangan yang kecil, OCC akan melakukan yang terbaik dalam menangani segala masalah, terutamanya berkaitan aduan pelanggaran hak kanak-kanak. OCC berpendapat masalah kanak-kanak harus ditangani berdasarkan keutamaan. Melalui perancangan strategik lima tahunnya, OCC akan menumpukan kepada empat prinsip teras CRC, iaitu tanpa diskriminasi²⁸; menekankan kepentingan terbaik kanak-kanak²⁹; hak kepada kehidupan, kelangsungan hidup dan perkembangan³⁰; dan menghormati pandangan kanak-kanak³¹. Pendekatan yang betul dalam memperjuangkan hak kanak-kanak adalah dengan memartabatkan empat prinsip utama ini.

²⁸ Artikel 2 CRC, perenggan pertama menyatakan: "Negara-negara pihak harus menghormati dan memastikan hak yang ditetapkan dalam konvensyen diberikan kepada setiap kanak-kanak di negara tersebut tanpa apa jua diskriminasi, tanpa mengira status ibu bapa atau penjaga mereka, bangsa, warna, jantina, bahasa, agama, kepercayaan politik atau lain-lain, bangsa, etnik atau asal usul sosial, kemiskinan, kecacatan atau status lain."

²⁹ Artikel 3 (1) CRC menyatakan, "Dalam semua tindakan berkaitan kanak-kanak sama ada yang diaku janji oleh institusi kebajikan masyarakat awam atau swasta, mahkamah, pihak berkuasa pentadbiran atau badan perundangan, kepentingan terbaik kanak-kanak itu hendaklah menjadi pertimbangan utama."

³⁰ Artikel 6 (2) CRC, menyatakan "Negara-negara pihak hendaklah memastikan kanak-kanak sebanyak mungkin mendapat kelangsungan hidup dan perkembangan kanak-kanak."

³¹ Artikel 12 (1) CRC menyebut "Negara-negara pihak hendaklah meyakinkan kanak-kanak yang mereka boleh membentuk pandangan sendiri, berhak untuk menyatakan pendapat itu dengan bebas dan semua perkara yang menyentuh kanak-kanak, pandangan kanak-kanak itu diberi pertimbangan yang sewajarnya mengikut umur dan kematangan kanak-kanak itu."

Selain itu, OCC mempunyai empat strategi untuk dicapai dengan tema “Merealisasikan Hak Kanak-kanak”. Pertama, menghapuskan diskriminasi terhadap kanak-kanak³² yang mana lebih ramai kanak-kanak dapat merealisasikan hak tanpa mengambil kira apa jua perbezaan seperti bangsa, warna kulit, jantina, bahasa, agama, asal-usul sosial atau fizikal, kurang upaya atau status lain menjelang 2025. Bagi mencapai matlamat ini, adalah menjadi harapan bahawa menjelang tahun 2023, pegawai penguatkuasa akan lebih cakna mengenai hak kanak-kanak. Beberapa aktiviti telah dirancang untuk strategi pertama ini seperti meningkatkan kesedaran tentang hak kanak-kanak supaya tidak didiskriminasi, menyediakan serta mengemukakan cadangan kepada kerajaan dan pemegang taruh berhubung undang-undang berkaitan tiada diskriminasi dan kesamarataan.

Kedua, memastikan kepentingan terbaik kanak-kanak diambil kira oleh semua lapisan masyarakat, terutamanya pihak yang membuat keputusan. Bagi mencapai strategi ini, OCC menjangkakan menjelang tahun 2025, pembuat dasar dapat mempertimbangkan kepentingan terbaik kanak-kanak dalam kebanyakan keputusan yang melibatkan kanak-kanak dan pemantauan serta pelaporan hak kanak-kanak dapat diperkasa. Menjelang tahun 2024 pula, pembuat dasar memerlukan mekanisme sebagai rujukan bagi menilai kepentingan terbaik kanak-kanak dan mengambil kira kepentingan tersebut sebagai pertimbangan utama. OCC turut merancang aktiviti bagi merealisasikan strategi ini seperti meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai prinsip kepentingan terbaik kanak-kanak.

Ketiga, mempromosi perlindungan hak kanak-kanak untuk kehidupan, kelangsungan hidup dan perkembangan. Parameter dalam mencapai strategi ini ialah jangka hayat kanak-kanak di Malaysia menjadi semakin meningkat menjelang tahun 2025 dan jumlah keganasan terhadap kanak-kanak juga berkurangan. Oleh itu, adalah penting peratusan kanak-kanak, termasuklah daripada golongan rentan, memiliki kemudahan kepada perkhidmatan rawatan kesihatan yang berkualiti dan lebih banyak undang-undang bagi perlindungan kanak-kanak diperkasa menjelang tahun 2024. Program yang dirancang lebih menjurus untuk meningkatkan pemahaman mengenai prinsip hak untuk hidup, kelangsungan hidup dan perkembangan dalam kalangan pihak pemegang taruh. Selain itu, berusaha untuk mengembangkan serta mengemukakan cadangan bagi pindaan semua

³². Tiada diskriminasi seperti yang termaktub di dalam Mukadimah Akta Kanak-kanak yang dibaca bersama Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan.

undang-undang domestik dan syariah berkaitan had usia perkahwinan kepada 18 tahun untuk kedua-dua lelaki dan wanita.

Keempat, OCC berharap menjelang 2025 pandangan kanak-kanak semakin banyak didengari di kebanyakan lapisan masyarakat. Peluang untuk kanak-kanak menyatakan pandangan dalam kebanyakan keputusan yang mempengaruhi kehidupan seharusnya dipertingkatkan dan didengari. Aktiviti yang dirancang untuk merealisasikan strategi keempat ini ialah penubuhan Majlis Konsultasi Kanak-kanak di bawah seliaan OCC. Majlis Konsultasi Kanak-kanak ini akan membolehkan OCC mempertimbangkan pandangan kanak-kanak untuk program OCC yang akan datang dan mengenal pasti serta mengesyorkan cara-cara untuk memudahkan penyertaan kanak-kanak dalam proses membuat keputusan.

Besar harapan OCC agar kerajaan dapat memperuntukkan bajet yang relevan agar semua yang dirancang dapat dilaksanakan.

BAB 5

COVID-19 DAN HAK ASASI MANUSIA



COVID-19 DAN HAK ASASI MANUSIA

LATAR BELAKANG

Tahun ini, dunia menghadapi krisis kesihatan yang tidak pernah berlaku sebelum ini dengan penyebaran penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) lantas Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan situasi kritikal ini sebagai pandemik pada 11 Mac 2020.³³ Sehingga akhir tahun, virus ini telah menjangkiti lebih daripada 83 juta³⁴ orang dengan hampir dua juta³⁵ kematian di seluruh dunia. Di Malaysia, sebanyak 113,010³⁶ kes jangkitan dan 471³⁷ kematian dicatatkan sehingga 31 Disember.

Pandemik ini menimbulkan ancaman besar kepada hak asasi manusia terutama hak kepada nyawa dan kesihatan. Di Malaysia jelas bahawa hak kepada nyawa dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan³⁸ manakala undang-undang antarabangsa awam pula mengklasifikasi hak kepada nyawa sebagai hak tertinggi dan mutlak. Oleh itu hak ini tidak boleh dipandang ringan walaupun semasa konflik bersenjata ataupun darurat³⁹ di samping menetapkan kebertanggungjawaban sesebuah negara untuk melindungi setiap individu daripada sebarang ancaman dan situasi yang boleh mengakibatkan kehilangan nyawa.⁴⁰

³³ Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), 'WHO Director-General's opening remarks at the media briefing on COVID-19 - 11 March 2020' (11 March 2020, WHO) <<https://www.who.int/director-general/speeches/detail/who-director-general-s-opening-remarks-at-the-media-briefing-on-COVID-19---11-march-2020>>

³⁴ Johns Hopkins University & Medicine, 'COVID-19 Dashboard by the Center for Systems Science and Engineering (CSSE) at Johns Hopkins University & Medicine' (31 Dec 2020) <<https://coronavirus.jhu.edu/map.html>>

³⁵ Ibid.

³⁶ Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), 'Situasi Semasa Pandemik COVID-19 Di Malaysia' (31 Disember 2020) <<http://COVID-19.moh.gov.my/>>

³⁷ Ibid.

³⁸ Perlembagaan Persekutuan, Perkara 5.

³⁹ Jawatankuasa Hak Asasi Manusia PBB (HRC), 'Komen umum No. 36. Artikel 6: Hak untuk Hidup', (3 September 2019) CCPR/C/GC/35, <<https://undocs.org/CCPR/C/GC/36>>

⁴⁰ Ibid.

Hak kepada kesihatan secara hakikinya sangat sinonim dengan hak kepada nyawa. Selain Perisytiharan Hak Asasi Manusia (UDHR) dan Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Budaya (ICESCR), hak kepada kesihatan juga dijamin dalam Perkara 29(1) Perisytiharan Hak Asasi Manusia ASEAN (AHRD). Undang-undang hak asasi manusia antarabangsa turut mewajibkan kerajaan untuk mencegah sebarang ancaman terhadap kesihatan awam dan menyediakan rawatan perubatan.⁴¹ Tambahan pula, negara terikat dengan kewajipan untuk mengambil langkah perlu bagi tujuan "pencegahan, rawatan dan pengawalan epidemik, endemik, serta penyakit yang berkaitan pekerjaan dan lain-lain".⁴² Jawatankuasa mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan (CESCR) mengkategorikan tanggungjawab ini sebagai satu kewajipan mutlak terhadap hak kepada kesihatan.⁴³

Apabila WHO mengisytiharkan COVID-19 sebagai pandemik, vaksin masih belum ditemukan.⁴⁴ Oleh yang demikian, kerajaan di seluruh dunia terpaksa mengambil langkah-langkah luar daripada kebiasaan yang secara langsung menyekat hak lain seperti kebebasan untuk bergerak dan berhimpun, privasi, mengamalkan agama, bekerja dan pendidikan bertujuan memberi keutamaan kepada keselamatan nyawa.

Tindak balas kebangsaan mengenai COVID-19 diketuai Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN). Bermula 18 Mac, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan di seluruh negara di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dan Akta Polis 1967 (Akta 344).⁴⁵ PKP kemudian dilanjutkan kepada beberapa fasa iaitu kawasan yang mempunyai bilangan kes jangkitan yang tinggi diletakkan di bawah kawalan keselamatan lebih ketat menerusi PKP Diperketatkan (PKPD).⁴⁶ Di bawah PKP, orang ramai diarahkan duduk di

⁴¹ Jawatankuasa Hak Ekonomi, Sosial dan Budaya (CESCR), 'Komen Umum No. 14. Artikel 12: Hak untuk kesihatan yang paling tinggi', (11 Ogos 2000) <https://tbinternet.ohchr.org/_layouts/15/treatybodyexternal/Download.aspx?symbolno=E%2fC.12%2f2000%2f4&Lang=en>

⁴² Konvenan Antarabangsa mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan (ICESCR) Art.12(2)(c)

⁴³ Ibid.; Professor John Tasioulas, 'The Minimum Core of the Human Right to Health' (Oct 2007, Nordic Trust Fund and WHO), <<http://documents1.worldbank.org/curated/en/194751515587192833/pdf/122561-WP-Tasioulas-PUBLIC.pdf>>

⁴⁴ The first vaccine for the COVID-19 was successfully developed by Pfizer in November 2020; Michael Erman, Julie Steenhuisen, 'Pfizer vaccine trial success signals breakthrough in pandemic battle' (9 Nov 2020, Reuters) <<https://www.reuters.com/article/health-science/pfizer-vaccine-trial-success-signals-breakthrough-in-pandemic-battle-idUSKBN250001>>

⁴⁵ Laman Sesawang Rasmi Pejabat Perdana Menteri, 'Perutusan Khas YAB PM mengenai COVID-19' (16 Mac 2020) <https://www.pmo.gov.my/aiovg_videos/perutusan-khas-yab-pm-mengenai-COVID-19-16-mac-2020/>

⁴⁶ Majlis Keselamatan Negara, 'SOP Perintah Kawalan Pergerakan' <<https://www.mkn.gov.my/web/ms/sop-pkp-pemulihan/>>; EMCO is not gazetted nor specifically provided under the Prevention and Control of Diseases Act 1988 [Act 342]

rumah, manakala perjalanan domestik dan luar negara, pergerakan dan perhimpunan melibatkan jumlah yang ramai dihadkan atau dilarang sama sekali sepanjang tempoh tersebut. Beberapa operasi terjejas sepanjang tempoh ini melibatkan aktiviti keagamaan, sukan, pendidikan, sosial dan kebudayaan, operasi kerajaan serta perniagaan manakala pengecualian diberikan bagi aktiviti yang dianggap sebagai perkhidmatan perlu untuk terus beroperasi seperti pembekalan makanan, kesihatan, telekomunikasi dan perbankan.⁴⁷

Pada 18 Mac, warta Kerajaan Persekutuan menetapkan individu yang melanggar PKP boleh didenda sehingga RM1,000 dan/atau penjara sehingga enam bulan. Polis Diraja Malaysia (PDRM) turut melakukan rondaan dan sekatan jalan raya di seluruh negara untuk memastikan orang ramai mematuhi prosedur operasi standard (SOP).⁴⁸ PKP kemudian disesuaikan kepada PKP Bersyarat (PKPB) bermula pada pertengahan Mei dengan hampir kesemua sektor ekonomi dan sosial dibenarkan beroperasi tertakluk kepada SOP yang digariskan.⁴⁹

Susulan daripada langkah-langkah yang diambil antara bulan Mac dan September 2020, Malaysia telah mencatatkan jumlah harian sebanyak 1 hingga 300 kes jangkitan, manakala menjelang tempoh akhir tahun, majoritinya mencatatkan dua angka.⁵⁰ Wakil WHO ke Malaysia, Brunei dan Singapura, Dr. Ying-Ru Jacqueline Lo mengaitkan keberkesanan Malaysia menangani pandemik dalam negara dengan “kapasiti yang mencukupi bagi proses persediaan dan tindak balas terhadap pandemik, infrastruktur serta tenaga kerja terlatih bagi menyediakan penjagaan kesihatan berkualiti tinggi”.⁵¹ Ini termasuk usaha awal untuk meningkatkan akses kepada ujian saringan berkualiti, menambah bilangan katil bagi rawatan kritikal dan menyediakan alat mesin bantuan pernafasan, menguatkuasakan strategi “cari, saring, asing, rawat dan kuarantin” serta langkah-langkah mengurangkan penularan jangkitan menerusi PKP.⁵² Walaupun begitu, bilangan kes jangkitan harian dan kematian akibat COVID-19 meningkat sejak akhir September selepas PKP dilonggarkan.⁵³

⁴⁷ Ibid.

⁴⁸ Ahmad, Azyyati, 'Perintah Kawalan Pergerakan digazet, hukuman 6 bulan penjara, tambahan sektor penting' (18 Mac 2020, Astro Awani), <<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/perintah-kawalan-pergerakan-digazet-hukuman-6-bulan-penjara-tambahan-sektor-penting-234108>>

⁴⁹ Ibid.

⁵⁰ Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Malaysia, 'Status Terkini COVID-19 Malaysia' <<http://COVID-19.moh.gov.my/>>

⁵¹ WHO, 'A country united in the face of a pandemic' (13 Oktober 2020, WHO) <<https://www.who.int/malaysia/news/commentaries/detail/a-country-united-in-the-face-of-the-pandemic>>

⁵² Ibid.

⁵³ Ibid.

A. MENGENAL PASTI MASALAH SOSIAL DI MALAYSIA SEMASA COVID-19

Langkah-langkah sekatan pergerakan dan penjarakan fizikal dilakukan secara meluas telah memberi kesan kepada ekonomi dan sosial masyarakat. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengeluarkan amaran bahawa COVID-19 adalah isu yang melangkaui krisis kesihatan kerana ia bukan sahaja memberi kesan kepada masyarakat global dan ekonomi bahkan berkemungkinan besar meningkatkan kadar kemiskinan dan ketidaksaksamaan di seluruh dunia. Ini turut menjejaskan usaha sesebuah negara dalam mencapai Matlamat Pembangunan Lestari (SDG).⁵⁴

Penguatkuasaan PKP telah merencatkan ekonomi seterusnya menyebabkan kehilangan pekerjaan dan sumber pendapatan dalam kalangan rakyat Malaysia. Bagi mengatasi keadaan ini kerajaan telah memberikan bantuan kewangan menerusi beberapa pakej rangsangan ekonomi antaranya Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA). Pakej rangsangan ekonomi ini bertujuan untuk membantu individu dan isi rumah yang terjejas terutamanya golongan kategori B40⁵⁵, menyokong industri untuk terus bertahan serta memastikan tenaga kerja dapat dikekalkan semasa tempoh pandemik. Walau bagaimanapun masih terdapat banyak perniagaan termasuk industri pelancongan, peruncitan dan restoran terpaksa mengecilkan operasi atau menutup terus perniagaan pada pertengahan tahun.

Aliran tunai yang lemah turut menjadi faktor pemberhentian pekerja. Berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada 11 Disember, kadar pengangguran meningkat daripada 3.2 kepada 5.2 peratus antara Januari dan Mei 2020.⁵⁶ Pada Oktober, kadar pengangguran adalah sebanyak 4.7 peratus iaitu bersamaan 748.2 ribu penganggur.⁵⁷ Ini menimbulkan kebimbangan terhadap isi rumah yang tergolong dalam kategori B40 dan lebih kritikal di bawah pendapatan garis kemiskinan (PLI).⁵⁸

⁵⁴ UN, 'A UN Framework for the Immediate Socio-Economic Response to the COVID 19 Crisis' (April 2020, UN) <<https://unsdg.un.org/sites/default/files/2020-04/UN-framework-for-the-immediate-socio-economic-response-to-COVID-19.pdf>>

⁵⁵ B40 represents the bottom 40% of income earners, M40 the middle 40% and T20 the top 20%; Economic Planning Unit (EPU), 'Eleventh Malaysia Plan 2016-2020' (21 MY 2015, EPU), chap. 3

⁵⁶ DOSM, 'Labour Force Malaysia October 2020 (11 Dec 2020, DOSM) <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/ctHEMEByCat&cat=124&bul_id=WVJTenlQKzdUDRYNFJqUE1BWWVIZ09&menu_id=Tm8zcnRjdVRNWWlpWjRlbnRlDk1UT09>

⁵⁷ Ibid.

⁵⁸ Malaysia Parliamentary Debate, House of Representatives 14 Nov 2020, <<https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-19112020.pdf>>; Ida Lim, 'MPs: More to become poor under COVID-19, Malaysia's B40 and M40 classifications need rethink' (19 Nov 2020, Malay Mail) <<https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/11/19/mps-more-to-become-poor-under-COVID-19-malaysias-b40-and-m40>>

Sejak bermulanya PKP, akses kepada turut terkesan pendidikan yang mana sistem pembelajaran dan pengajaran di sekolah dan universiti dilaksanakan menggunakan platform dalam talian. Walaupun begitu capaian kepada peranti dan talian internet di Malaysia masih tidak menyeluruh terutamanya bagi keluarga berpendapatan rendah dan tinggal di kawasan pedalaman. Akses kepada pendidikan dalam talian yang memenuhi keperluan kanak-kanak kurang upaya juga merupakan perkara yang perlu diberi perhatian.

Selain menghalang amalan hak asasi manusia, pandemik yang berlaku turut mendedahkan kepincangan sosial, ekonomi, kelemahan kewangan dan ketidaksaksamaan sistemik sedia ada. Meskipun pandemik ini mendedahkan warga emas dan individu bermasalah kesihatan lain kepada risiko lebih tinggi, masyarakat pelbagai peringkat usia juga masih boleh terkesan sama ada secara langsung atau tidak langsung akibat pandemik. Risiko yang wujud bergantung pada kawasan tempat tinggal, kestabilan kewangan dan akses kepada perlindungan spesifik bagi mengelak risiko jangkitan contohnya sama ada melibatkan petugas barisan hadapan, orang kurang upaya (OKU), orang miskin, gelandangan, pelarian, pekerja migran atau banduan.⁵⁹

Isu perkauman dan xenofobia turut meruncing sepertimana yang turut berlaku di seluruh dunia.⁶⁰ Ucapan kebencian dan tindakan menuding jari kepada jemaah tabligh, pelarian dan migran tanpa dokumen sebagai punca penularan kluster baharu COVID-19 telah menimbulkan stigma dan tekanan kepada golongan ini.⁶¹ Situasi lebih buruk buat golongan pelarian dan migran tanpa dokumen yang tidak dilindungi undang-undang tempatan, ditambah pula dengan kenyataan rasmi pihak berkuasa persekutuan dan negeri yang menasarkankan golongan ini misalnya Kerajaan Persekutuan berjanji tidak akan mengambil tindakan terhadap pelarian dan migran tanpa dokumen yang hadir menjalani ujian saringan COVID-19, tetapi akhirnya golongan ini ditangkap dan ditahan atas kesalahan imigresen.⁶²

classification/1924197>; Nur Hanani Azman, 'COVID-19 pushes more Malaysians into poverty' (10 Aug 2020, The Malaysian Reserve) <<https://themalaysianreserve.com/2020/08/10/COVID-19-pushes-more-malaysians-into-poverty/>>;

⁵⁹ Office of the High Commissioner for Human Rights (OHCHR), 'COVID-19 Guidance', <<https://www.ohchr.org/EN/NewsEvents/Pages/COVID19Guidance.aspx>>

⁶⁰ Jia Vern Tham, 'Like a Virus: How Racial Hate Speech Looks Like in Malaysia During the COVID-19 Pandemic' (2 April 2020, The Centre) <<https://www.centre.my/post/how-COVID-19-influencing-racial-hate-speech-malaysia>>;

⁶¹ Ibid.

⁶² D Kanyakumari, 'Putrajaya defends detention of illegal immigrants during COVID-19 pandemic' (27 May 2020, Channel News Asia) <<https://www.channelnewsasia.com/news/asia/malaysia-COVID-19-defend-detention-illegal-immigrants-12774700>>

Selain itu, pelarian turut diusir dari rumah sewa setelah Jabatan Imigresen mengugut akan mengambil tindakan terhadap tuan rumah kerana kesalahan memberi sewa kepada migran tanpa dokumen, termasuklah pelarian.⁶³ Tindakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang melarang warga asing dan pelarian untuk masuk serta berniaga di Pasar Borong Kuala Lumpur⁶⁴ turut memberi kesan terhadap golongan ini. Kesemua tindakan pihak berkuasa telah menimbulkan ketakutan malah situasi tersebut turut menimbulkan masalah lain seperti kesukaran mengesakan kes COVID-19, kesesakan di lokap dan pusat tahanan akhirnya menyebabkan sesuatu kawasan menjadi punca penularan COVID-19.

Sekiranya isu ini tidak ditangani sewajarnya, krisis ekonomi dan sosial akan meningkatkan ketidaksaksamaan, diskriminasi dan golongan tertentu akan terus terpinggir dalam jangka masa yang lama. Pandemik secara asasnya tidak mendiskriminasi, maka tindak balas yang diambil seharusnya bersifat sejagat dan melindungi semua orang tanpa mengira ekonomi, sosial, budaya, sivil dan latar belakang politik. Ia selari dengan prinsip hak asasi manusia bagi memastikan kesaksamaan dan tanpa diskriminasi terhadap setiap manusia.

Perdana Menteri Malaysia YAB Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin ketika mengumumkan pakej rangsangan pada 27 Mac dan semasa berucap di Persidangan Kerjasama Global WHO bagi mempercepatkan penghasilan teknologi kesihatan COVID-19 pada 24 April, menekankan bahawa tiada siapa pun ketinggalan dalam usaha memerangi pandemik. Susulan itu, SUHAKAM menegaskan bahawa penilaian impak COVID-19 terhadap masyarakat dan kumpulan rentan merupakan maklumat penting bagi menyesuaikan tindak balas kerajaan dalam menangani pandemik serta pemulihan negara.

Bagi menyokong usaha kerajaan, SUHAKAM menjalankan sesi “Dialog bersama badan bukan kerajaan (NGO) dan organisasi masyarakat sivil (CSO): Penilaian terhadap Keperluan Kumpulan Rentan dan Langkah Susulan semasa Pandemik COVID-19”. Dialog tersebut merangkumi tujuh sesi yang dijalankan secara dalam talian bagi mengenal pasti cabaran dan keperluan kumpulan rentan di Malaysia menghadapi pandemik seperti berikut:

⁶³ Radzi Razak, 'Over 100 UN cardholder refugees in KL facing eviction amid Immigration crackdown on undocumented migrants' (11 July 2020, The Malay Mail) <<https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/07/11/over-100-un-cardholder-refugees-in-kl-facing-eviction-amid-immigration-crack/1883580>>

⁶⁴ Emmanuel Santa Maria Chin, 'DBKL claims market ban on foreigners, refugees to curb 'illegal' resales to Rohingya, Myanmar communities' (23 June 2020, The Malay Mail) <<https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/06/23/dbkl-claims-market-ban-on-foreigners-refugees-to-curb-illegal-resales-to-ro/1878154>>

Jadual 18: Dialog bersama kumpulan rentan

| Bil. | Tarikh | Golongan Sasaran |
|------|----------|---|
| 1. | 9 April | Pelarian dan Pencari Suaka |
| 2. | 13 April | Pekerja Migran dan Pekerja Tanpa Dokumen |
| 3. | 16 April | Miskin Bandar dan Gelandangan |
| 4. | 20 April | Orang Asli/Asal (Semenanjung Malaysia) Miskin Bandar, Migran, Pelarian (Sabah) |
| 5. | 21 April | Kanak-kanak |
| 6. | 23 April | Anak Negeri (Sabah & Sarawak) |

Maklumat yang diperolehi hasil daripada siri dialog tersebut telah dipanjangkan ke MKN sebagai data dan garis panduan bagi membangunkan tindak balas kebangsaan COVID-19.

Berikut merupakan perkara yang dibangkitkan semasa kesemua sesi tersebut:

(i) Pelarian dan Pencari Suaka

(a) Tiada akses kepada bantuan kerajaan

Malaysia tidak menandatangani Konvensyen Pelarian 1951. Status pelarian dan pencari suaka pula dikategorikan sebagai migran tanpa dokumen, oleh yang demikian membenarkan golongan ini ditangkap dan ditahan kerana melanggar undang-undang yang berkaitan imigresen. Walaupun begitu pada Mac 2017, kerajaan memperkenalkan skim bagi membenarkan komuniti Rohingya yang memegang kad UNHCR bekerja di sektor perladangan dan pembuatan.

Kebanyakan golongan ini bekerja di sektor tidak formal dan menjadi antara yang terawal menanggung kesan akibat COVID-19. Ramai kehilangan pekerjaan semasa PKP tanpa sebarang jaringan keselamatan sosial bersifat perlindungan.

Selain itu, pelarian dan pencari suaka tidak layak menerima pakej rangsangan PRIHATIN. NGO dan CSO mengambil inisiatif untuk mengenal pasti dan menghantar bekalan makanan sungguhpun demikian bantuan tidak dapat diberikan kepada semua kerana kekangan dana serta kekurangan data mengenai lokasi penempatan golongan ini. Akibatnya, ada antara wanita mengandung dan kanak-kanak berada dalam keadaan terdesak.

(b) Kegagalan mengesan kes COVID-19 dalam kalangan pelarian dan pencari suaka

Pelarian dan pencari suaka di Malaysia berterusan hidup dalam ketakutan akan ditangkap atas kesalahan imigresen seterusnya menyebabkan golongan ini enggan tampil menjalani pemeriksaan COVID-19. Walaupun kerajaan memberi jaminan tidak akan ditangkap, kebimbangan terus menyelubungi sekiranya pihak berkuasa menyerbu penempatan selepas PKP tamat. Ketakutan bukan sahaja menyebabkan kes jangkitan meningkat sesama mereka malah ia turut menimbulkan risiko jangkitan kepada orang lain yang berhubung secara langsung dengan golongan ini.

(c) Keadaan tempat tinggal yang sesak

Pelarian dan pencari suaka di Malaysia tinggal di tempat yang sesak. Di sesetengah kawasan, setiap tempat tinggal dihuni tiga hingga empat buah keluarga, sementara di kawasan lain, unit rumah dibina sangat rapat antara satu sama lain. Selain menimbulkan isu kebersihan, adalah mustahil untuk mematuhi SOP seperti menjaga jarak fizikal yang selamat bagi mengelak jangkitan COVID-19.

(d) Kesusakan dalam pusat tahanan

Keadaan pusat tahanan imigresen yang sesak memudahkan penularan penyakit berjangkit. Situasi ini bertambah buruk apabila tahanan termasuk pelarian dan pencari suaka tidak diberikan bekalan sanitasi serta bahan lain untuk kebersihan diri yang mencukupi.

(e) Risiko pengusiran

Disebabkan tiada pekerjaan yang terjamin dan keselamatan sosial, ramai pelarian dan pencari suaka kehilangan sumber pendapatan semasa PKP tidak dapat membayar sewa rumah dan utiliti. Keadaan ini menimbulkan risiko diusir sehingga tuan rumah.

(f) Keperluan untuk merealisasikan komitmen di bawah SDG.

Peserta dialog menekankan bahawa dalam usaha menangani pandemik, pengumuman Perdana Menteri semasa Pakej Rangsangan PRIHATIN bahawa tiada siapa pun ketinggalan, yang mana ia turut ditekankan dalam prinsip SDG. Oleh itu, Malaysia perlu memberi perhatian kepada nasib pelarian dan pencari suaka memandangkan COVID-19 turut memberikan impak tidak seimbang dan sangat ketara terhadap golongan ini.

(ii) Miskin Bandar (B40) dan Gelandangan

(a) Gelandangan

Peserta membangkitkan kebimbangan mengenai tahap kesihatan dan kebajikan golongan gelandangan semasa PKP. Ramai gelandangan tidak pernah menjalani pemeriksaan kesihatan dan hidup dalam persekitaran tidak bersih yang boleh meningkatkan risiko kesihatan termasuk terdedah kepada jangkitan COVID-19.

Selain itu, CSO yang menjalankan operasi dapur jalanan mendedahkan bahawa lebih ramai individu gelandangan dan pekerja asing yang diberhentikan kerja mengunjungi pusat operasi dapur jalanan semasa PKP untuk mendapatkan makanan.

(b) Kesan kepada kehidupan isi rumah yang miskin

Peserta dialog menganggarkan sebanyak 60 peratus pekerjaan di Malaysia didominasi pekerja berkemahiran rendah dan sederhana. Semasa tempoh PKP, ramai diberhentikan kerja atau tidak dibayar gaji. Begitu juga peniaga kecil yang hilang sumber pendapatan kerana tidak dapat beroperasi semasa PKP. Tanpa sumber pendapatan yang berterusan, sukar bagi golongan B40 untuk meneruskan hidup sewajarnya termasuklah akses kepada keperluan asas.

(c) Pelepasan bayaran sewa

Kerajaan mengumumkan pelepasan bayaran sewa selama enam bulan kepada penyewa rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR). Walau bagaimanapun, pelepasan ini hanya terpakai bagi projek perumahan di bawah Kerajaan Persekutuan dan tidak termasuk yang ditadbir Kerajaan Negeri. Peserta dialog percaya pelepasan ini perlu diperluaskan kepada projek di bawah Kerajaan Negeri.

(d) Golongan miskin tanpa dokumen

Terdapat dalam kalangan golongan B40 yang tidak mempunyai kad pengenalan. Oleh itu, maklumat peribadi tidak didaftarkan dalam program kerajaan seperti e-Kasih menyebabkan kesukaran mengenal pasti individu untuk diberikan bantuan semasa pandemik. Tambahan pula bagi yang tidak mempunyai kad pengenalan, akaun bank tidak boleh dibuka dan sumbangan tidak dapat disalurkan kepada individu dan keluarga yang terjejas menerusi pemindahan telegraf atau pembayaran secara dalam talian.

(e) Keperluan wanita mengandung, ibu menyusu dan bayi

Sumbangan makanan daripada orang ramai sangat membantu golongan yang terjejas. Walau bagaimanapun, berdasarkan pemerhatian, terdapat sumbangan makanan tidak sesuai dengan keperluan golongan tertentu iaitu hampir kesemua sumbangan makanan yang diterima kekurangan barang yang sesuai untuk wanita mengandung, ibu menyusu dan bayi seperti susu formula, tuala wanita dan lampin pakai buang.

(f) Kemudahan pendidikan untuk kanak-kanak dari kumpulan B40 dan kawasan pedalaman

Semasa PKP, semua sekolah dan pusat pengajian tinggi ditutup dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengarahkan kelas dijalankan secara dalam talian. Walaupun usaha ini merupakan satu alternatif yang baik, namun ramai murid dan pelajar daripada isi rumah B40 serta yang tinggal di kawasan pedalaman tidak mempunyai kemudahan atau capaian sama ada dari segi alat peranti atau talian internet.

(g) Pusat jagaan kanak-kanak

Kebanyakan taska dan pusat jagaan harian kanak-kanak di Malaysia dikendalikan pengusaha yang kebanyakannya terdiri daripada golongan B40. Semasa PKP, pusat jagaan ini terpaksa menghentikan operasi. Pengusaha juga tidak dapat membayar sewa premis, utiliti dan gaji pekerja yang juga daripada kategori B40. Terdapat juga peserta yang risau mengenai pengusaha yang tidak mampu meneruskan kembali operasi setelah PKP tamat sekiranya tidak menerima suntikan modal baharu.

Di samping itu, ibu bapa yang bekerja sebagai petugas barisan hadapan semasa PKP tidak dapat menghantar anak ke pusat jagaan harian kerana arahan penutupan. Peserta berpendapat petugas barisan hadapan yang merupakan ibu/bapa tunggal atau pasangan yang mempunyai anak kecil perlu dikecualikan daripada bertugas semasa PKP.

(h) Keganasan rumah tangga

Situasi kewangan yang semakin buruk dan ditambah lagi dengan semua ahli keluarga terkurung dalam rumah semasa tempoh PKP telah menyebabkan berlakunya tekanan mental dan emosi. Ini sekaligus menyebabkan peningkatan laporan kes keganasan rumah tangga kepada pihak berkuasa dan NGO. Peserta berpendapat, kerajaan dan NGO perlu bekerjasama untuk memberikan sokongan emosi dan kaunseling kepada keluarga yang terjejas.

(i) Peralatan keselamatan diri yang tidak mencukupi untuk petugas barisan hadapan

Semasa pihak NGO dan CSO menghantar bantuan kepada golongan terjejas, mereka turut bertemu pegawai penguatkuasa yang memaklumkan pelitup separuh muka dan kelengkapan perlindungan diri (PPE) tidak diberikan bekalan yang mencukupi. Dalam beberapa keadaan, CSO telah memberikan pelitup separuh muka yang sepatutnya diagihkan kepada golongan yang memerlukan untuk kegunaan pihak berkuasa. Peserta menyatakan kerajaan perlu menyediakan PPE yang mencukupi untuk keselamatan dan kebajikan petugas barisan hadapan.

(j) Penyelarasan antara NGO dan CSO

Apabila PKP dikuatkuasakan, banyak NGO dan CSO memberi sumbangan makanan kepada keluarga yang memerlukan. Disebabkan keperluan untuk bertindak pantas bagi membantu golongan yang terjejas, NGO dan CSO tidak dapat membuat pelarasan agihan sumbangan. Akibatnya ada sesetengah golongan yang menerima lebihan bekalan manakala sebilangan lain langsung tidak menerima sebarang bantuan.

Peserta dialog mencadangkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) supaya menyimpan senarai NGO dan CSO di Malaysia yang sentiasa dikemas kini, serta menjadi penyelarasan untuk membantu masyarakat sepanjang tempoh berlakunya krisis seperti pandemik COVID-19. Dengan cara ini, semua golongan rentan akan dilayan secara sama rata tanpa mengira asal usul, status imigresen dan latar belakang yang lain.

(iii) Orang Kurang Upaya (OKU)

(a) Kesan PKP kepada OKU yang bekerja sendiri

Seramai 70 peratus OKU di Malaysia bekerja sendiri atau bekerja di sektor tidak formal seperti tukang urut atau penghibur jalanan yang sudah pasti

kehilangan sumber pendapatan semasa PKP. Keadaan ini turut memberi tekanan kerana kebanyakan OKU tidak mencarum dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan tidak layak untuk menerima bantuan yang disediakan PERKESO semasa PKP.

(b) Pengangkutan awam mesra OKU semasa PKP

Operasi perkhidmatan pengangkutan awam adalah sangat terhad semasa tempoh PKP. Oleh itu, OKU yang bergantung pada pengangkutan awam untuk mendapatkan keperluan dan perkhidmatan asas turut terjejas sehinggalah memberi kesan langsung kepada akses penjagaan kesihatan di hospital dan pengeluaran bantuan kewangan kerajaan dari bank. Kerajaan perlu mempertimbangkan pergerakan OKU semasa PKP serta membenarkan NGO dan CSO menyediakan perkhidmatan tersebut kepada OKU yang terjejas.

(c) Akses kepada maklumat penting

Maklumat yang disampaikan kerajaan berkenaan COVID-19 tidak mesra OKU misalnya perkembangan maklumat harian terkini mengenai COVID-19 tidak disertakan dengan penterjemah bahasa isyarat bagi golongan yang mempunyai masalah pendengaran. Manakala, demonstrasi yang dipaparkan di televisyen tentang cara pemakaian pelitup separa muka yang betul tidak membawa manfaat kepada golongan cacat penglihatan.

(d) Permohonan bantuan secara dalam talian

Ramai OKU tidak mendapat maklumat bantuan yang disediakan kerajaan semasa PKP kerana sistem permohonan secara dalam talian tidak mesra OKU.

(iv) Orang Asli/ Asal (OA)

(a) Kesan pandemik dan PKP terhadap OA yang miskin

Ramai masyarakat di Semenanjung Malaysia hanyalah buruh sambilan dan tidak mempunyai pekerjaan tetap misalnya bekerja sendiri dengan memungut/ menjual hasil hutan dan kraftangan. PKP telah menjejaskan mata pencarian yang sebelum pandemik lagi berhadapan kesukaran memperoleh pendapatan yang sememangnya tidak mencukupi. Ramai kehilangan pekerjaan/pendapatan dan ada yang dilarang pergi ke bandar untuk menjual hasil hutan atau kraftangan.

Sesetengah orang asli memilih kembali ke hutan untuk berkumpul dan berburu demi kelangsungan hidup. Walau bagaimanapun, sumber makanan di hutan juga terhad disebabkan aktiviti penebangan hutan.

(b) Borang permohonan PRIHATIN tidak mesra orang asli

Peserta dialog menganggarkan lebih 90 peratus orang asli adalah daripada kategori B40 yang layak menerima bantuan PRIHATIN. Walau bagaimanapun, ramai tidak tahu bagaimana untuk mengisi borang pendaftaran dalam talian atau tidak mempunyai talian internet. NGO cuba untuk membantu dengan mengumpul maklumat namun begitu, bantuan ini menjadi terbatas disebabkan kekurangan dokumen sokongan seperti kad pengenalan diri, sijil perkahwinan serta maklumat akaun bank.

(c) Akses kepada bantuan tunai PRIHATIN

Sesetengah orang asli perlu berjalan jauh ke bandar hanya untuk mengeluarkan wang tunai di mesin tunai automatik (ATM) malah ketika PKP pergerakan amat terbatas dan tidak dapat mengeluarkan bantuan tunai PRIHATIN di bank. Terdapat juga kumpulan B40 yang layak menerima bantuan tunai PRIHATIN namun tidak mempunyai akaun bank.

(d) Akses bantuan kepada komuniti orang asli tanpa dokumen

Masih terdapat orang asli di Malaysia yang tidak mempunyai kad pengenalan diri kemungkinan disebabkan lokasi yang terpencil atau kurang kesedaran mengenai kepentingan dokumen pengenalan diri. Ini menyebabkan data individu orang asli tiada dalam sistem kerajaan dan tidak dikategorikan sebagai penerima bantuan kerajaan semasa pandemik.

(e) Kampung orang asli/asal tidak berdaftar

Di Semenanjung Malaysia, pihak JAKOA hanya menghantar bekalan makanan ke kampung yang berdaftar. Adalah tidak mustahil terdapat suku kaum orang asli bersifat nomad yang membuka perkampungan baharu apabila kampung sedia ada menjadi terlalu sesak. Ini menyebabkan mereka mungkin terlepas daripada menerima bantuan makanan.

(f) Bantuan daripada NGO

Penghantaran bantuan daripada NGO turut terganggu akibat larangan merentas negeri. Para peserta mempersoal ketelusan pihak berkuasa dalam menyampaikan bantuan di sekitar Semenanjung Malaysia.

Walaupun NGO tidak dibenarkan untuk memasuki kampung orang asli/asal, salah seorang peserta mendakwa JAKOA meminta pihak NGO tertentu sahaja untuk masuk mengedarkan bantuan kepada orang asli/asal.

(g) Pendidikan untuk kanak-kanak orang asli ketika pandemik

Akses kepada pendidikan dalam talian ketika pandemik melibatkan orang asli kurang berkemampuan atau yang tinggal di kawasan luar bandar dan terpencil, tidak mempunyai capaian internet, seringkali dibangkitkan.

Malah kehilangan punca pendapatan turut dialami sebilangan besar ibu bapa sehingga berhadapan kesukaran untuk membayar perbelanjaan sekolah anak-anak apabila asrama sekolah mula dibuka.

(h) Penyampaian maklumat berkenaan COVID-19 dan SOP

Kebanyakan masyarakat orang asli mengamalkan sistem sosial komunal yang menyukarkan penjarakan fizikal. Maklumat berkenaan bahaya COVID-19 dan SOP yang berkaitan perlu disampaikan supaya mereka dapat membuat penyesuaian diri. Ketika PKP, cabarannya adalah maklumat berkenaan pandemik dan SOP yang bergantung sepenuhnya kepada media arus perdana untuk meningkatkan kesedaran. Malangnya, kebanyakan orang asli tiada capaian kepada internet atau televisyen, dan sebilangannya pula tidak memahami Bahasa Kebangsaan.

Akibatnya, mereka lebih berisiko terdedah kepada penularan COVID-19. Pihak kerajaan perlu memastikan maklumat berkenaan jangkitan dan SOP yang berkaitan diterjemahkan dalam dialek OA serta mengedarkan dan menyampaikannya dengan segera menggunakan format yang bersesuaian.

(v) Pekerja Migran dan Pekerja Tanpa Dokumen

(a) Peranan pihak kedutaan untuk memastikan kesejahteraan warganya di Malaysia

Peserta mendakwa, selain daripada memaklumkan maklumat mengenai rakyat di kedutaan masing-masing seperti nama dan lokasi, terdapat sebilangan kedutaan yang masih tidak menyalurkan sebarang bantuan kepada rakyatnya.

(b) Penyampaian maklumat berkenaan COVID-19

Kebanyakan pekerja migran dan pelarian tidak menerima atau tidak memahami maklumat kesihatan awam berkenaan COVID-19. Maklumat mengenai penyakit ini kebanyakannya dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris hanya disampaikan melalui media arus perdana. Ramai pekerja migran tidak menguasai kedua-dua bahasa ini serta tiada televisyen atau telefon pintar. Ini menyebabkan, ramai tidak sedar akan bahaya jangkitan COVID-19 dan langkah pencegahan serta tindakan yang perlu diambil sekiranya bergejala.

(c) Keperluan asas pekerja migran

Pekerja migran di Malaysia tidak layak untuk menerima bantuan terus kerajaan melalui pelbagai pakej rangsangan. Akibatnya kehilangan pekerjaan ketika PKP menghadapi kesukaran untuk mendapatkan keperluan asas harian termasuk makanan. Terdapat sebilangan pekerja migran yang ditinggalkan majikan di asrama pekerja tanpa bekalan makanan yang mencukupi.

(d) Pekerja ladang

Terdapat dakwaan mengenai sebilangan pekerja di sektor perladangan yang terpaksa bekerja untuk tempoh panjang ketika PKP. Akibatnya, mereka kekurangan masa untuk membeli barangan keperluan harian. Lebih teruk, lokasi pekan jauh dari ladang tempat bekerja serta pengangkutan awam telah dihadkan.

Terdapat pengurus ladang yang membenarkan gerai beroperasi di kawasan ladang serta perkhidmatan penghantaran ke kawasan ladang. Namun, harga barangan adalah lebih mahal, akibatnya pekerja hanya mampu makan sekali sehari kerana mencatu bekalan makanan.

(e) Bekalan makanan kepada migran ke kawasan PKP Diperketatkan

CSO tidak dapat mengedarkan makanan kepada pekerja dan keluarga migran miskin di kawasan PKPD. Pihak CSO hanya dapat mengedarkan bekalan melalui ketua kampung yang mana ia akan diedarkan semula tetapi hanya kepada penduduk tempatan.

(f) Keadaan tempat tinggal

Kebanyakan pekerja migran tinggal dalam kuarters kediaman yang kecil dihuni oleh 40 hingga 80 orang. Keadaan sesak ini menyebabkan pekerja migran lebih terdedah kepada risiko tinggi jangkitan COVID-19.

(g) Akses kepada kesihatan dalam kalangan migran tanpa dokumen

Migran tanpa dokumen bimbang akan ditahan dan enggan tampil untuk mendapatkan saringan COVID-19 atau rawatan walaupun mempunyai gejala yang teruk.

Terdapat ibu mengandung dalam kalangan migran yang mana suami kehilangan pekerjaan akibat PKP mengalami masalah untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan kerana tidak mampu untuk membayar kos perubatan hospital. Beberapa peserta menzahirkan kebimbangan kerana kos perubatan yang tinggi akan menyebabkan risiko penjualan bayi dalam negara.

(h) Tidak dibayar gaji

Terdapat beberapa pihak mendakwa majikan telah menahan bayaran gaji pekerja ketika PKP dilaksanakan. Akibatnya, pekerja migran terputus pendapatan.

Walaupun kerajaan mengumumkan pakej rangsangan termasuk subsidi upah, pekerja migran tidak termasuk dalam pakej tersebut.

(i) Tamat tempoh permit kerja ketika PKP

Pekerja migran yang mempunyai dokumen sah bimbang akan status pekerjaan dan permit sejak PKP dilaksanakan. Terdapat dakwaan sebilangan majikan dan agen mengambil tindakan berdiam diri sejak PKP bermula. Keadaan ini amat membimbangkan malah jika situasi ini berterusan sehingga permit kerja tamat tempoh, pekerja migran berpotensi menjadi pekerja tanpa dokumen walaupun bukan disebabkan kesalahan pekerja itu sendiri.

(j) Keselamatan migran yang ditahan di pusat tahanan imigresen

Pekerja migran tanpa dokumen dan pelarian ditahan secara berterusan atas kesalahan imigresen ketika PKP mengakibatkan kesesakan di pusat tahanan imigresen bertambah teruk. Pusat tahanan mempunyai risiko penularan COVID-19 secara tidak langsung mempertaruhkan nyawa tahanan serta kakitangan.

(k) Saringan COVID-19 untuk migran tanpa dokumen

Di Pantai Barat Sabah, terutama di Sandakan, Lahad Datu dan Semporna, sebilangan besar migran tanpa dokumen enggan melakukan saringan kesihatan kerana takut ditahan atas kesalahan imigresen.

(vi) Wanita

(a) Peningkatan kes keganasan rumah tangga

Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO) memaklumkan menerima sebanyak 898⁶⁵ panggilan berkaitan keganasan rumah tangga pada bulan April. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak tiga kali ganda berbanding 205⁶⁶ panggilan yang diterima pada bulan Februari. Salah seorang peserta mendedahkan, (JKM) telah mengeluarkan 17 Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO) antara Mac dan Mei 2020. Peningkatan kes keganasan rumah tangga adalah disebabkan oleh perintah “duduk di rumah”.

Terdapat kekurangan rumah perlindungan di Malaysia terutama di kawasan luar bandar termasuklah di Sabah dan Sarawak.

(b) Peningkatan tugas penjagaan tidak bergaji

COVID-19 dan PKP menyebabkan peningkatan pekerja tidak bergaji terutamanya dalam kalangan wanita yang sememangnya melakukan majoriti kerja di rumah dan penjagaan anak-anak, mendapati tanggungjawab meningkat sejak sekolah dan pusat penjagaan kanak-kanak ditutup ketika PKP. Menurut kajian pada tahun 2019 oleh Institut Penyelidikan Khazanah (KRI)⁶⁷, wanita mengambil masa selama 3.6 jam untuk melakukan kerja rumah berbanding lelaki yang hanya mengambil masa selama 2.2 jam sehari. Wanita mengambil masa selama 6.6 jam sehari untuk melakukan pekerjaan bergaji yang hanya 0.3 jam kurang daripada lelaki. Kesannya, kesihatan mental dan fizikal wanita terganggu ketika PKP.

(c) Akses kepada maklumat berkaitan COVID-19 dan bantuan kerajaan

Beberapa peserta memaklumkan, terdapat sebilangan wanita di Malaysia yang tidak mempunyai alat telekomunikasi, capaian internet atau akaun bank malah sebilangannya tidak peduli akan kepentingan

⁶⁵ WAO received 350 in March, 898 (April) and 848 (May), respective increases of 3.6 and 3.4 times the pre-MCO levels. The total number of calls received from March to September via the WAO Hotline is 2,412 and 2,976 through the TINA-WAO WhatsApp; Frankie D'Cruz, 'Domestic violence at crisis level months after lockdown' (25 Nov 2020, Free Malaysia Today) <<https://www.freemalaysiatoday.com/category/leisure/2020/11/25/domestic-violence-at-crisis-level-months-after-lockdown/>>

⁶⁶ Ibid.

⁶⁷ Institut Penyelidikan Khazanah, "Time to Care: Gender Inequality, Unpaid Care Work and Time use Survey" (2019) p.29-32 <http://www.krinstitute.org/assets/contentMS/img/template/editor/Publications_Time%20to%20Care_Full%20report.pdf>

memiliki kemudahan berkenaan. Golongan ini terdiri daripada warga emas, orang asli/asal, wanita yang tinggal di kawasan luar bandar dan daripada golongan OKU. Oleh yang demikian, ramai tidak menyedari adanya bantuan kerajaan ketika pandemik seperti PRIHATIN.

(d) Akses kepada perkhidmatan kesihatan seksual dan reproduktif

Terdapat kebimbangan mengenai penutupan sementara klinik yang memberikan perkhidmatan kesihatan seksual dan reproduktif di bawah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Secara khususnya, perkhidmatan perancangan keluarga telah terganggu dan boleh menyebabkan kehamilan tidak dirancang ketika PKP, serta berkemungkinan berlakunya pengguguran secara haram. Ini akan memberikan kesan jangka panjang kepada golongan kategori B40 ketika PKP, termasuk warganegara dan pekerja migran di Malaysia.⁶⁸

(e) Gangguan kepada prosiding kes di mahkamah

Pelbagai laporan diterima daripada wanita yang bercerai tapi mengalami masalah untuk mendapatkan bayaran nafkah anak daripada bekas suami. Permohonan perintah mahkamah telah dibuat tetapi PKP mengganggu prosiding kes kerana mahkamah tidak diletakkan sebagai perkhidmatan perlu yang boleh beroperasi semasa PKP. Akibatnya, wanita yang sudah bercerai dan mendapat hak penjagaan anak sukar untuk mendapatkan bayaran nafkah daripada bekas suami dan terpaksa menanggung sendiri perbelanjaan anak-anak.

(f) Penafian hak lawatan

Bagi yang berkongsi hak penjagaan anak, sekatan perjalanan semasa PKP menyebabkan ibu bapa yang sudah bercerai tidak dapat melawat anak.

(g) Keluarga yang terpisah

Wanita warganegara Malaysia yang mempunyai pasangan bukan warganegara serta anak yang tinggal di luar negara tidak dapat melakukan perjalanan kerana sempadan negara ditutup ketika PKP.

Dalam kes yang lain, terdapat ibu warganegara Malaysia yang risau jika tidak dapat melanjutkan tempoh visa anak bagi membolehkan untuk tinggal di Malaysia ketika PKP. Kebimbangan ini disebabkan prosedur

⁶⁸ Ibid. (n.26)

pihak imigrasi memerlukan bapa yang bukan warganegara untuk hadir secara fizikal ketika proses pembaharuan visa dilakukan.

(h) Kesulitan ekonomi ibu tunggal

Pelaksanaan PKP semakin menyukarkan keadaan ramai ibu tunggal yang sememangnya menerima bantuan sebelum pandemik. Bantuan kerajaan melalui PRIHATIN dan PENJANA sedikit sebanyak mengurangkan kesusahan dalam kalangan ibu tunggal yang menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan dan menjual produk secara dalam talian. Selain itu ada juga ibu tunggal merupakan warga emas, yang tidak mahir dalam bidang teknologi.

(vii) Kanak-kanak

(a) Peningkatan kes penderaan

Jumlah panggilan yang diterima NGO berkenaan penderaan kanak-kanak meningkat secara drastik pada dua minggu pertama PKP. Talian penting (*hotline*) Kasih 15999 menerima sejumlah panggilan yang tinggi bukan sahaja berkaitan penderaan kanak-kanak, tetapi turut menerima aduan berkenaan keganasan rumah tangga dan ada juga yang memohon untuk mendapatkan bantuan makanan.

Oleh itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dicadangkan supaya menubuhkan dan mempromosi talian bantuan 24 jam khusus untuk kanak-kanak. Operator perlulah mesra kanak-kanak dan perkhidmatan tersebut dapat dihubungi semua kanak-kanak tanpa diskriminasi.

(b) Mengenal pasti kanak-kanak berisiko

Para peserta menggariskan peranan kerajaan untuk mengenal pasti kanak-kanak daripada kumpulan berisiko ketika pandemik bagi memastikan bantuan mudah disalurkan mengikut keperluan seperti berikut:

- Kanak-kanak yang memerlukan penjagaan kesihatan di rumah (terutamanya mereka yang mengalami penyakit yang jarang dihidapi atau masalah kesihatan yang kritikal),
- Kanak-kanak di kawasan terpencil dan pedalaman, terutamanya di Sabah dan Sarawak,
- Kanak-kanak pelarian dan migran yang mempunyai dokumen atau tanpa dokumen
- Kanak-kanak keluarga miskin bandar

- Kanak-kanak Orang asli/asal
- Kanak-kanak dalam penjara dan pusat tahanan
- Kanak-kanak kurang upaya

Oleh itu, pihak kerajaan, agensi PBB dan NGO disaran supaya melakukan analisis situasi dalam negara untuk kanak-kanak rentan.

(c) Sistem sokongan untuk kesejahteraan mental kanak-kanak

Berdasarkan tinjauan yang dilakukan *Family Association for Mental Health Everywhere (FAME)*, kanak-kanak juga risau tentang perlindungan pekerjaan ibu bapa, pendidikan dan masa depan diri sendiri.

Terdapat peserta kanak-kanak menyatakan merasa tertekan dengan perubahan pendekatan pengajaran dan pembelajaran ketika berkurang dan terperangkap dalam rumah. Kebanyakan menzahirkan keperluan sistem sokongan kaunseling dan motivasi.

Turut dicadangkan supaya talian bantuan untuk kanak-kanak dikendalikan individu berkemahiran yang mampu mengendalikan panggilan daripada kanak-kanak berkenaan isu kesihatan mental.

(d) Kanak-kanak yang berhadapan masalah perundangan

Turut dibangkitkan adalah mengenai kanak-kanak yang ditahan dan dituduh di mahkamah kerana melanggar PKP sehingga menyebabkan trauma. Oleh itu, satu garis panduan penguatkuasaan berasingan perlu untuk kanak-kanak di bawah umur yang melanggar SOP.

Bagi pesalah kanak-kanak yang berada di pusat tahanan, kesesakan di dalam pusat tahanan menyukarkan penjarakan fizikal pada masa yang sama, kekurangan kemudahan untuk mengasingkan tahanan yang sakit boleh menyebabkan penyebaran COVID-19 dengan mudah.

Walaupun menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk memberi nasihat kepada anak-anak mematuhi serta memberi perhatian kepada PKP, pihak kerajaan seharusnya membuat pertimbangan untuk melepaskan kanak-kanak yang ditahan kerana ingkar peraturan PKP. Pada masa yang sama, penahanan kanak-kanak tanpa dokumen perlu ditangguhkan. Sementara menunggu tahanan kanak-kanak dibebaskan pihak berkuasa perlu memastikan tempat penahanan tersebut mematuhi garis panduan KKM dan Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (ICRC) berkenaan kebersihan, saringan dan pengasingan.

(e) Keselamatan internet untuk kanak-kanak

Memandangkan aktiviti luar termasuk bersukan tidak dibenarkan semasa PKP, kanak-kanak lebih memilih untuk melayari laman sesawang pada masa lapang. Oleh itu, adalah penting bagi ibu bapa mendidik anak mengenai tanggungjawab dan memantau aktiviti di internet supaya tidak menjadi mangsa penipuan, pedofilia dan antun seksual (*sexual grooming*).

(f) Akses pendidikan

Walaupun perubahan daripada pembelajaran di sekolah kepada platform dalam talian dilihat sebagai satu tindakan positif, namun tidak semua kanak-kanak mendapat kemudahan pembelajaran dalam talian terutamanya dalam kalangan keluarga miskin, kawasan pedalaman dan tidak mempunyai kemudahan internet. Akibatnya, terdapat kanak-kanak yang tidak dapat meneruskan pendidikan ketika PKP.

Terdapat keperluan untuk memastikan kanak-kanak di seluruh Malaysia mendapat kemudahan kepada pembelajaran dalam talian termasuk perkhidmatan internet dan peranti. Penyampaian pembelajaran dalam talian perlu mengambil kira keperluan kanak-kanak daripada kumpulan masyarakat tertentu misalnya sukatan pelajaran dalam talian dalam bahasa yang mudah difahami kanak-kanak orang asli/asal.

(g) Sekatan perjalanan yang mengabaikan situasi ibu atau bapa tunggal

Ibu atau bapa tunggal, terutamanya yang menjaga anak-anak kecil mendapati arahan kerajaan menghadkan jumlah seorang individu sahaja dalam kenderaan sebagai tidak praktikal. Anak-anak juga tidak dapat dihantar ke pusat jagaan kanak-kanak kerana arahan penutupan semasa PKP. Adalah mustahil ibu atau bapa tunggal keluar bersendirian membeli barang keperluan seperti makanan dan barangan runcit dan meninggalkan anak-anak yang masih kecil di rumah tanpa ditemani orang dewasa atau berada bersama dalam kereta.

Dalam keadaan seperti ini, budi bicara dan kelonggaran daripada pihak berkuasa amat penting supaya ibu atau bapa boleh keluar membeli barangan keperluan, pada waktu yang sama turut memastikan anak-anak berada dalam keadaan selamat. Situasi ini turut menimbulkan cabaran kepada ibu bapa yang bekerja sebagai barisan hadapan ketika pandemik yang mana terpaksa menyerahkan penjagaan kanak-kanak kepada individu tidak berdaftar supaya boleh pergi bekerja.

B. BERTINDAK BALAS KEPADA COVID-19 DENGAN MEMENUHI KEPERLUAN GOLONGAN RENTAN DI MALAYSIA

Rundingan SUHAKAM dengan pelbagai golongan masyarakat memberi tumpuan kepada keadaan ekonomi dan sosial yang dihadapi kumpulan rentan di Malaysia ketika pandemik dan PKP. Ia turut mengetengahkan usaha NGO dan CSO dalam menyampaikan bantuan sebagai tambahan kepada langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membantu golongan terjejas. Oleh itu, SUHAKAM telah mengadakan perbincangan bersama Delegasi Kesatuan Eropah (EU) pada bulan Jun mengenai peluang pembiayaan.

Pada bulan September, kedua-dua pihak bersetuju agar SUHAKAM menjalankan **projek selama 19 bulan bertajuk 'Bertindak balas kepada COVID-19 dengan memenuhi keperluan golongan rentan di Malaysia'** (*'Responding to COVID-19 by Meeting the Needs of Vulnerable Communities in Malaysia'*). Secara amnya ia **bertujuan untuk menambah baik perancangan hak asasi manusia di Malaysia melalui peningkatan perkongsian maklumat dan mengukuhkan keupayaan CSO di Malaysia ketika pandemik COVID-19.**

Beberapa aktiviti utama dirancang termasuklah pembangunan platform dalam talian untuk memudahkan perkongsian maklumat mengenai isu hak asasi manusia. SUHAKAM serta CSO/NGO boleh menggunakan maklumat yang terkumpul melalui platform tersebut untuk menjalankan advokasi kepada masalah yang dihadapi oleh golongan yang terjejas secara bersama seterusnya membantu SUHAKAM dalam membangunkan pernyataan dasar.

Program ini melibatkan agihan bantuan kepada golongan rentan bagi memastikan tiada yang tercicir dan mampu meneruskan kehidupan dalam keadaan yang bermaruah walaupun berada dalam situasi krisis. Tindakan ini sejajar dengan semangat SDG. Memandangkan penyaluran bantuan adalah segera serta berbentuk jangka pendek, program ini akan disusuli dengan bengkel pembangunan kapasiti/peningkatan kemahiran yang memfokuskan latihan vokasional seperti keusahawanan agro. Oleh yang demikian, manfaat bantuan jangka pendek yang disalurkan ini akan dihubungkan dengan intervensi yang lebih mampan dalam kehidupan golongan tersebut. Berdasarkan rundingan bersama pemegang taruh pada bulan April, SUHAKAM mengenal pasti tiga penerima geran yang terdiri dari CSO Borneo Komrad, Persatuan Komuniti Berdikari (PKB) dan SAVE Rivers sebagai rakan pelaksana untuk membantu mengedarkan bantuan dan pembangunan kapasiti. Program ini akan memberi manfaat kepada masyarakat orang asli dan pelarian di Semenanjung Malaysia, orang asal Sarawak yang tinggal di

kawasan bandar serta individu tanpa kewarganegaraan dan dokumen di Sabah.

Selaras dengan SDG ke-10, program ini diadakan dengan tujuan untuk mengurangkan ketidaksaksamaan dan tiada keciciran. Selain itu, SUHAKAM mahu menjalin hubungan dengan komuniti yang jauh ketinggalan dengan merealisasikan hak sosial dan ekonomi seperti kesihatan serta taraf hidup yang minimum.

C. SIRI RINGKASAN DASAR IMPAK COVID-19 TERHADAP HAK ASASI MANUSIA

Penularan COVID-19 dan tiadanya vaksin menyebabkan banyak negara mengambil tindakan luar kebiasaan sehingga bertindak menyekat hak yang lain. Walaupun tindakan tersebut dibenarkan, terdapat kemungkinan risiko krisis kesihatan digunakan sebagai alasan untuk menguatkuasakan langkah-langkah keselamatan yang melampau bagi menyekat ruang sivik dan kebebasan media.⁶⁹ Di negara lain, terdapat laporan yang mana kerajaan telah melakukan penyalahgunaan kuasa, menyekat kritikan dan melemahkan institusi penting yang bertindak sebagai semak dan imbang kepada kerajaan.⁷⁰

Walaupun undang-undang antarabangsa mengenai hak asasi manusia membenarkan hak disekat pada waktu kecemasan, kerajaan perlu memastikan juga tindakan yang diambil tidak melangkaui sekatan dan pengecualian yang dibenarkan undang-undang antarabangsa.

Prinsip Siracusa mengenai Batasan dan Pengecualian Peruntukan dalam Perjanjian Antarabangsa Mengenai Hak Sivik dan Politik (*Prinsip Siracusa*)⁷¹ yang menafsirkan batasan dan pengecualian peruntukan di bawah ICCPR, menggariskan bahawa kedaulatan undang-undang masih kekal ketika berlakunya kecemasan kesihatan awam dan ketika pelaksanaan kuasa

⁶⁹ UN Secretary-General António Guterres, 'UN Secretary-General message' Human Rights Day 2020 (10 Dec 2020) <<http://webtv.un.org/watch/player/6215000678001>>

⁷⁰ UN News, 'Toxic lockdown culture' of repressive coronavirus measures hits most vulnerable' (27 April 2020, UN) <<https://news.un.org/en/story/2020/04/1062632>>; Sarah Repucci and Amy Slipowitz, 'The Impact of COVID-19 on the Global Struggle for Freedom', Democracy under Lockdown, (Freedom House) <<https://freedomhouse.org/report/special-report/2020/democracy-under-lockdown>>

⁷¹ Prinsip Siracusa <<https://www.icj.org/wp-content/uploads/1984/07/Siracusa-principles-ICCPR-legal-submission-1985-eng.pdf>>; The Siracusa Principles were drafted by 31 distinguished international law experts and adopted by representatives from 17 UN Member States including India, Kuwait, Turkey, Egypt, Poland, Hungary and United Kingdom; and UN agencies including the International Labour Organisation (ILO).

luar biasa oleh sesebuah negara. **Semasa bertindak balas terhadap situasi yang mengancam kesihatan awam, pihak kerajaan masih mempunyai tanggungjawab untuk tidak melanggar hak yang tidak boleh dikecualikan serta hak asas buruh. Negara juga perlu memastikan perlindungan hak asasi manusia sentiasa dihormati dengan cara menyekat hak hanya apabila sekatan tersebut:**

- i. Diwujudkan dan dikuatkuasakan berdasarkan undang-undang**
- ii. Berdasarkan bukti saintifik**
- iii. Bertujuan untuk tujuan yang sah**
- iv. Sangat diperlukan dalam masyarakat demokratik**
- v. Tidak sewenang-wenangnya atau mendiskriminasi dalam pelaksanaannya**
- vi. Berkuatkuasa dalam jangka masa yang terhad**
- vii. Tertakluk kepada semakan semula**

Walaupun Malaysia bukan Negara Pihak kepada Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik (ICCPR), undang-undang lazim antarabangsa yang terkandung dalam Prinsip Siracusa masih terpakai di Malaysia dan tidak tertakluk kepada dualisme.⁷²

Selain daripada Prinsip Siracusa, terdapat beberapa undang-undang antarabangsa lain yang harus dipatuhi oleh Malaysia termasuklah prinsip tiada penghantaran pulang paksa terhadap pelarian (*non-refoulement*) dan larangan penyiksaan. Selain itu, kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk menghormati dan melindungi hak sivil rakyat Malaysia tanpa mengira identiti seperti yang dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan, termasuk hak kepada nyawa dan kebebasan peribadi, bebas daripada penangkapan dan penahanan sewenang-wenangnya, memastikan keadilan serta perlindungan yang adil mengikut undang-undang.

Oleh yang demikian, selari dengan mandat SUHAKAM untuk menasihati dan membantu kerajaan dalam menggubal perundangan dan prosedur,⁷³ SUHAKAM telah membangunkan serta mengemukakan beberapa taklimat berkaitan dasar. Penekanan mengenai aspek hak asasi manusia merupakan perkara yang perlu diambil kira dalam tindak balas COVID-19 di Malaysia. Berikut merupakan isu penting dan syor SUHAKAM mengenai hak sivil dan

⁷² SUHAKAM, 'COVID-19 dan Hak Sivil di Malaysia', Siri Ringkasan Dasar Impak COVID-19 terhadap Hak Asasi Manusia No. 1/2020 (Jun 2020, SUHAKAM)

⁷³ Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597), s.4(1)(b).

politik, kebebasan bersuara dan mendapatkan maklumat serta hak wanita di Malaysia:

1. COVID-19 dan Hak Sivil di Malaysia

Berikut merupakan **hasil pemerhatian SUHAKAM** mengenai kesan dan pertimbangan terhadap hak sivil yang perlu dihormati dalam Peraturan PKP:

(a) Tangkapan dan penahanan pesalah PKP dan migran

- i. Penahanan pesalah PKP sewaktu sekatan jalan dan rondaan polis adalah tidak wajar kerana kesalahan tersebut bukan kesalahan yang membolehkan penahanan. Keabsahan jaminan juga boleh dipertikaikan. Kesalahan tersebut hanya boleh dihukum dengan saman/kompaun.
- ii. Walaupun kesalahan Peraturan PKP boleh dikompaun di bawah Akta 342⁷⁴, keabsahan kompaun masih boleh dirujuk kepada mahkamah. Selain itu, isu kompaun yang terlalu tinggi dikenakan terhadap pesalah PKP daripada golongan rentan turut menimbulkan isu ketidaksaksamaan. Dalam perkara ini, hanya mahkamah sahaja yang mempunyai kuasa untuk mendengar perkara-perkara jenayah dan mengkaji semula tindakan eksekutif.⁷⁵
- iii. Terdapat jurang yang ketara dalam pelaksanaan khidmat masyarakat sebagai salah satu alternatif kepada hukuman penjara di Malaysia. Sebagai tambahan kepada pembaharuan undang-undang, mekanisma dan kerangka strategik yang lebih terperinci diperlukan untuk menggalakkan dan melazimkan khidmat masyarakat dan keadilan restoratif.⁷⁶
- iv. Menggunakan undang-undang jenayah untuk menguatkuasakan langkah pencegahan kesihatan awam adalah tidak produktif.⁷⁷ Ini disebabkan penguatkuasaan yang terlalu ketat terhadap undang-undang jenayah akan menyebabkan individu yang takut ditahan dan menghadapi stigma, seperti migran tanpa dokumen, akhirnya enggan tampil untuk mendapatkan saringan kesihatan dan rawatan.⁷⁸

⁷⁴ Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, seksyen 25

⁷⁵ Semenyih Jaya Sdn. Bhd. lwn. Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat [2017] 5 CLJ 526 (Mahkamah Persekutuan)

⁷⁶ Matt Pollard et al, "COVID-19 Symposium: The Courts and Coronavirus (Part II)" (3 April 2020), 3-4 <<http://opiniojuris.org/2020/04/03/COVID-19-symposium-the-courts-and-coronavirus-part-ii/>>

⁷⁷ Nina Sun and Livio Zili, "COVID-19 Symposium: The Use of Criminal Sanctions on COVID-19 Responses – Exposure and Transmission (Part 1) and Enforcement of Public Health Measures (Part II)" (3 April 2020) <<http://opiniojuris.org/2020/04/03/COVID-19-symposium-the-use-of-criminal-sanctions-in-COVID-19-responses-exposure-and-transmission-part-i/>>; <<http://opiniojuris.org/2020/04/03/COVID-19-symposium-the-use-of-criminal-sanctions-in-COVID-19-responses-enforcement-of-public-health-measures-part-ii/>>

⁷⁸ Ibid.

(b) Akses kepada sistem perundangan dan pemulihan yang berkesan

- i. Pentadbiran sistem perundangan dan peguam di senaraikan sebagai perkhidmatan perlu. Akses kepada mahkamah sivil dijalankan secara dalam talian manakala mahkamah syariah tidak menjalankan atau mendengar kes secara dalam talian.
- ii. Badan kehakiman memainkan peranan penting dalam menjunjung kedaulatan undang-undang, dalam mengetengahkan pelanggaran hak asasi manusia, selain menyediakan akses kepada penyelesaian, terutamanya sewaktu kerajaan eksekutif melaksanakan darurat atau kuasa luar biasa.⁷⁹
- iii. Kes keganasan domestik telah meningkat sebanyak 25% sewaktu pelaksanaan PKP.⁸⁰ Perkhidmatan perundangan dan kehakiman telah menukar keutamaan disebabkan PKP, manakala jumlah rumah perlindungan yang terhad turut memburukkan lagi masalah⁸¹ kerana kerangka perlindungan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521) adalah berdasarkan siasatan jenayah dan perintah perlindungan.⁸²

Oleh itu, SUHAKAM mengemukakan **syor** berikut kepada kerajaan:

(i) Kebertanggungjawaban terhadap insiden pelanggaran hak sewaktu penguatkuasaan PKP

Penyelarasan antara Majlis Peguam Malaysia, YBGK dan CSO adalah perlu bagi memastikan seseorang individu yang merasakan haknya dicabuli misalnya ditangkap semasa PKP, seterusnya didenda dan dibebaskan dengan jaminan polis, mendapat pembelaan sewajarnya. Seseorang itu wajar mendapat kemudahan yang sama rata kepada mahkamah, peguam dan mekanisme berkesan supaya pihak dapat dipertanggungjawabkan atas tindakannya. Peguam-peguam perlu diberikan kebenaran untuk rentas daerah/negeri memandangkan Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan memberi jaminan bahawa setiap orang berhak ke atas representasi peguam pilihannya sendiri. Justeru sekatan kepada peguam adalah bertentangan dengan Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi negara.

⁷⁹ Matt Pollard et al, "COVID-19 Symposium: The Courts and Coronavirus (Part I)" (3 April 2020), 2 <<http://opiniojuris.org/2020/04/03/COVID-19-symposium-the-courts-and-coronavirus-part-i/>>

⁸⁰ Tharanya Arumugam, "MCO-linked domestic violence rises" (News Straits Times, 4 April 2020) <<https://www.nst.com.my/news/exclusive/2020/04/581233/mco-linked-domestic-violence-rises>>

⁸¹ UN Secretariat and UN Women, Policy Brief: The Impact of COVID-19 on Women (9 April 2020), 17-19. <https://www.un.org/sites/un2.un.org/files/policy_brief_on_COVID_impact_on_women_9_apr_2020.pdf>

⁸² Akta Keganasan Rumah Tangga, Bahagian IA and II

(ii) Semakan kehakiman terhadap peranan MKN dalam pengurusan balas COVID-19 TINDAK

Tindak balas pegawai/penguatkuasaan mengenai COVID-19 di Malaysia tidak boleh dijadikan kebiasaan dan perlu melalui penelitian kehakiman. Pelbagai hak individu terjejas serta menanggung kerugian berikutan pelaksanaan PKP.

(iii) Kajian semula dasar yang melibatkan pelbagai disiplin serta pembaharuan bagi penggunaan undang-undang jenayah dan hukuman pemenjaraan sebagai tindak balas kepada kesihatan awam

Penilaian semula seharusnya dilaksanakan mengenai keberkesanan dan kecekapan undang-undang jenayah serta hukuman pemenjaraan dalam membendung serta mengawal penularan pandemik di Malaysia, termasuklah terhadap pekerja migran dan migran tanpa dokumen. Penilaian ini seharusnya mengambil kira pendekatan yang lebih menyeluruh. Langkah-langkah yang lebih inklusif perlu diserapkan dalam pengurusan pandemik pada masa hadapan dengan mengurangkan impak kepada hak awam.

(iv) Dasar dan program yang melibatkan pelbagai pemegang taruh bagi membantu pembaharuan penjara

Dasar dan program yang lebih terangkum dengan kerjasama agensi kerajaan, ahli akademik, kumpulan pemikir, NGO, perusahaan sosial dan perniagaan perlu diwujudkan untuk merancang dengan sistematik, melaksana dan mempromosi khidmat masyarakat, hukuman tanpa pemenjaraan dan keadilan restoratif.

(v) Penyelarasan bantuan guaman untuk menambah baik akses kepada sistem penyelesaian dan keadilan

Agensi kerajaan dan CSO termasuk Jabatan Bantuan Guaman, YBGK, Majlis Peguam dan Jawatankuasa Peguam Syariah seharusnya bekerjasama dan menyelaras pelbagai program bantuan guaman di peringkat tempatan, negeri dan persekutuan. Ini bagi memastikan bantuan guaman dapat disampaikan secara cekap dan berterusan di Malaysia. Perkara ini penting kerana golongan rentan dan terjejas akibat PKP dan COVID-19 memerlukan akses kepada bantuan undang-undang dan penyelesaiannya.

2. COVID-19: Kebebasan Bersuara dan Mendapatkan Maklumat di Malaysia

Ketika krisis kesihatan berlaku sudah pasti akses kepada maklumat yang tepat dan sahih adalah penting untuk melindungi hak kepada nyawa dan kesihatan merangkumi rawatan, pencegahan dan kawalan penyakit. Setakat ini, KKM sentiasa telus dalam menyampaikan maklumat terkini berkenaan COVID-19 menerusi saluran arus perdana dan media sosial.

WHO turut memberi amaran berkenaan infodemik yang mana penyebaran maklumat yang tidak tepat dan sahih menular dengan lebih cepat berbanding COVID-19, menyebabkan stigma sosial dan diskriminasi terhadap sesetengah golongan masyarakat.⁸³ Malaysia turut menghadapi isu serupa semasa pandemik COVID-19, terutama penularan berita palsu berkenaan ubat penawar dan maklumat bantuan kerajaan.⁸⁴ Bagi menangani isu sebegini, Pasukan Respon Pantas (PRP) di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) ditubuhkan.⁸⁵ Pasukan ini berperanan untuk memberi pengesahan kepada kesahihan berita yang tular. PDRM dan SKMM turut memaklumkan bahawa sehingga bulan November, sebanyak 274 kertas siasatan telah dibuka bagi menyiasat dakwaan berita palsu berkenaan COVID-19.⁸⁶

Dalam usaha untuk membanteras penularan berita palsu, kerajaan perlu memastikan langkah yang diambil tidak bercanggah hak kebebasan bersuara sepertimana yang dijamin dalam Artikel 10 Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan Artikel 19 UDHR. SUHAKAM menekankan, walaupun hak kebebasan bersuara boleh dihadkan namun haruslah berdasarkan peruntukan undang-undang. Ia hanya wajar dan boleh dilakukan untuk mencapai tujuan yang sah sahaja, termasuklah demi kesihatan, ketenteraman dan prinsip moral awam.⁸⁷

⁸³ WHO, UNICEF and IFRC, 'Social Stigma associated with COVID-19: A guide to preventing and addressing social stigma' (24 Feb. 2020), <<https://www.who.int/publications/m/item/a-guide-to-preventing-and-addressing-social-stigma-associated-with-COVID-19>>

⁸⁴ Trinna Leong, 'False information goes viral as Malaysia tackles coronavirus outbreak' (3 Apr. 2020, The Straits Times) <<https://www.straitstimes.com/asia/se-asia/coronavirus-false-information-goes-viral-as-malaysia-tackles-outbreak>>

⁸⁵ Bernama, 'KKMM Quick Response Team takes 30 mins to 3 hours to verify viral news – Suriani' (15 Apr. 2020, Bernama), <<https://www.bernama.com/en/news.php?id=1832402>>; <<https://www.kkmm.gov.my/index.php/en/public/latest-news/16862-bernama-15-april-2020-kkmm-quick-response-team-takes-30-mins-to-3-hours-to-verify-viral-news-suriani>>

⁸⁶ Mohd Nasaruddin Parzi dan Fahmy A Rosli, '274 kes berita palsu berkaitan COVID-19 disiasat' (10 Nov. 2020, Berita Harian Online) <<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/11/752654/274-kes-berita-palsu-berkaitan-COVID-19-disiasat>>

⁸⁷ Sivarasa Rasiiah Iwn Badan Peguam Malaysia [2010] 2 MLJ 333, 343-344; Human Rights Council Res. 26/13, "The Promotion, Protection and Enjoyment of Human Rights on the Internet" (14 July 2014); Human Rights Council Res. 32/13, "The Promotion, Protection and Enjoyment of Human Rights on the Internet" (27 June

Dalam konteks pandemik COVID-19 dan kebebasan untuk bersuara serta mendapatkan maklumat di Malaysia, SUHAKAM membuat pemerhatian seperti berikut:

- i. Akses kepada maklumat KKM mengenai COVID-19 masih sukar untuk sampai kepada sesetengah golongan rentan kerana kekangan bahasa dan capaian yang terhad kepada media elektronik dan internet.
- ii. Sebelum COVID-19 melanda negara, hak bersuara dan mendapatkan maklumat seringkali melalui proses penapisan dan sekatan jenayah. Ia selaras dengan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia (AKM) 998 (Akta 588) dan Seksyen 505(b) Kanun Keseksaan. Namun begitu, Seksyen 233 sedang dalam penelitian perundangan kerana ia meletakkan ucapan dalam talian yang bertujuan sekadar untuk 'menyakitkan hati' sebagai satu jenayah.⁸⁸ Peruntukan ini pula sering disasarkan kepada pejuang hak asasi manusia. Seksyen 505 (b) pula mengkategorikan kenyataan, laporan atau khabar angin sama ada dengan niat atau dengan sengaja menimbulkan ketakutan serta mengganggu-gugat 'ketenteraman awam', sebagai satu jenayah. Di bawah peruntukan ini, niat untuk menyampaikan kebenaran menjadi tidak relevan. Biarpun apa yang dilaporkan itu tepat dan benar, ia menjadi satu kesalahan andai ia mengganggu-gugat 'ketenteraman awam'.⁸⁹
- iii. Penapisan dan sekatan jenayah turut menambah pertimbangan kerajaan kebimbangan kalangan pengamal media, wartawan dan orang awam yang mahu mendapatkan maklumat penting berkenaan COVID-19 secara berterusan.
- iv. Sebahagian maklumat berkenaan dengan pandemik COVID-19 adalah tergolong sebagai maklumat sulit dan dilindungi dibawah Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88). Oleh itu orang ramai sebagai pembayar cukai dan pemegang taruh tidak mempunyai akses untuk mendapatkan maklumat yang telus tentang COVID-19.

Oleh itu SUHAKAM menggariskan perkara berikut sebagai **syor** untuk pertimbangan Kerajaan Malaysia:

2016); General Assembly Res. 68/167, "The Right to Privacy in a Digital Age" (18 December 2013); Datuk Seri Anwar bin Ibrahim v Utusan Melayu (M) Bhd & Anor [2013] 3 MLJ 534, para 86; UN Secretary-General, COVID-19 and Human Rights: We are all in this together (Policy Brief, April 2020), 13-14 <https://www.un.org/sites/un2.un.org/files/un_policy_brief_on_human_rights_and_COVID_23_april_2020.pdf

⁸⁸ ARTICLE19 Malaysia, "The Communications and Multimedia Act 1998: Legal Analysis" (February 2017) <<https://www.article19.org/data/files/medialibrary/38689/Malaysia-analysis-Final-December.pdf>>; Mohd Fahmi Reza Mohd Zarin v PP [2019] 1 LNS 120; Mohd Fahmi Reza Mohd Zarin v PP [2017] 1 LNS 683

⁸⁹ Kanun Keseksaan, s.505(b)

i. Kepimpinan melalui teladan

Pemimpin politik dan mempengaruhi media sosial hendaklah menahan diri daripada terlibat dalam kempen penyebaran maklumat palsu dan salah, stereotaip gender, menyebarkan mesej tidak bertoleransi dan kebencian kepada sesuatu kaum/agama, termasuklah migran dan pelarian.

ii. Memudahkan akses kepada maklumat sahih berkenaan COVID-19

Kerajaan seharusnya melibatkan mempengaruhi media sosial dan ketua masyarakat dalam usaha memudahkan orang ramai mendapatkan maklumat yang jelas, telus dan dipercayai mengenai COVID-19. Maklumat ini penting kepada golongan rentan seperti OKU, orang asli/asal, masyarakat di kawasan luar bandar, pekerja migran dan pelarian. Maklumat perlulah memenuhi keperluan khusus setiap golongan termasuklah penggunaan bahasa ibunda, capaian kepada internet dan tahap kecekapan.

iii. Mengembalikan keseimbangan menerusi pembaharuan perundangan

Undang-undang yang menghalang kebebasan bersuara dan media perlu diperbaharui misalnya kerajaan perlu meminda Akta Komunikasi dan Multimedia (1998) dan memansuhkan Akta Hasutan 1948 (Akta 15). Ini bertujuan supaya undang-undang sedia ada berkaitan hak bersuara mempunyai satu definisi yang jelas dan wajar. Sekatan boleh dibuat dalam situasi yang terhad dan luar biasa hanya serta tujuan yang sah.

iv. Mengguna pakai perundangan kebebasan kepada maklumat dalam Undang-Undang Persekutuan

Kerajaan disarankan untuk mengguna pakai undang-undang kebebasan maklumat di peringkat persekutuan sepertimana yang diamalkan di Pulau Pinang dan Selangor bagi memudahkan akses kepada maklumat awam di Malaysia. Oleh itu, Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) dan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) perlu dipinda serta mengembalikan Akta Berita Palsu 2018 (Akta 803) yang dimansuhkan.

v. Pengaruh perniagaan dan hak asasi manusia

Berikutan perkembangan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (NAPBHR), kerajaan disarankan untuk bekerjasama dengan syarikat media sosial peribadi dan industri teknologi untuk mempromosi celik digital dan media. Kerjasama ini dapat membantu menyampaikan maklumat yang sahih berkenaan COVID-19 dan memerangi penulatan ucapan kebencian serta maklumat yang tidak sahih (contohnya melalui penyelarasan dan pengawal seliaan

kendiri isi kandungan). Seterusnya, syarikat swasta ini harus bekerjasama dengan kerajaan untuk menghormati hak asasi sesuai Prinsip Panduan PBB mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (UNGP).

3. COVID-19 dan Hak Wanita di Malaysia

Malaysia menjadi Negara Pihak Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) sejak 25 tahun yang lalu sebagai komitmen untuk menghapuskan diskriminasi, keganasan, amalan yang memudaratkan wanita dan kanak-kanak perempuan. Dengan penyertaan ini, Artikel 8(2) Perlembagaan Persekutuan telah dipinda bagi melarang sebarang jenis diskriminasi berasaskan gender. Berdasarkan Agenda 5 SDG, Malaysia beriltizam untuk mencapai kesaksamaan gender serta memperkasakan wanita dan kanak-kanak perempuan dalam sektor ekonomi, budaya, sivil dan politik. Malaysia turut mencapai kemajuan dalam bidang pendidikan dan penyertaan tenaga kerja walaupun masih terdapat kelompangan dalam melindungi hak asasi wanita, selain gagal mengatasi diskriminasi sistemik berasaskan gender yang masih wujud. Tindak balas terhadap COVID-19 seperti PKP memburukkan lagi isu perlindungan terhadap wanita dan Malaysia berhadapan risiko kemerosotan kesaksamaan gender.

Berdasarkan pemantauan SUHAKAM dan sesi rundingan bersama pemegang taruh, berikut merupakan **isu yang memberi kesan kepada hak wanita sewaktu PKP**:

- (i) Pelaksanaan PKP dilihat sebagai tidak sensitif gender contohnya penutupan klinik awam yang menyediakan perkhidmatan kesihatan seksual dan reproduktif yang murah, penutupan pusat penjagaan kanak-kanak dan dasar imigresen terhadap suami bukan warganegara, anak kepada wanita warganegara Malaysia, isteri yang bukan warganegara dan ibu kepada warganegara Malaysia.
- (ii) Keganasan rumah tangga meningkat secara mendadak sejak pelaksanaan PKP⁹⁰ tetapi bilangan rumah perlindungan mangsa keganasan rumah tangga adalah terhad.⁹¹ Tambahan pula, bidang kehakiman dan perundangan bukan merupakan senarai perkhidmatan perlu yang boleh beroperasi ketika PKP dan ini menlindas golongan wanita mendapatkan keadilan.

⁹⁰ Kanun Keseksaan, Pengecualian s.375

⁹¹ SUHAKAM, Siri Ringkasan Dasar Impak COVID-19 terhadap Hak Asasi Manusia No.3/2020 - COVID-19 dan Wanita (Julai 2020)

- (iii) Penutupan semua klinik LPPKN sewaktu PKP menghadkan wanita untuk mendapatkan kemudahan perkhidmatan kesihatan seksual dan reproduktif dengan kos yang berpatutan. Keadaan ini meningkatkan kebimbangan kehamilan tidak dirancang dan pengguguran janin/bayi secara tidak sah sewaktu tempoh PKP.
- (iv) Beban kerja rumahtangga kebanyakannya digalas oleh wanita meningkat lebih-lebih semasa PKP. Selain itu, apabila perkhidmatan kesihatan kerajaan memberi keutamaan untuk menangani COVID-19, ini bermakna, tugas wanita yang menjaga orang tua, pasangan yang sakit dan OKU di rumah semakin bertambah.⁹² Beban tanggungjawab ini memberi kesan kepada kesihatan fizikal dan mental wanita.

Berikut merupakan **syor** bagi mengatasi isu yang dibangkitkan:

(i) Meningkatkan perwakilan dan kepekaan gender dalam proses membuat dasar dan perkhidmatan awam.

Kesan tidak seimbang hasil ketidakpekaan gender susulan COVID-19 dalam hak sivil, awam dan sosioekonomi wanita di Malaysia menyerlahkan kepentingan perwakilan wanita dalam proses membuat dasar awam dan pentingnya penegasan kepekaan gender. Buat masa ini, KPWKM bukan anggota tetap MKN dan tiada seorang pun wakil wanita yang diberi tanggungjawab untuk menguruskan langkah-langkah menangani COVID-19.⁹³

(ii) Merapatkan jurang data gender dan digital.

Teknologi data raya harus dimanfaatkan untuk meningkatkan keberkesanan dalam pembangunan dasar dan program yang disasarkan untuk memperkasakan wanita serta meningkatkan kesaksamaan gender. Data sosioekonomi seharusnya dasingkan mengikut jantina dan boleh dicapai secara meluas, tanpa halangan daripada segi bahasa, kurang upaya, geografi, kelas dan umur. Masyarakat sivil termasuk universiti dan kumpulan pemikir, serta pihak media dan industri teknologi memainkan peranan penting dan perlu digalakkan untuk membantu kerajaan dalam perkara ini.

⁹² CodeBlue, "Malaysian Patients in Pain, But Can't Get Care Amid COVID-19" (7 April 2020) <<https://bit.ly/38jRLu>>; Soo Wern Jun, "Service and Untold Sacrifices: Women on the COVID-19 Frontline in Malaysia" (Malay Mail, 13 April 2020) <https://bit.ly/2VzH1zW>

⁹³ Akta Majlis Keselamatan Negara 2016, s.6; Rafidah Mat Ruzki dan Ahmad Suhael Adnan, 'COVID-19: Majlis Keselamatan Negara ambil alih pengurusan' (16 Mac 2020, Berita Harian Online) <<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/665908/COVID-19-majlis-keselamatan-negara-ambil-alih-pengurusan>>

(iii) Mengguna pakai 'Polisi Toleransi Sifar terhadap Keganasan Berasaskan Gender'.

Seboleh-bolehnya kerajaan, ahli politik dan individu yang berpengaruh serta pesanan khidmat masyarakat perlu mengelak daripada amalan seksisme dan stereotaip gender terhadap wanita dan lelaki, termasuklah ketika berada dalam ruang peribadi. Pekerja sektor awam dan swasta tanpa mengambil kira faktor saiz, kapasiti dan aktiviti asas organisasi seharusnya mengguna pakai dan melaksanakan polisi toleransi sifar serta mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk menghapus dan mencegah keganasan berasaskan gender serta gangguan di tempat awam sama ada secara dalam talian atau tidak. Ia perlulah tanpa mengambil kira faktor identiti seperti kewarganegaraan, bangsa, etnik, agama, umur dan keupayaan diri.

(iv) Pekerjaan tidak bergaji adalah pekerjaan yang berharga.

Majikan sektor awam dan swasta seharusnya meneruskan pelaksanaan waktu kerja fleksibel dan menyediakan kemudahan pusat jagaan kanak-kanak supaya dapat membantu ibu bapa yang bekerja, selain mengiktiraf tugas penjagaan/asuhan tanpa bayaran yang dilakukan. Masyarakat sivil, NGO, perusahaan sosial dan media boleh menyumbang kepada peningkatan kesedaran awam menerusi inisiatif meningkatkan nilai pekerja tidak bergaji.

(v) Memanfaatkan NAPBHR

Selaras dengan pembangunan NAPBHR di Malaysia, badan kerajaan sewajarnya bekerjasama dengan media dan syarikat dalam industri teknologi di Malaysia untuk mengatasi masalah seksisme dan stereotaip gender. Amat penting juga untuk merapatkan jurang digital dan data gender serta meningkatkan akses maklumat kepada golongan wanita rentan.

Sejajar dengan UNGP, syarikat dan perniagaan di semua sektor perlu membantu ke arah mencapai kesaksamaan gender di Malaysia dengan menghapuskan polisi dan amalan bersifat mendiskriminasi, menangani isu keganasan dan gangguan berasaskan gender, mempromosikan perkongsian tanggungjawab pengasuhan dan penjagaan melibatkan kakitangan, kontraktor dan pelanggan sesebuah organisasi.

D. RANG UNDANG-UNDANG (RUU) LANGKAH-LANGKAH SEMENTARA BAGI MENGURANGKAN KESAN PENYAKIT KORONAVIRUS 2019 (COVID-19) 2020

Selain ringkasan dasar, SUHAKAM turut mengemukakan input kepada kerajaan untuk mempertimbangkan RUU Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020. **Input SUHAKAM mengambil kira rundingan bersama pemegang taruh pada bulan April serta penelitian SUHAKAM dalam pelbagai undang-undang sedia ada yang relevan untuk melindungi hak asasi manusia semasa COVID-19 dan PKP. Berikut merupakan input yang dikemukakan:**

- i. Senarai perkhidmatan perlu yang dibenarkan beroperasi ketika PKP termasuklah bidang kehakiman, perundangan, perlindungan hak asasi manusia dan pusat jagaan kanak-kanak.
- ii. Skop pengecualian rentas daerah/negeri sewaktu tempoh PKP untuk kawalan penyakit perlu dilanjutkan kepada ibu bapa yang berkongsi hak penjagaan anak-anak.
- iii. RUU ini sepatutnya menyatakan dengan jelas mengenai penguatkuasaan undang-undang berkaitan kanak-kanak sepanjang PKP sama ada Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) masih terpakai.
- iv. Memansuhkan hukuman penjara untuk kesalahan Peraturan 11 di bawah Peraturan PKP, menetapkan hukuman denda dan khidmat masyarakat supaya dapat mengurangkan kesesakan di lokap, penjara dan tempat tahanan selain mengurangkan penggunaan sumber kerajaan.
- v. Memansuhkan kesalahan jenayah yang melibatkan pelanggaran PKP dan undang-undang lain yang berkaitan kerana ia mungkin mewujudkan stigma dan diskriminasi kepada individu yang mempunyai rekod jenayah pada masa hadapan.
- vi. Memansuhkan atau sekurang-kurangnya menangguhkan penguatkuasaan Akta Orang Papa 1977 (Akta 183) kerana Akta ini akan mengkategorikan gelandangan sebagai kesalahan jenayah sewaktu tempoh PKP.
- vii. Memansuhkan kesalahan cubaan membunuh diri dan mengukuhkan akses kepada perkhidmatan kesihatan mental melalui Akta Kesihatan Mental 2001 (Akta 615) dengan mengambil kira peningkatan kes kemurungan dan kecenderungan untuk membunuh diri ketika PKP.
- viii. Menangguhkan penguatkuasaan seksyen 5 di bawah Akta Distres 1951 (Akta 255) dan seksyen 7 di bawah Akta Relief Spesifik 1950 (Akta 137). Tindakan ini mengurangkan risiko individu dan perniagaan yang

mungkin kehilangan tempat tinggal atau perniagaan seterusnya mempercepatkan bacaan dan penguatkuasaan Akta Sewaan Kediaman.

- ix. Meluaskan takrifan dan skop perlindungan pekerja di bawah Akta Kerja 1955 (Akta 265) dengan memasukkan pekerja di sektor tidak rasmi dan sektor persembahan (gig) yang tidak mempunyai pendapatan tetap dan bergantung kepada pendapatan harian dan bekerja sendiri.
- x. Moratorium ke atas pelaksanaan seksyen 14(1)(a) Akta Kerja 1955 berkenaan pemberhentian kerja untuk tempoh sekurang-kurangnya setahun daripada tarikh PKP.
- xi. Membenarkan kanak-kanak yang bekerja untuk menjadi ahli kesatuan sekerja selaras dengan Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 (Akta 350). RUU ini seharusnya melindungi kanak-kanak yang bekerja daripada aspek penamatan, pembayaran gaji dan eksploitasi di tempat kerja.
- xii. Moratorium untuk penguatkuasaan seksyen 5 dibawah Akta Fi (Perubatan) 1951 (Akta 209) yang membenarkan pegawai perubatan untuk menafikan pemberian perkhidmatan kesihatan kepada individu yang tidak mampu untuk membayar caj perkhidmatan kesihatan di hospital, klinik dan pusat kesihatan awam.
- xiii. Membatalkan pengecualian seksyen 375 di bawah Kanun Keseksaan (Akta 574) berkenaan rogol dalam perkahwinan dan meminda seksyen 2 Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521) untuk meluaskan definisi keganasan rumah tangga dengan mengambil kira keganasan antara pasangan intim.
- xiv. Moratorium dengan pandangan untuk memperbaharui undang-undang berkaitan imigresen terhadap pelarian dan pencari suaka khususnya seksyen 8 Akta Imigresen 1959/1963 (Akta 155).
- xv. Pengecualian kanak-kanak migran tanpa dokumen daripada penguatkuasaan di bawah seksyen 15(4), Akta Imigresen 1959/1963 serta pelaksanaan alternatif kepada penahanan kanak-kanak.

HARAPAN MASA HADAPAN

Tidak dapat dinafikan, pandemik COVID-19 telah mengancam hak kepada nyawa dan kesihatan serta menjejaskan lagi kehidupan golongan rentan. Perjuangan menghadapi krisis kesihatan global seharusnya berasaskan solidariti dan kerjasama dengan berpandukan hak asasi manusia manakala pendekatan yang memecah-belah, autoritarianisme dan sikap pentingkan diri terutama dalam isu perolehan vaksin boleh menyebabkan usaha berhadapan krisis ini tidak produktif.

SUHAKAM menyokong komitmen kerajaan dalam memastikan bahawa tiada siapa pun ketinggalan seterusnya pendekatan menyeluruh jentera kerajaan dan masyarakat berganding bahu dalam tempoh pemulihan yang panjang ini.⁹⁴ SUHAKAM akan terus menasihati kerajaan dengan mengetengahkan realiti kehidupan masyarakat di peringkat akar umbi pada masa yang sama menarik perhatian semua pihak berkenaan kelompangan sedia ada seterusnya memberikan syor untuk perkembangan dasar baharu. Penambahbaikan undang-undang dan dasar sedia ada juga penting bagi memastikan elemen hak asasi manusia sentiasa dititikberatkan selari dengan Perlembagaan Persekutuan, undang-undang antarabangsa, komitmen kerajaan dalam SDG dan mekanisme hak asasi manusia antarabangsa. Justeru Pelan Strategik SUHAKAM 2021-2025 telah mengenal pasti bahawa 'memajukan hak ekonomi, sosial dan budaya golongan rentan di Malaysia' sebagai salah satu teras utama yang secara khusus mengetengahkan impak COVID-19 dan PKP kepada masyarakat, terutamanya golongan rentan. Selain itu, isu perkauman, diskriminasi kaum dan xenofobia di Malaysia juga merupakan aspek penting yang diberi perhatian dalam pelan strategik ini.

⁹⁴ Ibid. (n.33); Tan Sri Noor Hisham Abdullah (@DGHisham) "Our whole government and whole community approach should work together to fight the virus" (24 May 2020) <<https://twitter.com/DGHisham/status/1264541424717983744>> di akses 17 Jan 2021



BAB 6

BIDANG TEMATIK



6.1 ORANG ASLI / ASAL

LATARBELAKANG

Orang asli/asal mempunyai hubungan kerohanian dan kebendaan yang jelas dengan tanah adat mereka yang merupakan sebahagian daripada identiti. Pengiktirafan dan peningkatan perlindungan hak orang asli/asal terhadap tanah adat serta sumber alam adalah penting demi kemajuan dan kelangsungan budaya. Sungguhpun demikian, masyarakat arang asli/Asal terus terkesan dengan pembangunan dan pemuliharaan arus perdana serta sering dinafikan hak kepada tanah dan sumber asas.

Pada tahun ini sebanyak 17 aduan diterima dengan sembilan aduan di Semenanjung Malaysia, tujuh di Sabah dan satu aduan di Sarawak. Hak terhadap tanah masih mendahului kategori aduan.

6.1.1 ISU ORANG ASLI DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Majoriti aduan adalah melibatkan infrastruktur, keperluan asas dan pembinaan empangan. Selain daripada menangani aduan, SUHAKAM turut meneruskan libat urus bersama Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

i. MESYUARAT BERSAMA KETUA PENGARAH JAKOA

Pada 15 Januari, SUHAKAM telah bertemu Ketua Pengarah JAKOA untuk membincangkan mengenai beberapa perkara iaitu kemajuan dan perkembangan masyarakat orang asli, Laporan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asli/Asal (NI) dan isu yang melibatkan Jabatan Perhutanan dan Jabatan Perlindungan Haiwan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (PERHILITAN). Selain itu, SUHAKAM turut membincangkan isu orang asli di Kuala Koh, Kelantan serta aduan lain yang diterima.

⁹⁵ Pada Jun 2019, sejumlah 14 orang asli suku kaum Bateq dilaporkan meninggal dunia tanpa diketahui punca kematian. Walau bagaimanapun, KKM mengesahkan, kematian disebabkan demam campak. Rujuk Laporan Tahunan SUHAKAM 2019 hlm. 144-146.

SUHAKAM dimaklumkan bahawa pelaksanaan syor NI telah diletakkan di bawah bidang kuasa BHEUU dan ketika ini BHEUU sedang dalam proses menyediakan kertas kerja untuk mendapatkan peruntukan kewangan bagi menjalankan kajian berkenaan tanah adat orang asli di Malaysia.

Berdasarkan kepada aduan yang diterima, SUHAKAM memaklumkan bahawa Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) telah memberikan kesan yang besar kepada masyarakat orang asli yang bergantung kepada hasil hutan dan kegiatan berburu. Keperluan dan syarat yang dikenakan oleh Akta tersebut menyukarkan masyarakat orang asli untuk mengutip hasil hutan atau memburu haiwan yang menjadi sumber utama kehidupan. Menurut JAKOA, PERHILITAN akan memberikan penjelasan lanjut mengenai isu ini selepas perbincangan kedua-dua pihak.

Mengenai isu berkaitan masyarakat orang asli di Kuala Koh, JAKOA memaklumkan bahawa sumber air di penempatan tersebut telah tercemar akibat kegiatan perlombongan di kawasan berdekatan sehingga sumber air menjadi kotor dan tidak selamat untuk digunakan. JAKOA kemudiannya telah meminta agar sumber air bersih disalurkan. Oleh sebab penempatan di sekitar Kuala Koh dikelilingi ladang sawit milik FGV Holdings Sdn. Bhd., JAKOA telah mengadakan perbincangan dengan syarikat berkenaan dan mencadangkan supaya masyarakat orang asli di kawasan tersebut dibenarkan menyertai skim perladangan kelapa sawit. Walau bagaimanapun, FGV Holdings Sdn. Bhd. menolak cadangan ini.

JAKOA turut mencadangkan supaya jawatankuasa bersama SUHAKAM diwujudkan untuk membantu melicinkan lagi proses pengurusan aduan.

ii. **TINDAKAN SUSULAN INKUIRI NASIONAL MENGENAI HAK TANAH ORANG ASLI/ASAL (NI)**

Pada 14 Oktober, SUHAKAM dijemput untuk menghadiri 'Mesyuarat Penyelarasan Status Terkini Pelaksanaan Enam Rumusan Tindakan dan Hala Tuju Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Hak Tanah Orang Asli/Asal (JKKHTOA)' untuk berbincang dan mengemaskini enam syor terbaharu yang dirumuskan JKKHTOA.

Mesyuarat yang dianjurkan oleh BHEUU ini memaklumkan bahawa proses penyelarasan, pemantauan dan pelaksanaan syor JKKHTOA adalah dibawah tanggungjawab BHEUU. SUHAKAM mengalu-alukan penglibatan BHEUU dalam melaksanakan syor tersebut, namun bimbang dengan proses pelaksanaan syor NI yang perlahan oleh agensi yang terlibat. SUHAKAM menekankan kepentingan pelaksanaan syor yang berkesan memandangkan masalah yang dihadapi masyarakat ini telah berlarutan terlalu lama.

Berikut adalah perkembangan dan pemerhatian ketika mesyuarat tersebut:

- a. Agensi berkaitan termasuklah Kerajaan Negeri diminta untuk melaporkan status pewartaan/rizab di bawah seksyen 6 dan 7 Akta orang asli 1954 (Akta 134) secara berkala. Sehingga 12 Oktober, seluas 30,474.22 hektar tanah telah dirizabkan. Ini termasuklah 19,222.81 hektar tanah yang merangkumi sebanyak 117 kampung orang asli di bawah seksyen 7 dan 8,425.08 hektar tanah dengan 29 kampung orang asli di bawah seksyen 6 serta 2,821.33 hektar tanah merangkumi 26 kampung orang asli di bawah seksyen 6 dan 7. SUHAKAM memuji penambahbaikan dalam pewartaan tanah terutamanya di Perak walaupun begitu agensi yang berkaitan seperti Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia harus diperkasakan agar dapat melakukan pemetaan dengan lebih berkesan lagi.
- b. Berkenaan penglibatan orang asli dalam agenda pembangunan negara/negeri, agensi (termasuklah Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak) memberikan jaminan bahawa penglibatan masyarakat orang asli telah dijalankan. JAKOA dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sedang membangunkan garis panduan mengenai penglibatan orang asli dalam agenda pembangunan. Penglibatan orang asli dalam pembangunan adalah penting terutama sekali dalam pembangunan yang akan menjejaskan kehidupan masyarakat ini. Pembangunan pula haruslah berdasarkan garis panduan Deklarasi Mengenai Hak Orang Asli/Asal (UNDRIP) serta prinsip izin berasaskan makluman awal, bebas dan telus (FPIC).
- c. Berkenaan aspek penambahbaikan JAKOA pula, SUHAKAM mengesyorkan (syor NI ke-14) supaya satu penilaian bebas dan komprehensif dijalankan untuk mengukuhkan peranan

dan fungsinya supaya terus menjadi institusi yang dapat menyelesaikan isu melibatkan orang asli. Hal ini turut melibatkan perjawatan dan pentadbiran JAKOA. Sehingga 28 Julai, hanya 160 perjawatan atau 17 peratus daripada 966 jawatan di JAKOA diisi oleh orang asli. Sementara itu, sebanyak 90 peratus orang asli yang diambil bekerja oleh JAKOA (secara kontrak) hanya bekerja sebagai pembantu am di tadika orang asli.

- d. Selain itu, Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) memaklumkan bahawa pada tahun 2020, tiga sesi latihan mengenai pentadbiran tanah orang asli telah dijalankan melibatkan 69 orang peserta. SUHAKAM memaklumkan latihan ini tidak sepatutnya terhad kepada asas teknikal dan pentadbiran sahaja tetapi seharusnya memfokuskan kepada UNDRIP dan kefahaman undang-undang mengenai hak orang asli.
- e. BHEUU turut memaklumkan terdapat beberapa perbincangan diadakan bersama Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan JAKOA berkenaan kajian konsep tanah orang asli.
- f. BHEUU akan mengadakan perbincangan bersama Jabatan Bantuan Guaman, Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) dan Jabatan Peguam Negara (AGC) untuk membantu orang asli dalam isu yang melibatkan tanah adat.

BHEUU juga turut meningkatkan inisiatifnya dengan mengadakan mesyuarat 'Penyediaan Kajian Sosial dan Definisi Tanah Pegangan Adat Orang Asli' pada 10 November bagi mendapatkan pandangan daripada pemegang taruh dan pakar mengenai skop, mekanisme, garis masa dan perkara berkaitan kajian konsep serta definisi Tanah Pegangan Adat Orang Asli.

iii. ADUAN

Isu Orang Asli di Perak

SUHAKAM meneruskan siasatan aduan yang diterima berkaitan:

- a. pencerobohan tanah untuk pembalakan, perlombongan dan kegiatan pertanian tanpa FPIC seperti yang dinyatakan dalam UNDRIP;

- b. kekurangan infrastruktur asas seperti bekalan elektrik dan air bersih; dan
- c. kekurangan infrastruktur dan pembangunan seperti jalan yang berturap dan perumahan kos rendah.

Mesyuarat bersama Pengarah JAKOA Perak dan Kedah telah diadakan pada 6 Julai. SUHAKAM mendapat kerjasama serta maklum balas yang baik berkenaan aduan dan masalah yang dihadapi masyarakat orang asli di Perak. Semasa perbincangan, JAKOA turut membangkitkan beberapa masalah dan cabaran yang dihadapi seperti:

- a. Kekurangan infrastruktur dan keperluan asas disebabkan oleh peruntukan kewangan yang tidak mencukupi;
- b. Tanah yang dituntut masyarakat orang asli didapati bertindih dengan tanah di bawah bidang kuasa Jabatan Perhutanan. Oleh itu, JAKOA tidak dapat mewartakan tanah yang dituntut;
- c. Kelulusan lesen membalak, melombong dan pemilikan tanah individu berada di bawah bidang kuasa kerajaan negeri; dan
- d. Kebimbangan mengenai gangguan gajah yang ditangkap dari kawasan lain dan dilepaskan di hutan Gerik boleh membahayakan masyarakat tempatan dan merosakkan tanaman.

JAKOA Perak turut menjemput SUHAKAM untuk melawat penempatan orang asli bagi melihat dengan lebih dekat lagi masalah yang dihadapi. SUHAKAM juga turut memohon supaya satu mesyuarat diadakan bersama Kerajaan Negeri Perak untuk membincangkan isu berkaitan namun masih belum menerima sebarang maklum balas.

Isu Orang Asli di Kelantan

Pembinaan Empangan Nenggiri

Pada 9 Januari, SUHAKAM menerima aduan daripada Jaringan Orang Asli Kelantan yang membantah pembinaan empangan di Sungai Nenggiri. Empangan tersebut merupakan projek Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang diluluskan Kerajaan Negeri Kelantan. Alasan bantah projek tersebut adalah seperti berikut:

- a. Kegagalan pihak berkuasa mematuhi prinsip FPIC;
- b. Maklumat yang diberikan kepada masyarakat orang asli tidak tepat;

- c. Penerangan yang kabur mengenai kesan empangan tersebut seperti kehilangan tempat yang penting dan bukti pegangan tanah adat;
- d. Hasil Laporan Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (EIA) tidak dibentangkan kepada masyarakat orang asli yang terlibat; dan
- e. Fakta daripada kajian Pakar Runding UKM tidak tepat kerana hanya tiga penempatan orang asli sahaja yang bersetuju dengan projek tersebut.

Oleh itu, Jaringan Orang Asli Kelantan memohon SUHAKAM untuk menyiasat perkara ini dan mengaturkan perbincangan dengan TNB.

Empangan Nenggiri pertama kali mendapat perhatian SUHAKAM pada tahun 2017. SUHAKAM telah memulakan siasatan dan mendapatkan maklum balas daripada JAKOA, Pakar Runding UKM, TNB dan Kerajaan Negeri Kelantan.

Pada tahun ini, SUHAKAM telah bertemu Ketua Pengarah JAKOA pada 15 Januari dan TNB pada 10 Februari sebaik sahaja menerima aduan. Menurut Ketua Pengarah JAKOA, pampasan berupa 0.5 ekar tanah untuk perumahan, dua ekar tanah pertanian dan 5.5 ekar tanah untuk tanaman getah yang diberikan kepada orang asli sebagai tidak memadai dan tidak memberi manfaat kepada masyarakat orang asli. Oleh itu, JAKOA tidak menggalakkan projek sedemikian.

Di samping itu, TNB bersikap terbuka untuk berbincang dan memahami keperluan serta bersetuju untuk bertemu dengan masyarakat orang asli manakala SUHAKAM pula memainkan peranan sebagai orang tengah. Oleh itu, pembinaan empangan telah ditangguhkan buat sementara waktu manakala dialog antara masyarakat orang asli dan TNB pula terpaksa ditunda berikutan pandemik COVID-19.

Isu Orang Asli di Pahang

Aduan daripada masyarakat orang asli merangkumi isu tanah hinggalah melibatkan kemudahan asas. SUHAKAM merancang untuk bertemu Kerajaan Negeri dan JAKOA Pahang untuk membincangkan penyelesaian namun perbincangan ini ditangguhkan kerana pandemik COVID-19.

SUHAKAM menerima maklum balas daripada Pejabat JAKOA Daerah Rompin berkenaan permohonan bekalan air dan elektrik di Kampung Gayong Kedaik Lama di Rompin. Menurut JAKOA, penempatan orang asli yang dihuni 24 orang penduduk dari sub etnik Jakun itu terletak kira-kira 0.5 kilometer dari paip air utama dan 1.5 km dari stesen penjana elektrik kecil. Permohonan telah dibawa ke perhatian pihak berkuasa pada tahun 2015, namun ia masih belum ditangani kerana kekurangan dana.

Berkenaan hak terhadap tanah, Kampung Gayong Kedaik Lama tidak diiktiraf sebagai sebuah penempatan orang asli. Begitu juga penduduk kampung yang mendiami lebih kurang 26.62 hektar tanah Kerajaan Negeri itu. Pejabat JAKOA Daerah Rompin mengesyorkan supaya masyarakat orang asli melakukan kerja ukur tanah terlebih dahulu kerana berpandangan orang asli lebih tahu sempadan penempatan untuk diserahkan kepada JAKOA yang akan melantik juruukur bertauliah bagi menjalankan kerja ukur tanah secara rasmi.

iv. SYOR

- a. Kerajaan Persekutuan dan Negeri perlu menyegerakan pelaksanaan syor NI terutamanya yang berkaitan pengiktirafan tanah adat orang asli.
- b. Semua agensi harus mematuhi prinsip FPIC dan orang asli perlu dilibatkan dalam rundingan serta diberikan maklumat yang tepat berhubung sebarang program pembangunan.
- c. Kerajaan perlu memperuntukkan dana yang mencukupi kepada JAKOA dan agensi berkaitan yang menyediakan keperluan asas kepada orang asli terutamanya bekalan air bersih, elektrik dan jalan berturap. Pertambahan peruntukan adalah penting untuk melancarkan kerja mengukur tanah sebelum sesuatu penempatan orang asli itu diiktiraf sebagai tanah adat.

6.1.2 ORANG ASAL DI SABAH

Orang asal di Sabah mempunyai hak khas dan keistimewaan di bawah Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan. Perkara 161(A) membenarkan undang-undang Negeri Sabah dan Sarawak menyediakan tanah rizab untuk orang asal atau memberikan layanan istimewa yang membabitkan peruntukan tanah oleh negeri.

a) Tanah Adat Anak Negeri di Sabah

Berdasarkan aduan yang diterima Pejabat Sabah jelas menunjukkan isu tanah melibatkan orang asal masih lagi serius. Isu utama adalah:

- i. Jabatan Tanah dan Ukur mengambil masa yang lama dalam menjalankan kerja mengukur dan memproses permohonan tanah termasuklah mewartakan tanah rizab orang asal. Permohonan dibuat seawal tahun 1950an, tetapi kebanyakan permohonan adalah dari tahun 70an dan 80an. Ramai menghadapi kesukaran dengan prosedur dan pertanyaan berkenaan tanah.
- ii. Hak Tanah Adat Anak Negeri (NCR) yang dituntut atau dipohon telah diasingkan sebagai Rizab Perhutanan. Orang asal menghadapi ancaman kemusnahan harta benda dan tanaman oleh pegawai penguatkuasa dari Jabatan Perhutanan.
- iii. NCR yang dituntut atau tanah yang dipohon itu telah diberikan kepada pelbagai syarikat termasuklah syarikat dari luar negara. Permohonan tanah pula ditolak tanpa pengetahuan orang asal manakala kelulusan hanya diberikan kepada pemohon terkini telah menimbulkan pertikaian dalam kalangan pelbagai kumpulan masyarakat orang asal atau orang luar.
- iv. Tanah NCR yang dituntut merangkumi tanah yang diberikan kepada syarikat milik kerajaan (GLC) dan agensi kerajaan terutamanya Mini Estet Sejahtera (MESEJ), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA). Dalam beberapa kes, pembukaan tanah untuk perladangan kelapa sawit dilakukan tanpa memberi sebarang pampasan kepada individu yang mempunyai hak milik tanah.
- v. NCR yang dituntut atau dipohon telah diberikan kepada Sabah Forest Industries Sdn. Bhd (SFI). Orang asal telah menduduki/ bertani di situ sejak tahun 1960an lagi tetapi oleh kerana proses permohonan yang lambat menjadikan alasan mudah bagi Kerajaan Negeri memberikan tanah tersebut kepada SFI untuk 'tujuan awam', namun orang asal yang menuntut tidak mendapat sebarang manfaat daripada projek tersebut. Kebanyakan kawasan ini telah diwartakan semula pada tahun 1984 sebagai Hutan Simpanan Kuala Tomani.

- vi. Tanah NCR yang dituntut atau dipohon telah dimasukkan ke kawasan yang diasingkan untuk Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah (SAFODA). Orang asal telah membuat tuntutan untuk mendapatkan kembali tanah tersebut daripada SAFODA.
- vii. NCR yang dituntut masyarakat orang asal telah diambil atau diambil untuk pembinaan empangan (Babagon, Kaiduan dan Tambotuan), takungan dan rawatan air (termasuklah Telibong) serta loji pam air yang menjejaskan sebilangan kampung. Tiada sebarang rundingan dibuat dan permohonan tanah orang asal telah dibekukan atau ditolak oleh Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah.
- viii. NCR yang dituntut atau permohonan tanah oleh masyarakat orang asal telah diasingkan menjadi taman termasuklah kawasan tadahan air kampung.
- ix. Tanah diambil untuk Projek Penanaman Pertanian oleh Koperasi Pembangunan Desa (KPD).
- x. Tanah yang diambil kerajaan atau syarikat untuk pembinaan, perladangan dan projek pembangunan lain tidak diberikan pampasan yang sewajarnya (tidak berdasarkan harga pasaran atau tiada pampasan diberikan untuk tanah yang diambil).

b) Analisis dan Kelompangan Undang-undang

i) Enakmen Hutan 1968

Tiada peruntukan dalam Enakmen Hutan 1968 yang memberi pengiktirafan kepada hak tanah orang asal. Walau bagaimanapun, enakmen ini membenarkan orang asal menggunakan sumber hutan untuk kelangsungan hidup termasuklah manfaat individu dan masyarakat, serta cara hidup tradisional (seksyen 14).

Sebelum perisytiharan Rizab Perhutanan dilakukan, seksyen 8 dan 9 mengkehendaki siasatan dijalankan untuk memastikan 'penduduk tempatan' mengetahui niat perisytiharan Rizab Perhutanan itu dibuat dan menyelesaikan sebarang tuntutan sedia ada. Kedua-dua peruntukan ini mewakili dua kawasan pertikaian masyarakat orang asal terbesar pada ketika ini, terutamanya proses yang perlu

dilakukan semasa 'siasatan' dan penyelesaian tuntutan. Siasatan dan penyelesaian jarang sekali dilakukan mengikut peruntukan sedia ada. Ada yang mendakwa bantahan tidak direkodkan malah ditindas sebagai balasan kepada penentangan.

ii) Enakmen Taman-Taman 1984

Objektif dan fungsi (Jabatan) Taman-Taman Sabah antara lain adalah untuk mengawal, mengurus dan memelihara kawasan yang dilindungi di bawah Enakmen Taman-Taman 1984. Ini termasuklah taman negara dan taman marin. Walau bagaimanapun, seksyen 20 Enakmen Taman-Taman (Pindaan) 2002 memberikan kuasa kepada Lembaga Pemegang Amanah Taman untuk menjalankan biojinjauan dan penanaman pokok termasuklah membangunkan perusahaan komersil dan industri.

Misalnya pertikaian yang berlaku antara petani di Kg. Sayap, Kota Belud yang masih menjalankan kegiatan bercucuk tanam dalam Taman Negara Kinabalu yang diuruskan Taman Negara Sabah. Penduduk kampung mendakwa tanah tersebut telah lama ditinggalkan. Kegiatan tersebut menyalahi Enakmen Taman-Taman Sabah 1984 (Pindaan 1996).

iii) Enakmen Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah (SAFODA), 1981

Enakmen ini boleh mengakibatkan kehilangan tanah NCR yang tidak mempunyai pemilikan. Di bawah seksyen 47, SAFODA dilihat sebagai entiti 'asal' apabila melibatkan undang-undang tanah. Ia boleh ditafsirkan sebagai SAFODA mempunyai keutamaan walaupun orang asal yang menduduki tanah NCR. Selain itu, dalam pertikaian antara orang asal dan SAFODA, tidak ada sebarang mekanisme untuk memaklumkan orang asal bahawa hak milik tanah yang dituntut itu telah diserahkan kepada SAFODA atau memaklumkan alasan kepada keputusan tersebut.

Terdapat satu kes yang diterima oleh Pejabat Sabah melibatkan penduduk yang ditempatkan semula dan diberikan 15 ekar tanah pada tahun 1971. Ini selaras dengan rancangan Kerajaan Negeri yang ingin memujuk pengadu serta suku kaum (Orang Asal Rungus) untuk meninggalkan kehidupan nomad dan membersihkan hutan untuk kegiatan pertanian. Kerajaan Negeri menjalankan kerja

mengukur dan menanda plot tanah dengan batu beberapa tahun selepas penempatan semula.

Walau bagaimanapun, pada penghujung tahun 1970an, pegawai SAFODA bertemu dengan penduduk di tanah tersebut dan menyatakan pihak kerajaan ingin 'meminjam' tanah bagi projek penanaman akasia. Persetujuan diberikan tanpa sebarang dokumentasi rasmi. Atas dasar kepercayaan kepada wakil kerajaan persetujuan diberikan selain turut dimaklumkan bahawa penduduk masih boleh meneruskan penanaman padi dan tanaman lain. Malang sekali kerana penduduk kampung tidak mengetahui bahawa SAFODA telah diberikan tanggungjawab untuk projek penempatan semula yang bukan sahaja melibatkan kampung tersebut malahan di seluruh Bengkoka. Tanah tersebut telah menjadi sebahagian daripada projek penanaman semula hutan dan penempatan semula milik SAFODA. Menurut laman sesawang SAFODA, projek ini telah bermula sejak awal tahun 1979 yang merupakan satu-satunya projek kebun berskala besar untuk tujuan komersil.

iv) Enakmen Lembaga Industri Getah Sabah, 1981

Seksyen 40 Enakmen ini telah digunakan untuk mendapatkan tanah bagi Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS). Tanah yang telah diambil didakwa sebagai tanah NCR namun ia telah diasingkan untuk Lembaga Tabung Getah Sabah dan dipindahkan kepada LIGS.

SYOR

Transformasi Dalaman

- i. Prosedur pengiktirafan tanah NCR haruslah mempunyai penglibatan berkesan orang asal yang efektif dalam setiap proses. Wanita orang asal perlu dilibatkan dalam segala aspek rundingan dan pelaksanaan perjanjian melibatkan tanah.
- ii. Penempatan semula perlu dirunding secara terbuka dengan niat yang baik dan tidak berat sebelah berdasarkan perundangan. Rundingan tidak boleh dibuat atau dilakukan dalam keadaan tertekan atau terancam. Proses pengantaraan, seboleh

mungkin dilakukan antara dua pihak bagi mengelakkan proses perundangan dan penyelesaian kes yang tinggi kosnya. Kerajaan bersama orang asal perlu mewujudkan prosedur yang adil untuk meneliti situasi dan mengambil tindakan dalam situasi yang mana tanah orang asal atau sumbernya diambil atau dihapuskan menerusi proses yang tidak adil dan bersifat diskriminasi.

Sistem perlembagaan dan perundangan yang adil, termasuklah sistem keadilan yang saksama, adalah penting untuk menjamin kejayaan pelaksanaan proses penyelesaian tuntutan tanah. Kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk memastikan orang asal menerima sumber yang mencukupi untuk mengkaji dan berunding dalam menyelesaikan tuntutan supaya penyelesaian kes tersebut berlaku secara adil, saksama dan berkekalan.

6.1.3 ORANG ASAL DI SARAWAK

a) Kewarganegaraan

Isu kewarganegaraan merupakan salah satu isu yang diterima Pejabat Sarawak berkaitan dengan kanak-kanak dan pendaftaran dokumen pengenalan diri yang lewat dalam kalangan orang asal seperti suku kaum Penan yang masih hidup secara nomad dan suku kaum Iban di pedalaman. Terdapat juga isu kewarganegaraan disebabkan kelahiran yang tidak didaftarkan melibatkan kanak-kanak yang dilahirkan oleh ibu bukan warganegara, tidak berkahwin dengan bapa kandung daripada suku kaum asal atau perkahwinan adat antara lelaki suku kaum asal dengan wanita bukan warganegara.

b) Pertukaran agama Islam ke agama lain

Sebanyak lapan aduan diterima daripada suku kaum Iban dan Bidayuh yang memeluk agama Islam tetapi mahu kembali ke agama asal selepas penceraian dengan pasangan Muslim. Walau bagaimanapun, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Sarawak meminta pengadu mengemukakan surat keluar daripada agama Islam sedangkan permohonan mendapatkan surat tersebut telah ditolak. Manakala tiga aduan adalah berkaitan urusan pentadbiran apabila JPN dengan secara salah mengklasifikasikan agama pengadu sebagai Islam pada MyKad kerana penggunaan

'bin' atau 'binti' pada nama penuh. Di Sarawak, selain daripada orang Islam, masyarakat Melanau turut menggunakan 'bin' atau 'binti' tanpa mengira agama kerana penggunaan istilah 'bin' atau 'binti' tidak mempunyai sebarang konotasi agama bagi mereka. Selain itu, sesetengah suku kaum Melanau bukan Islam juga mempunyai nama yang serupa dengan nama orang Islam.

Pada Mac 2018, Ketua Menteri Sarawak Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg menyatakan undang-undang agama negeri akan dipinda bagi memberi ruang kepada penyelesaian pentadbiran untuk individu yang keluar daripada agama Islam berikutan kes mahkamah melibatkan tiga individu yang memohon pembatalan masuk ke agama Islam pada tahun tersebut.⁹⁶ Pada 27 Februari 2018, Mahkamah Persekutuan menolak rayuan tiga individu yang memeluk agama Islam dan seorang individu Muslim sejak lahir supaya pendengaran kes di dengar di mahkamah sivil. Semua individu berkenaan memohon supaya kad pengenalan dan rekod rasmi menunjukkan identiti sebagai penganut agama Kristian.

c) Hak Tanah Adat Anak Negeri (NCR)

Pejabat Sarawak merekodkan sembilan aduan berkaitan NCR kebanyakan diterima daripada orang asal di pedalaman yang mendakwa permohonan tanah tidak dipertimbangkan, dilewatkan, tidak diambil peduli atau ditolak. Pengadu mendakwa tanah NCR diceroboh syarikat swasta tanpa persetujuan. Ia satu perbuatan melanggar kontrak antara syarikat swasta dan orang asal.

SYOR

1. JPN seharusnya mempertingkatkan lagi program kesedaran terutamanya di kawasan pedalaman.
2. Pihak berkuasa berkaitan haruslah mengadakan program untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan mendaftar perkahwinan terutamanya perkahwinan adat dalam kalangan orang asal.

⁹⁶ <https://www.straitstimes.com/asia/se-asia/sarawak-could-allow-converts-to-renounce-islam>

3. JPN haruslah peka dalam mengeluarkan dokumen pendaftaran untuk orang asal terutamanya dari suku kaum Melanau kerana penggunaan 'bin' atau 'binti' pada nama tidak bermakna seseorang itu adalah penganut agama Islam.
4. Jabatan Tanah dan Survei Sarawak perlu memproses dengan segera permohonan NCR oleh orang asal.

HARAPAN MASA HADAPAN

Keluhan masyarakat orang asli/asal sentiasa menjadi fokus utama SUHAKAM kerana sokongan dan perlindungan dalam mempertahankan hak golongan ini sangat diperlukan. Keutamaan kerajaan antara menghormati hak dalam melaksanakan pelan ekonomi serta pembangunan negara sering menyebabkan orang asli/asal terpinggir. Adalah menjadi harapan SUHAKAM supaya hak orang asli/asal dan pengiktirafan kepada hak tanah adat dihormati.

6.2 PEMERDAGANGAN ORANG

LATAR BELAKANG

Isu pemerdagangan orang merupakan salah satu bidang utama pada tahun 2020. Selain mengendalikan aduan, SUHAKAM turut menyertai Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) serta melakukan lawatan ke pusat perlindungan mangsa pemerdagangan orang. SUHAKAM menzahirkan kebimbangan mengenai kedudukan Malaysia dalam senarai 'Pemerhatian Tahap 2' untuk tahun kedua berturut-turut oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat.

SUHAKAM menerima sembilan aduan pemerdagangan orang yang mana kebanyakannya berkaitan dengan pekerjaan seperti berikut:

- i. Agensi pengambilan pekerja terlibat dalam aktiviti pemerdagangan orang;
- ii. Penahanan gaji selain dipaksa untuk bekerja selama 18 jam sehari tanpa cuti rehat; dan
- iii. Penahanan pasport pekerja oleh majikan selain dihalang untuk menjalani pemeriksaan perubatan termasuk pemeriksaan COVID-19.

Selain itu terdapat aduan mengenai sindiket yang terlibat dalam aktiviti pemerdagangan orang dan pelacuran di Kuala Lumpur. SUHAKAM juga terus menjalankan siasatan terperinci terhadap dakwaan badan bukan kerajaan (NGO) antarabangsa mengenai aktiviti buruh paksa dan pemerdagangan orang yang melibatkan FGV Holdings Bhd. dan Sime Darby Plantation Bhd.

A. LAWATAN KE PUSAT PERLINDUNGAN MANGSA PEMERDAGANGAN ORANG

Pada 24 Februari, SUHAKAM melawat pusat perlindungan mangsa pemerdagangan orang di Melaka. Pusat perlindungan tersebut menempatkan mangsa di bawah perintah perlindungan dan perintah perlindungan sementara sambil menunggu siasatan dilakukan oleh agensi penguatkuasaan.

SUHAKAM mengemukakan cadangan kepada pihak berkuasa berdasarkan pemerhatian dan temubual yang dilakukan seperti ketiadaan pemeriksaan kesihatan sebelum mangsa ditempatkan di pusat perlindungan. SUHAKAM berpendapat, pemeriksaan kesihatan adalah sangat penting, apatah lagi sewaktu berlakunya krisis kesihatan awam seperti COVID-19. Walau bagaimanapun SUHAKAM tidak dapat mengunjungi lebih banyak pusat tempat perlindungan disebabkan sekatan pergerakan.

B. PENYERTAAN DALAM MAJLIS KEBANGSAAN ANTIPEMERDAGANGAN ORANG DAN PENYELUDUPAN MIGRAN

SUHAKAM dijemput untuk mengambil bahagian dalam mesyuarat MAPO. Dalam salah satu mesyuarat, kerajaan melaporkan inisiatifnya memerangi pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Mesyuarat turut membincangkan Laporan Jabatan Negara Amerika Syarikat yang meletakkan Malaysia dalam senarai 'Pemerhatian Tahap 2'.

SUHAKAM turut berkongsi mengenai lawatannya ke pusat perlindungan di Melaka (Rujuk halaman 39) serta aduan dan tindakan yang diambil. Diakui, MAPO merupakan rakan penting dalam menangani beberapa aduan yang diterima misalnya terdapat situasi yang mana MAPO mengambil tindakan serta-merta terhadap aduan yang dilaporkan oleh SUHAKAM. Walaupun begitu terdapat satu perkara yang masih belum selesai turut dibangkitkan iaitu mengenai status Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mengenai kem pemerdagangan orang di Wang Kelian.

Pada April 2019, SUHAKAM telah menerbitkan laporan '*Sold Like Fish*' yang merupakan penerbitan bersama dengan Fortify Rights, sebuah NGO hak asasi manusia yang berpusat di Bangkok. Laporan itu menyoroti aktiviti pemerdagangan pelarian Rohingya melalui laut dan kem pemerdagangan orang di Malaysia dan Thailand. Sehingga kini masih tiada sebarang pengumuman daripada RCI.

C. PELAN TINDAKAN KEBANGSAAN ANTIPEMERDAGANGAN ORANG (NAPTIP) 2021-2025

Pejabat Strategik Nasional MAPO (NSO-MAPO) telah menyusun Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang (NAPTIP 2021-2025). Pejabat tersebut turut mengadakan beberapa siri perbincangan dan rundingan dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuk SUHAKAM.

Berkenaan NAPTIP 2021-2025, SUHAKAM memberikan penekanan terhadap kepentingan untuk mengguna pakai pendekatan hak asasi manusia dan kewajipan negara memerangi aktiviti pemerdagangan orang dan buruh paksa di Malaysia antaranya:

- i. Mencegah aktiviti pemerdagangan orang dan seterusnya menangani punca dan faktor risiko;
- ii. Memastikan mangsa pemerdagangan orang diberikan perlindungan, penjagaan dan sokongan yang mencukupi;
- iii. Memperkukuhkan proses kehakiman dan pendakwaan;
- iv. Memperkukuh dan memastikan agensi penguatkuasaan undang-undang dilengkapi pengetahuan dan kemahiran untuk melaksanakan tugas dengan berkesan; dan
- v. Mengambil langkah-langkah untuk menangani eksploitasi buruh serta pemerdagangan kanak-kanak.

SYOR

SUHAKAM turut menyeru supaya:

- i. Dapatan daripada RCI mengenai Wang Kelian diumumkan secara terbuka selain menggesa supaya individu yang terlibat didakwa di mahkamah.
- ii. Menempatkan kakitangan kesihatan di pusat perlindungan mangsa pemerdagangan orang.
- iii. Latihan berterusan untuk agensi penguatkuasaan undang-undang terutamanya dalam mengenal pasti isu pemerdagangan orang dan mangsa.
- iv. Memohon kerajaan memasukkan elemen buruh paksa dalam Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (ATIPSOM) supaya selari dengan definisi buruh paksa dalam Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

HARAPAN MASA HADAPAN

SUHAKAM akan terus bekerjasama erat dengan kerajaan untuk menangani isu pemerdagangan orang di Malaysia.

6.3 PELARIAN DAN PENCARI SUAKA

LATAR BELAKANG

Menurut Pesuruhjaya Tinggi untuk Pelarian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNHCR) sehingga Oktober 2020, terdapat 178,450 pelarian dan pencari suaka yang berdaftar dengan UNHCR di Malaysia. Terdapat 153,800 dari Myanmar yang meliputi 102,020 etnik Rohingya, 22,440 Chin dan 29,340 daripada kumpulan etnik lain dari kawasan bergolak di Myanmar.

Terdapat dua isu utama pada tahun ini iaitu ketibaan “orang bot” ke Malaysia dan kecaman rakyat Malaysia terhadap pelarian dan pencari suaka terutamanya ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dari bulan Mac hingga bulan Jun.

A. ADUAN

Pada tahun ini, SUHAKAM telah menerima lima aduan daripada pelarian dan pencari suaka antaranya berkaitan penangkapan serta penahanan di pusat tahanan. SUHAKAM turut menerima beberapa aduan di luar bidang kuasa SUHAKAM iaitu berkaitan dengan pemprosesan dan penentuan status pelarian oleh UNHCR.

B. INSIDEN “ORANG BOT”

SUHAKAM menerima beberapa kes ketibaan pelarian di perairan Kedah/Perlis. Seramai 752 pelarian termasuk wanita dan kanak-kanak tiba di Malaysia dalam empat kejadian berbeza semuanya adalah etnik Rohingya yang melarikan diri dari Kem Pelarian Cox Bazar di Bangladesh dengan membayar sindiket haram yang beroperasi di kem tersebut.

Jadual 19: Tarikh ketibaan dan jumlah pelarian

| Ketibaan | Lelaki Dewasa | Perempuan Dewasa | Kanak-kanak Lelaki | Kanak-kanak Perempuan | Jumlah |
|-----------------|----------------------|-------------------------|---------------------------|------------------------------|---------------|
| 8 Mac | 143 | 84 | 6 | 11 | 244 |
| 13 Mac | 10 | 14 | 12 | 0 | 36 |
| 5 April | 152 | 45 | 4 | 1 | 202 |
| 8 Jun | 82 | 138 | 26 | 23 | 269 |

Sumber: Polis Diraja Malaysia

Pelarian yang tiba dengan dua bot yang pertama telah diserahkan kepada depot imigresen manakala kanak-kanak di bot ketiga dan keempat ditempatkan di kem sementara imigresen iaitu Kem Wawasan Negara Langkawi, Kedah. SUHAKAM melakukan lawatan ke kem tersebut pada 20 Julai dan menemubual pelarian serta kakitangan. Sewaktu ditemubual, golongan ini memaklumkan tindakan melarikan diri dari Kem Cox Bazar disebabkan faktor ekonomi, dengan harapan akan menemui masa depan yang lebih baik. Beberapa orang pelarian wanita pula memberitahu, keluarga menghantar ke Malaysia supaya dapat berkahwin dengan lelaki Rohingya yang sudah pun berada di Malaysia. Hampir kesemua pelarian ini membayar sejumlah wang yang banyak kepada agen sebelum dibenarkan untuk belayar selama lebih sebulan dengan bekalan makanan yang terhad.

SUHAKAM mendapati terdapat kekurangan fasiliti di Kem Wawasan Negara memandangkan ia merupakan lokasi sementara. Ia tidak kondusif untuk pelarian mahupun kakitangan yang bertugas.

C. REAKSI TERHADAP PELARIAN DAN PENCARI SUKA

Pada tahun ini, terdapat beberapa insiden xenofobia terhadap pelarian dilaporkan kepada SUHAKAM dan media. Kebanyakan insiden berlaku terutamanya ketika fasa pertama PKP antaranya ialah pengusiran seramai 12 buah keluarga pelarian Rohingya di Bagan Serai, Perak oleh tuan rumah. SUHAKAM mengadakan perbincangan mengenai masalah ini dengan Majlis Daerah Kerian (MDK), pegawai polis di Ibu pejabat Polis Daerah Kerian, ketua kampung dan komuniti Rohingya.

Berikut adalah hasil **siasatan** tersebut:

- i. Akta Kerajaan Tempatan 1978 (Akta 171) tidak mempunyai klausa berkaitan pilih kasih dalam menyewakan rumah kepada warganegara atau bukan warganegara.
- ii. Kejadian ini berlaku disebabkan tanggapan salah dan kekeliruan dalam kalangan pelarian/pencari suaka dan migran tanpa dokumen. Ia juga disebabkan oleh mesej pelbagai pihak berkuasa yang melakukan serbuan untuk mencari dan menangkap migran tanpa dokumen.
- iii. Tuan rumah pula risau tindakan akan di ambil terhadapnya sekiranya menyewakan premis kepada pelarian dan pencari suaka. Disebabkan itu, tuan rumah meminta untuk mengosongkan premis dengan serta-merta.

SUHAKAM mengambil peluang ini untuk memperjelaskan tentang cabaran getir yang dihadapi pelarian dan pencari suaka. Ketua kampung memohon kepada SUHAKAM untuk mengadakan program kemasyarakatan di kampung tersebut supaya dapat meningkatkan kesedaran penduduk tentang pelarian dan isu hak asasi manusia yang lain.

Insiden lain yang turut dilaporkan berlaku di Masai, Johor menyaksikan sepanduk anti-Rohingya digantung di luar sebuah surau. Hal ini terjadi selepas kerajaan mengumumkan hanya rakyat Malaysia yang dibenarkan menunaikan solat berjemaah dan solat Jumaat. Ternyata, ia mengundang reaksi negatif terhadap masjid di kawasan itu. Kemelut ini berjaya diselesaikan hasil campur tangan pantas daripada Sultan Johor, DYMM Sultan Ibrahim Sultan Iskandar, pemimpin agama dan wakil rakyat kawasan tersebut.

D. AKSES UNHCR KEPADA PELARIAN DAN PENCARI SUAKA

Sejak Ogos 2019, UNHCR tidak diberi kebenaran untuk melawat pencari suaka dan pelarian yang ditempatkan di depot tahanan imigresen. Disebabkan itu, usaha untuk mendaftar pencari suaka dan pelarian selaras dengan piawaian perlindungan antarabangsa tidak dapat dilakukan. Mengikut laporan terdapat 1,000 individu di bawah pemerhatian UNHCR masih berada dalam tahanan.

SUHAKAM sangat khawatir berkenaan hak yang dinafikan. Golongan Rohingya dijangka akan terus-menerus ditahan di pusat tahanan imigresen. Penahanan tanpa ada peluang untuk bebas atau dihantar balik ke negara asal adalah menyalahi undang-undang antarabangsa. Tambahan pula, pusat tahanan imigresen sedia maklum berhadapan masalah kesesakan. Menafikan akses kepada UNHCR akan menjejaskan lagi keadaan, terutamanya sewaktu pandemik COVID-19 ini yang mana kebanyakan sempadan negara seluruh dunia ditutup. Justeru, ia akan menyebabkan usaha pengusiran semula ke negara asal sukar untuk dilaksanakan.

SYOR

- i. Pelarian dan pencari suaka tidak sepatutnya ditahan di depot imigresen. Sebaliknya, kebenaran perlu diberikan kepada UNHCR untuk memproses serta mendaftarkan individu yang layak.
- ii. Segala usaha untuk menghentikan xenofobia terhadap pelarian dan pencari suaka mesti dilakukan. Kerajaan dan pemimpin politik mestilah mengelak daripada mengeluarkan kenyataan yang boleh menyebabkan penindasan kepada golongan ini.
- iii. Kerajaan perlu menyertai Konvensyen Berkaitan Status Pelarian 1951.

HARAPAN MASA HADAPAN

SUHAKAM akan meneruskan usaha membela hak pelarian dan pencari suaka dengan kerjasama kerajaan supaya mempertimbangkan untuk memberikan akses pendidikan, penjagaan kesihatan dan pekerjaan.

6.4 PERNIAGAAN DAN HAK ASASI MANUSIA

LATAR BELAKANG

Kebelakangan ini, agenda perniagaan dan hak asasi manusia telah berkembang pesat. Kedua-dua agenda ini diperakui sejagat sebagai alat yang boleh mempromosi dan merealisasikan hak asasi manusia. Satu kejayaan besar dicapai apabila Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNHRC) sebulat suara bersetuju menerima pakai Prinsip Panduan Mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (UNGPs) pada tahun 2011. UNGPs menegaskan bahawa sektor perniagaan bertanggungjawab untuk menghormati hak asasi manusia sementara kerajaan pula mempunyai kewajipan utama melindungi dan mempromosi hak asasi manusia. Ia juga mengiktiraf akan kepentingan akses kepada penyelesaian berkesan melalui kedua-dua kaedah kehakiman dan bukan kehakiman apabila berlakunya pelanggaran hak asasi manusia. Sejak itu, banyak perniagaan yang tampil ke hadapan dan komited secara terbuka dalam menghormati hak asasi manusia selaras UNGPs.

A. KE ARAH PELAN TINDAKAN KEBANGSAAN MENGENAI PERNIAGAAN DAN HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

Bagi menyebarkan dan melaksanakan UNGPs, UNHRC telah menyeru kepada negara dunia untuk membangunkan Pelan Tindakan Kebangsaan mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (NAPBHR). Sehingga kini, 24 buah negara di seluruh Eropah, Amerika, Afrika dan Asia telah melancarkan NAPBHR masing-masing. Di Asia, Thailand merupakan negara pertama yang membangunkan NAPBHR pada bulan Disember 2019 diikuti Jepun pada bulan Oktober 2020.

Kerajaan Malaysia turut mengumumkan komitmennya untuk membangunkan NAPBHR pada bulan Jun 2019. Pembangunan pelan tindakan ini dipertanggungjawabkan kepada BHEUU disusuli kelulusan kabinet pada bulan Disember 2019 bagi membangunkan pelan tersebut. Ini termasuklah struktur tadbir urus, mekanisme institusi, garis masa dan pemantauan NAPBHR. SUHAKAM bekerjasama rapat dengan

BHEUU dalam menerajui pembangunan NAPBHR pertama untuk Malaysia.

Justeru bagi mencapai matlamat ini, BHEUU bersama SUHAKAM dan Program Pembangunan PBB (UNDP) telah mengadakan 'Rundingan Pencarian Fakta: Ke Arah Pelan Tindakan Kebangsaan mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia Malaysia (NAPBHR)' selama tiga hari iaitu pada 7, 8 dan 14 Disember. Objektifnya adalah untuk mengenal pasti justifikasi kepada bidang tematik yang dicadangkan di bawah NAPBHR Malaysia iaitu buruh, alam sekitar dan tadbir urus yang baik. Pelbagai pemegang taruh seperti agensi kerajaan, badan pengawal selia dan penguat kuasa serta CSO turut serta dalam rundingan itu.

Pembangunan NAPBHR akan menyerlahkan kepimpinan Malaysia dalam memacu pembangunan sosio-ekonomi mampan, serta melindungi dan mempromosi hak asasi manusia dan kebebasan asasi di rantau ini. Walaupun SUHAKAM mengakui pelan tersebut perlu dibangunkan segera, ia mestilah dibangunkan melalui proses rundingan dan penglibatan terperinci pelbagai pemegang taruh yang merangkumi sektor korporat dan perniagaan, persatuan perniagaan, agensi kerajaan berkaitan, CSO, ahli akademik, kumpulan pemikir dan orang awam. Langkah ini penting bagi memastikan pandangan semua pihak berkepentingan diberi pertimbangan oleh kerajaan ke arah mencapai sebuah pelan yang sesuai dan boleh dilaksanakan dalam konteks Malaysia. SUHAKAM menyokong sepenuhnya komitmen kerajaan dan akan terus memberikan sokongan dan bantuan ke arah kejayaan pembangunan NAPBHR untuk Malaysia.

B. RUNDINGAN BERSAMA PEMEGANG TARUH MENGENAI ISU BURUH PAKSA DALAM INDUSTRI BEKALAN PERUBATAN

Pada 14 September, SUHAKAM menganjurkan sesi "Rundingan Pemegang Taruh mengenai Isu Buruh Paksa dalam Industri Bekalan Perubatan" susulan dakwaan amalan buruh paksa oleh pengeluar sarung tangan getah Malaysia. Dakwaan seperti menindas pekerja, menjadikan pekerja migran sebagai buruh paksa, arahan kerja lebih masa yang melampau, perhambaan hutang dan merampas pasport seperti yang dilaporkan media.

Objektif rundingan adalah untuk berbincang dan mendapatkan pandangan mengenai isu buruh paksa dalam industri bekalan perubatan di Malaysia; menyediakan platform kepada perniagaan untuk berkongsi kebimbangan dan cabaran dalam menangani isu buruh



Peserta Rundingan Pemegang Taruh mengenai Isu Buruh Paksa dalam Industri Bekalan Perubatan

paksa; meneliti keberkesanan undang-undang, dasar, dan amalan serta mekanisme lain sedia ada; serta untuk berkongsi amalan baik dan syor bagi mengatasi masalah yang wujud.

Seramai 60 peserta hadir termasuklah wakil kedutaan, agensi kerajaan, pengeluar sarung tangan, pengawal atur industri dan CSO. Berikut merupakan beberapa isu yang dibincangkan:

i. Cabaran semasa pandemik COVID-19

Langkah-langkah kawalan terutamanya penutupan sempadan dan sekatan perjalanan untuk menghalang penularan COVID-19 telah memberi impak besar kepada pekerja migran dan majikan. Pemimpin industri perlu berdepan isu pekerja migran yang hampir tamat kontrak tetapi tidak boleh kembali ke negara asal disebabkan penutupan sempadan. Sementara itu, pekerja migran yang tidak memperbaharui atau menyambung kontrak terkandas di negara ini tanpa permit kerja dan tidak lagi dilindungi majikan. Pemimpin industri disarankan untuk bekerjasama dengan agensi kerajaan bagi mencari jalan penyelesaian mengenai isu pekerja terkandas di Malaysia kerana tidak dapat memperbaharui/menyambung kontrak disebabkan penutupan sempadan negara.

ii. Fi pengambilan pekerja dan sub ejen

Pengambilan pekerja migran didominasi agensi pengambilan yang menjadi orang tengah menghubungkan majikan di negara penerima dengan migran berpotensi di negara asal. Agensi pengambilan kebiasaannya mengenakan bayaran yang bersifat mengeksploitasi pekerja. Bayaran yang dikenakan adalah berbeza mengikut negara asal iaitu antara RM18,000 dan RM22,000. Oleh itu, segala tadbir urus pekerja migran dan bayaran pengambilan pekerja perlu diteliti, khususnya struktur tadbir urus di negara asal, pengurusan pekerja di Malaysia dan menangani isu sub ejen tidak berdaftar.

iii. Risiko buruh paksa dalam rantai bekalan

Isu buruh paksa dalam rantai bekalan merupakan masalah rentas sempadan. Penggunaan perantara seperti agensi pengambilan dan sub ejen telah melangkaui garis tanggungjawab. Sukar untuk mewujudkan kebertanggungjawaban dalam isu pencabulan berkaitan eksploitasi dan buruh paksa. Pengurusan migrasi dan penguatkuasaan yang lemah di negara asal turut menyebabkan ketidakupayaan pekerja dan penganiayaan. Perlu ada kaedah untuk memperbaiki piawai pekerja dalam rantai bekalan terutamanya di negara asal yang mana peraturan pekerja kurang ketat dan penguatkuasaan yang terbatas.

iv. Jurang tadbir urus dan penguatkuasaan undang-undang

Di Malaysia tiada undang-undang khusus mengenai buruh paksa. Biar pun ATIPSOM 2017 mengakui kewujudan buruh paksa sebagai subset atau satu bentuk eksploitasi di bawah pemerdagangan orang, namun tiada peruntukan jelas tentang kejadian buruh paksa yang tiada kaitan pemerdagangan orang atau dapat menangani isu buruh paksa dalam rantai bekalan. Bahkan, undang-undang buruh sedia ada sudah lapuk dan perlu dipinda. Penguatkuasaan undang-undang dan penyelarasan yang lebih baik antara agensi penguatkuasa sangat penting bagi melindungi pekerja dan dapat mengatasi isu buruh paksa.

v. Menangani buruh paksa melalui kerjasama pelbagai pihak pemegang taruh

Kurangnya penyelarasan dan kerjasama antara pemegang taruh boleh menyebabkan wujudnya isu buruh paksa yang tidak dapat dikesan. Kelemahan penyelarasan dalaman contohnya antara agensi kerajaan yang berbeza atau antara kerajaan dan CSO,

menyebabkan wujudnya jurang dalam penguatkuasaan dan peraturan. Penghapusan buruh paksa sangat bergantung kepada kerjasama kesemua pemegang taruh.

vi. Keterlibatan rentas sempadan

Situasi isu buruh paksa yang kompleks, global dan pelbagai dimensi bermakna isu ini tidak boleh diselesaikan oleh sesebuah kerajaan dan pihak negara asal itu sendiri. Ketidakupayaan buruh paksa sering kali berpunca di negara asal. Keterlibatan bilateral antara negara asal adalah penting bagi memudahkan kerjasama dalam kes rentas sempadan dan untuk mengenal pasti punca utama buruh paksa.

vii. Memperkasakan sistem pemeriksaan pekerja

Pegawai Pemeriksa Perburuhan memainkan peranan penting dalam mencegah buruh paksa dan pemerdagangan orang namun yang menjadi masalah adalah kekurangan sumber manusia dan tiada kewangan yang mencukupi. Tambahan pula, pelbagai tanggungjawab yang ditugaskan kepada pegawai membataskan keupayaan untuk melaksanakan fungsi pemeriksaan utama. Pejabat tenaga kerja mengendalikan pelbagai tugas termasuklah pendamaian, pengantaraan dan pendakwaan kes.

Tugas sebegitu memakan masa yang lama dan biasanya memerlukan kemahiran dan latihan perundangan khusus. Sungguhpun demikian, terdapat keperluan untuk membangunkan pendekatan komprehensif yang melibatkan kedua-dua sistem perundangan pekerjaan dan jenayah. Ini memerlukan pengurusan pekerja kebangsaan dan pegawai pemeriksa perburuhan mempunyai mandat yang jelas, latihan dan sumber yang mencukupi untuk memainkan peranan dalam mencegah buruh paksa.

Buruh paksa adalah satu kesalahan jenayah dan merupakan pelanggaran hak asasi manusia. UNGP menyatakan, perniagaan tanpa mengambil kira saiz operasi mempunyai tanggungjawab yang sama dalam mendukung dan menghormati hak asasi manusia. Industri bekalan perubatan perlu mengambil langkah-langkah penting bagi mengatasi dan menghapuskan buruh paksa dalam operasi. SUHAKAM menggesa kerajaan untuk mengambil langkah berkesan bagi membasmi buruh paksa, melindungi hak pekerja dan mempromosi persekitaran kerja yang selamat dan kondusif untuk semua pekerja termasuklah pekerja migran.



Barisan ahli panel Webinar Mencegah Buruh Paksa di Malaysia Melalui Amalan Perniagaan yang Bertanggungjawab

C. WEBINAR MENEGAH BURUH PAKSA DI MALAYSIA MELALUI AMALAN PERNIAGAAN YANG BERTANGGUNGJAWAB

Pandemik COVID-19 menjejaskan dunia pekerjaan, situasi yang belum pernah berlaku sebelum ini. Pekerja dalam kalangan golongan rentan lebih mudah ditipu dan terperangkap dalam situasi buruh paksa. Pada 8 Oktober, SUHAKAM dengan kerjasama ILO telah menganjurkan webinar bertajuk "Mencegah Buruh Paksa di Malaysia Melalui Amalan Perniagaan yang Bertanggungjawab". Program ini menyasarkan perniagaan, dengan memberi panduan praktikal kepada majikan daripada pelbagai sektor tentang bagaimana mengurangkan risiko buruh paksa dalam amalan pengambilan dan pekerjaan termasuklah konsep pemulihan. Objektif webinar adalah untuk memperbaiki dan mengukuhkan pengetahuan peserta mengenai pencegahan buruh paksa melalui amalan pengambilan pekerja yang adil.

Seramai 360 peserta dalam kalangan agensi kerajaan, pekerja, majikan, CSO, pelajar dan organisasi lain menghadiri webinar tersebut. Panel pembentang terdiri daripada wakil Kementerian Sumber Manusia (MOHR), Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), Jaringan Perniagaan Global mengenai Buruh Paksa Pertubuhan Buruh Antarabangsa (*ILO Global Business Network on Forced Labour*), Perikatan Perniagaan Bertanggungjawab (RBA) dan Majlis Peguam Malaysia.

Berikut merupakan isu perbincangan semasa webinar:

i. Sekatan Pergerakan dan Pertukaran Pekerjaan

Sekatan pergerakan pekerja migran sering menjadi isu serius. Walau bagaimanapun, keadaan ini bertambah teruk disebabkan pandemik. Majikan menyekat pergerakan pekerja sewenang-wenangnya malah tidak membenarkan pekerja meninggalkan Malaysia, sama ada disebabkan tuntutan kerja atau disebabkan penutupan sempadan. Majikan harus mempertimbangkan untuk mengguna pakai piawaian antarabangsa dan amalan terbaik berkenaan dengan kebebasan bergerak pekerja. Pada masa sama, kerajaan bertanggungjawab untuk memastikan undang-undang dan dasar pekerjaan adalah selari dengan piawaian antarabangsa serta melaksanakan amalan pemeriksaan yang tegas untuk menghapuskan kes buruh paksa.

ii. Agensi dan Fi Pengambilan

Fi yang dibayar oleh pekerja migran menguntungkan ejen di negara asal dan rakan tempatan di negara penerima. Ejen ketiga dan sub ejen selalunya mengenakan bayaran bersifat eksploitasi. Pemegang taruh perlu menerima pakai piawai antarabangsa berhubung bayaran pengambilan kos sifar.

iii. Hak Pelarian dan Pencari Suaka kepada Pekerja

Pelarian dan pencari suaka merupakan antara kumpulan paling rentan malah jika tidak mempunyai dokumen, individu berdepan kesukaran mencari pekerjaan. Golongan ini sering tertumpu di sektor pekerjaan tidak formal yang berkemahiran rendah atau di sektor yang tidak dikawal. Kerajaan disyorkan memberi peluang kepada pelarian dan pencari suaka untuk bekerja kerana ia akan memberi perlindungan dan mengurangkan masalah kerentanan seterusnya akan meningkatkan ketahanan diri dan menjamin maruah golongan ini.

D. KOD TATAKELAKUAN KE ARAH PEMATUHAN PIAWAIAN TANPA DISKRIMINASI UNTUK SEKTOR SWASTA

SUHAKAM bersama Pusat Komunikasi Masyarakat (KOMAS) dan Institut Pulau Pinang, menghasilkan Kod Tatakelakuan bagi Mempromosi Kesaksamaan Peluang Melalui Penghapusan Diskriminasi Kaum. Kod ini akan berfungsi sebagai dokumen kawal selia dan panduan bagi mempromosi peluang yang sama dan inklusif dalam amalan pekerjaan

di tempat kerja. Ia juga akan bertindak sebagai pemangkin untuk menangani diskriminasi kaum semasa pengambilan pekerja dan di tempat kerja. Kod ini merangkumi secara komprehensif perkara utama seperti berikut:

- **Mukadimah** – memberi fokus dan mengintegrasikan prinsip Panduan PBB mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia;
- **Tujuan dan Status Kod** – menekankan kepentingan entiti perniagaan dalam membangunkan asas inklusif untuk orang ramai;
- **Tanggungjawab Majikan** – Panduan kepada majikan dalam mengekalkan persekitaran tempat kerja yang harmoni, bebas daripada diskriminasi dan mempromosi peluang yang sama;
- **Tanggungjawab Pekerja** – menekankan tanggungjawab seseorang pekerja dalam menghalang kelakuan provokatif yang bersifat perkauman; dan
- **Tanggungjawab Agensi Pekerjaan** – Panduan kepada agensi pekerjaan mengenai tanggungjawab sebagai pembekal pemohon kerja kepada majikan lain.



Pelancaran Kod Tatakelakuan untuk Mempromosi Kesaksamaan Peluang melalui Penghapusan Diskriminasi Kaum.

Kod Tatakelakuan ini telah dilancarkan pada 2 Februari oleh Timbalan Ketua Menteri 2 Pulau Pinang YB Prof. P. Ramasamy. Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah negeri pertama yang memperkenalkan kod tersebut kepada syarikat milikan negeri dan syarikat berkaitan Kerajaan Negeri serta sektor swasta. SUHAKAM memuji sokongan dan komitmen Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menjadikan kod tersebut sebagai satu realiti dan berharap tindakan ini akan dicontohi oleh negeri lain.

Diskriminasi semasa proses pengambilan pekerja merupakan pelanggaran hak asasi manusia. Ia merugikan bakat seseorang, menjejaskan produktiviti dan pertumbuhan ekonomi, serta menyebabkan ketidaksaksamaan sosio-ekonomi yang merosakkan perpaduan. Tanggungjawab utama kerajaan adalah mencegah diskriminasi pada masa yang sama, perniagaan juga berperanan menghalang diskriminasi dengan menyediakan dan mengekalkan peluang yang sama di tempat kerja.

HARAPAN MASA HADAPAN

SUHAKAM akan terus menyokong agenda hak asasi manusia dan perniagaan di Malaysia. Amat diharapkan agar perniagaan akan lebih bertanggungjawab dan responsif dalam menghormati dan menegakkan prinsip hak asasi manusia seperti tiada diskriminasi dan kesaksamaan, hak untuk bersatu dan keadaan tempat kerja yang adil dan saksama serta hak untuk bebas daripada amalan perhambaan dan buruh paksa.

6.5 ISLAM DAN HAK ASASI MANUSIA

LATAR BELAKANG

Terdapat persepsi salah bahawa hak asasi manusia tidak selari dengan agama Islam. Sepertimana yang dibincangkan oleh ramai tokoh sarjana, persepsi tersebut terbentuk disebabkan latar belakang sejarah perkembangan hak asasi manusia pada zaman moden serta penjajahan negara Barat terhadap beberapa negara Islam. Hubungan antara Islam dan hak asasi manusia sering menjadi topik perbincangan dalam negara, oleh itu SUHAKAM mengambil pendirian tegas bahawa ajaran Islam merangkumi prinsip hak asasi manusia dan merupakan salah satu daripada lima elemen utama Maqasid Syariah iaitu perlindungan dan pemeliharaan maruah manusia berasaskan ayat al-Quran:

Dan sesungguhnya telah Kami muliakan anak-anak Adam, Kami angkut mereka di daratan dan di lautan, Kami beri mereka rezeki dari yang baik-baik dan Kami lebihkan mereka dengan kelebihan yang sempurna atas kebanyakan makhluk yang telah Kami ciptakan.⁹⁷

Sepanjang tahun ini, SUHAKAM meneruskan usaha meningkatkan kefahaman dalam kalangan masyarakat Islam mengenai prinsip hak asasi manusia dengan ajaran agama Islam seperti yang terdapat dalam UDHR serta al-Quran dan as-Sunnah, Piagam Madinah dan Perisytiharan Kaherah Mengenai Hak Asasi Manusia dalam Islam (CDHRI). Selain itu sesi libat urus turut diadakan bersama pemegang taruh termasuk Majlis Raja-Raja, Jabatan Agama Islam dan Suruhanjaya Tetap Bebas Hak Asasi Manusia (IPHRC) mengenai hak asasi manusia masyarakat Islam termasuklah hak kepada pendidikan, beribadat, pembangunan, maruah diri dan keadilan. Walau bagaimanapun, aktiviti SUHAKAM dalam bidang ini turut terkesan akibat pandemik COVID-19.

⁹⁷ Al-Quran 17: 70 (Terjemahan Marmaduke William Pickthall)

A. KESAN COVID-19 TERHADAP AMALAN AGAMA ISLAM

Sepanjang tempoh PKP, kerajaan telah menghadkan beberapa amalan ibadah agama. Bagi orang Islam, solat Jumaat dan berjemaah ditangguhkan, masjid ditutup untuk aktiviti keagamaan yang biasa dan perjalanan ibadah Haji turut digantung buat sementara waktu untuk mengekang pandemik COVID-19. Tidak dapat dinafikan, tindakan tersebut mengganggu hak individu untuk mengamalkan ajaran agama secara terbuka seperti yang dilindungi dibawah Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan dan Artikel 18 UDHR.

Berdasarkan sudut pandang Islam, terdapat banyak nas-nas agama yang menjadi dalil kepada keperluan penangguhan beberapa amalan agama buat sementara waktu untuk sesuatu tujuan yang lebih utama. Diizinkan untuk tidak melaksanakan solat Jumaat sekiranya hujan lebat seperti yang terdapat dalam riwayat hadis sahih.⁹⁸ Dalam kata lain, sekatan sementara amalan agama yang dilaksanakan secara berjemaah adalah dibenarkan untuk mencapai tujuan pertama Maqasid Syariah iaitu melindungi nyawa manusia.

Manakala sudut pandang hak asasi manusia pula, kerajaan tidak boleh menghadkan pengamalan kebebasan beragama kecuali sekatan tersebut dinyatakan di bawah undang-undang. Pengecualian tersebut adalah demi untuk melindungi ketenteraman awam, kesihatan, nilai moral atau hak asasi dan kebebasan individu lain. Tambahan pula, hak kepada nyawa dan akses kepada penjagaan kesihatan awam tidak boleh dihadkan sama sekali. Oleh itu, kaedah yang sedang dilaksana oleh pihak kerajaan dengan menghadkan beberapa amalan keagamaan untuk melindungi setiap individu daripada ancaman pandemik COVID-19 adalah selari dengan pendekatan hak asasi manusia. Ia menggambarkan pendirian Islam dan hak asasi manusia sebagai saling melengkapi dalam menangani isu COVID-19.

SUHAKAM menyedari penularan wabak COVID-19 telah menimbulkan kerisauan dalam kalangan rakyat Malaysia dan akhirnya menyebabkan berlakunya diskriminasi dan stigma terhadap individu yang dijangkiti COVID-19. Pada bulan Mac, KKM telah mengenal pasti kluster COVID-19 selepas satu perhimpunan yang dihadiri kumpulan Tabligh di Seri Petaling.

⁹⁸ Tajuk: Tidak hadir Solat Jumaat sekiranya hujan turun, Kitab Solat Jumaat, Sahih Bukhari, Hadith No. 901.

Stigma dan diskriminasi serta pengasingan sosial terhadap kumpulan tersebut sangat mendalam dan tidak sepatutnya berlaku. Sehubungan itu, SUHAKAM memuji tindakan KKM yang menasihati masyarakat awam untuk berhenti mendiskriminasi dan memberikan tanggapan negatif kepada kumpulan tersebut, sebaliknya membantu untuk mendapatkan rawatan.

SUHAKAM sentiasa menekankan, pendekatan hak asasi manusia amat penting dalam menangani isu akibat pandemik ini. Tanpa pemahaman dan penghormatan hak asasi manusia yang tepat, orang ramai akan cenderung kepada diskriminasi dan stigma, yang mana akan menyukarkan usaha untuk mengekang pandemik. Kita harus sentiasa diingatkan bahawa virus tidak mendiskriminasi, dan diskriminasi tidak sepatutnya wujud dalam apa jua keadaan.

B. KERJASAMA DENGAN MAJLIS RAJA-RAJA

Hasil daripada kunjungan hormat kepada Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, Tan Sri Syed Danial bin Syed Ahmad pada 1 Oktober 2019, SUHAKAM diberi peluang untuk mempersembahkan kertas pandangan kepada Majlis Raja-Raja mengenai tiga isu iaitu sekolah tahfiz, perkahwinan kanak-kanak dan masjid mesra orang kurung upaya (OKU) di Malaysia. Isu tersebut dibincangkan semasa Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-256 pada 20 Februari.

C. PROGRAM LITERASI HAK ASASI MANUSIA

SUHAKAM meneruskan Program Literasi Hak Asasi Manusia kepada pegawai di Jabatan Agama Islam Negeri bertujuan meningkatkan pemahaman dan prinsip hak asasi manusia yang selari dengan ajaran agama Islam seperti yang terkandung dalam CDHRI dan Piagam Madinah. Sepanjang tahun ini, SUHAKAM telah menjalankan tiga program melibatkan 124 orang pegawai, Jabatan Agama Islam Negeri seperti yang berikut:

- | | | |
|------|--|---------------|
| i. | Jabatan Agama Islam Pahang | (12 Februari) |
| ii. | Jabatan Agama Islam Perak | (24 Jun) |
| iii. | Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan | (8 Julai) |

Susulan pandemik COVID-19, program di Jabatan Agama Islam Negeri Perak dan Kelantan diadakan secara dalam talian. Berikut merupakan beberapa isu yang dibangkitkan semasa program:

i. Maruah diri orang kena tuduh (OKT)

Memperakui bahawa perlindungan terhadap maruah diri seseorang merupakan perkara asas dalam ajaran agama Islam, maka terdapat permintaan supaya SUHAKAM meneliti isu OKT yang diarahkan memakai pakaian seragam tertentu ketika dibawa ke mahkamah. Amalan tersebut memberikan tanggapan bahawa individu itu bersalah walaupun belum disabitkan kesalahan di mahkamah. Salah satu contoh adalah pemakaian baju-T oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang mana peserta program berpendapat sebagai bertentangan ajaran Islam.

ii. Pencabulan hak asasi manusia yang dialami oleh masyarakat Islam di serata dunia dan peranan PBB

PBB merupakan organisasi yang terdiri daripada negara seluruh dunia termasuk Malaysia. Ia bertujuan untuk memelihara dan melindungi hak asasi manusia di peringkat global. Sebagai Negara Anggota PBB, Malaysia sering menyuarakan pandangan mengenai pencabulan hak asasi manusia serta krisis kemanusiaan melibatkan masyarakat Islam di Palestin, Syria, Kashmir, Yemen serta penderitaan Rohingya dan Uighur. Walau bagaimanapun, PBB mempunyai mandat yang terhad dalam mencampuri urusan kedaulatan sesebuah negara.



Program Literasi Hak Asasi Manusia dengan Jabatan Agama Islam Pahang pada 12 Februari.

iii. Pendirian SUHAKAM mengenai penguatkuasaan Undang-Undang Syariah di Malaysia

Di samping bersetuju Enakmen Jenayah Syariah Negeri perlu dihormati, SUHAKAM membangkitkan kerisauan akan cara pengendalian pegawai dan pematuhan kepada SOP berkaitan kes tangkapan khalwat. SUHAKAM berpendapat, maruah seseorang individu hendaklah dilindungi dan hak untuk mendapat perbicaraan yang adil hendaklah dihormati sepertimana diperuntukkan di bawah undang-undang.

D. LIBAT URUS BERSAMA SURUHANJAYA BEBAS TETAP HAK ASASI MANUSIA (IPHRC)

Pada 1 September, delegasi SUHAKAM terdiri daripada Naib Pengerusi Datuk Lok Yim Pheng, Prof. Madya Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh dan Prof. Dato' Noor Aziah Mohd. Awal mengadakan kunjungan hormat kepada Tuan Haji Ahmad Azam Ab Rahman, Wakil Malaysia di IPHRC Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC). Objektif utama kunjungan hormat ini adalah:

- i. Memahami peranan IPHRC dan SUHAKAM sebagai Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRI);
- ii. Meninjau peluang bidang kerjasama antara IPHRC dan SUHAKAM dalam bidang hak asasi manusia;
- iii. Berkongsi pandangan mengenai antaranya isu Islam dan hak asasi manusia, hak pelarian dan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT).

Berikut merupakan perkara yang dibincangkan semasa pertemuan tersebut:

- i. Memperakui CDHRI diterima pakai oleh OIC, melengkapi UDHR dan mengharmonikan konsep hak asasi manusia dan prinsip Islam. SUHAKAM dan Tuan Haji Ahmad Azam bersetuju dengan keperluan untuk mengadakan program kesedaran awam secara bersama berkenaan keserasian antara hak asasi manusia dan prinsip Islam serta menjalankan rundingan/kajian mendalam mengenai sejauh mana keserasian UDHR dan CDHRI dengan pakar daripada IPHRC.

- ii. SUHAKAM mengetengahkan Laporan mengenai Diskriminasi dalam kalangan Transgender di Kuala Lumpur dan Selangor melibatkan hak kepada pendidikan, pekerjaan, kesihatan, perumahan, dan maruah diri serta membangkitkan isu aduan yang diterima melibatkan sebuah bank yang menolak permohonan pinjaman seorang transgender. Kedua-dua pihak bersetuju transgender sewajarnya dilayan seperti manusia biasa dan tidak wajar didiskriminasi ketika membuat permohonan pinjaman bank. IPHRC turut menjalankan kajian bertajuk '*OIC-IPHRC Study on Sexual Orientation and Gender Identity in the light of Islamic Interpretations and the International Human Rights Framework*'. Walaupun begitu, pendirian IPHRC mengenai isu LGBT masih belum dimuktamadkan. Pada masa yang sama, Tuan Haji Ahmad Azam menyatakan kebimbangannya mengenai segelintir kumpulan yang menyuarakan isu LGBT dengan cara yang tidak wajar atas nama hak asasi manusia bertujuan mencemarkan imej agama Islam. Beliau berkongsi pendapat mengenai kegusaran masyarakat Islam mengenai kesan menormalisasi LGBT yang mana isu ini boleh menyebabkan institusi dan konsep kekeluargaan terjejas.
- iii. Perbincangan turut mengambil maklum mengenai imej Malaysia pada pandangan OIC yang terjejas kerana peningkatan xenofobia terhadap migran tanpa dokumen dan pelarian yang ditangkap oleh pihak penguatkuasa kerana didakwa melanggar SOP PKP. SUHAKAM turut mendapat maklum balas berbentuk xenofobia terhadap pelarian semasa sesi dialog bersama masyarakat akar umbi yang bimbang pelarian dan migran tanpa dokumen akan mengganggu keselamatan, peluang perniagaan dan budaya masyarakat setempat di Malaysia. Oleh itu, SUHAKAM dan IPHRC akan bekerjasama dengan lebih erat untuk menangani xenofobia di Malaysia.
- iv. Akses pendidikan kepada kanak-kanak pelarian untuk memasuki sekolah kebangsaan dan menduduki peperiksaan khususnya Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Selain itu, terdapat lima buah pusat pembelajaran alternatif yang ditubuhkan Pejabat Wakil Malaysia ke IPHRC dengan kerjasama UNHCR di Malaysia untuk kanak-kanak Rohingya dan Syria. Cabaran utama yang dihadapi oleh pengusaha pusat pembelajaran ini adalah sumber kewangan untuk menanggung kos operasi yang tinggi dan yuran peperiksaan untuk pelajar menduduki peperiksaan *General Certificate of Education (GCE O-Level)*. Oleh itu, perbincangan bersetuju agar Kerajaan Malaysia mengkaji semula dasar sedia ada dan membenarkan

murid-murid menduduki peperiksaan SPM sebagai calon persendirian walaupun tidak dibenarkan untuk memasuki sekolah kebangsaan di Malaysia.

- v. Mesyuarat juga membincangkan mengenai pendaftaran dan kurikulum sekolah tahfiz di Malaysia. SUHAKAM menekankan kepentingan pendaftaran sekolah tahfiz sama ada di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atau Jabatan Agama Islam Negeri agar pemantauan dapat dilaksanakan. SUHAKAM turut membangkitkan kerisauan mengenai kurikulum sekolah tahfiz yang hanya menumpukan semata-mata kepada hafazan al-Quran tanpa pelajaran akademik dan kurangnya peluang untuk meneruskan pengajian ke peringkat institusi pengajian tinggi. Hal ini turut memberi kesan apabila sekembalinya pelajar ke Malaysia selepas selesai pengajian di Afrika Selatan dan Mesir misalnya sukar mendapat pekerjaan dalam sektor awam dan swasta. Walaupun begitu terdapat beberapa usaha dalam kalangan NGO Islam yang membantu pelajar tahfiz yang berkelulusan dari luar negara untuk mendaftar bagi menduduki peperiksaan SPM sebagai calon persendirian.

Kunjungan hormat ini meningkatkan persefahaman kedua-dua pihak terutama berkenaan peranan dan fungsi masing-masing selain dapat membuka ruang untuk peluang kerjasama pada masa akan datang.



Kunjungan hormat kepada wakil Malaysia di IPHRC, Tuan Haji Ahmad Azam Ab Rahman pada 1 September.

E. CADANGAN TEKS HAK ASASI MANUSIA UNTUK KHUTBAH JUMAAT

Susulan COVID-19, solat Jumaat ditangguhkan selama lapan minggu semasa tempoh PKP dan dihadkan kepada 10 minit oleh beberapa Jabatan Agama Islam Negeri semasa tempoh PKPP.

Pada tahun ini, SUHAKAM meneruskan usaha mengemukakan skrip bagi cadangan khutbah Jumaat kepada Jabatan Agama Islam Negeri di seluruh Malaysia dengan memberikan fokus kepada hak penjagaan kesihatan, OKU, Islam dan hak asasi manusia serta pencegahan segala bentuk penyesakan. Tiga daripada empat teks SUHAKAM yang dihantar telah diterima sebahagiannya dan ada yang diterima sepenuhnya seperti dalam Jadual 20.

Jadual 20: Senarai teks Khutbah Jumaat yang dihantar kepada semua Jabatan Agama Islam di Malaysia

| Bil. | Teks yang dihantar oleh SUHAKAM | Khutbah Jumaat yang mengandungi teks SUHAKAM (Diterima sebahagian atau sepenuhnya) | Tarikh di baca |
|------|---|--|--------------------|
| 1. | Hak kepada Penjagaan Kesihatan (dihantar pada 6 Mac) | Hak kepada Penjagaan Kesihatan - disediakan oleh Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP) | 25 Sept. |
| 2. | Meningkatkan Perlindungan Hak Orang Kurang Upaya (dihantar pada 14 Julai) | - | - |
| 3. | Hak Asasi Manusia dalam Islam (dihantar pada 7 Jan. dan 14 Julai) | <ul style="list-style-type: none">• Pelihara Hak dalam Islam - disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS)• Hak Asasi dalam Islam - disediakan oleh Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK) | 17 Jan. 11 Dis. |
| 4. | Perlindungan daripada Penyesakan (dihantar pada 6 November) | Akhlak Diperbaiki, Keadilan Dikecapi - disediakan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah (JAWI) | 18 Dis. |

HARAPAN MASA HADAPAN

SUHAKAM menyedari kepentingan untuk mengharmonikan jurang antara agama Islam dan prinsip hak asasi manusia antarabangsa berdasarkan kepada kerangka Perlembagaan Persekutuan. Demi mencapai matlamat ini, SUHAKAM akan meneruskan libat urus dengan lebih erat bersama Majlis Raja-Raja, IPHRC dan Jabatan Agama Islam untuk mempromosikan kefahaman yang lebih baik dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia dan hubung kait antara Islam dan hak asasi manusia sebagaimana yang terdapat dalam CDHRI dan UDHR.

6.6 PERKAUMAN, DISKRIMINASI KAUM DAN XENOFOBIA

LATAR BELAKANG

Malaysia adalah sebuah negara berbilang kaum, budaya dan agama yang mana orang Melayu, India, Cina dan pelbagai etnik hidup bersama dengan aman dan harmoni. Pada tahun 1963, Sabah dan Sarawak bergabung dengan Persekutuan Tanah Melayu untuk membentuk Persekutuan Malaysia (Singapura meninggalkan Malaysia pada tahun 1965), melengkapkan lagi kemajmukan masyarakat Malaysia.

Data Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan anggaran penduduk Malaysia pada tahun 2020 adalah berjumlah 29.7 juta warganegara dan 2.9 juta bukan warganegara yang mana 69.6 peratus daripada 29.7 juta terdiri daripada Bumiputera. Penduduk Cina dan India masing-masing menurun kepada 22.6 dan 6.9 peratus. Manakala yang lain kekal pada 1.0 peratus.⁹⁹ Walaupun data menunjukkan jumlah penduduk Malaysia meningkat, isu perpaduan kaum masih diperdebatkan sungguhpun setelah 63 tahun mencapai kemerdekaan.

Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang tertinggi di Malaysia dan menjadi mekanisme untuk mengekalkan keharmonian antara semua kaum di Malaysia. Perkara 8 misalnya adalah paksi perlindungan terhadap kesaksamaan dan tiada diskriminasi serta menetapkan semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang. Klausula menyatakan bahawa tidak boleh ada diskriminasi terhadap warganegara atas alasan agama, ras, keturunan, tempat lahir atau jantina dalam mana-mana undang-undang atau dalam pelantikan kepada apa-apa jawatan atau pekerjaan di bawah sesuatu pihak berkuasa awam atau perniagaan. Walaupun begitu terdapat klausula membenarkan diskriminasi bersifat positif dengan alasan yang diperakui sah di bawah Perlembagaan Persekutuan.

⁹⁹ Komposisi Kumpulan Etnik Major, DOSM, https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=155&buI_id=OVByWjg5YkQ3MWFZRTN5bDJiaEVhZz09&menu_id=L0pheU43NWJwRWVVSzkiWdzQ4TihUUT09 (Tarikh akses: 31 Disember 2020)

Kebebasan asasi dalam Perlembagaan Persekutuan menjamin layanan yang sama untuk semua warganegara tanpa mengira warna kulit, agama dan budaya. Namun Perkara 153, keutamaan diberikan kepada orang Melayu termasuklah orang asal di Sabah dan Sarawak. Tambahan lagi, Perkara 153 (2) melindungi kedudukan orang Melayu antaranya dalam pendidikan, perkhidmatan dan perniagaan.

Walaupun termaktub peruntukan kesamarataan dalam melindungi hak, namun ia tidak memberikan perlindungan sama kepada orang asli di Semenanjung Malaysia seperti "status khas" untuk orang Melayu dan orang asal di Sabah dan Sarawak. Orang asli hanya diberi perlindungan yang dinyatakan dalam Klausula (5) berkenaan dengan tanah rizab dan pelantikan dalam penjawat awam. Justeru, sudah tiba masanya kerajaan memberikan perlindungan yang serupa kepada orang asli.

Perlembagaan Persekutuan juga tidak memberikan jaminan bahawa kebebasan asasi tidak boleh didiskriminasi atas alasan bangsa. Hak dan kebebasan dalam Perlembagaan Persekutuan adalah hak yang terbatas.

Sebagai undang-undang tertinggi Malaysia, pindaan kepada Perlembagaan tidak menangani masalah utama ketidaksaksamaan kaum tetapi sebaliknya berusaha untuk mengukuhkan status quo.

AKTIVITI SUHAKAM UNTUK MENANGANI ISU PERKAUMAN, DISKRIMINASI KAUM DAN XENOFobia DI MALAYSIA

SUHAKAM sentiasa menyokong penghapusan sikap perkauman, diskriminasi kaum dan xenofobia. Dengan sokongan berterusan daripada Pusat KOMAS, SUHAKAM bekerjasama untuk mendorong rakyat Malaysia untuk hidup dalam keadaan aman tanpa sebarang perkauman dan diskriminasi antara kaum.

Sejak tahun 2017, SUHAKAM bekerjasama dengan Pusat KOMAS dan CSO lain untuk membangunkan 'Kod Tatakelakuan untuk Mempromosi Peluang Saksama melalui Penghapusan Diskriminasi Kaum' dan menganjurkan konsultasi bagi mengenal pasti pandangan dan reservasi kepada Malaysia dalam menyertai Konvensyen Antarabangsa Tentang Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD) dan aktiviti lain.

Pada tahun 2020, SUHAKAM menghasilkan kertas cadangan bertajuk "Ucapan Kebencian (Xenofobia) Terhadap Golongan Minoriti terutamanya berkaitan Pelarian dan Migran di Malaysia." Walaupun begitu, situasi pandemik COVID-19 memburukkan lagi keadaan di Malaysia dengan

budaya memalukan dan menyalahkan pekerja migran dan pekerja tanpa dokumen di Malaysia, termasuk pelarian, pencari suaka dan individu tanpa kewarganegaraan sebagai penyebar penyakit COVID-19.

Pandangan SUHAKAM ini selaras dengan Pelan Tindakan Rabat kerana ucapan kebencian dan ugutan terhadap pelarian dan migran di Malaysia harus dihentikan atau diambil tindakan. Kerajaan harus meningkatkan usaha untuk menerapkan langkah-langkah dasar yang positif untuk memerangi ucapan kebencian dan sikap tidak bertoleransi. Pemimpin politik dan pegawai penguatkuasa undang-undang harus konsisten, tegas, dan mengutuk semua bentuk kebencian yang ditujukan kepada migran dan pelarian. Naratif berbahaya dan tanggapan negatif terutamanya daripada badan keselamatan seperti Jabatan Imigresen, PDRM, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri, seperti “migran tanpa dokumen menyebarkan COVID-19” menjadi ancaman kepada keselamatan negara atau rakyat Malaysia. Hal ini tidak wajar dijadikan kebiasaan.

Oleh itu, SUHAKAM mengulangi seruan supaya Akta Hasutan 1948 dimansuhkan dan memperbaharui undang-undang lain seperti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang tidak berkesan dalam menyekat kebebasan bersuara di Malaysia. Ia sebagai usaha untuk menangani ucapan kebencian terhadap migran dan pelarian di Malaysia.

HARAPAN MASA HADAPAN

SUHAKAM berharap dapat mengeratkan hubungan dalam masyarakat dan saling menyokong antara satu sama lain agar semua orang dalam keadaan selamat dan harmoni. Sudah tiba masanya untuk kita bergerak melangkaui lapisan perpaduan dan mendalaminya bagi memperbaiki diskriminasi kaum yang wujud selama beberapa dekad. SUHAKAM menyeru semua orang untuk menentang prasangka perkauman dan sikap tidak bertoleransi kerana pada dasarnya diskriminasi perkauman adalah salah daripada aspek moral.

Sehubungan itu, SUHAKAM mengadaptasikan Pelan Strategik 2021-2025 yang mana salah satu objektifnya adalah untuk memerangi perkauman, diskriminasi kaum dan xenofobia. Rangka strategi dan aktiviti dalam lima tahun antaranya melibatkan penyelidikan, rundingan serta penyelidikan kertas kajian untuk menangani isu perkauman, diskriminasi kaum dan xenofobia.

Tambahan pula, SUHAKAM berhasrat untuk mengetuai pembangunan dan pelaksanaan dasar dalaman menentang perkauman dan diskriminasi kaum untuk memberikan kesedaran dan menjadi contoh kepada organisasi lain serta menjalinkan kerjasama dengan rakan strategik dalam menangani masalah yang telah lama berlanjutan ini.

Adalah menjadi harapan agar suatu hari nanti budaya memahami dan menghormati hak asasi manusia tanpa mengira bangsa, agama, umur, latar belakang ataupun status dapat disuburkan di Malaysia.

BAB 7

PENTADBIRAN DAN KEWANGAN



PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

LATAR BELAKANG

Bahagian Khidmat Korporat menyediakan perkhidmatan sokongan melibatkan pentadbiran, pengurusan kewangan, sumber manusia dan teknologi maklumat, serta berfungsi berdasarkan mandat dan fungsi utama SUHAKAM seperti yang termaktub dalam Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999. Bahagian ini dengan jayanya memainkan peranan sokongan, melaksanakan program dan aktiviti termasuk pembangunan kapasiti serta kemahiran pegawai dan kakitangan walaupun terdapat cabaran berikutan situasi pandemik COVID-19.

A. PEMBANGUNAN KAPASITI DAN PENINGKATAN PENGETAHUAN

Unit Pengurusan Sumber Manusia (UPSM) berterusan menyediakan pelbagai latihan dan kursus sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan kemahiran teknikal dan hak asasi manusia pegawai dan kakitangan SUHAKAM. SUHAKAM secara konsisten menekankan pentingnya peningkatan pengetahuan yang berterusan dan pembangunan kemahiran dalam hak asasi manusia untuk menyokong pembangunan dan kemajuan kerjaya pegawai dan kakitangannya. UPSM juga memainkan peranan mengawasi pelaksanaan dan penyediaan faedah kebajikan. Di samping itu, peningkatan pengetahuan berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) juga diberikan kepada pegawai dan kakitangan sebagai kemahiran nilai tambah.

Meskipun begitu, penularan COVID-19 menyebabkan kebanyakan kursus dan latihan tidak dapat dijalankan secara bersemuka. Sebaliknya program dijalankan secara dalam talian untuk mematuhi prosedur operasi standard dan normal baharu yang ditetapkan kerajaan. Pandemik ini sedikit sebanyak telah mengubah pendekatan SUHAKAM dalam menjalankan program melalui kaedah dalam talian.

SUHAKAM dengan kerjasama Pejabat Pesuruhjaya Tinggi untuk Hak Asasi Manusia (OHCHR) dan Tabung Kanak-Kanak PBB (UNICEF) menganjurkan dua sesi latihan dalaman untuk semua kakitangan dan pesuruhjaya mengenai triti hak asasi manusia antarabangsa khususnya Konvensyen Antarabangsa mengenai Perlindungan Semua Orang daripada Kehilangan Yang Dipaksa (ICPPED) dan Latihan Kesaksamaan Orang Kurang Upaya (OKU). Kerjasama ini sangat bermanfaat dalam meningkatkan keupayaan pegawai dan kakitangan SUHAKAM sama ada yang berpengalaman atau baharu. SUHAKAM akan terus bekerjasama dengan pihak pemegang taruh termasuk badan hak asasi manusia antarabangsa untuk menganjurkan lebih banyak latihan memandangkan pentingnya peningkatan dan pembangunan mengenai pengetahuan hak asasi manusia yang praktikal dalam kalangan warga SUHAKAM.

UPSM turut mengambil inisiatif untuk menganjurkan latihan dalaman kepada pegawai dan kakitangan seperti dalam Jadual 21.

Jadual 21: Latihan dalaman

| BIL. | KURSUS/LATIHAN | TARIKH | TEMPAT/ PLATFORM |
|------|---|-------------------------------|----------------------|
| 1. | Taklimat mengenai 'Gangguan Seksual di Pejabat' oleh Cik Siti Aisyah Abdul Rahman, Pegawai, Bahagian Perundangan dan Triti Antarabangsa | 14, 26 dan 28 Februari | SUHAKAM Kuala Lumpur |
| 2. | Sesi Perkongsian Ilmu: Penggunaan Aplikasi Canva oleh En. Ahmad Afifi Ramli, Pegawai Bahagian Promosi dan Kemasyarakatan | 25 Mei | Dalam Talian |
| 3. | Latihan Kesaksamaan OKU oleh En. Peter Tan dan Cik Zoe Elizabeth anjuran UNICEF dengan kerjasama Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak (OCC) | 30 September hingga 2 Oktober | Dalam Talian |
| 4. | Pengenalan kepada Mekanisme Hak Asasi Manusia dan ICPPED anjuran bersama Kesatuan Eropah (EU) dan OHCHR | 27 dan 28 Oktober | Dalam Talian |

| BIL. | KURSUS/LATIHAN | TARIKH | TEMPAT/ PLATFORM |
|------|--|------------|---------------------|
| 5. | Kursus Kesedaran mengenai Transgender/ Orientasi Seksual dan Identiti Gender (SOGI) oleh Nisha Ayub dengan kerjasama Bahagian Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan | 30 Oktober | Dalam Talian |

Di samping itu UPSM juga mengambil inisiatif mengatur latihan dan kursus lain yang relevan, disediakan oleh pihak penyedia latihan termasuk institusi latihan kerajaan dan swasta seperti Jadual 22.

Jadual 22: Latihan anjuran institusi kerajaan

| BIL. | PENGANJUR | BIL. KURSUS |
|------|-------------------------------------|-------------|
| 1. | Institut Tadbir Awam Negara (INTAN) | 3 |
| 2. | E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA) | 5 |
| 3. | Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) | 1 |
| 4. | Universiti Malaya (UM) | 1 |

Kakitangan juga diberikan peluang untuk mengikuti pelbagai latihan dan kursus hak asasi manusia yang dianjurkan oleh pihak berkepentingan di peringkat antarabangsa. Namun, disebabkan COVID-19, semua kursus bagi tahun 2020 telah diadakan secara dalam talian seperti dalam Jadual 23.

Jadual 23: Latihan di peringkat antarabangsa

| BIL. | KURSUS/LATIHAN | TARIKH | TEMPAT |
|------|---|---------------------------|--------------|
| 1. | 'Blended Learning Course on Gender Mainstreaming' oleh Forum Asia Pasifik (APF) | 2 - 29 Februari | Dalam Talian |
| 2. | 'Understanding NHRIs and the Paris Principles' anjuran APF | 30 November - 18 Disember | Dalam Talian |

| BIL. | KURSUS/LATIHAN | TARIKH | TEMPAT |
|------|--|----------------|--------------|
| 3. | Kursus Pembelajaran Mengenai Hak Asasi Manusia, Gender dan Alam Sekitar/ Perubahan Iklim anjuran Institut Hak Asasi Manusia dan Undang-undang Kemanusiaan Raoul Wallenberg | 2 - 3 Disember | Dalam Talian |
| 4. | <i>The Essentials of Human Rights Due Diligence in Business</i> - Latihan untuk Institusi Serantau Asia anjuran bersama Suruhanjaya antara Kerajaan ASEAN mengenai Hak Asasi Manusia (AICHR), Program Pembangunan PBB (UNDP) dan Kementerian Kehakiman Thailand. | 1 - 2 Disember | Dalam Talian |

B. GERAN TAHUNAN OLEH KERAJAAN

Kerajaan hendaklah memperuntukkan dana yang mencukupi setiap tahun bagi membolehkan SUHAKAM melaksanakan mandat dan fungsi secara berkesan selari dengan Seksyen 19 (1) Akta SUHAKAM. Bagi tahun 2020, SUHAKAM menerima geran mengurus berjumlah RM12.45 juta (dan tambahan RM500,000 pada bulan April untuk OCC) walaupun permohonan asal yang dikemukakan adalah sebanyak RM15 juta. Peruntukan ini meliputi perbelanjaan operasi yang merangkumi peruntukan untuk elaun tetap pesuruhjaya, emolument untuk pegawai dan kakitangan, sewa pejabat dan program hak asasi manusia sepanjang tahun. Penyaluran geran mengurus adalah pada setiap suku tahun berdasarkan Jadual 24.

Jadual 24: Geran Mengurus Tahun 2020


| BIL. | AGIHAN GERAN MENGURUS | JUMLAH DITERIMA (RM) |
|---------------------------|--|----------------------|
| 1. | Suku Tahun Pertama (Januari – Mac) | 3,112,500.00 |
| 2. | Suku Tahun Kedua (April – Jun) | 3,112,500.00 |
| 3. | Suku Tahun Ketiga (Julai – September) | 3,112,500.00 |
| 4. | Suku Tahun Keempat (Oktober – Disember) | 3,112,500.00 |
| 5. | Peruntukan Tambahan (OCC) (April) | 500,000.00 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 12,950,000.00 |

Ketika kerajaan memutuskan untuk menubuhkan OCC pada tahun 2019 menjadikan jumlah keseluruhan pesuruhjaya adalah sebanyak sembilan orang, SUHAKAM menerima geran tambahan sebanyak RM500,000.00 daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) pada bulan September 2019 dan sekali lagi pada bulan April 2020 untuk menampung kos operasi OCC.

SUHAKAM juga menerima dana secara ad-hoc daripada organisasi berkaitan projek tertentu sebagaimana yang termaktub di bawah Seksyen 19 (2) dan 19 (3) Akta SUHAKAM, yang memperuntukkan bahawa SUHAKAM boleh menerima dana tanpa syarat daripada individu atau organisasi hanya bagi tujuan meningkatkan kesedaran dan memberikan pendidikan berkaitan hak asasi manusia, sebagaimana yang diluluskan oleh SUHAKAM.

SUHAKAM berpandangan, jumlah geran tahunan daripada kerajaan haruslah ditambah seiring dengan peningkatan keperluan dan tuntutan daripada kerajaan, masyarakat sivil dan orang awam secara keseluruhan. Di samping itu, Prinsip Paris menyatakan bahawa, sebagai sebuah Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan, SUHAKAM harus diberikan peruntukan yang mencukupi untuk membolehkan SUHAKAM melantik pegawai dan mempunyai premis atau pejabat sendiri. Ini juga bagi memastikan SUHAKAM adalah bebas dan tidak dikenakan kawalan kewangan oleh kerajaan yang boleh memberi kesan kepada kebebasan SUHAKAM.

Rajah 3 menunjukkan jumlah peruntukan Geran Mengurus yang disalurkan kepada SUHAKAM oleh kerajaan dari 2016 hingga 2020.



C. KEDUDUKAN DAN PRESTASI KEWANGAN


Pendapatan SUHAKAM diperolehi daripada Peruntukan Geran Mengurus yang disalurkan kerajaan setiap tahun, hibah dan keuntungan yang diterima daripada simpanan tetap. Kesemua pendapatan ini termasuklah dana projek yang diterima, digunakan untuk meningkatkan kesedaran, memberikan pendidikan dan mengatasi permasalahan berkaitan hak asasi manusia. Peruntukan geran mengurus yang disalurkan setiap tahun oleh kerajaan melalui Jabatan Perdana Menteri merupakan sumber dana utama SUHAKAM untuk menjalankan operasinya.

Keperluan perbelanjaan SUHAKAM adalah sejajar dengan tuntutan masyarakat agar SUHAKAM menangani lebih banyak isu hak asasi manusia di Malaysia. Perbelanjaan mengurus SUHAKAM bagi tahun 2020 berjumlah RM12,745,410.00.

Perbelanjaan utama adalah terdiri daripada emolument, perkhidmatan dan bekalan serta perolehan aset. Perbelanjaan emolument merangkumi pembayaran gaji dan upah, elaun tetap, sumbangan berkanun untuk kakitangan, elaun lebih masa dan faedah kewangan lain untuk 87 perjawatan yang diisi untuk tahun 2020.

Perbelanjaan untuk perkhidmatan dan bekalan adalah terdiri daripada perbelanjaan perjalanan, komunikasi dan utiliti, sewaan, bekalan, pembaikan dan penyelenggaraan, perkhidmatan profesional dan hospitaliti. Kos ini merangkumi perbelanjaan untuk menjalankan pelbagai program hak asasi manusia seperti siasatan di lapangan, program peningkatan kesedaran, lawatan ke pusat tahanan dan sebagainya. Manakala perolehan aset untuk tahun 2020 adalah merangkumi perolehan komputer, peralatan dan bahan bacaan.

Rajah 4 menunjukkan jumlah perbelanjaan SUHAKAM dari tahun 2016 hingga 2020




Perbelanjaan SUHAKAM bagi tahun 2020, tanpa mengambil kira susut nilai aset dan hapus kira adalah seperti berikut:

Jadual 25: Perbelanjaan SUHAKAM, 2020

| PERBELANJAAN | JUMLAH (RM) | PERATUSAN PERBELANJAAN |
|-------------------------------|-------------------|------------------------|
| Emolumen | 5,849,109 | 45.89% |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 6,653,473 | 52.2% |
| Aset | 152,827 | 1.2% |
| Ganjaran dan Pembayaran Tetap | 89,305 | 0.7% |
| Lain-lain Perbelanjaan | 696 | 0.01% |
| Jumlah Keseluruhan | 12,745,410 | 100.00% |

Rajah 5 menunjukkan perbandingan jumlah Peruntukan Geran Mengurus yang diterima dan perbelanjaan sebenar dari tahun 2016 hingga 2020.



D. PENYATA KEWANGAN SUHAKAM, 2016-2020

Berikut adalah Penyata Kewangan SUHAKAM bagi tahun 2016 hingga 2020:

Jadual 26: Penyata Pendapatan bagi tahun 2016 hingga 2020

| PENYATA PENDAPATAN | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 | 2020 |
|---|--------------------|----------------|------------------|----------------|------------------|
| Pendapatan | | | | | |
| Geran Kerajaan | 5,953,930 | 11,616,300 | 11,116,300 | 12,950,500 | 12,950,000 |
| Pendapatan Lain | 67,687 | 269,806 | 217,779 | 623,750 | 854,777 |
| Perbelanjaan Mengurus | (10,034,682) | (11,352,468) | (12,164,058) | (13,107,428) | (12,923,483) |
| Pendapatan Kewangan | 87,832 | 14,211 | 11,817 | 43,289 | 21,627 |
| LEBIHAN/ (KEKURANGAN) TAHUN SEMASA | (3,925,233) | 547,849 | (818,162) | 510,111 | 1,101,837 |

Jadual 27: Penyata kedudukan kewangan bagi tahun 2016 hingga 2020

| PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 | 2020 |
|--|------------------|------------------|------------------|------------------|------------------|
| ASET BUKAN SEMASA | | | | | |
| Loji, Tanah dan Peralatan | 532,137 | 446,154 | 283,298 | 274,015 | 294,858 |
| Jumlah Aset Bukan Semasa | 532,137 | 446,154 | 283,298 | 274,015 | 294,858 |
| ASET SEMASA | | | | | |
| Deposit dan Pelbagai Penghutang | 637,367 | 631,607 | 631,256 | 659,566 | 665,439 |
| Simpanan Tetap | 400,000 | - | 1,000,000 | 1,000,000 | - |
| Tunai dan Baki di Bank | 590,712 | 1,659,062 | 2,943,268 | 966,405 | 3,810,319 |
| Jumlah Aset Semasa | 1,628,079 | 2,290,669 | 4,574,524 | 2,625,971 | 4,475,758 |
| Jumlah Aset | 2,160,216 | 2,736,823 | 4,857,822 | 2,899,986 | 4,770,616 |
| EKUITI | | | | | |
| Lebihan/ (Kekurangan) Berkumpul | 5,936,927 | 2,011,694 | 2,559,543 | 1,741,381 | 2,207,717 |
| Pelarasan Tahun Semasa | - | - | - | (49,488) | - |
| Lebihan/ (Kekurangan) Tahun Semasa Bawa Ke hadapan | (3,925,233) | 547,849 | (818,162) | 510,824 | 1,101,837 |
| Jumlah Ekuiti | 2,011,694 | 2,559,543 | 1,741,381 | 2,202,717 | 3,304,554 |
| LIABILITI | | | | | |
| Pelbagai Pemiutang dan Akruan | 148,522 | 177,280 | 3,120,441 | 441,966 | 1,126,067 |


| PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 | 2020 |
|------------------------------------|------------------|------------------|------------------|------------------|------------------|
| Liabiliti Bukan Semasa | - | - | - | 255,303 | 339,995 |
| Jumlah Liabiliti | 148,522 | 177,280 | 3,120,441 | 697,269 | 1,466,062 |
| Jumlah Ekuiti dan Liabiliti | 2,160,216 | 2,736,823 | 4,861,822 | 2,899,986 | 4,770,616 |

HARAPAN MASA HADAPAN


Pengajaran yang diperolehi kesan daripada pandemik COVID-19 adalah untuk meningkatkan peralatan teknologi dan pengetahuan dalaman agar lebih bersiap siaga. SUHAKAM mengakui pentingnya pengurusan dan operasi keseluruhan yang fleksibel dan responsif terhadap faktor luaran dan perubahan yang tidak dijangka tanpa berkompromi dalam melaksanakan komitmen dan mandat yang diberikan kepada negara dan masyarakat.

Peningkatan permintaan serta jangkauan oleh kerajaan dan masyarakat, akibat daripada pertambahan penduduk dan peningkatan kesedaran mengenai hak asasi manusia memerlukan SUHAKAM menunjukkan prestasi yang lebih baik setiap tahun. Walaupun kekurangan kewangan, SUHAKAM akan terus mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di Malaysia di samping memenuhi mandat dan fungsinya sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta SUHAKAM.

SUHAKAM tetap optimis bahawa kerajaan akan melihat nilai dan kepentingan memperuntukkan geran tahunan yang mencukupi kepada SUHAKAM untuk tahun akan datang. Ini bagi membolehkan SUHAKAM terus menjalankan mandatnya secara lebih meluas dan cekap seterusnya memenuhi permintaan dan jangkauan yang makin meningkat daripada semua pihak terutama masyarakat awam secara keseluruhan.



LAMPIRAN



LAMPIRAN I

KENYATAAN MEDIA

| BIL. | TAJUK | TARIKH |
|------|---|---------|
| 1. | Pengumuman Siasatan Awam Terhadap Kehilangan Pastor Joshua Hilmy dan Ruth Hilmy | 26 Jan. |
| 2. | Pemansuhan Cubaan Bunuh Diri sebagai Kesalahan Jenayah dengan Pindaan Kanun Keseksaan | 5 Feb. |
| 3. | Hak untuk Bersuara dan Memberikan Pendapat | 3 Mac |
| 4. | Hari Wanita Sedunia 2020 | 8 Mac |
| 5. | Jangkitan COVID-19 di SUHAKAM | 11 Mac |
| 6. | Penularan Wabak Pandemik COVID-19 | 16 Mac |
| 7. | Hari Antarabangsa mengenai Penghapusan Diskriminasi Kaum | 21 Mac |
| 8. | Langkah-langkah yang diambil SUHAKAM Berkenaan kes COVID-19 | 27 Mac |
| 9. | Tatacara Tangkapan dan Penahanan Pesalah yang didakwa Melanggar PKP | 3 Apr. |
| 10. | Dialog Bersama NGO/CSO berkenaan Golongan Pelarian & Pencari Suaka | 15 Apr. |
| 11. | Dialog Bersama NGO/CSO berkenaan Pekerja Migran & Pekerja Migran Tanpa Dokumen | 17 Apr. |
| 12. | Dialog bersama NGO/CSO berkenaan Golongan Miskin Bandar, B40 dan Gelandangan | 23 Apr. |
| 13. | Isu dan Cabaran yang dihadapi oleh Orang Asli/Asal semasa PKP | 1 Mei |
| 14. | SUHAKAM meraikan Hari Kebebasan Akhbar Sedunia | 3 Mei |
| 15. | SUHAKAM Gesa Hentikan Tangkapan Migran Tanpa Dokumen semasa Krisis COVID-19 | 3 Mei |
| 16. | SUHAKAM Menyeru Rakyat Malaysia Menghentikan Prejudis Perkauman | 8 Jun |
| 17. | Hari Pelarian Sedunia: "Every Action Counts" | 20 Jun |
| 18. | SUHAKAM Menyeru kepada Perlindungan Kebebasan Bersuara dan Menyatakan Pendapat | 23 Jun |

| BIL. | TAJUK | TARIKH |
|------|--|----------|
| 19. | Hari Antarabangsa PBB Menyokong Mangsa Penyelesaian | 26 Jun |
| 20. | Kenyataan Kesat Berbaur Perkauman oleh Ahli Parlimen | 23 Julai |
| 21. | Hari Menentang Pamerdagangan Manusia Sedunia | 30 Julai |
| 22. | Undang-Undang Anti Lompat Parti perlu direalisasikan | 6 Ogos |
| 23. | Hari Antarabangsa Orang Asli/Asal Sedunia 2020 | 9 Ogos |
| 24. | SUHAKAM Menzahirkan Kebimbangan terhadap RUU IPCC 2020 | 27 Ogos |
| 25. | Hari Antarabangsa Mangsa Kehilangan Paksa | 30 Ogos |
| 26. | SUHAKAM Menyeru Penguatkuasaan Undang-undang yang Berkesan termasuk Penalti yang Lebih Berat kepada Pelaku Pencemaran Air | 6 Sept. |
| 27. | #RIDE4RIGHTS: Pelancaran Peraduan untuk Mempromosi Iklan Hak Asasi Manusia SUHAKAM | 7 Sept. |
| 28. | SUHAKAM Menyeru kepada Penubuhan Segera RCI untuk Meneliti Dakwaan Salah Laku Kehakiman | 14 Sept. |
| 29. | SUHAKAM Akan Memantau Pilihan Raya Negeri Sabah ke-16 | 21 Sept. |
| 30. | Penemuan Awal Pemantauan Pilihan Raya Negeri Sabah oleh SUHAKAM | 27 Sept. |
| 31. | Pemergian Datuk Liew Vui Keong | 3 Okt. |
| 32. | SUHAKAM Mengulangi Seruan untuk Penguatkuasaan Undang-undang yang Efektif & Hukuman lebih Tegas kepada Pelaku Pencemaran Air | 7 Okt. |
| 33. | SUHAKAM Menzahirkan Kebimbangan dengan Cadangan Pengisytiharan Darurat oleh Kerajaan untuk Membendung Wabak COVID-19 | 24 Okt. |
| 34. | SUHAKAM Menjunjung Kasih kepada KDYMM SPB YDP Agong atas Keputusan tidak Mengisytiharkan Darurat | 26 Okt. |

| BIL. | TAJUK | TARIKH |
|------|--|---------|
| 35. | SUHAKAM Mengalu-alukan Sokongan Kerajaan Malaysia untuk Moratorium Mengenai Hukuman Mati | 20 Nov. |
| 36. | SUHAKAM Kecewa Laporan Tahunan 2019 tidak dibahaskan di Parlimen tahun ini | 1 Dis. |
| 37. | Hari Orang Kurang Upaya Antarabangsa 2020 | 3 Dis. |
| 38. | Hari Migran Antarabangsa | 18 Dis. |

KENYATAAN MEDIA BERSAMA

| BIL. | TAJUK | TARIKH |
|------|---|---------|
| 1. | Kenyataan Media Bersama oleh SUHAKAM, Pusat KOMAS dan <i>Penang Institute</i> berkenaan Kod Tatakelakuan bagi Mempromosikan Peluang Saksama melalui Penghapusan Diskriminasi Kaum | 10 Feb. |
| 2. | Kenyataan Media Bersama oleh MOFA, BHEUU, SUHAKAM dan PBB Malaysia - 'Malaysia Meraikan Hari Hak Manusia: Pulih Dengan Lebih Baik – Berjuang untuk Hak Asasi Manusia' | 8 Dis. |

KENYATAAN MEDIA PEJABAT PESURUHJAYA KANAK-KANAK

| BIL. | TAJUK | TARIKH |
|------|---|---------|
| 1. | Sesi Rundingan Bersama Kanak-kanak | 4 Mac |
| 2. | Kebimbangan Jangkitan COVID-19 dalam Kalangan Kanak-kanak Tahfiz | 31 Mac |
| 3. | Dialog bersama NGO/CSO: Isu Kanak-kanak semasa PKP | 22 Apr. |
| 4. | Hari Menentang Buruh Kanak-kanak Sedunia 2020 | 12 Jun |
| 5. | Hak Pendidikan kepada Kanak-kanak: KPM Digesa Teroka Kaedah Baharu Pembelajaran | 24 Jun |
| 6. | Kanak-kanak Empat Tahun Meninggal Dunia dalam Kereta | 16 Ogos |
| 7. | Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia 2020 | 19 Nov. |

LAMPIRAN II

SENARAI AKTIVITI

| | |
|---------|---|
| CMG | - Kumpulan Aduan dan Pemantauan |
| MRD | - Bahagian Hubungan Media |
| ETD | - Bahagian Pendidikan dan Latihan |
| LITD | - Bahagian Perundangan dan Triti Antarabangsa |
| POD | - Bahagian Promosi dan Kemasyarakatan |
| SABAH | - Pejabat Sabah |
| ICD | - Bahagian Koordinasi Antarabangsa |
| SARAWAK | - Pejabat Sarawak |
| ESCRD | - Bahagian Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan |
| SUHAKAM | - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia |

| Bil. | TARIKH | AKTIVITI | TEMPAT/ PLATFORM | BAHAGIAN/ CAWANGAN |
|------|---------|--|------------------------------|-----------------------|
| 1. | 6 Jan. | Memorandum oleh Komuniti Orang Asli Kelantan: i. Cadangan membina empangan di Sungai Nenggiri oleh TNB ii. Pencemaran akibat pembalakan di tanah komuniti Orang Asli Bihai | SUHAKAM Kuala Lumpur | CMG |
| 2. | 9 Jan. | Lawatan kes ke Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Seremban | Seremban, Negeri Sembilan | OCC CMG |
| 3. | 13 Jan. | Lawatan ke Penjara Kajang berkenaan kes kematian dalam tahanan | Kajang, Selangor | CMG |
| 4. | 15 Jan. | Mesyuarat bersama Ketua Pengarah JAKOA berkenaan isu Orang Asli | Kuala Lumpur | CMG |

| Bil. | TARIKH | AKTIVITI | TEMPAT/ PLATFORM | BAHAGIAN/ CAWANGAN |
|------|-------------|--|---------------------------------|-----------------------|
| 5. | 16 Jan. | Memorandum oleh Suaram dan 39 NGO mengenai isu tambak laut di Pulau Pinang | SUHAKAM Kuala Lumpur | CMG |
| 6. | 17 Jan. | Lawatan kes ke Penjara Bentong | Bentong, Pahang | CMG |
| 7. | 18 Jan. | <i>Watching Brief:</i> Perlindungan daripada Pengangguran dan Kebebasan daripada Hukuman Kejam. Inkues Kematian Soosaimanickkam a/l Joseph | Ipoh, Perak | LITD |
| 8. | 18 -19 Jan. | Pameran sempena Persidangan Litigasi Strategik Kedua 2020 anjuran MCCHR | Kuala Lumpur | POD |
| 9. | 20 Jan. | <i>Watching brief:</i> Kebebasan memilih agama. Kes Rosliza Ibrahim Iwn. Kerajaan Negeri Selangor | Putrajaya | LITD |
| 10. | 21 Jan. | Lawatan rutin ke Penjara Pengkalan Chepa | Pengkalan Chepa, Kelantan | CMG |
| 11. | 21 Jan. | Lawatan ke AADK Pasir Mas | Pasir Mas, Kelantan | CMG |
| 12. | 22 Jan. | Lawatan berkala ke Lokap IPD Kota Bharu | Pengkalan Chepa, Kelantan | CMG |
| 13. | 22 Jan. | Perbincaraan di Mahkamah Shah Alam berkenaan Inkues Kes Tembakan di Rawang | Shah Alam, Selangor | CMG |

| Bil. | TARIKH | AKTIVITI | TEMPAT/ PLATFORM | BAHAGIAN/ CAWANGAN |
|-------------|---------------|--|-----------------------------|-------------------------------|
| 14. | 24 Jan. | Lawatan kes ke WRP Asia Pacific Sdn. Bhd. berkenaan dakwaan pelanggaran hak asasi manusia | Sepang, Selangor | CMG |
| 15. | 25 Jan. | Perbincangan bersama Persatuan Penduduk PPR Krubong, Melaka mengenai program SUHAKAM Bersama Masyarakat | Krubong, Melaka | POD |
| 16. | 28 Jan. | Lawatan ke IPD Klang Selatan susulan aduan yang diterima | Klang, Selangor | CMG |
| 17. | 29 Jan. | Lawatan ke Hospital Ipoh dan siasatan mengenai dakwaan penderaan seksual terhadap kanak-kanak | Ipoh, Perak | CMG |
| 18. | 30 Jan. | Lawatan ke Lokap Berpusat Bayan Baru bagi memantau penubuhan CMU | Bayan Baru, Pulau Pinang | CMG |
| 19. | 3 Feb. | Perbincangan bersama wakil Universiti Selangor (UNISEL) mengenai kem <i>Youth For Rights</i> | Bestari Jaya, Selangor | POD |
| 20. | 5 Feb. | Lawatan ke Hospital Bahagia Ulu Kinta dan siasatan mengenai dakwaan penderaan seksual terhadap kanak-kanak | Ulu Kinta, Perak | CMG |
| 21. | 6 Feb. | Mesyuarat bersama Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia bagi persediaan Kolokium Kehakiman 2020 | Putrajaya | LITD |

| Bil. | TARIKH | AKTIVITI | TEMPAT/ PLATFORM | BAHAGIAN/ CAWANGAN |
|-------------|---------------|---|-----------------------------|-------------------------------|
| 22. | 9 Feb. | Perkhidmatan Komuniti Bergerak anjuran Kementerian Kewangan | Kudat, Sabah | SABAH |
| 23. | 10 Feb. | Pelancaran Tatakelakuan untuk Mempromosi Kesaksamaan Peluang melalui Penghapusan Diskriminasi Kaum dengan kerjasama Pusat Komas | Pulau Pinang | ESCRD |
| 24. | 11 - 28 Feb. | <i>Watching Brief:</i> Perlindungan daripada Pengangguran dan Kebebasan daripada Hukuman Kejam. Inkues Kematian Soosaimanickam a/l Joseph | Ipoh, Perak | LITD |
| 25. | 12 Feb. | Program Literasi Hak Asasi Manusia bersama pegawai Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) | Pekan, Pahang | POD |
| 26. | 12 Feb. | Perkhidmatan Komuniti Bergerak anjuran Kementerian Kewangan | Kota Marudu | OCC |
| 27. | 12 Feb. | Lawatan kes ke IPD Kuantan berkaitan kematian Warganegara Syria | Kuantan, Pahang | CMG |
| 28. | 12 Feb. | Lawatan ke Lokap Berpusat Indera Mahkota untuk memantau Penubuhan CMU | Kuantan, Pahang | CMG |
| 29. | 13 Feb. | Lawatan kes ke Penjara Kajang berkaitan dakwaan pelanggaran hak asasi manusia | Kajang, Selangor | CMG |

| Bil. | TARIKH | AKTIVITI | TEMPAT/ PLATFORM | BAHAGIAN/ CAWANGAN |
|-------------|---------------|---|-----------------------------|-------------------------------|
| 30. | 13 Feb. | Pameran sempena Majlis Amanat Tahun Baharu 2020 Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) anjuran BHEUU | Putrajaya | POD |
| 31. | 13 Feb. | Mesyuarat dengan Mufti Wilayah Persekutuan | Putrajaya | LITD ESCRD |
| 32. | 14 Feb. | Mesyuarat Gabungan ACT4CAT | Kuala Lumpur | POD |
| 33. | 18 – 19 Feb. | Inkuiri Awam mengenai Kehilangan Joshua Hilmy & Ruth Sitepu (Sesi 1) | Kuala Lumpur | ETD |
| 34. | 18 Feb. | Kursus Kepentingan Hak Asasi Manusia Dalam Tindakan Penguatkuasaan di Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (IDB) | SUHAKAM Kuala Lumpur | CMG |
| 35. | 19 Feb. | Pameran sempena Seminar Pelan Tindakan Nasional Mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (NAPBHR) | Putrajaya | POD ESCRD |
| 36. | 20 Feb. | Lawatan kes ke IPD Temerloh dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Temerloh berkaitan aduan mengenai kanak-kanak | Temerloh, Pahang | CMG |
| 37. | 20 Feb. | Mesyuarat bersama peguam berkenaan isu kanak-kanak | Raub, Pahang | CMG |

| Bil. | TARIKH | AKTIVITI | TEMPAT/ PLATFORM | BAHAGIAN/ CAWANGAN |
|-------------|---------------|---|-----------------------------|-------------------------------|
| 38. | 20 Feb. | Lawatan kes ke IPD Lubuk Antu dan Balai Polis Engkili berkaitan kematian dalam tahanan | Sarawak | CMG SARAWAK |
| 39. | 21 Feb. | Program <i>Youth for Rights</i> bersama pelajar Kolej Komuniti Jelevu | Jelevu, Negeri Sembilan | POD |
| 40. | 24 Feb. | Lawatan kes ke Hospital Kuala Lumpur berkaitan dakwaan keganasan oleh warden penjara | Kuala Lumpur | CMG |
| 41. | 24 Feb. | Lawatan ke Penjara Dusun Dato' Murad dan Rumah Perlindungan Tanjung Kling | Melaka | CMG |
| 42. | 25 Feb. | Perjumpaan bersama JAWI berhubung laporan <i>Study on Discrimination Against Transgender Persons</i> | Kuala Lumpur | ESCRD |
| 43. | 26 Feb. | Lawatan kes ke Hospital Tengku Ampuan Hafzan berkaitan kematian warganegara Syria | Kuantan, Pahang | CMG |
| 44. | 27 Feb. | Pameran sempena Majlis Pelancaran Kempen Kesedaran Hak Beribadah Orang Kurang Upaya anjuran MACSA dan Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam | Shah Alam, Selangor | POD |
| 45. | 2 - 4 Mac | Inkuiri Awam mengenai Kehilangan Joshua Hilmy & Ruth Sitepu (Sesi 2, 3 dan 4) | SUHAKAM Kuala Lumpur | CMG |

| Bil. | TARIKH | AKTIVITI | TEMPAT/ PLATFORM | BAHAGIAN/ CAWANGAN |
|------|--------|--|-------------------------|-----------------------|
| 46. | 3 Mac | Bengkel Semakan Semula Silibus Institut Pendidikan Guru (IPG) Lembah Pantai | Kuala Lumpur | ETD |
| 47. | 6 Mac | Mesyuarat Bersama UNDP Malaysia untuk membincangkan Kolokium Kehakiman 2020 | Putrajaya | LITD |
| 48. | 6 Mac | Memorandum oleh Parti Rakyat Malaysia berkenaan pelanggaran hak asasi manusia | SUHAKAM Kuala Lumpur | CMG |
| 49. | 8 Mac | Pemantau bagi perhimpunan sempena Hari Wanita Antarabangsa | Kuala Lumpur | CMG |
| 50. | 9 Mac | Mesyuarat susulan bersama wakil transgender mengenai laporan <i>Study on Discrimination Against Transgender Persons</i> | SUHAKAM Kuala Lumpur | ESCRD |
| 51. | 9 Mac | Lawatan ke SK Gopeng berkenaan kes kanak-kanak berpendidikan khas. | Gopeng, Perak | CMG |
| 52. | 11 Mac | Lawatan ke Lokap Berpusat Shah Alam untuk memantau penubuhan CMU | Shah Alam, Selangor | CMG |
| 53. | 12 Mac | <i>Watching Brief</i> : Hak Kewarganegaraan Nalvin Dhillon a/l Narangan Singh lwn. Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara & 2 ors | Kuala Lumpur | LITD |

| Bil. | TARIKH | AKTIVITI | TEMPAT/ PLATFORM | BAHAGIAN/ CAWANGAN |
|-------------|---------------|--|-----------------------------|-------------------------------|
| 54. | 9 Apr. | Sesi Dialog bersama komuniti pelarian dan UNHCR | Dalam Talian | CMG |
| 55. | 13 Apr. | Sesi Dialog berkaitan Pekerja Migran dan Pekerja Migran Tanpa Dokumen | Dalam Talian | ESCRD LITD CMG |
| 56. | 16 Apr. | Sesi Dialog Menilai Keperluan Masyarakat Miskin Bandar dan Gelandangan | Dalam Talian | CMG |
| 57. | 16 Apr. | Sesi Dialog Berkenaan Impak COVID-19 terhadap Golongan B40 | Dalam Talian | ETD |
| 58. | 20 Apr. | Sesi Dialog bersama NGO/CSO mengenai Penilaian Keperluan Masyarakat Orang Asli dan Langkah-langkah Seterusnya dalam Menghadapi Pandemik COVID-19 | Dalam Talian | CMG |
| 59. | 23 Apr. | Sesi Dialog Mengenai Orang Asal di Sabah dan Sarawak | Dalam Talian | CMG |
| 60. | 20 Mei | Mesyuarat Gabungan ACT4CAT | Dalam Talian | POD |
| 61. | 28 Mei | Perjumpaan dengan Ketua Bahagian Kesihatan AADK mengenai langkah pencegahan yang diambil untuk mencegah penularan COVID-19 di pusat tahanan AADK | Dalam Talian | CMG |

| Bil. | TARIKH | AKTIVITI | TEMPAT/ PLATFORM | BAHAGIAN/ CAWANGAN |
|------|--------|--|-------------------------|-----------------------|
| 62. | 5 Jun | Lawatan ke Pusat Tahanan Sementara di Kolej Penjara Kajang | Kajang, Selangor | CMG |
| 63. | 16 Jun | Lawatan kes kematian dalam tahanan ke IPD Bentong | Bentong, Pahang | CMG |
| 64. | 17 Jun | Konsultasi SUHAKAM mengenai kesan COVID-19 terhadap wanita di Malaysia | Dalam Talian | LITD |
| 65. | 25 Jun | Mesyuarat bersama komuniti Rohingya | Bagan Serai, Perak | CMG |
| 66. | 25 Jun | Mesyuarat bersama Majlis Daerah Kerian | Kerian, Perak | CMG |
| 67. | 25 Jun | Mesyuarat bersama Ketua Kampung Jalan Taiping dan Kampung Masjid Tinggi | Bagan Serai, Perak | CMG |
| 68. | 30 Jun | Ceramah kepada Universiti Utara Malaysia mengenai Dilema Pelarian di Malaysia | Dalam Talian | ETD |
| 69. | 30 Jun | <i>Watching Brief:</i> Penghapusan segala bentuk diskriminasi terhadap wanita dan perlindungan daripada diskriminasi. Kes PP V Hazrul Hizham Ghazali | Petaling Jaya, Selangor | LITD |
| 70. | 30 Jun | Lawatan kerja ke Kementerian Sumber Manusia | Putrajaya | CMG |
| 71. | 1 Jul. | Ceramah mengenai "Isu hak asasi manusia" kepada pelajar Universiti Industri Selangor (UNISEL) | Dalam Talian | ETD |

| Bil. | TARIKH | AKTIVITI | TEMPAT/ PLATFORM | BAHAGIAN/ CAWANGAN |
|-------------|---------------|---|-----------------------------|-------------------------------|
| 72. | 6 Jul. | Mesyuarat bersama Komuniti Protes Eksplorasi Bukit Kledang | Perak | CMG |
| 73. | 8 Jul. | Lawatan kes ke IPD Dang Wangi | Kuala Lumpur | CMG |
| 74. | 8 Jul. | <i>Watching Brief:</i> Penghapusan segala bentuk diskriminasi terhadap wanita dan perlindungan dari diskriminasi Kes PP V Hazrul Hizham Ghazali | Petaling Jaya, Selangor | LITD |
| 75. | 8 Jul. | <i>Watching Brief:</i> Kes Pelajar Tahfiz | Temerloh, Pahang | OCC |
| 76. | 8 Jul. | Program Literasi Hak Asasi Manusia bersama pegawai di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) | Online | POD |
| 77. | 8 Jul. | Lawatan kes ke Lokap Berpusat Jinjang | Kuala Lumpur | CMG |
| 78. | 15 Jul. | <i>Watching Brief:</i> Perlindungan terhadap pelarian dan pencari suaka. Kes Mohammad Huson & 32 Ors lwn. Pendakwa Raya | Alor Star, Kedah | LITD |
| 79. | 15 Jul. | Lawatan kes kematian dalam tahanan ke Penjara Sungai Buloh | Sungai Buloh, Selangor | CMG |
| 80. | 19 Jul. | Lawatan kes ke Kem Bina Negara Wawasan, | Langkawi, Kedah | CMG |

| Bil. | TARIKH | AKTIVITI | TEMPAT/ PLATFORM | BAHAGIAN/ CAWANGAN |
|------|---------|---|-------------------------|-----------------------|
| 81. | 20 Jul. | Perjumpaan bersama Pegawai Polis Daerah, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Majistret, Mahkamah Majistret Langkawi mengenai perkembangan terkini berkaitan dengan pelarian Rohingya di Langkawi | Langkawi, Kedah | CMG |
| 82. | 22 Jul. | <i>Watching Brief:</i> Perlindungan terhadap pelarian dan pencari suaka. Kes Mohammad Huson & 32 Ors lwn. Pendakwa Raya | Alor Star, Kedah | LITD |
| 83. | 23 Jul. | Memorandum oleh Suaram mengenai Isu Kekasaran terhadap pembela hak asasi manusia, aktivis dan penentang politik | SUHAKAM Kuala Lumpur | CMG |
| 84. | 23 Jul. | Memorandum oleh Kesatuan Nasional Untuk Pekerja Sokongan Hospital dan Perkhidmatan Bersekutu (NUWHSAS) mengenai aduan penangkapan salah aktivis kesatuan semasa perhimpunan aman | SUHAKAM Kuala Lumpur | CMG |

| Bil. | TARIKH | AKTIVITI | TEMPAT/ PLATFORM | BAHAGIAN/ CAWANGAN |
|------|----------------------|--|----------------------|-----------------------|
| 85. | 24 Jul. | Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara SUHAKAM, Komnas HAM dan CHRP mengenai Isu Tanpa Kewarganegaraan di Sabah | Dalam talian | ICMRD |
| 86. | 27 Jul. | Mesyuarat OCC dengan Dr. Malini dari Pembangunan Sumber Manusia untuk Kawasan Luar Bandar (DHRRA) mengenai isu kanak-kanak tanpa kewarganegaraan / tanpa dokumen | Kuala Lumpur | OCC |
| 87. | 28 Jul. | Rundingan dan Dialog Dalam Talian Mengenai Kanak-kanak tanpa kewarganegaraan di Semenanjung | Dalam Talian | OCC |
| 88. | 4, 7, 16,18, 21 Ogos | <i>Watching Brief:</i> Penghapusan segala bentuk diskriminasi terhadap wanita dan perlindungan dari diskriminasi. Kes PP Iwn. Hazrul Hizham Ghazali | Klang, Selangor | LITD |
| 89. | 6 Ogos | Mesyuarat bersama FGV berkenaan isu pekerja migran di Semenanjung Malaysia dan Sabah | SUHAKAM Kuala Lumpur | CMG |
| 90. | 9 Ogos | Mesyuarat bersama keluarga berkaitan kes kematian dalam tahanan | Segamat, Johor | CMG |
| 91. | 10 Ogos | Menyuarat bersama pegawai penyiasat kes kematian dalam tahanan | Segamat, Johor | CMG |

| Bil. | TARIKH | AKTIVITI | TEMPAT/ PLATFORM | BAHAGIAN/ CAWANGAN |
|-------------|---------------|---|-----------------------------|-------------------------------|
| 92. | 10 Ogos | Lawatan kes ke Depot Imigresen Putrajaya | Putrajaya | CMG |
| 93. | 12 Ogos | Inkuiri Awam mengenai Kehilangan Joshua Hilmy & Ruth Sitepu (Sesi 5) | SUHAKAM Kuala Lumpur | CMG |
| 94. | 17 Ogos | Lawatan berkala ke Lokap Balai Polis Jalan Patani | Pulau Pinang | CMG |
| 95. | 17-19 Ogos | Bengkel Penyediaan SOP CMU | Pulau Pinang | CMG |
| 96. | 18 Ogos | Perjumpaan bersama Menteri Hal Ehwal Agama YB Senator Datuk Dr. Zulkifli Al Bakri | Kuala Lumpur | ESCRD |
| 97. | 24 Ogos | Inkuiri Awam mengenai Kehilangan Joshua Hilmy & Ruth Sitepu (Sesi 6) | SUHAKAM Kuala Lumpur | CMG |
| 98. | 25 Ogos | Forum Hak Kanak-kanak untuk Sekolah Tahfiz anjuran OCC dan MACSA | Online | OCC |
| 99. | 25 Ogos | Temubual bersama perunding forensik berkenaan kematian dalam tahanan melibatkan banduan di Penjara Sungai Buloh | Sungai Buloh, Selangor | CMG |
| 100. | 26 Ogos | Lawatan kes ke Asrama Akhlak Rusila | Marang, Terengganu | OCC CMG |
| 101. | 27 Ogos | Lawatan kes ke IPD Ipoh dan Balai Polis Pekan Baru | Ipoh, Perak | CMG |
| 102. | 27 Ogos | Memorandum oleh Parti Sosialis Malaysia (Cawangan Semenyih) berkaitan mangsa penipuan dalam talian | SUHAKAM Kuala Lumpur | CMG |

| Bil. | TARIKH | AKTIVITI | TEMPAT/ PLATFORM | BAHAGIAN/ CAWANGAN |
|------|------------|--|-----------------------------|-----------------------|
| 103. | 1 Sept. | Kunjungan hormat kepada Wakil Malaysia di Suruhanjaya Bebas Tetap Hak Asasi Manusia (IPHRC) Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) | Bandar Baru Bangi, Selangor | POD |
| 104. | 1 -2 Sept. | Inkuiri Awam mengenai Kehilangan Joshua Hilmy & Ruth Sitepu (Sesi 7 dan 8) | SUHAKAM Kuala Lumpur | CMG |
| 105. | 3 Sept. | Lawatan kes ke Penjara Kajang berkenaan kematian tahanan di lokap IPD Dang Wangi | Penjara Kajang, Selangor | CMG |
| 106. | 3 Sept. | <i>Watching Brief:</i> Penghapusan segala bentuk diskriminasi terhadap wanita dan perlindungan dari diskriminasi. Kes PP V Hazrul Hizham Ghazali | Klang, Selangor | LITD |
| 107. | 4 Sept. | Taklimat Pemerhati Pilihan Raya DUN Sabah ke -16 | Putrajaya | CMG |
| 108. | 4 Sept. | <i>Watching Brief:</i> Perlindungan daripada Pengangguran dan Kebebasan daripada Hukuman Kejam. Inkuis Kematian Soosaimanickkam a/l Joseph. | Ipoh, Perak | LITD |
| 109. | 9 Sept. | Pelancaran Pertandingan #RIDE4RIGHTS | Sungai Buloh, Selangor | POD |
| 110. | 10 Sept. | Inkuiri Awam mengenai Kehilangan Joshua Hilmy & Ruth Sitepu (Sesi 9) | SUHAKAM Kuala Lumpur | CMG |

| Bil. | TARIKH | AKTIVITI | TEMPAT/ PLATFORM | BAHAGIAN/ CAWANGAN |
|-------------|-----------------|--|------------------------------|-------------------------------|
| 111. | 11 Sept. | Lawatan kes ke Depot Imigresen Lenggeng | Lenggeng, Negeri Sembilan | CMG |
| 112. | 11 Sept. | <i>Watching brief:</i> Mohd Alif Anas Bin Md Noor Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung(GPMS) lwn. Menteri Pendidikan & Ors | Kuala Lumpur | LITD |
| 113. | 14 Sept. | Lawatan ke Kedutaan Nepal | Kuala Lumpur | CMG |
| 114. | 14 -18 Sept. | Lawatan kes, dialog dan perjumpaan di Kampung Marak Parak | Kota Marudu, Sabah | OCC SABAH |
| 115. | 15 Sept. | Program SUHAKAM Bersama Masyarakat bersama komuniti pekebun | Batang Padang, Perak | POD |
| 116. | 15 Sept. | Lawatan kes ke Penjara Sungai Udang berkenaan isu kematian | Sungai Udang, Melaka | CMG |
| 117. | 17 Sept. | Inkuiri Awam mengenai Kehilangan Joshua Hilmy & Ruth Sitepu (Sesi 10) | SUHAKAM Kuala Lumpur | CMG |
| 118. | 18 Sept. | Lawatan kes ke Penjara Kajang berkaitan kematian | Kajang, Selangor | CMG |
| 119. | 21 Sept. | Inkuiri Awam mengenai Kehilangan Joshua Hilmy & Ruth Sitepu (Sesi 11) | SUHAKAM Kuala Lumpur | LITD |
| 120. | 21-27 Sept. | Pemantauan Pilihan Raya DUN Sabah ke -16 | Sabah | SUHAKAM |

| Bil. | TARIKH | AKTIVITI | TEMPAT/ PLATFORM | BAHAGIAN/ CAWANGAN |
|-------------|---------------|---|-----------------------------|-------------------------------|
| 121. | 23 Sept. | Lawatan kes ke Pusat Koreksional Ulu Choh berkaitan aduan pelanggaran hak asasi manusia | Johor | CMG |
| 122. | 24 Sept. | Lawatan kes ke Depot Imigresen Kemayan Triang | Temerloh, Pahang | CMG |
| 123. | 1 Okt. | Lawatan kes ke Hospital Alor Gajah berkenaan kes kematian | Alor Gajah, Melaka | CMG |
| 124. | 1 Okt. | Lawatan ke Penjara Sungai Udang berkenaan kes kematian. | Sungai Udang, Melaka | CMG |
| 125. | 19 Okt. | <i>Watching Brief:</i> Perlindungan daripada Pengangguran dan Kebebasan daripada Hukuman Kejam. Inkues Kematian Soosaimanickkam a/l Joseph. | Ipoh, Perak | LITD |
| 126. | 19 Okt. | Mesyuarat bersama KOMNAS HAM berkenaan layanan terhadap migran tanpa dokumen di Sabah | Dalam talian | CMG |
| 127. | 21 Okt. | <i>Watching Brief:</i> Hak Kewarganegaraan Nalvin Dhillon a/l Narangan Singh v Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara & 2 ors | Kuala Lumpur | LITD |

| Bil. | TARIKH | AKTIVITI | TEMPAT/ PLATFORM | BAHAGIAN/ CAWANGAN |
|------|---------|---|---------------------|-----------------------|
| 128. | 22 Okt. | Perbincangan mengenai Masalah, Cabaran dan Langkah-langkah yang harus diambil untuk menangani kudis buta di pusat tahanan | Dalam talian | CMG |
| 129. | 23 Okt. | Memorandum oleh NGO (<i>Malaysian Support Group of Democracy in Thailand</i>) mengenai isu perhimpunan di Thailand | Dalam Talian | CMG |
| 130. | 23 Okt. | Mesyuarat Gabungan ACT4CAT | Dalam Talian | POD |
| 131. | 26 Okt. | <i>Watching Brief:</i> Perlindungan daripada Pengangguaran dan Kebebasan daripada Hukuman Kejam. Inkues Kematian Soosaimanickkam a/l Joseph | Ipoh, Perak | LITD |
| 132. | 28 Okt. | Mesyuarat bersama NGO Sabah berkenaan kes COVID-19 di Semporna, Sabah | Dalam Talian | CMG |
| 133. | 5 Nov. | Sesi Kajian mengenai Panduan APT: Memantau Tempat Tahanan berikutan Pandemik COVID-19 | Dalam talian | CMG |
| 134. | 7 Nov. | Sesi Rundingan bersama Kanak-kanak di Sabah | Dalam talian | OCC SABAH |
| 135. | 11 Nov. | Mesyuarat bersama Kedutaan Filipina | Dalam talian | CMG |
| 136. | 12 Nov. | Sidang Media mengenai situasi di tempat tahanan semasa COVID-19 | Dalam talian | CMG ICMRD |

| Bil. | TARIKH | AKTIVITI | TEMPAT/ PLATFORM | BAHAGIAN/ CAWANGAN |
|-------------|------------------------------|---|-----------------------------|-------------------------------|
| 137. | 13, 16, 19, 20, 23 & 24 Nov. | <i>Watching Brief:</i> Penghapusan segala bentuk diskriminasi terhadap wanita dan perlindungan dari diskriminasi. PP V Hazrul Hizham Ghazali. | Klang, Selangor | LITD |
| 138. | 16 Nov. | Perbincangan dengan Persatuan Ibu Tunggal Sarawak | Dalam Talian | OCC SARAWAK |
| 139. | 26 Nov. | Perbincangan meja bulat mengenai Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) 2020 | Dalam Talian | LITD |
| 140. | 26 Nov. | Webinar Menangani Isu Rotan, Buang Sekolah dan Buli/Keganasan di Sekolah | Dalam Talian | LITD OCC |
| 141. | 30 Nov. | Mesyuarat bersama IPD Kota Marudu, Sabah | Dalam Talian | OCC |
| 142. | 30 Nov. | Ceramah mengenai Konvensyen Antarabangsa mengenai Penghapusan Diskriminasi Perkauman kepada pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) | Dalam Talian | ETD |
| 143. | 30 Nov. | Mesyuarat bersama Hospital Kota Marudu | Dalam Talian | OCC |
| 144. | 3 Dis. | Perbincangan Mengenai Akses Rawatan Virus Hepatitis C di Penjara | Dalam Talian | CMG |
| 145. | 5 Dis. | Ceramah mengenai UNCAT kepada pelajar USIM | Dalam Talian | ETD |

| Bil. | TARIKH | AKTIVITI | TEMPAT/ PLATFORM | BAHAGIAN/ CAWANGAN |
|------|---------|---|-----------------------|-----------------------|
| 146. | 9 Dis. | Perbincangan mengenai isu pekerja ladang kelapa sawit bersama kumpulan <i>Roundtable on Sustainable Palm Oil</i> (RSPO) | Dalam Talian | CMG |
| 147. | 10 Dis. | <i>Watching Brief</i> : Dalam Perkara Sumpah Pejabat Perlembagaan Datuk Dr. Haji Hamid Sultan bin Abu Backer, Hakim, Mahkamah Rayuan, Menurut Perkara 124 & Jadual Keenam Perlembagaan Persekutuan dan lain-lain. | Kuala Lumpur | LITD |
| 148. | 10 Dis. | Majlis MoU antara SUHAKAM dan Pusat Kebangsaan Republik Uzbekistan untuk Hak Asasi Manusia | Dalam Talian | ICMRD |
| 149. | 14 Dis. | <i>Watching Brief</i> : Semakan Kehakiman Seksyen 28 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 Kes Iki Putra v Kerajaan Negeri Selangor | Putrajaya | LITD |
| 150. | 14 Dis. | Lawatan ke Ladang Kelapa Sawit FGV (Felda Basout 6 dan 8) | Slim River, Perak | CMG |
| 151. | 15 Dis. | <i>Watching Brief</i> : PP v Muhammad Aiman bin Abdul Razzaq & 3 lagi. Kes melibatkan kanak-kanak di Rumah Budak Laki-laki (RBL) Tun Abdul Aziz | Melaka Tengah, Melaka | OCC |
| 152. | 15 Dis. | Mesyuarat bersama NHRC Nepal dan NGO | Dalam Talian | CMG |

| Bil. | TARIKH | AKTIVITI | TEMPAT/ PLATFORM | BAHAGIAN/ CAWANGAN |
|-------------|---------------|---|-----------------------------|-------------------------------|
| 153. | 16 Dis. | <i>Amicus Curiae:</i> Kebebasan memilih agama Rosliza Ibrahim v Kerajaan Negeri Selangor | Putrajaya | LITD |
| 154. | 18 Dis. | Mesyuarat bersama MMC Gamuda mengenai aduan layanan terhadap pekerja pekerja | Dalam Talian | CMG |
| 155. | 18 Dis. | Mesyuarat dengan Doktor Hospital Melaka | Dalam Talian | CMG |
| 156. | 22 Dis. | Mesyuarat dengan Pn. Mary Shanti Dairiam mantan Pengarah Eksekutif IWRAW Asia Pasifik | Dalam Talian | LITD |
| 157. | 23 Dis. | Perjumpaan dengan Jabatan Forensik, Hospital Sungai Buloh | Dalam Talian | CMG |
| 158. | 29 Dis. | Program Hak Kanak- kanak untuk Sekolah Tahfiz – Zon Tengah | Dalam Talian | OCC ETD |
| 159. | 30 Dis. | Temu bual dengan Penolong Pegawai Perubatan Klinik, Penjara Sungai Buloh | Dalam Talian | CMG |

LAMPIRAN III

SENARAI CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN – PERINGKAT KEBANGSAAN

| BIL. | TARIKH / TEMPAT / PLATFORM | CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN | WAKIL |
|------|-----------------------------------|---|--|
| 1. | 7 Jan. Putrajaya | Jemputan ke Sesi Perbincangan Sekretariat dan Pegawai Penyelidik Kajian Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori | <ul style="list-style-type: none"> Jesrina Grewal |
| 2. | 9 Jan. SUHAKAM Kuala Lumpur | Mesyuarat bersama BHRRC mengenai proses NAP Malaysia. | <ul style="list-style-type: none"> Dato' Mah Weng Kwai Dr. Cheah Swee Neo Jesrina Grewal Paremeswari Subramaniam Helmi Fendy Mohammad Idris |
| 3. | 9 Jan. Kuala Lumpur | Bengkel: <i>Streaming the Victim Identification and Approvals Process</i> | <ul style="list-style-type: none"> Datuk Lok Yim Pheng |
| 4. | 10 -11 Jan. Kuala Lumpur | Bengkel: Latihan mengenai Pemerkasaan Pelarian Wanita anjuran UNHCR Malaysia | <ul style="list-style-type: none"> Chua Yen Sin |
| 5. | 13 Jan. Bangi, Selangor | Sesi Perbincangan Pembangunan Pelan Tindakan Nasional Berkaitan Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (NAPBHR) | <ul style="list-style-type: none"> Dr. Cheah Swee Neo Paremeswari Subramaniam |
| 6. | 14 Jan. Putrajaya | Sesi Perbincangan Keluarga Mangsa bersama Jawatankuasa Khas Kajian Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori | <ul style="list-style-type: none"> Jesrina Grewal |

| BIL. | TARIKH / TEMPAT / PLATFORM | CERAMAH, MESYUARAT, BENKEL DAN PERSIDANGAN | WAKIL |
|-------------|---|--|---|
| 7. | 14 Jan. Kuala Lumpur | Bengkel mengenai penilaian sistem pelaporan dan rujukan berkaitan buruh paksa dan kesalahan yang berkaitan | <ul style="list-style-type: none"> Abdul Rahman Abdullah Muhammad Faiz Abd Rahman |
| 8. | 15 Jan. Putrajaya | Mesyuarat bersama Human Rights Watch | <ul style="list-style-type: none"> Dr. Cheah Swee Neo Paremeswari Subramaniam |
| 9. | 15 Jan. Ampang, Selangor | Mesyuarat bersama JAKOA | <ul style="list-style-type: none"> En. Jerald Joseph Dr. Cheah Swee Neo |
| 10. | 15 -16 Jan. Kuala Lumpur | Forum Pembangunan Ungku Aziz mengenai Ketidaksaksamaan | <ul style="list-style-type: none"> Abel Athi Kumar |
| 11. | 17-18 Jan. Kuala Lumpur | Bengkel Susulan mengenai Memperkasa Pelarian Wanita anjuran UNHCR Malaysia | <ul style="list-style-type: none"> Chua Yen Sin |
| 12. | 18-19 Jan. Kuala Lumpur | Persidangan Litigasi Strategik anjuran BCHRC-MCCHR | <ul style="list-style-type: none"> Dato' Mah Weng Kwai |
| 13. | 19-21 Jan. Putrajaya | Laporan Akhir Kajian Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori | <ul style="list-style-type: none"> Jesrina Grewal |
| 14. | 20 Jan. SUHAKAM Kuala Lumpur | Mesyuarat bersama MTAAG+ mengenai Hak untuk Kesihatan di Penjara | <ul style="list-style-type: none"> Paremeswari Subramaniam Siti Rahayu Mohamed Noor Simon Karunagaram Aida Suraya Haron |
| 15. | 20 -21 Jan. Putrajaya | Mesyuarat berkaitan hukuman mati | <ul style="list-style-type: none"> Dato' Mah Weng Kwai |
| 16. | 21 Jan. Kuala Lumpur | Konsultasi KLN bersama Pemegang Taruh mengenai Komitmen Malaysia terhadap Beijing + 25 | <ul style="list-style-type: none"> Datuk Lok Yim Pheng |

| BIL. | TARIKH / TEMPAT / PLATFORM | CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN | WAKIL |
|------|-----------------------------------|--|---|
| 17. | 24 Jan. Putrajaya | Mesyuarat MAPO | <ul style="list-style-type: none"> Datuk Lok Yim Pheng |
| 18. | 28 Jan. Kuala Lumpur | Kunjungan Hormat oleh Anggota Delegasi Kementerian Undang-Undang, Keadilan dan Hal Ehwal Parlimen Republik Rakyat Bangladesh | <ul style="list-style-type: none"> Dr. Madeline Berma Datuk Lok Yim Pheng En. Jerald Joseph Josefina Abdullah |
| 19. | 29 – 31 Jan. Kuala Lumpur | Bengkel Undang-Undang Islam dan Hak Kanak-kanak | <ul style="list-style-type: none"> Jasmih Slamet Nur Shahmimie Yusof |
| 20. | 30 Jan. Kuala Lumpur | Persidangan Mengenai Dasar Dadah di Malaysia anjuran Global Commission Drug Policy | <ul style="list-style-type: none"> Jestrina Grewal |
| 21. | 3 Feb. SUHAKAM Kuala Lumpur | Lawatan dari Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia | <ul style="list-style-type: none"> Prof. Dato' Noor Aziah Mohd. Awal Dr. Cheah Swee Neo |
| 22. | 3 – 21 Feb. Dalam talian | Bengkel Jaringan Gender anjuran APF | <ul style="list-style-type: none"> Aisya Abdul Rahman Yustina Ishak |
| 23. | 4 Feb. SUHAKAM Kuala Lumpur | Mesyuarat bersama IDEAS mengenai Projek Perpaduan Nasional dan Harmoni antara Kaum | <ul style="list-style-type: none"> Dr. Cheah Swee Neo Lee Pei Hsi Paremeswari Subramaniam Nicole Kimberly Tan |
| 24. | 6 Feb. SUHAKAM Kuala Lumpur | Perjumpaan dengan KOMAS mengenai Kod Tatakelakuan | <ul style="list-style-type: none"> Paremeswari Subramaniam Helmi Fendy Abel Athi Kumar |
| 25. | 10 Feb. Putrajaya | Mesyuarat khas mengenai hukuman mati | <ul style="list-style-type: none"> Dato' Mah Weng Kwai |

| BIL. | TARIKH / TEMPAT / PLATFORM | CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN | WAKIL |
|-------------|---|--|---|
| 26. | 10 Feb. Putrajaya | Mesyuarat: Konsultasi mengenai cadangan pindaan ATIPSOM anjuran UNICEF | <ul style="list-style-type: none"> • Sarah Adibah Hamzah |
| 27. | 13 Feb. Putrajaya | Majlis Amanat Tahun Baharu 2020 oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) | <ul style="list-style-type: none"> • Dr. Cheah Swee Neo |
| 28. | 17 Feb. Dalam talian | Mesyuarat mengenai Pelan Komunikasi Strategik untuk Imunisasi oleh Kementerian Kesihatan | <ul style="list-style-type: none"> • Datuk Godfrey Gregory Joitol • Jasmih Slamet • Heflin Dino • Nur Shahmimie Yusof • Daisy Masiram • Archimedes Chua |
| 29. | 17 Feb. Putrajaya | Perbincangan mengenai peranan SUHAKAM dalam pembangunan NAPBHR | <ul style="list-style-type: none"> • Dr. Cheah Swee Neo • Pareswari Subramaniam |
| 30. | 17-18 Feb. Kuala Rompin, Pahang | Jemputan sebagai penceramah untuk Latihan kepimpinan JOAS dan Sesi Pembangunan Komuniti Belia | <ul style="list-style-type: none"> • Azian Juliana Ng Kee Choo |
| 31. | 18-19 Feb. Kuala Lumpur | Jemputan sebagai penceramah mengenai kepentingan hak asasi manusia dalam Kursus Tindakan Penguatkuasaan di Institut Latihan DBKL | <ul style="list-style-type: none"> • Abdul Rahman Abdullah |
| 32. | 18 Feb. Kuala Lumpur | Ceramah: Mengurangkan Kemiskinan Warga Emas di Malaysia anjuran ISIS | <ul style="list-style-type: none"> • Sarah Adibah Hamzah |

| BIL. | TARIKH / TEMPAT / PLATFORM | CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN | WAKIL |
|-------------|---|---|--|
| 33. | 19 Feb. Putrajaya | Seminar Pelan Tindakan Nasional Mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (NAPBHR) | <ul style="list-style-type: none"> • Dato' Mah Weng Kwai • Dr. Cheah Swee Neo • Paresmeswari Subramaniam • Abel Athi Kumar |
| 34. | 19 Feb. Dalam talian | Temubual bersama TV Al-Hijrah berkenaan anak tidak sah taraf | <ul style="list-style-type: none"> • Prof. Dato' Noor Aziah Mohd. Awal |
| 35. | 20 Feb. Dalam talian | Mesyuarat Laporan Susulan mengenai Khitan (FGM) kepada Rumusan Pemerhatian CEDAW | <ul style="list-style-type: none"> • Prof. Dato' Noor Aziah Mohd. Awal |
| 36. | 21 Feb. Kuala Lumpur | Perbentangan Kertas Penyelidikan Undang-undang mengenai diskriminasi | <ul style="list-style-type: none"> • Abel Athi Kumar |
| 37. | 25 Feb. Putrajaya | Sesi Seminar Pelan Tindakan Nasional Mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (NAPBHR) | <ul style="list-style-type: none"> • Dr. Cheah Swee Neo • Paresmeswari Subramaniam • Noor Fatinullah Othman |
| 38. | 25 Feb. Putrajaya | Mengintegrasikan Hak Asasi Manusia ke dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (2021-2025) | <ul style="list-style-type: none"> • Dr. Cheah Swee Neo • Abel Athi Kumar |
| 39. | 26 Feb. Kuala Lumpur | Mesyuarat Penyelarasan Kerja Melibatkan Penyeludupan Kanak-kanak anjuran UNICEF dan IOM | <ul style="list-style-type: none"> • Sarah Adibah Hamzah |
| 40. | 2 Mac Dalam talian | Mesyuarat bersama Jawatankuasa Palang Merah Antarabangsa | <ul style="list-style-type: none"> • Prof. Dato' Noor Aziah Mohd. Awal |

| BIL. | TARIKH / TEMPAT / PLATFORM | CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN | WAKIL |
|------|----------------------------|--|--|
| 41. | 2 Mac Kuala Lumpur | Pelancaran Prosedur Parlimen Malaysia: Panduan untuk Perintah Tetap Dewan Rakyat | <ul style="list-style-type: none"> Datuk Lok Yim Pheng Datuk Godfrey Gregory Joitol Dato' Mah Weng Kwai Prof. Dato' Noor Aziah Mohd. Awal Dr. Madeline Berma En. Jerald Joseph Dr. Cheah Swee Neo |
| 42. | 2 Mac Kuala Lumpur | <i>She Decides Day</i> & Pelancaran Inisiatif Kesaksamaan Gender di Malaysia | <ul style="list-style-type: none"> Noor Fatinullah Othman Abel Athi Kumar |
| 43. | 3 Mac Putrajaya | Mesyuarat NAPTIP anjuran NSO-MAPO | <ul style="list-style-type: none"> Sarah Adibah Hamzah |
| 44. | 6 Mac Putrajaya | Mesyuarat bersama UNDP berkenaan Kolokium kehakiman | <ul style="list-style-type: none"> Dr. Cheah Swee Neo |
| 45. | 6 Mac Putrajaya | Sesi Perbincangan Persediaan Pelaksanaan <i>National Conference on Business and Human Rights</i> Pada Bulan April 2020 | <ul style="list-style-type: none"> Dr. Cheah Swee Neo Paremeswari Subramaniam Nurisha Hanizam |
| 46. | 10 -11 Mac Dalam talian | Perbincangan Meja Bulat untuk Modul dan Advokasi Terhadap Perkahwinan Kanak-kanak | <ul style="list-style-type: none"> Prof. Dato' Noor Aziah Mohd. Awal Nur Liyana Adlin Mohd Nasarudin |
| 47. | 2 Apr. Dalam talian | Mesyuarat bersama UNICEF | <ul style="list-style-type: none"> Dr. Cheah Swee Neo |
| 48. | 3 Apr. Dalam talian | Mesyuarat bersama OHCHR | <ul style="list-style-type: none"> Dr. Cheah Swee Neo |

| BIL. | TARIKH / TEMPAT / PLATFORM | CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN | WAKIL |
|------|----------------------------------|---|---|
| 49. | 20 Apr. Dalam talian | Mesyuarat mengenai masalah yang dihadapi oleh Masyarakat Rentan di Sabah (Migran dan Orang Tanpa dokumen) ketika PKP dan Pengesyoran kepada kerajaan | <ul style="list-style-type: none"> • Datuk Godfrey Gregory Joitol • Jasmih Slamet • Heflin Dino • Nur Shahmimie Yusof • Daisy Masiram • Archimedes Chua |
| 50. | 23 Apr. Dalam talian | Perjumpaan dengan MAPO dan JHAMS Mengenai ATIP | <ul style="list-style-type: none"> • Pareswari Subramaniam |
| 51. | 5 Mei Dalam talian | Jemputan sebagai penceramah di Program Kesedaran Undang-undang | <ul style="list-style-type: none"> • En. Jerald Joseph |
| 52. | 6 Mei Dalam talian | Mesyuarat Strategik mengenai Pelan Tindakan MoU Isu Tanpa kewarganegaraan di Sabah | <ul style="list-style-type: none"> • En. Jerald Joseph |
| 53. | 14 Mei Dalam talian | Dimensi Sumber Manusia ketika Pandemik COVID-19 | <ul style="list-style-type: none"> • Dr. Cheah Swee Neo |
| 54. | 21 Mei Dalam talian | Kesan Pandemik COVID-19 Terhadap Rantainya Penawaran Pekerjaan | <ul style="list-style-type: none"> • Dr. Cheah Swee Neo |
| 55. | 28 Mei Dalam talian | Mesyuarat mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia berhadapan Pandemik COVID-19 | <ul style="list-style-type: none"> • Dr. Cheah Swee Neo |
| 56. | 29 Mei Dalam talian | Mesyuarat Penyelarasan Peringkat Jabatan Perdana Menteri : Penggubalan RUU Pelaksanaan Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan COVID-19 anjuran BHEUU | <ul style="list-style-type: none"> • Aisya Abdul Rahman |

| BIL. | TARIKH / TEMPAT / PLATFORM | CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN | WAKIL |
|-------------|---|--|--|
| 57. | 9 Jun Dalam talian | Rancangan Bual Bicara Mingguan: Tumpuan Penting-COVID-19: Ke Mana Semua Pelajar Pergi? anjuran CSO Platform for Reform | <ul style="list-style-type: none"> • Datuk Lok Yim Pheng • Mohd Shafik Md Sharif • Ahmad Afiifi Ramli |
| 58. | 9 -11 Jun Dalam talian | Forum PBB mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia yang Bertanggungjawab | <ul style="list-style-type: none"> • Dr. Cheah Swee Neo |
| 59. | 10 Jun Dalam talian | Mesyuarat mengenai Penggubalan RUU Pelaksanaan Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan COVID-19 anjuran BHEUU | <ul style="list-style-type: none"> • Aisya Abdul Rahman • Izyan Hazwani Ahmad • Chua Yen Sin |
| 60. | 11 Jun Dalam talian | Mesyuarat bersama Institusi Hak Asasi Manusia Uzbekistan | <ul style="list-style-type: none"> • Dr. Cheah Swee Neo |
| 61. | 15 Jun Putrajaya | Mesyuarat bersama YB Dato' Seri Takiyuddin Hassan | <ul style="list-style-type: none"> • Tan Sri Othman Hashim |
| 62. | 18 Jun Dalam talian | Program Kesedaran mengenai Pendidikan Hak Asasi Manusia anjuran Universiti UCSI | <ul style="list-style-type: none"> • Sophian Osman • Mohd Shafik Md Sharif |
| 63. | 18 Jun Dalam talian | Pelan Tindakan Serantau Pembela Hak Asasi Manusia - Mesyuarat Kumpulan Penggubal Pertama | <ul style="list-style-type: none"> • Dr. Cheah Swee Neo |
| 64. | 19 Jun Dalam talian | Kerjasama antara kerajaan dan CSO dalam Pemulihan dan Penyatuan Kembali Banduan Ekstremis Keganasan dan penghantaran pulang pengganas ke negara asal (FTF) | <ul style="list-style-type: none"> • En. Jerald Joseph |

| BIL. | TARIKH / TEMPAT / PLATFORM | CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN | WAKIL |
|------|----------------------------------|---|---|
| 65. | 23 Jun Putrajaya | Mesyuarat bersama Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (NCOSH) | <ul style="list-style-type: none"> Datuk Lok Yim Pheng |
| 66. | 24 Jun Dalam talian | Temu ramah projek Liberty Shared ditugaskan oleh IOM untuk mengembangkan garis panduan operasi perniagaan mengenai pemulihan pelanggaran hak asasi manusia pekerja migran di rangkaian bekalan antarabangsa | <ul style="list-style-type: none"> Dr. Cheah Swee Neo Paremeswari Subramaniam |
| 67. | 24 Jun Dalam talian | Mesyuarat bersama Terence Serne, Setiausaha Politik Kedua Kedutaan Belanda | <ul style="list-style-type: none"> Dr. Cheah Swee Neo Nicole Kimberly Tan |
| 68. | 26 Jun Dalam talian | Webinar dengan Organisasi Produktif Asia: Pendidikan Berkualiti semasa COVID-19 | <ul style="list-style-type: none"> Datuk Lok Yim Pheng |
| 69. | 29 Jun Dalam talian | Mesyuarat bersama NUJ | <ul style="list-style-type: none"> Dr. Cheah Swee Neo Shahizad Sulaiman Aisyah Abdul Rahman Norashikin Hamzah |
| 70. | 29 Jun Kuala Lumpur | Mesyuarat bersama Kedutaan India | <ul style="list-style-type: none"> En. Jerald Joseph |
| 71. | 30 Jun Dalam talian | Webinar ISIS | <ul style="list-style-type: none"> Prof. Dato' Noor Aziah Mohd. Awal |

| BIL. | TARIKH / TEMPAT / PLATFORM | CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN | WAKIL |
|------|-----------------------------------|---|--|
| 72. | 30 Jun Putrajaya | Majlis Amanat YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) Bersama Warga Kluster Kehakiman dan Perundangan | <ul style="list-style-type: none"> • Dato' Mah Weng Kwai • Dr. Cheah Swee Neo |
| 73. | 30 Jun Putrajaya | Mesyuarat bersama YB Datuk Seri M. Saravanan, Menteri Sumber Manusia | <ul style="list-style-type: none"> • Tan Sri Othman Hashim • Dato' Mah Weng Kwai • Datuk Lok Yim Pheng • En. Jerald Joseph • Dr. Cheah Swee Neo |
| 74. | 3 Jul. Kuala Lumpur | Panel Program: <i>UN75 National Conversation</i> | <ul style="list-style-type: none"> • En. Jerald Joseph |
| 75. | 8 Jul. SUHAKAM Kuala Lumpur | Mesyuarat bersama Duta EU – Puan Yang Terutama Maria Castillo Fernández | <ul style="list-style-type: none"> • Tan Sri Othman Hashim • En. Jerald Joseph • Dr. Cheah Swee Neo |
| 76. | 8 Jul. Kuching, Sarawak | Mesyuarat bersama YB Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah, Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak Sarawak | <ul style="list-style-type: none"> • Dr. Madeline Berma |
| 77. | 9 Jul. Dalam Talian | Mesyuarat Pelarasan Pergerakan Maritim Pelarian | <ul style="list-style-type: none"> • Kevin Jason James |
| 78. | 21 Jul. Dalam Talian | Ceramah: Bekerja di negara sendiri, berfikiran sejagat anjuran IOM | <ul style="list-style-type: none"> • Sarah Adibah Hamzah |

| BIL. | TARIKH / TEMPAT / PLATFORM | CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN | WAKIL |
|------|----------------------------------|--|---|
| 79. | 22 Jul. Putrajaya | Mesyuarat bersama Ketua Pengarah BHEUU | <ul style="list-style-type: none"> • Tan Sri Othman Hashim • Datuk Lok Yim Pheng • Prof. Madya Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh • En. Jerald Joseph • Prof. Dato' Noor Aziah Mohd. Awal • Izyan Hazwani Ahmad |
| 80. | 22 Jul. Putrajaya | Sesi Rundingan Bagi Membincangkan Matriks Pemantauan Perkembangan Saranan Penilaian Berkala Sejagat (Universal Periodic Review) Ketiga Malaysia, Siri 1/2020 | <ul style="list-style-type: none"> • Paremeswari Subramaniam |
| 81. | 23 Jul. Putrajaya | Perbincangan mengenai Hak Pekerja Migran anjuran Universiti Sains Islam Malaysia | <ul style="list-style-type: none"> • Siti Rahayu Mohamed Noor • Sarah Adibah Hamzah |
| 82. | 23 Jul. Dalam Talian | Webinar mengenai COVID-19 dan Institusi Ombudsman | <ul style="list-style-type: none"> • En. Jerald Joseph |
| 83. | 23 Jul. Bangsar, Selangor | Jemputan: Mesyuarat Kumpulan Pakar CIJ Malaysia mengenai Hak Perundangan Maklumat | <ul style="list-style-type: none"> • Dr. Cheah Swee Neo |
| 84. | 23 Jul. Dalam Talian | Mesyuarat Kumpulan Pakar UNICEF-UNEP-UNOHCHR mengenai "Panduan dasar untuk mempromosi dan melindungi hak kanak-kanak terhadap persekitaran yang sihat di rantau ASEAN" | <ul style="list-style-type: none"> • Nur Liyana Adlin Mohd Nasarudin |

| BIL. | TARIKH / TEMPAT / PLATFORM | CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN | WAKIL |
|-------------|---|---|--|
| 85. | 27 Jul. Kuala Lumpur | Mesyuarat bersama Dr. Mazura (UKM) mengenai Hak Kanak-kanak kepada Alam Sekitar yang Sihat | <ul style="list-style-type: none"> • Prof. Dato' Noor Aziah Mohd. Awal • Izyan Hazwani Ahmad |
| 86. | 27 Jul. SUHAKAM Kuala Lumpur | Kunjungan Hormat oleh Pemangku Pesuruhjaya Tinggi New Zealand ke Malaysia dan Duta Besar New Zealand ke ASEAN | <ul style="list-style-type: none"> • Tan Sri Othman Hashim • Josefina Abdullah |
| 87. | 27 Jul. SUHAKAM Kuala Lumpur | Mesyuarat bersama Persekutuan Wartawan Antarabangsa (IFJ) | <ul style="list-style-type: none"> • Dr. Cheah Swee Neo |
| 88. | 28 Jul. Kuala Lumpur | Mesyuarat bersama Duta Perancis | <ul style="list-style-type: none"> • Tan Sri Othman Hashim |
| 89. | 28 Jul. Dalam talian | Webinar: Pengakhiran Satu Kepastian: Australia dan Kebangkitan China Xi oleh Prof John Blaxland | <ul style="list-style-type: none"> • Datuk Lok Yim Pheng |
| 90. | 30 Jul. Dalam talian | Jemputan sebagai panel program "Hentikan Keganasan Terhadap Kanak-kanak! Refleksi dan Tindakan Pasca PKP!" anjuran CSO Platform untuk Reformasi | <ul style="list-style-type: none"> • Prof. Dato' Noor Aziah Mohd. Awal |
| 91. | 30 Jul. Dalam talian | Hak Migran dan Pelarian – Kesaksamaan Undang-undang | <ul style="list-style-type: none"> • En. Jerald Joseph |
| 92. | 30 Jul. Dalam talian | Program #StayAtHome anjuran Kesatuan Penuntut Undang-Undang Malaysia di UK dan Eire (KPUM) | <ul style="list-style-type: none"> • En. Jerald Joseph |

| BIL. | TARIKH / TEMPAT / PLATFORM | CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN | WAKIL |
|------|-------------------------------------|--|--|
| 93. | 4 Ogos Kuala Lumpur | Pernyataan Pematuhan bersama CSO | <ul style="list-style-type: none"> • Tan Sri Othman Hashim • Datuk Lok Yim Pheng • Dato' Mah Weng Kwai • En. Jerald Joseph • Dr. Cheah Swee Neo |
| 94. | 10 Ogos Dalam talian | Pelan Tindakan Serantau Pembela Hak Asasi Manusia - Mesyuarat Kumpulan Penggubal Kedua | <ul style="list-style-type: none"> • Dr. Cheah Swee Neo |
| 95. | 10 Ogos Parlimen Kuala Lumpur | Mesyuarat bersama Datuk Azhar Azizan @ Harun, Yang Dipertua Dewan Rakyat | <ul style="list-style-type: none"> • Tan Sri Othman Hashim • Datuk Lok Yim Pheng • Dato' Mah Weng Kwai • En. Jerald Joseph • Dr. Cheah Swee Neo |
| 96. | 11 Ogos Dalam talian | Perbincangan Meja Bulat mengenai Kehilangan Paksa anjuran Universiti Islam Antarabangsa Malaysia | <ul style="list-style-type: none"> • Prof. Dato' Dr. Noor Aziah Mohd. Awal • Izyan Hazwani Ahmad • Sarah Adibah Hamzah |
| 97. | 11 Ogos Putrajaya | Konsultasi bersama Agensi Kerajaan mengenai Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2025 | <ul style="list-style-type: none"> • En. Jerald Joseph • Paremewari Subramaniam |

| BIL. | TARIKH / TEMPAT / PLATFORM | CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN | WAKIL |
|-------------|---|--|--|
| 98. | 12 Ogos Kuala Lumpur | Mesyuarat bersama Universiti Taylor berkenaan cadangan kerjasama sebagai Rakan Industri | <ul style="list-style-type: none"> • Datuk Lok Yim Pheng • Prof. Madya Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh • Rafidah Yahya • Wan Norhafizah Junid |
| 99. | 13 Ogos SUHAKAM Kuala Lumpur | Kunjungan Hormat daripada IDEAS | <ul style="list-style-type: none"> • En. Jerald Joseph • Dr. Cheah Swee Neo |
| 100. | 14 Ogos Putrajaya | Mesyuarat bersama BHEUU mengenai NAPBHR | <ul style="list-style-type: none"> • Dr. Cheah Swee Neo • Paremeswari Subramaniam • Nurisha Hanizam |
| 101. | 14 Ogos Bangi, Selangor | Bengkel Pengembangan Indeks mengenai Pemberdayaan Hak Kanak-kanak di Pusat Tahanan | <ul style="list-style-type: none"> • Mohd Tan'im Tajuddin |
| 102. | 18 Ogos Putrajaya | Mesyuarat bersama YB Senator Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) | <ul style="list-style-type: none"> • Tan Sri Othman Hashim • Datuk Lok Yim Pheng • Prof. Madya Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh • Dr. Madeline Berma • Dr. Cheah Swee Neo |
| 103. | 19 Ogos Kuala Lumpur | Jemputan sebagai penceramah bertajuk Melindungi hak tahanan di Malaysia: Masalah dan Cabaran | <ul style="list-style-type: none"> • En. Jerald Joseph |
| 104. | 21 Ogos Kuala Lumpur | Mesyuarat bersama Kedutaan Amerika Syarikat | <ul style="list-style-type: none"> • En. Jerald Joseph |

| BIL. | TARIKH / TEMPAT / PLATFORM | CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN | WAKIL |
|------|---|--|---|
| 105. | 21 Ogos SUHAKAM Kuala Lumpur | Taklimat CIJ Malaysia kepada Pesuruhjaya SUAHAKM mengenai Hak Perundangan Maklumat | <ul style="list-style-type: none"> Dato' Mah Weng Kwai En. Jerald Joseph Dr. Cheah Swee Neo |
| 106. | 25 – 26 Ogos SUHAKAM Kuala Lumpur | Operasi Keselamatan Maritim (MASO) COVID-19: Keselamatan Sempadan dan Keprihatinan Isu Kemanusiaan | <ul style="list-style-type: none"> En. Jerald Joseph |
| 107. | 25 Ogos SUHAKAM Kuala Lumpur | Siri Ceramah anjuran IDFR 2/2020 oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan | <ul style="list-style-type: none"> Tan Sri Othman Hashim |
| 108. | 26 Ogos Putrajaya | Mesyuarat Draf Cadangan Aktiviti ATHAM bersama Bahagian Pembangunan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan | <ul style="list-style-type: none"> Datuk Lok Yim Pheng Rafidah Yahya Shahizad Sulaiman Wan Norhafizah Junid Muhammad Syafiq Ikhwan Ghazali |
| 109. | 26 Ogos Dalam talian | Ceramah: Kedudukan Penjawat Awam dalam Perlembagaan anjuran Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa | <ul style="list-style-type: none"> Sarah Adibah Hamzah |
| 110. | 27 Ogos Putrajaya | Mesyuarat bersama Pakar mengenai pembangunan NAPTIP anjuran NSO-MAPO | <ul style="list-style-type: none"> Datuk Lok Yim Pheng Paremeswari Subramaniam Sarah Adibah Hamzah |
| 111. | 27 Ogos Kuala Lumpur | Mesyuarat bersama KLN | <ul style="list-style-type: none"> Dr. Cheah Swee Neo |

| BIL. | TARIKH / TEMPAT / PLATFORM | CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN | WAKIL |
|-------------|---|--|--|
| 112. | 28 Ogos Putrajaya | Mesyuarat dengan BHEUU mengenai Cadangan Pindaan Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 | <ul style="list-style-type: none"> • Dr. Cheah Swee Neo |
| 113. | 3 Sept. Putrajaya | Kunjungan Hormat kepada Ketua Pengarah Pelajaran, KPM | <ul style="list-style-type: none"> • Datuk Lok Yim Pheng • Prof. Madya Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh • Shahizad Sulaiman • Wan Norhafizah Junid • Nur Adlin Abdul Ghaffar |
| 114. | 3-5 Sept. Kota Kinabalu, Sabah | Lawatan Kerja ke Pejabat Ketua Menteri Sabah, Pejabat Majlis Keselamatan Negara Negeri Sabah dan Pejabat Suruhanjaya Pilihan Raya Negeri Sabah | <ul style="list-style-type: none"> • Tan Sri Othman Hashim • Datuk Godfrey Gregory Joitol • En. Jerald Joseph • Heflin Dino • Nur Shahmimie Yusof • Daisy Masiram • Archimedes Chua |
| 115. | 8 Sept. Kota Kinabalu, Sabah | Taklimat kepada Pemerhati Pilihan Raya oleh SPR | <ul style="list-style-type: none"> • Heflin Dino • Jonima Ligon • Nur Shahmimie Yusop • Daisy Masiram • Levina Sigisimon • Archimedes Chua |
| 116. | 9 Sept. Dalam talian | Mesyuarat Tahunan ke-25 APF | <ul style="list-style-type: none"> • Datuk Lok Yim Pheng • En. Jerald Joseph |

| BIL. | TARIKH / TEMPAT / PLATFORM | CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN | WAKIL |
|------|-------------------------------------|--|---|
| 117. | 9 Sept. Dalam talian | Webinar: Impak COVID-19 ke atas Pengamal dan Kebebasan Media di Malaysia anjuran IFJ Asia Pasifik dan NUJ | <ul style="list-style-type: none"> • Chua Yen Sin • Norashikin Hamzah |
| 118. | 15 Sept. Petaling Jaya, Selangor | Bengkel berkaitan Hak Asasi Manusia komuniti SOGIESC dan LGBTIQ anjuran oleh <i>Justice for Sisters</i> , Pelangi Campaign, Queer Lapis, <i>People Like Us Hang Out</i> (PLUHO) dan <i>Legal Dignity</i> . | <ul style="list-style-type: none"> • Nur Dhaniah Aqilah Ahmad Jelani |
| 119. | 23 Sept. Dalam talian | Akses kepada Pendidikan dan Pendidikan Hak Asasi Manusia di masa COVID-19 | <ul style="list-style-type: none"> • Noor Fatinullah Othman |
| 120. | 23 Sept. Dalam talian | Webinar mengenai Pendapatan Garis Kemiskinan Baharu Malaysia (PLI) dan Hasil Dapatan MPI anjuran UNDP | <ul style="list-style-type: none"> • Noor Fatinullah Othman • Nurisha Hanizam |
| 121. | 23-25 Sept. Dalam talian | Jemputan sebagai Anggota Gabungan Kumpulan Kerja MSPO Bahagian 1 | <ul style="list-style-type: none"> • Dr. Cheah Swee Neo |
| 122. | 24 Sept. Dalam talian | Mesyuarat Pertama Mengenai Pindaan Seksyen 8(2) Akta Undang-Undang Sivil 1956 anjuran EDICT Malaysia. | <ul style="list-style-type: none"> • Nur Dhaniah Aqilah Ahmad Jelani |
| 123. | 25 Sept. Dalam talian | Ceramah Kesaksamaan Gender; Perlembagaan dan Undang-undang anjuran Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa | <ul style="list-style-type: none"> • Yustina Ishak • Sarah Adibah Hamzah • Nur Dhaniah Aqilah Ahmad Jelani |
| 124. | 25 Sept. Dalam talian | Mesyuarat bersama ILO berkenaan buruh paksa | <ul style="list-style-type: none"> • Dr. Cheah Swee Neo |

| BIL. | TARIKH / TEMPAT / PLATFORM | CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN | WAKIL |
|-------------|---|---|---|
| 125. | 29 Sept. Dalam talian | Mesyuarat AGN – Audit Gender | <ul style="list-style-type: none"> • Dr. Cheah Swee Neo |
| 126. | 29 Sept. - 2 Okt. Dalam talian | Latihan mengenai Kesaksamaan Hilang Upaya anjuran UNICEF | <ul style="list-style-type: none"> • Idzuafi Hadi Kamilan • Yustina Ishak • Sarah Adibah Hamzah • Nur Dhania Aqilah Ahmad Jelani • Noor Fatinullah Othman • Nurisha Hanizam |
| 127. | 1 Okt. Dalam talian | Pelan Tindakan Serantau Pembela Hak Asasi Manusia - Mesyuarat Kumpulan Penggubal Ketiga | <ul style="list-style-type: none"> • Dr. Cheah Swee Neo |
| 128. | 2 Okt. Dalam talian | Mesyuarat bersama BHEUU Mengenai Pelan Tindakan Kebangsaan | <ul style="list-style-type: none"> • Dr. Cheah Swee Neo • Paremeswari Subramaniam • Nurisha Hanizam |
| 129. | 5 Okt. Putrajaya | Mesyuarat bersama KLN mengenai penganjuran Sambutan Hari Hak Asasi Manusia 2020 | <ul style="list-style-type: none"> • Dr. Cheah Swee Neo |
| 130. | 5 Okt. Shah Alam, Selangor | Mesyuarat Kluster Pembinaan Bangsa dan Jaringan Antarabangsa | <ul style="list-style-type: none"> • En. Jerald Joseph • Paremeswari Subramaniam |
| 131. | 6 Okt. Dalam talian | Mesyuarat bersama Institut Danish | <ul style="list-style-type: none"> • Dr. Cheah Swee Neo • Paremeswari Subramaniam |
| 132. | 14 Okt. SUHAKAM Kuala Lumpur | Kunjungan Hormat daripada En. Carl Henrik Hall | <ul style="list-style-type: none"> • Tan Sri Othman Hashim |

| BIL. | TARIKH / TEMPAT / PLATFORM | CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN | WAKIL |
|------|----------------------------------|---|---|
| 133. | 14 Okt. Putrajaya | Mesyuarat Penyelarasan Status Terkini Pelaksanaan Enam Rumusan Tindakan Dan Hala Tuju JKKHTOA Hasil Laporan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli | <ul style="list-style-type: none"> • En. Jerald Joseph • Dr. Cheah Swee Neo • Simon Karunagaram • Paremewari Subramaniam |
| 134. | 15 Okt. Dalam talian | Mesyuarat bersama <i>Justice for Sisters</i> | <ul style="list-style-type: none"> • Dr. Cheah Swee Neo |
| 135. | 16 Okt. Putrajaya | Mesyuarat bersama Dato' Saifuddin Abdullah, Menteri Komunikasi dan Multimedia | <ul style="list-style-type: none"> • Tan Sri Othman Hashim • En. Jerald Joseph • Dato' Mah Weng Kwai • Datuk Lok Yim Pheng |
| 136. | 19-20 Okt. Dalam talian | Forum Serantau Asia Pasifik mengenai Isu Minoriti 2020 | <ul style="list-style-type: none"> • Dr. Cheah Swee Neo |
| 137. | 21 Okt. Dalam talian | Perbincangan Meja Bulat Forum ASEAN mengenai Pekerja Migran(AFML) ke -13 | <ul style="list-style-type: none"> • Datuk Lok Yim Pheng |
| 138. | 21 Okt. Dalam talian | Perbincangan Meja Bulat mengenai Pemerintahan dan Pembaharuan Sektor Keselamatan di Malaysia | <ul style="list-style-type: none"> • En. Jerald Joseph |
| 139. | 23 Okt. Dalam talian | Webinar anjuran IDEAS: Akses Kanak-kanak Orang Asli kepada Pendidikan. Sebelum dan selepas pandemic COVID-19 | <ul style="list-style-type: none"> • Abdul Rahman Abdullah • Azian Juliana Ng Kee Choo • Mohd Tan'im Tajuddin |
| 140. | 27 Okt. Dalam talian | Mesyuarat bersama Duta Indonesia mengenai Isu Hak Asasi Manusia di Malaysia | <ul style="list-style-type: none"> • En. Jerald Joseph • Simon Karunagaram • Abdul Rahman Abdullah • Muhammad Faiz Abd Rahman |

| BIL. | TARIKH / TEMPAT / PLATFORM | CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN | WAKIL |
|-------------|---|---|--|
| 141. | 27 Okt. Dalam talian | Persidangan Antarabangsa Institusi Ombuds untuk Angkatan Tentera: Kesan Tindakan COVID-19 Terhadap Hak dan Kebebasan Warganegara termasuk yang Berpakaian Seragam | <ul style="list-style-type: none"> • En. Jerald Joseph |
| 142. | 3 Nov. Dalam talian | Webinar: Hari Antarabangsa untuk Pembasmian Kemiskinan (IDEP) yang dihoskan oleh UNDP | <ul style="list-style-type: none"> • Nurisha Hanizam |
| 143. | 3 Nov. Dalam talian | Konsultasi Bersama Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Semporna dan NGO Semporna, Sabah | <ul style="list-style-type: none"> • Siti Rahayu Mohamed Noor • Noor Fatinullah Othman |
| 144. | 4 Nov. Dalam talian | Webinar mengenai prinsip dan kepentingan pengukuran produktiviti perkhidmatan awam anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam | <ul style="list-style-type: none"> • Ahmad Afifi Ramli |
| 145. | 5 Nov. Dalam talian | Mesyuarat bersama UNICEF berkenaan Pelancaran Laporan Perkahwinan Kanak-kanak | <ul style="list-style-type: none"> • Noor Fatinullah Othman |
| 146. | 5 Nov. Dalam talian | Temubual bersama konsultan UNICEF | <ul style="list-style-type: none"> • Dr. Cheah Swee Neo |
| 147. | 6 Nov. Dalam talian | Latihan Mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia kepada agensi kerajaan yang berkaitan anjuran BHEUU dan UNDP | <ul style="list-style-type: none"> • Dr. Cheah Swee Neo • Parameswari Subramaniam |

| BIL. | TARIKH / TEMPAT / PLATFORM | CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN | WAKIL |
|------|----------------------------------|--|--|
| 148. | 9 Nov. Dalam talian | Dialog Serantau – Peranan NHRI dalam menangani perubahan iklim | • Dr. Cheah Swee Neo |
| 149. | 9 Nov. – 3 Dec. Dalam talian | Kursus Pembelajaran Hak Asasi Manusia, Gender dan Alam Sekitar / Perubahan Iklim | • Nurisha Hanizam |
| 150. | 10 Nov. Putrajaya | Mesyuarat Penyediaan Kajian Sosial Dan Definisi Tanah Pegangan Adat Orang Asli | • Paremewari Subramaniam |
| 151. | 11 Nov. Dalam talian | Dialog dan Perbincangan mengenai Strategi Mengurangkan Kesusakan di Penjara dan Pusat Tahanan di Malaysia untuk Mengatasi Penularan COVID-19 | • Simon Karunagaram • Aida Suraya Haron |
| 152. | 11 Nov. Dalam talian | Mesyuarat Jawatankuasa Penjagaan dan Perlindungan Mangsa Perdagangan Orang | • Datuk Lok Yim Pheng |
| 153. | 13 Nov. Dalam talian | Webinar mengenai Perlindungan Alam Sekitar Semasa Konflik Bersenjata | • Dr. Cheah Swee Neo |
| 154. | 13 Nov. Dalam talian | Mesyuarat bersama EU Save Rivers | • En. Jerald Joseph |
| 155. | 13 Nov. Dalam talian | Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus Perbincangan (FGD) untuk Indeks Persepsi Keselamatan (PSI) Tahun 2020 | • Muhammad Faiz Abd Rahman |
| 156. | 13 Nov. Dalam talian | Mesyuarat bersama Pejabat Borneo Komrad EU | • En. Jerald Joseph |
| 157. | 16-18 Nov. Dalam talian | Forum Maya PBB mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia | • Noor Fatinullah Othman |

| BIL. | TARIKH / TEMPAT / PLATFORM | CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN | WAKIL |
|-------------|---|---|--|
| 158. | 18 Nov. Dalam talian | Webinar bersama Duta Hak Asasi Manusia Eropah | <ul style="list-style-type: none"> • Dr. Cheah Swee Neo |
| 159. | 19 Nov. Dalam talian | Webinar Sempena Hari Peringatan | <ul style="list-style-type: none"> • Siti Rahayu Mohamed Noor |
| 160. | 19-20 Nov. Dalam talian | Forum UN mengenai minoriti | <ul style="list-style-type: none"> • En. Jerald Joseph |
| 161. | 20 Nov. Dalam talian | Program mengenai Undang-undang dan Hak | <ul style="list-style-type: none"> • En. Jerald Joseph • Dato' Seri Mohd Hishamudin Md Yunus |
| 162. | 20 Nov. Dalam talian | Forum mengenai kebebasan di Malaysia | <ul style="list-style-type: none"> • Datuk Lok Yim Pheng |
| 163. | 23 Nov. Dalam talian | Dialog mengenai melindungi hak pekerja asing semasa dan selepas COVID-19 | <ul style="list-style-type: none"> • Datuk Lok Yim Pheng • Paremewari Subramaniam • Ahmad Afifi • Nyak Baqi • Siti Zaihan • Mohd Tan'im Tajuddin |
| 164. | 24 Nov. Dalam talian | Perbincangan SUHAKAM dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Tentang Isu Penukaran Agama dan Keluar dari Agama Islam di Sarawak | <ul style="list-style-type: none"> • Noor Fatinullah Othman |
| 165. | 24 - 26 Nov. Dalam talian | Webinar Serantau Dalam Talian mengenai Peranan Media Dalam Menangani Stigma Sosial terhadap Pelarian dan Migran anjuran AIBD dan IOM Malaysia | <ul style="list-style-type: none"> • En. Jerald Joseph |

| BIL. | TARIKH / TEMPAT / PLATFORM | CERAMAH, MESYUARAT, BENGGEL DAN PERSIDANGAN | WAKIL |
|------|----------------------------------|--|--|
| 166. | 26 Nov. Dalam talian | Dialog mengenai Dasar Malaysia terhadap perlindungan Hak Pekerja Migran dalam semasa COVID-19 | <ul style="list-style-type: none"> Datuk Lok Yim Pheng |
| 167. | 26 Nov. Dalam talian | Panel - Peranan media di dalam menangani stigma sosial dan xenofobia ke atas pelarian dan pekerja migran. | <ul style="list-style-type: none"> En. Jerald Joseph |
| 168. | 26 Nov. Dalam talian | Dialog Dasar Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu-Malaysia untuk melindungi Hak-hak Pekerja Migran Semasa dan Selepas Pandemik COVID-19 | <ul style="list-style-type: none"> Noor Fatinullah Othman |
| 169. | 26 Nov. Dalam talian | Perbincangan Meja Bulat mengenai Malaysia, "Tong Sampah" untuk sampah plastik? Rakyat menentang rasuah, kepuasan hati, jenayah, dan krisis iklim yang dianjurkan oleh C4 dengan kerjasama Jawatankuasa Alam Sekitar dan Perubahan Iklim Majlis Peguam (ECCC) | <ul style="list-style-type: none"> Nurisha Hanizam |
| 170. | 27 Nov. Dalam talian | Persidangan Meja Bulat: Isu perpaduan dan Anti-Diskriminasi di Negeri Selangor Darul Ehsan organised by Institut Darul Ehsan (IDE) and Pusat KOMAS | <ul style="list-style-type: none"> Nurisha Hanizam |
| 171. | 30 Nov. Dalam talian | Sesi perkongsian ilmu dalam Bengkel Induksi untuk Suruhanjaya Hak Asasi Seychelles | <ul style="list-style-type: none"> Dr. Cheah Swee Neo |

| BIL. | TARIKH / TEMPAT / PLATFORM | CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN | WAKIL |
|------|----------------------------|---|---|
| 172. | 30 Nov. Kuala Lumpur | Mesyuarat bersama UNHCR | <ul style="list-style-type: none"> En. Jerald Joseph |
| 173. | 30 Nov. Dalam talian | Syarahan dalam talian mengenai “Konvensyen Antarabangsa mengenai Penghapusan Diskriminasi Kaum dan pengertiannya kepada rakyat Malaysia | <ul style="list-style-type: none"> Siti Rahayu Mohamed Noor Noor Fatinullah Othman |
| 174. | 30 Nov. Dalam talian | Konsultasi Pelapor Khas PBB mengenai kebebasan agama/ kepercayaan | <ul style="list-style-type: none"> En. Jerald Joseph |
| 175. | 1 Dis. Dalam talian | Mesyuarat Pelan Tindakan Pemerdagangan Orang 2021-2025 | <ul style="list-style-type: none"> Paremeswari Subramaniam Sarah Adibah |
| 176. | 1 Dis. Dalam talian | Mesyuarat Maya Meja Bulat – Penggunaan Kepelbagaian Tanah Adat Orang Asli - Melestarikan Ekonomi Orang Asli oleh Pusat Komus | <ul style="list-style-type: none"> Siti Rahayu Mohamed Noor |
| 177. | 2 Dis. Dalam talian | Mesyuarat Bersama <i>Voice of Children (VoC)</i> | <ul style="list-style-type: none"> Prof. Dato' Noor Aziah Mohd. Awal Izyan Hazwani Ahmad Sara Ibrahim Warda Nur Liyana Adlin Mohd Nasarudin |
| 178. | 2 Dis. Dalam talian | Mesyuarat bersama Institut Pendidikan Guru Malaysia berkenaan Cadangan Pembangunan Modul Hak Asasi Manusia untuk Pendidik | <ul style="list-style-type: none"> Datuk Loke Yim Pheng Rafidah Yahya Muhammad Syafiq Ikhwan Ghazali Nur Adlin Abdul Ghaffar |

| BIL. | TARIKH / TEMPAT / PLATFORM | CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN | WAKIL |
|------|----------------------------------|---|---|
| 179. | 3 Dis. Dalam talian | Perbincangan Meja Bulat Dalam Talian mengenai Akses Rawatan Hepatitis C di Penjara | <ul style="list-style-type: none"> Siti Rahayu Mohamed Noor Noor Fatinullah Othman |
| 180. | 3-4 Dis. Dalam talian | Konsultasi AICHR tentang Pelaksanaan Artikel 14 Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN (AHRD): Mencegah dan Menentang Penyiksaan | <ul style="list-style-type: none"> En. Jerald Joseph |
| 181. | 4 Dis. Dalam talian | Ceramah Mengenai Hak Kanak-kanak kepada Polis Diraja Malaysia, Maktab PDRM, Kuala Lumpur | <ul style="list-style-type: none"> Prof Dato' Noor Aziah Mohd Awal Sara Ibrahim Warda |
| 182. | 4 Dis. Dalam talian | Forum AYAN di UITM - Hentikan Keganasan Terhadap Wanita dan Kanak-kanak | <ul style="list-style-type: none"> Prof Dato' Noor Aziah Mohd Awal |
| 183 | 4 Dis. Dalam talian | Perbincangan Meja Bulat mengenai Belanjawan Lensa Gender 2021 | <ul style="list-style-type: none"> Noor Fatinullah Othman |
| 184. | 5 Dis. Dalam talian | Program "Jadilah Pembela Kanak-kanak!" <i>Bootcamp</i> anjuran <i>Monsters Among Us</i> | <ul style="list-style-type: none"> Prof Dato' Noor Aziah Mohd Awal |
| 185. | 7-8 Dis. Dalam talian | Konsultasi: Ke Arah Pelan Tindakan Nasional Malaysia mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (NAPBHR) | <ul style="list-style-type: none"> Dr. Cheah Swee Neo |
| 186. | 8 Dis. Dalam talian | Pelaksanaan Piawaian Hak Asasi Manusia Antarabangsa melalui Sistem Hak Asasi Manusia Kebangsaan | <ul style="list-style-type: none"> Heflin Dino |
| 187. | 9 Dis. Dalam talian | Perbincangan Mengenai Isu Pekerja Ladang di Malaysia | <ul style="list-style-type: none"> En. Jerald Joseph Jasmih Slamet Heflin Dino |

| BIL. | TARIKH / TEMPAT / PLATFORM | CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN | WAKIL |
|-------------|---|--|--|
| 188. | 9 Dis. Dalam talian | Hari Wartawan Sedunia - UNESCO | <ul style="list-style-type: none"> • Dr. Cheah Swee Neo |
| 189. | 9 Dis. Cheras, Selangor | Ceramah Mengenai Hak Wanita kepada Polis Diraja Malaysia, Maktab PDRM, Kuala Lumpur | <ul style="list-style-type: none"> • Prof. Dato' Noor Aziah Mohd Awal • Sara Ibrahim Warda |
| 190. | 11 Dis. Putrajaya | Perjumpaan bersama Pengarah Unit Kanak- kanak, Jabatan Kebajikan Masyarakat | <ul style="list-style-type: none"> • Prof Dato' Noor Aziah Mohd. Awal • Izyan Hazwani Ahmad |
| 191. | 11 Dis. Dalam talian | Persidangan mengenai COVID-19 dan amalan terbaik NHRI | <ul style="list-style-type: none"> • En. Jerald Joseph |
| 192. | 14 Dis. Dalam talian | Konsultasi: Ke Arah Pelan Tindakan Nasional Malaysia mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (NAPBHR) | <ul style="list-style-type: none"> • Dr. Cheah Swee Neo |
| 193. | 15 Dis. Dalam talian | Mesyuarat Bersama UNICEF berkenaan Pelancaran Laporan Perkahwinan Kanak- Kanak | <ul style="list-style-type: none"> • Prof. Dato' Noor Aziah Mohd Awal • Izyan Hazwani Ahmad • Sara Ibrahim Warda • Nur Liyana Adlin Mohd Nasarudin |
| 194. | 15 Dis. Negeri Sembilan | Mesyuarat dengan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) | <ul style="list-style-type: none"> • Prof Dato' Noor Aziah Mohd Awal |
| 195. | 15 Dis. Dalam talian | Kunjungan hormat dari kedutaan Denmark | <ul style="list-style-type: none"> • Tan Sri Othman Hashim |
| 196. | 15 Dis. Dalam talian | Mesyuarat bersama Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Nepal | <ul style="list-style-type: none"> • Dato' Dr Madeline • En. Jerald Joseph • Dr. Cheah Swee Neo |

| BIL. | TARIKH / TEMPAT / PLATFORM | CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN | WAKIL |
|------|----------------------------------|--|--|
| 197. | 15-16 Dis. Dalam talian | Mesyuarat Agung PECC ke-27: Mengoptimumkan Potensi Manusia Ke Arah Kemakmuran dan Kelestarian Bersama | <ul style="list-style-type: none"> Noor Fatinullah Othman |
| 198. | 16 Dis. Dalam talian | Majlis Pelancaran <i>UNDP Human Development Report 2020</i> | <ul style="list-style-type: none"> Jasmih Slamet Heflin Dino Nur Shahmimie Yusof Archimedes Chua |
| 199. | 16 Dis. Dalam talian | Hak Pengamal Media di Malaysia anjuran Persekutuan Wartawan Antarabangsa (IFJ) Asia Pasifik dan Kesatuan Wartawan Kebangsaan (NUJ) | <ul style="list-style-type: none"> En. Jerald Joseph |
| 200. | 17 Dis. Dalam talian | Webinar mengenai Buruh Paksa: Perspektif AS, UK dan Australia anjuran Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri, dengan kerjasama ILO, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan The Star Media Group | <ul style="list-style-type: none"> Mohd Tan'im Tajuddin |
| 201. | 22 Dis. Dalam talian | Mesyuarat dengan UNICEF mengenai Laporan Pemerdagangan Kanak-kanak | <ul style="list-style-type: none"> Sara Ibrahim Warda |
| 202. | 22 Dis. Putrajaya | Mesyuarat bersama KPWKM berkenaan Majlis Kanak-Kanak Kebangsaan | <ul style="list-style-type: none"> Prof. Dato' Noor Aziah Mohd. Awal |

| BIL. | TARIKH / TEMPAT / PLATFORM | CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN | WAKIL |
|-------------|---|--|---|
| 203. | 23 Dis. Parlimen | Kunjungan Hormat kepada YDP Dewan Negara, Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim | <ul style="list-style-type: none"> • Tan Sri Othman Hashim • Prof. Madya Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh • En. Jerald Joseph • Datuk Lok Yim Pheng |
| 204. | 31 Dis. Dalam talian | Program Podcast Perikatan Global Pelajar Malaysia (MSGAM) mengenai Perkahwinan Kanak- kanak dan rogol dalam perkahwinan | <ul style="list-style-type: none"> • Prof Dato' Noor Aziah Mohd. Awal |

LAMPIRAN IV

SENARAI CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN – PERINGKAT ANTARABANGSA

| BIL. | TARIKH | CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN | TEMPAT/ PLATFORM | PERWAKILAN |
|------|--------------|--|---------------------|--|
| 1. | 20-22 Jan. | Bengkel Akreditasi NHRI 2020 | Doha, Qatar | <ul style="list-style-type: none"> Tan Sri Othman Hashim Mohamad Azizi Azmi Josefina Abdullah |
| 2. | 8 -16 Feb. | Lawatan ke Maghribi bersama Majlis Agama Islam Negeri Sembilan | Morocco | <ul style="list-style-type: none"> Prof. Dato' Noor Aziah Mohd. Awal |
| 3. | 16-17 Feb. | Persidangan Antarabangsa mengenai Media Sosial: Cabaran dan Cara untuk Mempromosi Kebebasan dan Melindungi Aktivis | Doha, Qatar | <ul style="list-style-type: none"> En. Jerald Joseph |
| 4. | 24-28 Feb. | Dialog mengenai Perkembangan Hak Asasi Manusia di Malaysia dan Harapan Masa Hadapan | Geneva, Switzerland | <ul style="list-style-type: none"> En. Jerald Joseph Helmi Fendy Mohammad Idris |
| 5. | 25 - 27 Feb. | Persidangan Serantau ASEAN mengenai Perlindungan Kanak-kanak Dalam Talian | Manila, Philippines | <ul style="list-style-type: none"> Prof. Dato' Noor Aziah Mohd. Awal |

| BIL. | TARIKH | CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN | TEMPAT/ PLATFORM | PERWAKILAN |
|------|-------------|--|------------------|---|
| 6. | 12 -14 Mei | Mesyuarat Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) 1/2020, Forum Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan Asia Tenggara (SEANF) | Dalam talian | <ul style="list-style-type: none"> • En. Jerald Joseph • Dr. Cheah Swee Neo • Pareswari Subramaniam • Helmi Fendy Mohammad Idris • Josefina Abdullah • Mohd. Shafik Md Sharif |
| 7. | 22 Mei | Mesyuarat mengenai 'Introduction to USAID Trafficking in Persons and John D. Rockefeller 3RD's (JDR3' | Dalam talian | <ul style="list-style-type: none"> • Datuk Lok Yim Pheng • Pareswari Subramaniam |
| 8. | 5 Jun | Webinar mengenai Wanita di Tempat Kerja: Perniagaan dan Hak Asasi Manusia ketika COVID-19 | Dalam talian | <ul style="list-style-type: none"> • Dato' Mah Weng Kwai • Pareswari Subramaniam |
| 9. | 9 - 12 Jun | Forum Maya PBB mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia yang Bertanggungjawab | Dalam talian | <ul style="list-style-type: none"> • Pareswari Subramaniam |
| 10. | 15 Jun | Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Pemilihan 'JDR3 Scholars Program' anjuran USAID Asia Counter Trafficking in Persons (Asia CTIP) | Dalam talian | <ul style="list-style-type: none"> • Datuk Lok Yim Pheng |
| 11. | 12 -13 Ogos | Forum Web Samarkand mengenai Hak Asasi Manusia | Dalam talian | <ul style="list-style-type: none"> • Dr. Cheah Swee Neo |

| BIL. | TARIKH | CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN | TEMPAT/ PLATFORM | PERWAKILAN |
|------|-----------------|--|---------------------|---|
| 12. | 25 - 27 Ogos | Mesyuarat Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) 2/2020, Forum Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan Asia Tenggara (SEANF) | Dalam talian | <ul style="list-style-type: none"> • En. Jerald Joseph • Dr. Cheah Swee Neo • Lee Pei Hsi • Abdul Rahman Abdullah • Helmi Fendy Mohammad Idris • Josefina Abdullah • Kumeraintharen Murugiah |
| 13. | 9 Sept. | Mesyuarat Am Tahunan Forum Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan Asia Pasifik (APF) ke-25 | Dalam talian | <ul style="list-style-type: none"> • Datuk Lok Yim Pheng • En. Jerald Joseph • Dr. Cheah Swee Neo • Chua Yen Sin • Josefina Abdullah |
| 14. | 17 Sept. | Persidangan mengenai Membanteras Kebencian dan Diskriminasi 2020 | Dalam talian | <ul style="list-style-type: none"> • Sarah Adibah Hamzah • Norashikin Hamzah |
| 15. | 23 Sept. | Akses kepada Pendidikan dan Pendidikan Hak Asasi Manusia ketika COVID-19 | Dalam talian | <ul style="list-style-type: none"> • Noor Fatinullah Othman |
| 16. | 28 - 29 Sept. | Webinar Serantau: Bagaimana Usaha Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRI) dengan Agenda 2030 | Dalam talian | <ul style="list-style-type: none"> • Nurisha Hanizam • Kumeraintharen Murugiah |

| BIL. | TARIKH | CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN | TEMPAT/ PLATFORM | PERWAKILAN |
|------|------------|--|---------------------|--|
| 17. | 7 Okt. | Pelancaran Laporan Misi Mencari Fakta mengenai Keadaan Migran Indonesia yang dihantar pulang dalam tempoh COVID-19 dari Sabah, Malaysia ke Indonesia | Dalam talian | <ul style="list-style-type: none"> • Datuk Godfrey Gregory Joitol • En. Jerald Joseph • Jasmih Slamet • Heflin Dino • Nur Shahmimie Yusof • Daisy Masiram • Archimedes Chua |
| 18. | 10 Okt. | Pelancaran CHR mengenai Alat Advokasi Menentang Hukuman Mati | Dalam talian | <ul style="list-style-type: none"> • Nur Fatinullah Othman |
| 19. | 15 Okt. | Mesyuarat Kumpulan Kerja Hak Asasi Manusia dan Perniagaan, Pakatan Global bagi Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (GANHRI) | Dalam talian | <ul style="list-style-type: none"> • Chua Yen Sin • Helmi Fendy Mohammad Idris • Nurisha Hanizam |
| 20. | 21 Okt. | Sistem dan Mekanisme Rujukan untuk Hak Asasi Manusia di Asia Tenggara: Cabaran dan Peluang untuk Melindungi Hak Mangsa | Dalam talian | <ul style="list-style-type: none"> • En. Jerald Joseph |
| 21. | 27-28 Okt. | Latihan dalaman: Pengenalan Konvensyen Antarabangsa Bagi Perlindungan Semua Orang daripada Kehilangan yang Dipaksa (ICCPED) anjuran OHCHR | Dalam talian | <ul style="list-style-type: none"> • Nur Fatinullah Othman • Nurisha Hanizam |

| BIL. | TARIKH | CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN | TEMPAT/ PLATFORM | PERWAKILAN |
|------|-----------------|---|---------------------|--|
| 22. | 5 Nov. | Web Seminar: WS24-Diskriminasi Kaum dan Agama di ASEAN: Keperluan untuk ASEAN yang Lebih Inklusif | Dalam talian | <ul style="list-style-type: none"> Siti rahayu Nur Fatinullah Othman |
| 23. | 9 Nov. | Dialog Serantau Asia Pasifik mengenai peranan NHRI dalam menangani kesan buruk daripada perubahan iklim anjuran Pejabat PBB bagi rantau Asia Tenggara dan Asia Pasifik serta Forum Asia Pasifik untuk Institusi Hak Asasi Manusia (APF) | Dalam talian | <ul style="list-style-type: none"> Lee Pei Hsi |
| 24. | 9 Nov. – 3 Dis. | Kursus Pembelajaran Hak Asasi Manusia, Gender dan Alam Sekitar / Perubahan Iklim | Dalam talian | <ul style="list-style-type: none"> Nurisha Hanizam |
| 25. | 12 Nov. | Kajian Pembelajaran Institut Raoul Wallenberg (RWI): Temu ramah Kajian Pembelajaran | Dalam talian | <ul style="list-style-type: none"> Siti Rahayu Mohamed Noor |
| 26. | 16 -18 Nov. | Forum Maya PBB mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia | Dalam talian | <ul style="list-style-type: none"> Noor Fatinullah Othman Nurisha Hanizam |
| 27. | 19 Nov. | Forum Web Antarabangsa: Hak Kanak-kanak untuk Pendidikan: Kesesuaian, Kesenambungan dan Inovasi dalam Pandemik, yang dianjurkan oleh Kerajaan Uzbekistan dengan PBB dan UNICEF | Dalam talian | <ul style="list-style-type: none"> Prof. Dato' Noor Aziah Mohd. Awal Izyan Hazwani Ahmad Sara Ibrahim Warda Nur Liyana Adlin |

| BIL. | TARIKH | CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN | TEMPAT/ PLATFORM | PERWAKILAN |
|-------------|------------------|--|-----------------------------|--|
| 28. | 19 - 20 Nov. | Sesi ke-13 Forum PBB mengenai Masalah Minoriti | Dalam talian | <ul style="list-style-type: none"> • En. Jerald Joseph |
| 29. | 23 Nov. – 7 Dis. | Bengkel Induksi untuk Suruhanjaya Hak Asasi Seychelles | Dalam talian | <ul style="list-style-type: none"> • Dr. Cheah Swee Neo • Simon Karunagaram • Paremeswari Subramaniam |
| 30. | 24 – 26 Nov. | Persidangan Tahunan Forum Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan Asia Tenggara (SEANF) ke-17 | Dalam talian | <ul style="list-style-type: none"> • Tan Sri Othman Hashim • En. Jerald Joseph • Helmi Fendy Mohammad Idris • Josefina Abdullah • Kumeraintharen Murugiah • Siti Zaihan Zulkarnain • Ahmad Afifi Ramli • Nyak Baqi Kamaruddin • Lee Pei Hsi |
| 31. | 25 Nov. | Dialog Dalam Talian SEANF mengenai Orang Tidak Bernegara di Sabah | Dalam talian | <ul style="list-style-type: none"> • Datuk Godfrey Gregory Joitol • Jasmih Slamet • Heflin Dino • Nur Shahmimie Yusof • Daisy Masiram • Archimedes Chua |
| 32. | 30 Nov. - 5 Dis. | Perhimpunan Am Tahunan GANHRI 2020 | Dalam talian | <ul style="list-style-type: none"> • Tan Sri Othman Hashim • Chua Yen Sin • Helmi Fendy Mohammad Idris |

| BIL. | TARIKH | CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN | TEMPAT/ PLATFORM | PERWAKILAN |
|------|------------|---|---------------------|---|
| 33. | 1 Dis. | EMRIP: Mesyuarat Serantau Asia dan Pasifik | Dalam talian | <ul style="list-style-type: none"> • Dato' Dr. Madeline Berma • Helmi Fendy Mohammad Idris |
| 34. | 2-3 Dis. | Kursus Pembelajaran Mengenai Hak Asasi Manusia, Gender dan Alam Sekitar anjuran Raoul Wallenberg Institute of Human Rights and Humanitarian Law | Dalam talian | <ul style="list-style-type: none"> • Dr. Cheah Swee Neo • Kumeraintharen Murugiah • Nur Dhaniah Aqilah Ahmad Jelani • Nurisha Hanizam |
| 35. | 3 Dis. | Mesyuarat Tahunan GANHRI 2020: Pertukaran Pengetahuan dan Pengalaman dalam menjalankan mandat dan fungsi NHRIs dalam konteks COVID-19 | Dalam talian | <ul style="list-style-type: none"> • Tan Sri Othman Hashim • Chua Yen Sin • Helmi Fendy Mohammad Idris • Josefina Abdullah • Kumeraintharen Murugiah |
| 36. | 3 - 4 Dis. | Konsultasi AICHR mengenai Pelaksanaan Artikel 14 Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN (AHRD): Mencegah dan Melawan Keksaan | Dalam talian | <ul style="list-style-type: none"> • Lee Pei Hsi • Abdul Rahman Abdullah • En. Jerald Joseph |
| 37. | 4 Dis. | Persidangan Tahunan GANHRI 2020: "Perubahan Iklim: Peranan Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan" | Dalam talian | <ul style="list-style-type: none"> • Tan Sri Othman Hashim • Chua Yen Sin • Helmi Fendy Mohammad Idris • Josefina Abdullah • Kumeraintharen Murugiah |

| BIL. | TARIKH | CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN | TEMPAT/ PLATFORM | PERWAKILAN |
|-------------|---------------|--|-----------------------------|---|
| 38. | 7 Dis. | Persidangan NHRI 2020 mengenai Hak Warga Emas | Dalam talian | <ul style="list-style-type: none"> • Siti Rahayu Mohamed Noor |
| 39. | 8 Dis. | Forum Maya oleh Pesuruhjaya Tinggi PBB untuk Pelarian UNHCR & Pertubuhan Bantuan Wanita | Dalam talian | <ul style="list-style-type: none"> • Mohd. Tan'im Tajuddin • Azian Juliana Ng Kee Choo |
| 40. | 8 - 9 Dis. | Seminar Khusus mengenai Pelaksanaan Piawaian Antarabangsa Hak Asasi Manusia melalui Sistem Hak Asasi Manusia Kebangsaan | Dalam talian | <ul style="list-style-type: none"> • En. Jerald Joseph • Chua Yen Sin • Helmi Fendy Mohammad Idris • Josefina Abdullah • Kumeraintharen Murugiah |
| 41. | 9 Dis. | UNFPA Geneva Pelancaran Primer pada NHRI yang Melakukan Pertanyaan Awam Mengenai FGM yang dianjurkan oleh Pejabat Geneva Tabung Penduduk Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFPA) | Dalam talian | <ul style="list-style-type: none"> • Prof. Dato' Noor Aziah Mohd. Awal • Izyan Hazwani Ahmad |
| 42. | 9 Dis. | Seminar Pakar mengenai Pelaksanaan Piawaian Hak Asasi Manusia Antarabangsa melalui Sistem Nasional Hak Asasi Manusia anjuran Akademi Geneva | Dalam talian | <ul style="list-style-type: none"> • Siti Zaihan Zulkarnain • Mohd Ariff Saifullah |

| BIL. | TARIKH | CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN | TEMPAT/ PLATFORM | PERWAKILAN |
|------|---------|--|---------------------|---|
| 43. | 11 Dis. | Persidangan Ombudsmen Uzbekistan “Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan semasa Pandemik COVID-19: Pengalaman Berinteraksi dengan Pemegang Hak Asasi dan Masyarakat Umum | Dalam talian | <ul style="list-style-type: none"> En. Jerald Joseph |
| 44. | 16 Dis. | Pelancaran Laporan Pembangunan Manusia 2020 “ <i>The Next Frontier Human Development and The Anthropocene Malaysia</i> ” | Dalam talian | <ul style="list-style-type: none"> Mohd. Tan'im Tajuddin |

LAMPIRAN V

MESYUARAT BULANAN – KEHADIRAN PESURUHJAYA SUHAKAM

| Bil. | Bil. Siri Mesyuarat / Tarikh | Hadir | Tidak Hadir |
|------|------------------------------|---|---|
| 1. | 1-2020 14 Jan. | <ol style="list-style-type: none"> 1. Tan Sri Othman Hashim 2. Datuk Godfrey Gregory Joitol 3. Datuk Lok Yim Pheng 4. Prof. Madya Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh 5. En. Jerald Joseph 6. Dato' Mah Weng Kwai 7. Dr. Madeline Berma 8. Dr. Cheah Swee Neo | <ol style="list-style-type: none"> 1. Prof. Dato' Noor Aziah Mohd. Awal 2. Dato' Seri Mohd. Hishamudin Md Yunus |
| 2. | 2-2020 11 Feb. | <ol style="list-style-type: none"> 1. Tan Sri Othman Hashim 2. Datuk Godfrey Gregory Joitol 3. Datuk Lok Yim Pheng 4. Dato' Seri Mohd. Hishamudin Md Yunus 5. Prof. Madya Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh 6. En. Jerald Joseph 7. Dr. Madeline Berma 8. Dr. Cheah Swee Neo | <ol style="list-style-type: none"> 1. Prof. Dato' Noor Aziah Mohd. Awal 2. Dato' Mah Weng Kwai |
| 3. | 3-2020 3 Mac | <ol style="list-style-type: none"> 1. Tan Sri Othman Hashim 2. Datuk Godfrey Gregory Joitol 3. Datuk Lok Yim Pheng 4. Dato' Seri Mohd. Hishamudin Md Yunus 5. Prof. Madya Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh 6. Dato' Mah Weng Kwai 7. En. Jerald Joseph 8. Dr. Madeline Berma 9. Dr. Cheah Swee | <ol style="list-style-type: none"> 1. Prof. Madya Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh |
| 4. | - | Tiada Mesyuarat pada bulan April 2020 | - |

| Bil. | Bil. Siri Mesyuarat / Tarikh | Hadir | Tidak Hadir |
|------|------------------------------|--|-------------|
| 5. | 4-2020 5 Mei | <ol style="list-style-type: none"> 1. Tan Sri Othman Hashim 2. Datuk Godfrey Gregory Joitol 3. Datuk Lok Yim Pheng 4. Dato' Seri Mohd. Hishamudin Md Yunus 5. Prof. Madya Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh 6. Dato' Mah Weng Kwai 7. En. Jerald Joseph 8. Prof. Dato' Noor Aziah Mohd. Awal 9. Dr. Madeline Berma 10. Dr. Cheah Swee Neo | - |
| 6. | 5-2020 9 Jun | <ol style="list-style-type: none"> 1. Tan Sri Othman Hashim 2. Datuk Godfrey Gregory Joitol 3. Datuk Lok Yim Pheng 4. Dato' Seri Mohd. Hishamudin Md Yunus 5. Prof. Madya Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh 6. Dato' Mah Weng Kwai 7. En. Jerald Joseph 8. Prof. Dato' Noor Aziah Mohd. Awal 9. Dr. Madeline Berma 10. Dr. Cheah Swee Neo | - |
| 7. | 6-2020 14 Jul. | <ol style="list-style-type: none"> 1. Tan Sri Othman Hashim 2. Datuk Lok Yim Pheng 3. Datuk Godfrey Gregory Joitol 4. Dato' Seri Mohd. Hishamudin Md Yunus 5. Prof. Madya Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh 6. Dato' Mah Weng Kwai 7. En. Jerald Joseph 8. Prof. Dato' Noor Aziah Mohd. Awal 9. Dr. Madeline Berma 10. Dr. Cheah Swee Neo | - |

| Bil. | Bil. Siri Mesyuarat / Tarikh | Hadir | Tidak Hadir |
|-------------|-------------------------------------|--|----------------------------|
| 8. | 7-2020 11 Ogos | <ol style="list-style-type: none"> 1. Tan Sri Othman Hashim 2. Datuk Lok Yim Pheng 3. Datuk Godfrey Gregory Joitol 4. Dato' Seri Mohd. Hishamudin Md Yunus 5. Prof. Madya Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh 6. Dato' Mah Weng Kwai 7. En. Jerald Joseph 8. Prof. Dato' Noor Aziah Mohd. Awal 9. Dr. Madeline Berma 10. Dr. Cheah Swee Neo | - |
| 9. | 8-2020 8 Sept. | <ol style="list-style-type: none"> 1. Tan Sri Othman Hashim 2. Datuk Lok Yim Pheng 3. Datuk Godfrey Gregory Joitol 4. Dato' Seri Mohd. Hishamudin Md Yunus 5. Prof. Madya Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh 6. Dato' Mah Weng Kwai 7. En. Jerald Joseph 8. Prof. Dato' Noor Aziah Mohd. Awal 9. Dr. Madeline Berma 10. Dr. Cheah Swee Neo | - |
| 10. | 9-2020 13 Okt. | <ol style="list-style-type: none"> 1. Tan Sri Othman Hashim 2. Datuk Godfrey Gregory Joitol 3. Datuk Lok Yim Pheng 4. Dato' Seri Mohd. Hishamudin Md Yunus 5. Prof. Madya Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh 6. Dato' Mah Weng Kwai 7. En. Jerald Joseph 8. Prof. Dato' Noor Aziah Mohd. Awal 9. Dr. Cheah Swee Neo | 1. Dato Dr. Madeline Berma |

| Bil. | Bil. Siri Mesyuarat / Tarikh | Hadir | Tidak Hadir |
|------|------------------------------|--|-------------|
| 11. | 10-2020 10 Nov. | <ol style="list-style-type: none"> 1. Tan Sri Othman Hashim 2. Datuk Godfrey Gregory Joitol 3. Dato' Seri Mohd. Hishamudin Md Yunus 4. Datuk Lok Yim Pheng 5. Prof. Madya Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh 6. Dato' Mah Weng Kwai 7. En. Jerald Joseph 8. Prof. Dato' Noor Aziah Mohd. Awal 9. Dato' Dr. Madeline Berma 10. Dr. Cheah Swee Neo | - |
| 12. | 11-2020 8 Disember | <ol style="list-style-type: none"> 1. Tan Sri Othman Hashim 2. Datuk Godfrey Gregory Joitol 3. Dato' Seri Mohd. Hishamudin Md Yunus 4. Datuk Lok Yim Pheng 5. Prof. Madya Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh 6. Dato' Mah Weng Kwai 7. En. Jerald Joseph 8. Prof. Dato' Noor Aziah Mohd. Awal 9. Dato' Dr. Madeline Berma 10. Dr. Cheah Swee Neo | - |





**LAMPIRAN VI
SIJIL KETUA AUDIT
NEGARA MENGENAI
PENYATA KEWANGAN
SUHAKAM**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mewakili sebuah firma audit swasta untuk mengaudit Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 21.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597].

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Anggota Suruhanjaya, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Anggota Suruhanjaya Terhadap Penyata Kewangan

Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597]. Anggota Suruhanjaya juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia, Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengetahui pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Suruhanjaya.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Suruhanjaya dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia termasuk pendedahannya dan sama ada Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Anggota Suruhanjaya, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Hal-hal Lain

- a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 1.5 kepada penyata kewangan, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia telah menerima pakai Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) mulai 1 Januari 2020, dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2019. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Anggota Suruhanjaya terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia pada 31 Disember 2019 dan 1 January 2019 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2019 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terlibat untuk melaporkan maklumat perbandingan yang dinyatakan semula dan yang tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2020, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2020 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.
- b. Pihak Audit mendapati Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia perlu menambah baik kawalan dalaman yang melibatkan aspek perekodan penyata kewangan. Penambahbaikan perlu dilaksanakan dengan menyediakan sistem dan tatacara kerja yang jelas serta pewujudan Standard Operasi Prosedur (SOP) yang dikemas kini. Kelemahan yang diperhatikan adalah kaedah perekodan liabiliti dengan mengiktiraf butiran dalam Pesanan Tempatan yang belum menunjukkan bahawa obligasi tersebut telah timbul/wujud dan pengelasan perbelanjaan mengikut maksud sebenar ia dibuat. Oleh itu Suruhanjaya perlu mengkaji semula polisi serta SOP dalam pengiktirafan liabiliti dan pengelasan perbelanjaan sebenar supaya tepat dan selari dengan kehendak piawaian perakaunan yang diterima pakai. Kawalan dalaman yang efektif dapat meningkatkan kebolehpercayaan dan persembahan penyata kewangan yang benar dan saksama.
- c. Sijil ini dibuat untuk Anggota Suruhanjaya berdasarkan keperluan Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.


(**FARIZAH BINTI HARMAN**)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
20 JULAI 2021



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA
PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN SURUHANJAYA

Saya, Cheah Swee Neo, bernombor kad pengenalan 740313-01-5208, Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota-nota kepada penyata kewangan yang disertakan, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui)
Oleh penama di atas,)
Cheah Swee Neo)
Di Kuala Lumpur pada - 1 JUL 2021)

Cheah Swee Neo

Di hadapan saya,



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

PENYATA OLEH PENERUSI DAN SALAH SEORANG AHLI SURUHANJAYA

Kami, TAN SRI OTHMAN HASHIM dan DATUK LOK YIM PHENG yang merupakan Pengerusi dan Pesuruhjaya SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Suruhanjaya, Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota-nota kepada penyata kewangan yang disertakan, adalah disediakan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) yang diterbitkan oleh Jabatan Akauntan Negara untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA pada 31 Disember 2020 dan hasil kendaliannya serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Suruhanjaya,



TAN SRI OTHMAN HASHIM

Pengerusi

Kuala Lumpur

Tarikh: 1 JUL 2021

Bagi pihak Suruhanjaya,



DATUK LOK YIM PHENG

Pesuruhjaya

Kuala Lumpur

Tarikh: 1 JUL 2021

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2020

| | NOTA | 31.12.2020 RM | (MPSAS) Dinyatakan semula 31.12.2019 RM | (MPERS) Seperti dilaporkan terdahulu 31.12.2019 RM | (MPSAS) Dinyatakan semula 1.1.2019 RM |
|--------------------------------------|------|------------------|---|---|---|
| ASET BUKAN SEMASA | | | | | |
| Loji dan Peralatan | 3 | 294,858 | 274,015 | 274,015 | 283,298 |
| Jumlah Aset Bukan Semasa | | <u>294,858</u> | <u>274,015</u> | <u>274,015</u> | <u>283,298</u> |
| ASET SEMASA | | | | | |
| Deposit dan Pelbagai Penghutang | 4 | 665,439 | 659,566 | 659,566 | 635,256 |
| Simpanan Tetap | 5 | - | 1,000,000 | 1,000,000 | 1,000,000 |
| Tunai dan Baki di Bank | 6 | 3,810,319 | 966,405 | 966,405 | 2,943,268 |
| Jumlah Aset Semasa | | <u>4,475,758</u> | <u>2,625,971</u> | <u>2,625,971</u> | <u>4,578,524</u> |
| JUMLAH ASET | | <u>4,770,616</u> | <u>2,899,986</u> | <u>2,899,986</u> | <u>4,861,822</u> |
| EKUITI | | | | | |
| Lebihan terkumpul | | - | - | 1,741,381 | - |
| Lebihan tahun semasa bawa hadapan | | - | - | 510,111 | - |
| Kumpulan Wang Suruhanjaya | 7 | 3,304,554 | 2,202,717 | - | 1,691,893 |
| Jumlah Ekuiti | | <u>3,304,554</u> | <u>2,202,717</u> | <u>2,251,492</u> | <u>1,691,893</u> |
| LIABILITI SEMASA | | | | | |
| Pelbagai Pemiutang dan Akruan | 8 | 1,126,067 | 441,966 | 648,494 | 2,970,140 |
| Jumlah Liabiliti Semasa | | <u>1,126,067</u> | <u>441,966</u> | <u>648,494</u> | <u>2,970,140</u> |
| LIABILITI BUKAN SEMASA | | | | | |
| Peruntukan manfaat kakitangan | 9 | 339,995 | 255,303 | - | 199,789 |
| Jumlah Liabiliti Bukan Semasa | | <u>339,995</u> | <u>255,303</u> | <u>-</u> | <u>199,789</u> |
| Jumlah Liabiliti | | <u>1,466,062</u> | <u>697,269</u> | <u>648,494</u> | <u>3,169,929</u> |
| JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI | | <u>4,770,616</u> | <u>2,899,986</u> | <u>2,899,986</u> | <u>4,861,822</u> |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asas penyata kewangan ini.

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

| | | | Dinyatakan semula (MPSAS) | Seperti dinyatakan dahulu |
|---------------------------------------|------|------------------|---------------------------------|---------------------------------|
| | Nota | 2020 RM | 2019 RM | 2019 RM |
| PENDAPATAN | | | | |
| Pendapatan urusniaga bukan pertukaran | 10 | 13,804,777 | 13,574,250 | - |
| Pendapatan urusniaga pertukaran | 11 | 21,627 | 43,289 | - |
| Geran Kerajaan | | - | - | 12,950,500 |
| Pendapatan Lain | | - | - | 623,750 |
| Perbelanjaan Pengurusan | 12 | (12,724,567) | (13,106,715) | (13,107,428) |
| Pendapatan Kewangan | | - | - | 43,289 |
| Lebihan pada tahun semasa | | <u>1,101,837</u> | <u>510,824</u> | <u>510,111</u> |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asas penyata kewangan ini.

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

| | Kumpulan Wang Suruhanjaya |
|--------------------------------------|---------------------------------|
| | RM |
| Pada 1 Januari 2019 | 1,741,381 |
| Pelarasan tahun lalu | (49,488) |
| Lebihan bagi tahun | 510,824 |
| Pada 31 Disember 2019/1 Januari 2020 | <hr/> 2,202,717 |
| Lebihan bagi tahun | 1,101,837 |
| Pada 31 Disember 2020 | <hr/> <hr/> 3,304,554 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asas penyata kewangan ini.

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

| | 2020 RM | 2019 RM <i>(dinyatakan semula)</i> |
|---|------------------|--|
| ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI | | |
| Lebihan sebelum cukai | 1,101,837 | 510,824 |
| Pelarasan perkara-perkara yang tidak melibatkan aliran tunai: Susut nilai loji dan peralatan | <u>131,984</u> | <u>138,531</u> |
| Lebihan sebelum perubahan modal kerja | 1,233,821 | 649,355 |
| Peningkatan pelbagai penghutang, deposit dan faedah terakru | (5,873) | (24,310) |
| Peningkatan/(Kurangan) pelbagai pemiutang dan akruan | 684,101 | (2,258,174) |
| Peningkatan dalam peruntukan manfaat pekerja | <u>84,692</u> | <u>55,514</u> |
| Aliran Tunai bersih dihasilkan/(digunakan) dalam aktiviti operasi | 1,996,741 | (1,847,615) |
| ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN | | |
| Pembelian loji dan peralatan | (152,827) | (129,248) |
| Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan | (152,827) | (129,248) |
| Peningkatan/(Kurangan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai | | |
| | 1,843,914 | (1,976,863) |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun | 1,966,405 | 3,943,268 |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun | 3,810,319 | 1,966,405 |
| <u>Tunai dan kesetaraan tunai</u> | | |
| Simpanan Tetap | - | 1,000,000 |
| Tunai dan baki di Bank | <u>3,810,319</u> | <u>966,405</u> |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun | 3,810,319 | 1,966,405 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asas penyata kewangan ini.

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

| | JUMLAH DILULUSKAN | BAJET PINDAAN | JUMLAH SEBENAR | *VARIAN BAJET |
|--|------------------------------|--------------------------|---------------------------|--------------------------|
| | RM | RM | RM | RM |
| PENERIMAAN | | | | |
| Pemberian Kerajaan | 12,450,000 | 12,450,000 | 12,950,000 | (500,000) |
| Pendapatan Lain | 340,331 | 340,331 | 854,777 | (514,446) |
| Pendapatan Kewangan | - | - | 21,627 | (21,627) |
| JUMLAH PENERIMAAN | 12,790,331 | 12,790,331 | 13,826,404 | (1,036,073) |
| PEMBAYARAN | | | | |
| Gaji dan Upahan | 3,835,000 | 3,835,000 | 3,700,337 | 134,663 |
| Elaun Tetap | 1,070,600 | 1,070,600 | 1,120,367 | (49,767) |
| Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan | 810,000 | 810,000 | 791,288 | 18,712 |
| Elaun Lebih Masa | 98,000 | 98,000 | 21,789 | 76,211 |
| Faedah-Faedah Kewangan yang Lain | 436,400 | 436,400 | 215,328 | 221,072 |
| Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup | 1,114,825 | 779,890 | 364,087 | 415,803 |
| Perhubungan dan Utiliti | 204,000 | 204,000 | 212,773 | (8,773) |
| Sewaan | 2,318,000 | 2,295,000 | 2,352,858 | (57,858) |
| Bekalan Bahan Mentah dan Bahan untuk Penyelenggaraan dan Pembaikan | 90,000 | 90,000 | 78,454 | 11,546 |
| Bekalan dan Bahan-bahan lain | 148,300 | 140,000 | 129,186 | 10,814 |
| Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil yang Dibeli | 545,000 | 545,000 | 674,667 | (129,667) |
| Perkhidmatan Iktisas dan Perkhidmatan Lain yang Dibeli dan Hospitaliti | 2,804,127 | 2,400,594 | 2,841,448 | (440,854) |
| Aset | - | - | 152,827 | (152,827) |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 10,000 | 10,000 | 89,305 | (79,305) |
| Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain | 1,000 | 1,000 | 697 | 303 |
| JUMLAH PEMBAYARAN | 13,485,252 | 12,715,484 | 12,745,411 | (29,927) |
| PENERIMAAN BERSIH | (694,921) | 74,847 | 1,080,993 | (1,006,146) |

*Merujuk kepada varian di antara Bajet Pindaan dan Jumlah Sebenar

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asas penyata kewangan ini.

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

1.0 LATAR BELAKANG DAN AKTIVITI UTAMA

- 1.1 Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia ditubuhkan oleh Parlimen Malaysia di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999, Akta 597 dengan objektif untuk melindungi dan memajukan hak asasi manusia di Malaysia. Akta ini diwartakan pada 9 September 1999.
- 1.2 Fungsi utama Suruhanjaya adalah untuk:
 - 1.2.1 memupuk kesedaran dan menyediakan pendidikan yang berhubungan dengan hak asasi manusia;
 - 1.2.2 menasihati dan membantu Kerajaan dalam merumuskan perundangan dan arahan dan tatacara pentadbiran dan mengesyorkan langkah-langkah yang perlu diambil;
 - 1.2.3 mengesyorkan kepada Kerajaan berkenaan dengan penandatanganan atau penyertaan dalam perjanjian triti dan suratcara antarabangsa yang lain dalam bidang hak asasi manusia; dan
 - 1.2.4 menyasiat aduan berkenaan dengan pelanggaran hak asasi manusia.
- 1.3 Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 telah diluluskan oleh Suruhanjaya pada 7 Julai 2021.
- 1.4 Pejabat berdaftar Suruhanjaya dan tempat utama pengoperasiannya terletak di Tingkat 11 Menara TH Perdana Jalan Sultan Ismail.
- 1.5 Suruhanjaya menerima pakai piawaian perakaunan berdasarkan surat edaran Ketua Setiausaha Perbendaharaan berkenaan Pemakaian Piawaian Perakaunan Bagi Rangka Kerja Pelaporan Penyata Kewangan Oleh Badan Berkanun Persekutuan Bagi Tahun 2016 Dan Tahun-tahun Berikutnya bertarikh 9 Disember 2016, dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Bilangan 9 Tahun 2017.

Pemakaian Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) di Suruhanjaya telah diluluskan dan disahkan Suruhanjaya pada 7 Julai 2021.

Penyata kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan pertama yang disediakan menggunakan MPSAS. Sebelum ini penyata kewangan telah disediakan mengikut Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS).

2.0 DASAR-DASAR PERAKAUNAN

2.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan

Penyata kewangan Suruhanjaya ini telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah dan mematuhi nilai saksama.

Penyata kewangan Suruhanjaya dibentangkan dalam Ringgit Malaysia.

Pihak pengurusan perlu menggunakan pertimbangan, anggapan dan anggaran untuk menilai dan melaporkan jumlah aset dan liabiliti pada akhir tahun semasa serta melaporkan jumlah pendapatan dan perbelanjaan pada tahun semasa.

Pertimbangan dan anggapan digunakan di dalam penilaian dan mungkin akan menyebabkan keputusan sebenar tidak selari dengan jumlah yang dilaporkan.

2.2 Tempoh Laporan Entiti

Penyediaan penyata kewangan Suruhanjaya adalah tertakluk Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240], dan tahun kewangan Suruhanjaya ialah tahun kalendar.

2.3 Penyata Pematuhan

Penyata kewangan Suruhanjaya telah disediakan dengan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan. MPSAS 33 membenarkan pengguna kali pertama untuk mengiktiraf dan/atau mengukur aset dan/atau liabiliti tertentu dalam tempoh satu (1) sehingga tiga (3) tahun.

2.4 Asas Perakaunan Berterusan

Suruhanjaya menggunakan dasar perakaunan yang sesuai dan relevan secara konsisten serta membuat pertimbangan dan anggaran yang munasabah dan berhemat. Suruhanjaya menyediakan laporan kewangan beraudit berdasarkan perakaunan berterusan.

2.5 Pengiktirafan Hasil dan Perbelanjaan

2.5.1 Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran

Geran Peruntukan Kerajaan

Geran Mengurus yang diterima daripada Kerajaan untuk pembiayaan belanja operasi diakaunkan dalam Penyata Prestasi Kewangan pada tahun ia dimaksudkan diiktiraf pada nilai saksamanya di mana terdapat jaminan munasabah bahawa geran akan diterima dan Suruhanjaya akan mematuhi semua syarat yang ada padanya.

Geran kerajaan berkaitan dengan pembelian loji dan peralatan dimasukkan dalam liabiliti bukan semasa sebagai pendapatan tertunda dan dikreditkan kepada penyata pendapatan sepanjang hayat dijangka ke atas loji dan peralatan berkaitan, asas-asas yang seimbang dengan susut nilai loji dan peralatan yang berkaitan.

2.5.2 Hasil daripada Urusniaga Pertukaran

Faedah Simpanan Tetap

Faedah Simpanan Tetap diiktiraf menurut konsep akruan atas dasar perkadaran masa yang mengambilkira kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaun jangka aliran penerimaan tunai masa hadapan hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset.

Bagi pelaburan daripada Simpanan Tetap, pendapatan diambil kira dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Pendapatan Hibah dan Mudharabah Insuran diiktiraf berdasarkan asas tunai.

Pendapatan lain adalah dana yang diterima Suruhanjaya bagi maksud memupuk kesedaran dan menyediakan pendidikan yang berhubungan dengan hak asasi manusia yang diluluskan Suruhanjaya.

Belanja diiktiraf dalam tempoh ia berlaku atau dikenakan.

Perbelanjaan Ubahsuai bagi bangunan yang disewa diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.6 Instrumen Kewangan

2.6.1 Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Suruhanjaya menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Aset kewangan terdiri daripada tunai dan kesetaraan tunai, pendahuluan kakitangan dan deposit. Aset Kewangan diukur berdasarkan nilai dan kos yang dilunaskan.

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Suruhanjaya membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

2.6.2 Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Suruhanjaya menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Liabiliti kewangan terdiri daripada akaun belum bayar, dan liabiliti lain.

Liabiliti kewangan diukur berdasarkan nilai dan kos yang dilunaskan.

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktirafkan dari pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.6.3 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai merangkumi wang tunai di tangan, di bank, dan simpanan. Kesetaraan tunai merangkumi pelaburan mudah tunai yang boleh ditukarkan kepada amaun tunai yang diketahui yang tertakluk kepada risiko pertukaran nilai yang tidak signifikan. Suruhanjaya telah menggunakan kaedah tidak langsung di dalam penyediaan Penyata Aliran Tunai.

2.7 Peruntukan

Peruntukan dibuat apabila Suruhanjaya mempunyai obligasi sah atau konstruktif pada masa kini berikutan peristiwa lepas, di mana kemungkinan aliran keluar sumber akan diiktirafkan untuk menjelaskan obligasi, dan bila anggaran yang boleh diyakini boleh dibuat bagi amaun tersebut.

Suruhanjaya menggunakan anggaran terbaik sebagai dasar penilaian peruntukan. Pihak pengurusan menilai berdasarkan pengalaman, isu semasa dan isu akan datang dengan kemungkinan munasabah yang berlaku.

2.8 Nilai Saksama

Nilai dibawa tunai dan kesetaraan tunai, pelbagai dan lain-lain belum terima, pelbagai dan lain-lain belum bayar menghampiri nilai saksama kerana sifat instrumen kewangan yang jangka pendek.

2.9 Objektif dan Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Polisi pengurusan risiko kewangan Suruhanjaya bertujuan memastikan sumber kewangan mencukupi untuk menjalankan operasi-operasinya dengan lancar.

2.10 Risiko Mudah Tunai

Pihak Suruhanjaya mengamalkan pengurusan risiko mudah tunai yang hemat untuk meminimumkan ketidakpadanan aset dan liabiliti kewangan dan untuk mewujudkan tahap tunai dan kesetaraan tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerja.

2.11 Manfaat pekerja

Termasuk di dalam Manfaat Pekerja Jangka Pendek adalah upah, gaji, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit, Bantuan Khas Kewangan dan manfaat bukan kewangan yang dijangka akan diselesaikan sepenuhnya dalam tempoh 12 bulan selepas akhir tempoh pelaporan di mana kakitangan memberi perkhidmatan yang berkaitan diiktiraf berkenaan dengan perkhidmatan pekerja dan diukur pada jumlah yang dijangka akan dibayar apabila liabiliti diselesaikan.

Liabiliti dibentangkan sebagai tanggungan manfaat pekerja dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Suruhanjaya mengiktiraf liabiliti dan belanja Bantuan Khas Kewangan, berdasarkan pekeliling yang dikeluarkan selepas pembentangan bajet Kerajaan Persekutuan

Jika terdapat peruntukan bagi Bantuan Khas Kewangan, Suruhanjaya mengiktiraf peruntukan di mana adanya obligasi kontraktual atau jika terdapat amalan terdahulu yang telah mewujudkan suatu obligasi kontraktual.

Suruhanjaya membayar caruman tetap kepada sebuah entiti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi kakitangannya. Caruman sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan seperti yang ditanggung. Apabila caruman telah dibayar, Suruhanjaya tiada obligasi bayaran lagi.

Gantian Cuti Rehat

Peruntukan manfaat pekerja jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila anggota bersara wajib atau bersara pilihan sendiri ataupun bersara atas kepentingan perkhidmatan ataupun apabila mereka meninggal dunia berdasarkan kepada terma dan syarat perkhidmatan Suruhanjaya akan dibayar Award Gantian Wang Tunai.

Suruhanjaya mengambil kira peruntukan gantian cuti rehat bagi kesemua kakitangannya yang layak dalam tempoh Kewangan berakhir di mana ia dikira berdasarkan formula berikut:

$$1/30 \text{ Gaji akhir diterima} \times \text{jumlah hari cuti rehat yang di kumpulkan} \\ \text{(tertakluk kepada had maksimum 150 hari)}$$

Pihak Suruhanjaya juga akan memberi ganjaran kepada kakitangan kontrak yang telah tamat tempoh perkhidmatan mereka berdasarkan formula berikut:

$$[17.5\% - 15\% \text{ (caruman KWSP majikan)} \times \text{gaji pokok terakhir} \times \text{jumlah bulan perkhidmatan}] \\ \text{(-) faedah syer ke atas caruman KWSP majikan.}$$

Manfaat Pekerja Lain-lain

Kemudahan kakitangan lain-lain yang disediakan meliputi Skim Perlindungan Insuran berkelompok bagi dimasukkan ke hospital dan surgeri, perlindungan kemalangan, perlindungan nyawa kepada semua kakitangan tetap dan kakitangan kontrak berdasarkan ketentuan yang ditetapkan Suruhanjaya.

2.12 Maklumat Bajet

Bajet Tahunan disediakan menurut kepada asas tunai. Memandangkan penyata kewangan disediakan menggunakan asas akrual, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan dan hanya merujuk kepada bajet mengurus. Jumlah bajet tahunan Suruhanjaya telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

2.13 Loji dan Peralatan serta Susutnilai

Hartanah, loji dan peralatan diiktiraf pada nilai kos yang melebihi RM1,000.00 setiap satu. Loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian nilai kemerosotan terkumpul.

Susutnilai diperuntukkan berdasarkan kaedah garis lurus dikira untuk menghapus kira kos setiap aset sepanjang anggaran hayat kegunaannya.

Kadar susutnilai tahunan adalah 20%.

Loji dan peralatan disusutnilai dengan memperuntukkan jumlah susut nilai komponen atau item penting kepada lebih baki hayat berguna. Pada akhir setiap tempoh pelaporan, nilai sisa, jangka hayat guna dan kaedah susut nilai bagi loji dan peralatan disemak semula untuk kewajaran. Sebarang perubahan dalam anggaran aset diarahkan secara prospektif kepada jangka hayat yang tinggal, bermula dalam tempoh semasa.

2.14 Pendedahan Pihak Berkaitan

Suruhanjaya menganggap pihak berkaitan sebagai orang entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau melaksanakan pengaruh penting ke atas Suruhanjaya atau sebaliknya. Pihak berkaitan Suruhanjaya adalah barisan Pesuruhjaya SUHAKAM.

2.15 Pertimbangan Perakaunan Penting dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran.

Suruhanjaya tidak mempunyai pertimbangan dan anggapan yang menyebabkan penyediaan penyata kewangan tidak munasabah.

Ketidakpastian Anggaran

Pengukuran beberapa aset dan liabiliti memerlukan pihak pengurusan menggunakan anggaran berdasarkan pelbagai input yang boleh diperhatikan dan andaian lain. Perkara yang tertakluk kepada ketidakpastian anggaran penting adalah dalam mengukur: (a) peruntukan; dan (b) susut nilai hartanah, loji dan peralatan.

2.16 Angka-Angka Bandingan

Sebahagian daripada angka-angka bandingan telah diklasifikasikan semula kerana mengambil kira pemakaian awal MPSAS.

2.17 Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan.

Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, Suruhanjaya mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urusan niaga pasaran terkini akan diambil kira jika ada. Jika tiada urusan niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya, melainkan aset tersebut dibawa pada jumlah penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai

semula akan dikurangkan setakat lebih penilaian semula yang masih belum digunakan bagi aset yang sama.

2.18 Kesan Pemakaian MPSAS

Kesan Pemakaian MPSAS ke atas penyata kewangan SUHAKAM pada 1 Januari 2019 selepas mengambil kira penggunaan pengecualian dan pertukaran dasar-dasar perakaunan adalah seperti berikut:

(a) Kesan ke atas Penyata Kedudukan Kewangan pada 1 Januari 2019:

| | MPERS (Dinyatakan Semula) | Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu | MPSAS |
|--------------------------------------|---------------------------------|--|------------------|
| | RM | RM | RM |
| ASET BUKAN SEMASA | | | |
| Loji dan Peralatan | 283,298 | - | 283,298 |
| Jumlah Aset Bukan Semasa | 283,298 | | 283,298 |
| ASET SEMASA | | | |
| Deposit dan Pelbagai Penghutang | 635,256 | - | 635,256 |
| Simpanan Tetap | 1,000,000 | - | 1,000,000 |
| Tunai dan Baki di Bank | 2,943,268 | - | 2,943,268 |
| Jumlah Aset Semasa | 4,578,524 | | 4,578,524 |
| JUMLAH ASET | 4,861,822 | | 4,861,822 |
| EKUITI | | | |
| Lebihan terkumpul | 2,559,543 | (2,559,543) | - |
| Kurangan tahun semasa bawa hadapan | (818,162) | 818,162 | - |
| Kumpulan Wang Suruhanjaya | - | 1,691,893 | 1,691,893 |
| Jumlah Ekuiti | 1,741,381 | | 1,691,893 |
| LIABILITI SEMASA | | | |
| Pelbagai Pemiutang dan Akruan | 3,120,441 | (150,301) | 2,970,140 |
| Jumlah Liabiliti Semasa | 3,120,441 | | 2,970,140 |
| LIABILITI BUKAN SEMASA | | | |
| Peruntukan manfaat kakitangan | - | 199,789 | 199,789 |
| Jumlah Liabiliti Bukan Semasa | - | | 199,789 |
| Jumlah Liabiliti | 3,120,441 | | 3,169,929 |
| JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI | 4,861,822 | - | 4,861,822 |

(b) Kesan ke atas Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019:

| | MPERS (Dinyatakan Semula) | Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu | MPSAS |
|--------------------------------------|---------------------------------|--|------------------|
| | RM | RM | RM |
| ASET BUKAN SEMASA | | | |
| Loji dan Peralatan | 274,015 | - | 274,015 |
| Jumlah Aset Bukan Semasa | <u>274,015</u> | | <u>274,015</u> |
| ASET SEMASA | | | |
| Deposit dan Pelbagai Penghutang | 659,566 | - | 659,566 |
| Simpanan Tetap | 1,000,000 | - | 1,000,000 |
| Tunai dan Baki di Bank | 966,405 | - | 966,405 |
| Jumlah Aset Semasa | <u>2,625,971</u> | | <u>2,625,971</u> |
| JUMLAH ASET | <u>2,899,986</u> | | <u>2,899,986</u> |
| EKUITI | | | |
| Lebihan terkumpul | 1,741,381 | (1,741,381) | - |
| Lebihan tahun semasa bawa hadapan | 510,111 | (510,111) | - |
| Kumpulan Wang Suruhanjaya | - | 2,202,717 | 2,202,717 |
| Jumlah Ekuiti | <u>2,251,492</u> | | <u>2,202,717</u> |
| LIABILITI SEMASA | | | |
| Pelbagai Pemiutang dan Akruan | 648,494 | (206,528) | 441,966 |
| Jumlah Liabiliti Semasa | <u>648,494</u> | | <u>441,966</u> |
| LIABILITI BUKAN SEMASA | | | |
| Peruntukan manfaat kakitangan | - | 255,303 | 255,303 |
| Jumlah Liabiliti Bukan Semasa | <u>-</u> | | <u>255,303</u> |
| Jumlah Liabiliti | <u>648,494</u> | | <u>697,269</u> |
| JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI | <u>2,899,986</u> | - | <u>2,899,986</u> |

(c) Kesan ke atas Penyata Prestasi Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019:

| | MPERS (Dinyatakan Semula) | Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu | MPSAS |
|--|---------------------------------|--|----------------|
| | RM | RM | RM |
| PENDAPATAN | | | |
| Pendapatan urusniaga bukan pertukaran | - | 13,574,250 | 13,574,250 |
| Pendapatan urusniaga pertukaran | - | 43,289 | 43,289 |
| Geran Kerajaan | 12,950,500 | (12,950,500) | - |
| Pendapatan Lain | 623,750 | (623,750) | - |
| Perbelanjaan Pengurusan | (13,107,428) | 713 | (13,106,715) |
| Pendapatan Kewangan | 43,289 | (43,289) | - |
| Lebihan pada tahun semasa | 510,111 | | 510,824 |

2.19 Perkara Penting Semasa Tempoh Kewangan

Pertubuhan Kesihatan Sedunia mengisytiharkan Jangkitan Novel Coronavirus 2019 (COVID-19) sebagai wabak pada 11 Mac 2020. Hal ini diikuti oleh Kerajaan Malaysia mengeluarkan Warta Kerajaan Persekutuan pada 18 Mac 2020, dengan mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa dari 18 Mac 2020 hingga 31 Disember 2020. Namun pada 11 Januari 2021, Kerajaan Malaysia sekali lagi mengisytiharkan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan 2.0 (PKP 2.0) bermula 13 Januari 2021 hingga 31 Mac 2021 serta Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 (PKP 3.0) bermula 25 Mei 2021 hingga 28 Jun 2021.

Berikutan perintah kerajaan, SUHAKAM telah mengambil langkah-langkah pencegahan dengan menutup premis pejabat dan cawangan bermula dari Mac 2020, menunda program-program dan aktiviti hak asasi SUHAKAM, melakukan pembasmian kuman di ibu pejabat dan cawangan serta mengarahkan pekerja berkerja dari rumah (WFH).

Oleh kerana hal ini berlaku dalam tempoh pelaporan, wabak COVID-19 dianggap sebagai peristiwa penting. Walau bagaimanapun, penyata kewangan untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 tidak menimbulkan kesan yang ketara terhadap penyata kewangan Suruhanjaya.

Suruhanjaya masih meneruskan proses menilai kesan wabak COVID-19 ke atas laporan kewangan kerana perkembangan yang sedang berlangsung masih belum dapat dipastikan dan tidak dapat diramalkan secara munasabah pada tarikh penyata kewangan diluluskan.

3.0 LOJI DAN PERALATAN

| <u>2020</u> | Buku, Peralatan dan | | | | Jumlah RM |
|-----------------------------|---------------------------|----------------|-----------------|----------------------|--------------|
| | Kelengkapan RM | Komputer RM | Kenderaan RM | Pengubahsuaian RM | |
| Kos | | | | | |
| Pada 1 Januari | 832,099 | 992,088 | 1,714,728 | 989,800 | 4,528,715 |
| Tambahan | 43,628 | 109,199 | - | - | 152,827 |
| Pada 31 Disember | 875,727 | 1,101,287 | 1,714,728 | 989,800 | 4,681,542 |
| Susutnilai Berkumpul | | | | | |
| Pada 1 Januari | 783,546 | 880,802 | 1,643,499 | 946,853 | 4,254,700 |
| Caj untuk tahun | 18,409 | 58,509 | 15,516 | 39,550 | 131,984 |
| Pada 31 Disember | 801,955 | 939,311 | 1,659,015 | 986,403 | 4,386,684 |
| Nilai Buku Bersih | | | | | |
| Pada 1 Januari | 48,553 | 111,286 | 71,229 | 42,947 | 274,015 |
| Pada 31 Disember | 73,772 | 161,976 | 55,713 | 3,397 | 294,858 |

| <u>2019</u> | Buku, Peralatan dan | | | | Jumlah RM |
|-----------------------------|------------------------|----------------|-----------------|----------------------|--------------|
| | Kelengkapan RM | Komputer RM | Kenderaan RM | Pengubahsuaian RM | |
| Kos | | | | | |
| Pada 1 Januari | 814,855 | 957,664 | 1,637,148 | 989,800 | 4,399,467 |
| Tambahan | 17,244 | 34,424 | 77,580 | - | 129,248 |
| Pada 31 Disember | 832,099 | 992,088 | 1,714,728 | 989,800 | 4,528,715 |
| Susutnilai Berkumpul | | | | | |
| Pada 1 Januari | 758,219 | 813,613 | 1,637,034 | 907,303 | 4,116,169 |
| Caj untuk tahun | 25,327 | 67,189 | 6,465 | 39,550 | 138,531 |
| Pada 31 Disember | 783,546 | 880,802 | 1,643,499 | 946,853 | 4,254,700 |
| Nilai Buku Bersih | | | | | |
| Pada 1 Januari | 56,636 | 144,051 | 114 | 82,497 | 283,298 |
| Pada 31 Disember | 48,553 | 111,286 | 71,229 | 42,947 | 274,015 |

4.0 DEPOSIT DAN PELBAGAI PENGHUTANG

| | <u>2020</u> | <u>2019</u> |
|------------------------|----------------|----------------|
| | RM | RM |
| Faedah terakru | - | 1,403 |
| Deposit | 648,058 | 648,192 |
| Perbelanjaan Terdahulu | 6,450 | 5,575 |
| Penghutang Lain-lain | 10,931 | 4,396 |
| Jumlah pada kos | <u>665,439</u> | <u>659,566</u> |

5.0 SIMPANAN TETAP

Simpanan tetap dengan bank berlesen tidak dicagarkan untuk sebarang tujuan. Kadar faedah efektif bagi simpanan tetap dengan bank berlesen pada 1.80% hingga 3.20% setahun. Tempoh matang ialah antara 29 hari hingga 32 hari. Suruhanjaya telah mencairkan baki pelaburan simpanan tetap Suruhanjaya pada 16 Oktober 2020 bagi tujuan menampung perbelanjaan operasinya.

6.0 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

| | <u>2020</u> | <u>2019</u> |
|-----------------|------------------|----------------|
| | RM | RM |
| Tunai Di Tangan | 5,000 | 5,000 |
| Tunai Di Bank | 3,805,319 | 961,405 |
| Jumlah | <u>3,810,319</u> | <u>966,405</u> |

7.0 KUMPULAN WANG SURUHANJAYA

| | 31.12.2020 | (MPSAS) Dinyatakan semula 31.12.2019 | (MPERS) Seperti dilaporkan terdahulu 31.12.2019 | (MPSAS) Dinyatakan semula 1.1.2019 |
|---|------------------|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM |
| Baki pada 1 Januari | 2,202,717 | 1,741,381 | 2,251,492 | 2,559,543 |
| Pelarasan tahun lalu | - | (49,488) | - | - |
| Lebihan/(Kurangan) bagi tahun semasa | 1,101,837 | 510,824 | 902,921 | (818,162) |
| Baki pada 31 Disember | <u>3,304,554</u> | <u>2,202,717</u> | <u>3,154,413</u> | <u>1,741,381</u> |

8.0 PELBAGAI PEMIUTANG DAN AKRUAN

| | <u>2020</u> | <u>2019</u> |
|-------------------|------------------|---------------------------|
| | RM | RM (dinyatakan semula) |
| Operasi pemiutang | 540 | 215 |
| Akruan | <u>1,125,527</u> | <u>441,751</u> |
| Jumlah | <u>1,126,067</u> | <u>441,966</u> |

Perbelanjaan akruan adalah termasuk obligasi Geran Kontrak kerjasama European Union bagi projek 'Promoting the Accession of Remaining International HR Treaties in Malaysia' dan projek 'Responding to Covid19 by Meeting the Human Rights Needs of Vulnerable Communities in Malaysia' dan perbelanjaan komited kepada pembekal.

9.0 PERUNTUKAN MANFAAT KAKITANGAN

Suruhanjaya melalui Terma dan Syarat Perkhidmatan SUHAKAM Fasal 3.18 memperuntukkan pembayaran Wang Tunai Sebagai Gantian Cuti Rehat (GCR), iaitu bagi cuti rehat terkumpul yang tidak dihabiskan mengikut syarat-syarat pengumpulan sehingga maksimum 150 hari disebabkan kepentingan perkhidmatan. Anugerah wang tunai dibayar pada hari terakhir bekerja selepas bersara dan ia dikira berdasarkan gaji kakitangan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Kriteria-kriteria penetapan pengiraan Peruntukan Tahunan SUHAKAM, tertakluk kepada jumlah cuti rehat yang terkumpul sehingga jumlah maksimum 15 hari setahun mengikut tahun semasa, seperti peraturan tersebut.

| | 31.12.2020 | (MPSAS) Dinyatakan semula 31.12.2019 | (MPERS) Seperti dilaporkan terdahulu 31.12.2019 | (MPSAS) Dinyatakan semula 1.1.2019 |
|---------------------------------|----------------|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM |
| Baki pada 1 Januari | 255,303 | 199,789 | 199,789 | 165,087 |
| Peruntukan tahun semasa | 78,352 | 48,326 | 48,325 | 34,702 |
| Pelarasan ganjaran tahun semasa | 6,340 | 7,188 | 7,188 | - |
| Baki pada 31 Disember | <u>339,995</u> | <u>255,303</u> | <u>255,302</u> | <u>199,789</u> |

10.0 PENDAPATAN URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN

10.1 GERAN KERAJAAN

| | <u>2020</u> |
|--|-------------------|
| | <u>RM</u> |
| Peruntukan Disalurkan | |
| Suku Tahun Pertama | 3,112,500 |
| Suku Tahun Kedua | 3,112,500 |
| Suku Tahun Ketiga dan Keempat | 6,225,000 |
| Peruntukan Pejabat Pesuruhjaya Kanak-Kanak | 500,000 |
| Jumlah | <u>12,950,000</u> |
| | |
| | <u>2019</u> |
| | <u>RM</u> |
| Peruntukan Disalurkan | |
| Suku Tahun Pertama | 2,612,625 |
| Suku Tahun Kedua | 2,612,625 |
| Suku Tahun Ketiga | 2,612,625 |
| Suku Tahun Keempat | 2,612,625 |
| Peruntukan Tambahan | 2,000,000 |
| Peruntukan Pejabat Pesuruhjaya Kanak-Kanak | 500,000 |
| Jumlah | <u>12,950,500</u> |

10.2 PENDAPATAN LAIN

Pendapatan lain adalah dana yang diterima Suruhanjaya bagi maksud memupuk kesedaran dan menyediakan pendidikan yang berhubungan dengan hak asasi manusia yang diluluskan Suruhanjaya.

| Pendapatan Lain | <u>2020</u> |
|---|--------------------|
| | <u>RM</u> |
| Penerimaan sumbangan | |
| UNICEF | 1,352 |
| National Human Rights of APF Sub Regional Office in West Asia | 12,148 |
| European Union | 841,277 |
| | <u>854,777</u> |

| Pendapatan Lain | <u>2019</u> |
|--|--------------------|
| | <u>RM</u> |
| Penerimaan sumbangan | |
| United Nations High Commissioner for Refugees | 23,392 |
| Asia Pacific Forum | 5,823 |
| Fortify Rights:Fortify Inc Human Rights Specialist | 5,100 |
| Digi Telecommunication Sdn Bhd | 10,000 |
| The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization | 17,314 |
| United Nations Association of Malaysia Youth | 20,000 |
| Commonwealth Forum of National Human Rights Institutions | 6,432 |
| The United Nations Children's Fund | 18,139 |
| Forest Peoples Programme | 1,401 |
| The ASEAN Intergovernmental Commission on Human Rights | 2,565 |
| The National Human Rights Commission of Nepal | 4,109 |
| European Union | 507,323 |
| Convention Against Torture Initiative | 2,152 |
| | <u>623,750</u> |

11.0 PENDAPATAN URUSNIAGA PERTUKARAN

| | <u>2020</u> | <u>2019</u> |
|-----------------------|--------------------|--------------------|
| | <u>RM</u> | <u>RM</u> |
| Hibah bank | 4,044 | 7,677 |
| Faedah simpanan tetap | 17,578 | 32,870 |
| Lain - lain | 5 | 2,742 |
| | <u>21,627</u> | <u>43,289</u> |

12.0 PERBELANJAAN PENGURUSAN

Perbelanjaan Pengurusan adalah bagi membolehkan Suruhanjaya menjalankan fungsinya.

| | <u>2020</u> | <u>2019</u> |
|---------------------------------------|-------------------|-------------------|
| | RM | RM |
| Emolumen | 5,849,109 | 5,611,871 |
| Perjalanan dan sara hidup | 364,087 | 1,089,843 |
| Pengangkutan | - | 1,193 |
| Perhubungan dan utiliti | 212,773 | 223,398 |
| Sewaan | 2,352,858 | 2,375,115 |
| Bekalan bahan mentah | 78,454 | 86,146 |
| Bekalan dan bahan-bahan lain | 129,186 | 219,716 |
| Penyelenggaraan dan pembaikan kecil | 674,667 | 609,012 |
| Perkhidmatan Ikhtisas dan hospitaliti | 2,841,448 | 2,691,167 |
| Susutnilai | 131,984 | 138,531 |
| Ganjaran | 89,305 | 58,156 |
| Lain-lain Perbelanjaan | 696 | 2,567 |
| Jumlah Perbelanjaan Pengurusan | <u>12,724,567</u> | <u>13,106,715</u> |

Pembayaran emolumen bagi Pegawai dan Kakitangan lantikan Suruhanjaya adalah seperti berikut:

| | <u>2020</u> | <u>2019</u> |
|--------------------------|------------------|------------------|
| | RM | RM |
| Gaji | 3,700,337 | 3,521,896 |
| Imbuhan Khidmat Awam | 150,987 | 141,817 |
| Elaun Perumahan | 395,568 | 381,992 |
| Elaun Keraian | 142,953 | 140,238 |
| Lain-lain elaun | 452,648 | 441,100 |
| Sumbangan Badan Berkanun | 791,288 | 749,160 |
| Faedah Kewangan Lain | 215,328 | 235,668 |
| Jumlah | <u>5,849,109</u> | <u>5,611,871</u> |

13.0 PENDEDAHAN KEPADA PIHAK BERKAITAN

Suruhanjaya dianggotai oleh 9 orang Pesuruhjaya yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan terdiri daripada seorang Pengerusi dan 8 orang Pesuruhjaya. Pesuruhjaya bertanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti Suruhanjaya secara terus atau sebaliknya. Pembayaran emolumen Pesuruhjaya dikelaskan di dalam perbelanjaan Perkhidmatan Iktisas. Jumlah manfaat Pesuruhjaya sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

| | <u>2020</u> | <u>2019</u> |
|--------------------------|------------------|----------------|
| | RM | RM |
| Elaun Tetap Pesuruhjaya | 867,000 | 799,111 |
| Sumbangan Badan Berkanun | 148,993 | 131,705 |
| Jumlah | <u>1,015,993</u> | <u>930,816</u> |

14.0 MAKLUMAT KAKITANGAN

Jumlah kakitangan Suruhanjaya pada akhir tahun adalah 89 (2019: 83).

15.0 PERUNTUKAN CUKAI

Suruhanjaya telah mendapat kelulusan pengecualian cukai bagi semua pendapatan kepada SUHAKAM untuk tempoh tiga tahun mulai tahun taksiran 2018 hingga 2020. SUHAKAM kini sedang dalam proses untuk mendapat kelulusan Suruhanjaya untuk melantik Ejen Cukai.


16.0 KOMITMEN MODAL

| | <u>2020</u> | <u>2019</u> |
|--|----------------|-------------|
| | RM | RM |
| Komitmen perbelanjaan modal : | | |
| Diluluskan tapi tidak diperuntukkan: | | |
| Pembelian hartanah, loji dan peralatan-kenderaan | <u>190,074</u> | <u>-</u> |

Komitmen pajakan operasi:

Pembayaran minimum pajak di bawah pajakan operasi Suruhanjaya yang tidak dapat dibatalkan untuk penyewaan premis pejabat, dengan jangka masa sewa rata-rata 2 tahun, adalah seperti berikut:

| | <u>2020</u> | <u>2019</u> |
|--|------------------|------------------|
| | RM | RM |
| Dalam masa setahun | 1,553,171 | 2,087,468 |
| Lebih dari setahun tapi kurang 2 tahun | <u>64,800</u> | <u>1,455,971</u> |
| | <u>1,617,971</u> | <u>3,543,439</u> |

The image features three overlapping circles of varying shades of grey and white. The central circle is the largest and contains the text. The background is white with a large, irregular grey splatter or ink-blot effect that partially obscures the circles and extends across the page.

**LAMPIRAN VII
GAMBAR
PEGAWAI DAN
KAKITANGAN
SUHAKAM**

PENGURUSAN DAN KETUA BAHAGIAN



Dari kiri: Paremawati Subramaniam (Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan), Sophian b. Osman (Ketua Pejabat Sarawak), Lee Pei Hsi (Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Promosi dan Kemasyarakatan), Chua Yen Sin (Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Koordinasi Antarabangsa dan Hubungan Media), Simon Karunagaram (Timbalan Setiausaha, Kumpulan Kerja Aduan dan Pemantauan), Idris Haziq (Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Perundangan dan Titi Antarabangsa), Mohamad Azizi b. Azmi (Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Khidmat Korporat), Dr. Cheah Swee Neo (Setiausaha), Syamsul Azhar b. Zamani (Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Penerbitan dan Pengurusan Dokumen), Abdul Rahman b. Abdulllah (Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Aduan dan Pemantauan), Shahzad b. Sulaiman (Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Pendidikan dan Latihan), Jasmih b. Slamet (Ketua Pejabat Sabah), Rafidah bt. Yahya (Timbalan Setiausaha, Kumpulan Kerja Pendidikan dan Promosi), Izyan Hazwani bt. Ahmad (Ketua Penolong Setiausaha, Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak), Nicole Kimberly Tan (Ketua Penolong Setiausaha, Projek Khas - Geran Kesatuan Eropah)

KUMPULAN KERJA PENDIDIKAN DAN PROMOSI (EPWG)



Dari kiri : Nur Adlin bt. Abd Ghaffar, Nyak Baqi b. Kamaruddin, Mohamad Taufiq b. Nadzri, Wan Norhafizah bt. Junid, Mohd Ariff Saifullah b. Abd Rahman, Siti Zaihan bt.Zulkarnain, Rafidah bt.Yahya, Prof. Madya Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh (Pesuruhjaya), Datuk Lok Yim Pheng (Pesuruhjaya), Lee Pei Hsi, Syahrizal b. Bakar, Shahzad b. Sulaiman, Ahmad Afiff b. Ramli, Muhammad Syafiq Ikhwani b. Ghazali, Syairin Adirah bt. Abd Rahman

KUMPULAN KERJA DASAR DAN PERUNDANGAN (PLWG)



Duduk dari kiri :

Nur Dhania Aqilah bt. Ahmad Jelani, Paremewari Subramaniam, Sarah Adibah bt. Hamzah

Berdiri dari kiri :

Noor Fatinullah bt. Othman, Nur Hariza bt. Abd Aziz, Idzuali Hadi b. Kamilan, Dato' Mah Weng Kwai

(Pesuruhjaya), Dato' Seri Mohd Hishamudin Md Yunus (Pesuruhjaya), Sifi Rahayu bt. Mohamed

Noor, Yustina bt. Ishak, Nurisha bt. Harizam

Tiada dalam gambar : Mariani bt. Che Hussin

KUMPULAN KERJA ADUAN DAN PEMANTAUAN (CMG)



Dari kiri (belakang) : Puveethra Raja Segaran, Kevin Jason James, Mohd Tan'im b. Tajuddin, Sheril Aina bt. Ahmad Sallihin, Muhammad Faiz b. Abd. Rahman, Ahmad Zaidi b. Baharuddin

Dari kiri (hadapan) : Azian Juliana Ng Kee Choo, Aida Suraya bt. Haron, Simon Karunagaram, En. Jerald Joseph (Pesuruhjaya), Dato Dr. Madeline Berma (Pesuruhjaya), Abdul Rahman b. Abdullah, Abdul Saat b. Hamid

KUMPULAN KERJA KOMUNIKASI (CG)



Dari kiri :

Helmi Fendy b. Mohammad Idris, Fatimah bt. Abd Wahab, Elza Nadiyah bt. Shaik Sulaiman, Norashikin bt. Hamzah, Syamsul Azhar b. Zamani, Datuk Godfrey Gregory Joitol (Pesuruhjaya), Tan Sri Othman Hashim (Pengerusi), Chua Yen Sin, Josefina bt. Abdullah, Maznah bt. Munjaini, Noor Azlina bt. Abdul Jalil, Mohd Shafik b. Md Sharif

PEJABAT SABAH



Duduk dari kiri :

Berdiri dari kiri :

Jasmih b. Slamaf, Datuk Godfrey Gregory Joitol (Pesuruhjaya), Heifin Dino
Nur Shahmimie bt. Yusop, Daisy bt. Masiram, Sofyan b. Md Kussin @ Mohd Kasim, Archimedes Anak Chua,
Levina Sigisimon, Jonima bt. Ligon

PEJABAT SARAWAK



Dari kiri : Vivien Anak Marcus, Linya Anak Subah,
Dato Dr. Madeline Berma (Pesuruhjaya),
Mohamad b. Maili, Alfonso Min, Sophian b. Osman

KUMPULAN KERJA KHIDMAT KORPORAT (CS)



Duduk dari kiri: Nur 'Atiqah bt. Hashim, Nurulhuda bt. Rahim, Nurulhidayati bt. Masdim, Mohamad Azzi b. Azmi, Nor Atikah bt. Norwi, Fara Suhaida bt. Shariff, Awatif bt. Ahmad

Berdiri dari kiri: Mohd Hafiz b. Abdul Latif, Khairul Fadzi b. Rosli, Nursuhaida bt. Norwi, Mohd Nizam b. Jaafar, Nur Mariyah bt. Abdulllah, Nor Hafizah bt. Aziz, Cik Wan Noraini Mastura Nadiyah bt. Jusof, Syazli b. Md. Nor, Muhammad Razif b. Abdul Aziz, Ahmad Firdaus b. Abd Shukor, Mohd Norismadi b. Ismail, Zharif b. Mohamed Zaabab, Myzatul Akmanizam bt. Abd. Kadir, Roslan b. Mohd Ali, Wan Nurul Ain bt. Junid, Muhammad Arif b. Tajudin, Nur Afeza bt. Abd Manap, Mohd Zamrie b. Mohammad Aziz, Solomon S. Anthony

PROJEK KHAS – GERAN KESATUAN EROPAH



Dari kiri: Sukhvinder Singh Hardeep Singh, Nicole Kimberly Tan, Noor Eliza bt. Mohd Rodi

PEJABAT PESURUHJAYA KANAK-KANAK (OCC)



Dari kiri :

Mohammad Noor Shazwan b. Azman, Izyan Hazwani bt. Ahmad,
Prof. Dato' Noor Aziah Mohd. Awal (Pesuruhjaya Kanak-kanak),
Sara Ibrahim Warda, Nur Liyana Adlin bt. Mohd Nasarudin

SENARAI SINGKATAN

| | |
|----------|--|
| AADK | Agensi Antidadah Kebangsaan |
| ACT4CAT | Kempen penyertaan Malaysia kepada UNCAT |
| AFML | Forum ASEAN mengenai Pekerja Migran |
| AHRD | Perisytiharaan Hak Asasi Manusia ASEAN |
| AGC | Jabatan Peguam Negara |
| AICHR | Suruhanjaya antara Kerajaan ASEAN mengenai Hak Asasi Manusia |
| ALC | Pusat Pembelajaran Alternatif |
| APF | Forum Asia Pasifik Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan |
| ASEAN | Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara |
| ATD | Alternatif kepada penahanan kanak-kanak |
| ATHAM | Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia |
| ATIPSOM | Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 |
| ATM | Mesin tunai automatic |
| BCHRC | <i>Bar Council's Human Rights Committee</i> |
| BHEUU | Bahagian Hal Ehwal Undang-undang |
| BN | Barisan Nasional |
| CC | Pesuruhjaya Kanak-kanak |
| CCC | Majlis Konsultasi Kanak-kanak |
| CCTV | Kamera litar tertutup |
| CDHRI | Perisytiharan Kaherah Mengenai Hak Asasi Manusia dalam Islam |
| CEDAW | Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita |
| CESCR | Jawatankuasa mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan |
| CFNHRI | Forum Komanwel Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan |
| CHRP | Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Filipina |
| CIJ | Pusat Kewartawanan Bebas |
| CMD | Bahagian Aduan dan Pemantauan |
| CMU | Unit Perubatan Tahanan |
| COVID-19 | Penyakit Koronavirus 2019 |
| CRC | Konvensyen Mengenai Hak Asasi Kanak-kanak |
| CRPD | Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya |


| | |
|--------|--|
| CSO | Organisasi masyarakat sivil |
| DBKL | Dewan Bandaraya Kuala Lumpur |
| DET | Latihan Kesaksamaan Orang Kurang Upaya |
| DHRRA | Persatuan Jaringan Pembangunan Manusia Luar Bandar |
| DOSM | Jabatan Perangkaan Malaysia |
| DUN | Dewan Undangan Negeri |
| EIA | Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling |
| EU | Kesatuan Eropah |
| ETD | Bahagian Pendidikan dan Latihan |
| ELB | Elaun Latihan Belia |
| EPSA | E-Pembelajaran Sektor Awam |
| FAME | <i>Famili Association for Mental Health Everywhere</i> |
| FELDA | Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan |
| FELCRA | Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan |
| FSSG | Kumpulan Sokongan Pasangan Asing |
| FINAS | Perbadanan Kemajuan Filem Nasional |
| FPIC | Prinsip izin berasaskan maklumat awal, bebas dan telus |
| FGM | Khitan kanak-kanak perempuan/wanita |
| GANHRI | Pakatan Global Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan |
| GLC | Syarikat milik kerajaan |
| GPMS | Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung |
| HUS | Hospital Umum Sarawak |
| ICCPR | Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Sivil dan Politik |
| ICERD | Konvensyen Antarabangsa Tentang Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi |
| ICESCR | Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan |
| ICPPED | Konvensyen Antarabangsa Mengenai Perlindungan Semua Orang daripada Kehilangan Yang Dipaksa |
| ICRC | Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah Malaysia |
| ICT | Teknologi Maklumat dan Komunikasi |
| IDEAS | Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi |
| IDFR | Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri |
| IFJ | Persekutuan Wartawan Antarabangsa |
| IKIM | Institut Kefahaman Islam Malaysia |
| ILO | Pertubuhan Buruh Antarabangsa |
| INTAN | Institut Tadbiran Awam Negara |
| IOM | Pertubuhan Antarabangsa untuk Migrasi |

| | |
|------------|---|
| IPCC | Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Tingkah Laku Polis 2020 |
| IPD | Ibu Pejabat Daerah Polis Diraja Malaysia |
| IPG | Institut Pendidikan Guru Malaysia |
| IPHRC | Suruhanjaya Tetap Bebas Hak Asasi Manusia |
| INSTUN | Institut Tanah dan Ukur Negara |
| JAIPK | Jabatan Agama Islam Perak |
| JAIPP | Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang |
| JAKIM | Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia |
| JAKOA | Jabatan Kemajuan Orang Asli |
| JAWI | Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan |
| JHEAINS | Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah |
| JKM | Jabatan Kebajikan Masyarakat |
| JKKHTOA | Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Hak Tanah Orang Asli/Asal |
| JKR | Jabatan Kerja Raya |
| JPM | Jabatan Perdana Menteri |
| JPN | Jabatan Pendaftaran Negara |
| JOAS | Jaringan Orang Asli |
| KDN | Kementerian Dalam Negeri |
| KKM | Kementerian Kesihatan Malaysia |
| KLN | Kementerian Luar Negeri |
| Komnas HAM | Komisi Nasional Hak Asasi Manusia Indonesia |
| KOMAS | Pusat Komunikasi Masyarakat |
| KPM | Kementerian Pendidikan Malaysia |
| KPN | Ketua Polis Negara |
| KPWKM | Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat |
| KPUM | Kesatuan Penuntut Undang-Undang Malaysia di United Kingdom dan Eire |
| KRI | Institut Penyelidikan Khazanah |
| KWSP | Kumpulan Simpanan Pekerja |
| KUPTM | Kolej Universiti Poly-Tech MARA |
| KTM | Keretapi Tanah Melayu |
| KPD | Koperasi Pembangunan Desa |
| LGBT | <i>Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender</i> |
| LGBTIQ | <i>Lesbian, Gay, Bisexual, Transgender, Intersex & Queer/ Questioning</i> |
| LIGS | Lembaga Industri Getah Sabah |

| | |
|------------|---|
| LITD | Bahagian Perundangan dan Tritis Antarabangsa |
| LK4C | <i>Lawyer Kamek for Change</i> |
| LPPKN | Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara |
| MAPO | Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran |
| MACSA | Gabungan Pertubuhan Masyarakat Sivil Malaysia bagi Proses Semakan Berkala Sejahtera |
| MCCHR | Pusat Perlembagaan dan Hak Asasi Manusia Malaysia |
| MDK | Majlis Daerah Kerian |
| MESEJ | Mini Estet Sejahtera |
| MITS | Maahad Intergrasi Tahfiz Sains dan Teknologi Istana Bandar |
| MKN | Majlis Keselamatan Negara |
| MoU | Memorandum Persefahaman |
| MOHR | Kementerian Sumber Manusia |
| MRT | Mass Rapid Transit |
| NAPBHR | Pelan Tindakan Kebangsaan mengenai Hak Asasi Manusia dan Perniagaan |
| NAPTIP | Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang 2021-2025 |
| NCOSH | Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan |
| NCR | Hak Tanah Adat Anak Negeri |
| NGO | Badan bukan kerajaan |
| NHRI | Institut Hak Asasi Manusia Kebangsaan |
| NI | Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asli/Asal di Malaysia |
| NSO-MAPO | Pejabat Strategik Nasional Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran |
| NUJ | Kesatuan Wartawan Kebangsaan Malaysia |
| OA | Orang Asli |
| OCC | Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak |
| OHCHR | Pejabat Pesuruhjaya Tinggi untuk Hak Asasi Manusia |
| OIC | Pertubuhan Kerjasama Islam |
| OKT | Orang Kena Tuduh |
| OKU | Orang Kurang Upaya |
| PENJANA | Pelan Jana Semula Ekonomi Negara |
| PERHILITAN | Jabatan Perlindungan Haiwan Liar dan Taman Negara |
| PITSA | Persatuan Ibu Tunggal Sarawak |
| PBB | Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu |
| PH | Pakatan Harapan |

| | |
|----------|--|
| PN | Perikatan Nasional |
| PDRM | Polis Diraja Malaysia |
| PDD | Bahagian Penerbitan dan Pengurusan Dokumen |
| PDPP | Program Diploma Pascasiswazah Pengurusan |
| PDPM | Program Diploma Perguruan Malaysia |
| PKB | Persatuan Komuniti Berdikari |
| PKP | Perintah Kawalan Pergerakan |
| PKPB | Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat |
| PKPP | Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan |
| PERYATIM | Kompleks Kebajikan Laila Taib |
| PGK | Pendapatan Garis Kemiskinan |
| PI | Inkuiri Awam |
| PINTA | Gabungan Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Negeri Selangor |
| PITAS | Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Negeri Selangor |
| PPE | Kelengkapan Perlindungan Diri |
| PPR | Projek perumahan rakyat |
| PRI | Reformasi Hukuman Antarabangsa |
| PRIHATIN | Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat |
| PT3 | Pentaksiran Tingkatan 3 |
| RBA | Perikatan Perniagaan Bertanggungjawab |
| RCI | Suruhanjaya Siasatan Diraja |
| RELA | Jabatan Sukarelawan Malaysia |
| RUU | Rang Undang-undang |
| RTM | Radio Televisyen Malaysia |
| SAWO | <i>Sabah Women's Action Resource Group</i> |
| SAFODA | Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah |
| SBM | SUHAKAM Bersama Masyarakat |
| SCA | Jawatankuasa Kecil Akreditasi |
| SDG | Matlamat Pembangunan Lestari |
| SEANF | Forum Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan Asia Tenggara |
| SFI | Sabah Forest Industries Sdn. Bhd. |
| SK | Sekolah Kebangsaan |
| SMK | Sekolah Menengah Kebangsaan |
| SOGI | Orientasi Seksual dan Identiti Gender |
| SOP | Prosedur Operasi Standard |
| SOIS | Pusat Pengajian Antarabangsa, UUM |
| SPA | Suruhanjaya Perkhidmatan Awam |
| SPM | Sijil Pelajaran Malaysia |

| | |
|---------|--|
| SPR | Suruhanjaya Pilihan Raya |
| SPRM | Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia |
| SUARAM | Suara Rakyat Malaysia |
| SUHAKAM | Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia |
| STBMT | Sekolah Tunas Bakti, Marang, Terengganu |
| STBJ | Sekolah Tunas Bakti, Jerantut, Pahang |
| STBKK | Sekolah Tunas Bakti, Kota Kinabalu, Sabah |
| TNB | Tenaga Nasional Berhad |
| TWG | Mesyuarat Kumpulan Teknikal |
| UCTS | Kolej Universiti Teknologi Sarawak |
| UDHR | Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat |
| UIAM | Universiti Islam Antarabangsa Malaysia |
| UiTM | Universiti Teknologi MARA |
| UMGP | Prinsip Panduan Mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia |
| UKM | Universiti Kebangsaan Malaysia |
| UMS | Universiti Malaysia Sabah |
| UNCAT | Konvensyen PBB Menentang Penyeksaan dan Hukuman Lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan, atau Menjatuhkan Maruah |
| UNICEF | Tabung Kanak-Kanak PBB |
| UNDP | Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu |
| UNISEL | Universiti Selangor |
| UNITEN | Universiti Tenaga Nasional |
| UND RIP | Deklarasi PBB Mengenai Hak Orang Asli/Asal |
| UNHCR | Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pelarian |
| UNODC | Pejabat PBB Mengenai Dadah dan Jenayah |
| UPR | Penilaian Penggalan Sejagat |
| UPSM | Unit Pengurusan Sumber Manusia |
| UPSR | Ujian Pencapaian Sekolah Rendah |
| USIM | Universiti Sains Islam Malaysia |
| UUM | Universiti Utara Malaysia |
| WAO | Pertubuhan Pertolongan Wanita |
| WAFIQ | Pertubuhan Ikatan Wanita Antarabangsa untuk Institusi Keluarga dan Pendidikan Berkualiti |
| WARISAN | Parti Warisan Sabah |
| WHO | Pertubuhan Kesihatan Sedunia |
| YBGK | Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan |



Aktiviti SUHAKAM 2020

